



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

Perutusan Gabenor

Sorotan Penting

Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017

- 13 Tinjauan Keseluruhan
- 14 Risiko Kredit
- 27 Risiko Pasaran
- 32 Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan
- 34 Risiko Penularan
- 44 *Rencana: Dibelunggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampakan Kewangan Isi Rumah*

Sektor Perbankan

- 57 Prestasi Sektor Perbankan
- 60 Pembangunan Sektor Perbankan
- 63 Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
- 68 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
- 71 *Rencana: AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat*

Sektor Insurans dan Takaful

- 79 Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
- 83 Pengambilan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga
- 84 Dasar Pengawalan dan Penyeliaan serta Perkembangannya
- 90 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
- 92 *Rencana: Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful*

Kandungan

Pembangunan Kewangan Islam

- 99** Perbankan Islam
- 103** Takaful
- 104** Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan
- 106** Pembangunan Bakat
- 109** Saling Hubungan Serantau dan Antarabangsa

Perkembangan Merentas Sektor

- 113** Pasaran Kewangan
- 117** Integriti Sistem Kewangan
- 119** Tindakan Penguatkuasaan
- 120** Rangka Kerja Kehematan
- 121** Rangka Kerja Perlindungan dan Pemerksaan Pengguna
- 126** Perniagaan Perkhidmatan Wang (MSB)
- 128** Inovasi Fintech
- 131** *Rencana: Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan*
- 136** *Rencana: Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan*

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

- 147** Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
- 150** Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit

Tambahan

Glosari, Akronim dan Singkatan



Perutusan Gabenor

Kestabilan kewangan merupakan prasyarat kepada perkembangan ekonomi yang mampan, terutama bagi ekonomi yang sangat terbuka seperti Malaysia. Volatiliti pasaran kewangan dan aliran modal boleh mencetuskan herotan yang besar terhadap aktiviti perdagangan dan pelaburan. Namun, usaha-usaha untuk memelihara kestabilan kewangan dalam negeri kini menjadi lebih mencabar disebabkan oleh kesalinghubungan yang tinggi antara pasaran kewangan dalam negeri dengan sistem kewangan antarabangsa. Perkembangan luaran yang merangkumi pelbagai peristiwa geopolitik, ketidakpastian berhubung dengan dasar di negara-negara ekonomi utama dan turun naik harga komoditi dunia, akan terus mempengaruhi dan memberikan impak yang besar terhadap sistem kewangan kita. Justeru, Bank akan mengambil sikap berwaspada terhadap perkembangan global selain gigih berusaha bagi memastikan sistem kewangan dalam negeri terus berdaya tahan dalam menghadapi perubahan keadaan pasaran global.

Pada tahun 2017, kestabilan kewangan dalam negeri kekal terpelihara dalam persekitaran turun naik pasaran kewangan yang semakin reda dan prestasi ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh. Pasaran kewangan terus berjalan lancar dan teratur, manakala penunjuk tekanan pasaran kewangan telah menurun. Beberapa langkah yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) kini membuahkan hasil seperti yang dilihat dalam permintaan dan penawaran ringgit yang lebih seimbang, mudah tunai yang bertambah baik dan kegiatan spekulasi dalam pasaran pertukaran asing yang terkawal. Usaha untuk memperdalam dan memperkukuh daya tahan pasaran kewangan dalam negeri akan diteruskan.

Sektor kewangan kekal teguh dengan prestasi institusi kewangan yang mantap dan mempunyai kemampuan yang utuh untuk berhadapan dengan potensi kejutan di bawah senario tekanan yang teruk. Yang penting, perkembangan ini akan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menangani kebimbangan mengenai tahap hutang isi rumah. Hutang isi rumah kini berkembang pada kadar yang paling perlahan sejak tahun 2010 dan kedudukan kewangan isi rumah pada keseluruhannya terus bertambah baik. Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan pemerhatian yang berterusan dan pengurusan risiko yang berhemat oleh institusi kewangan. Keutamaan pengawasan dan penyeliaan Bank akan terus tertumpu pada risiko 'bidang pergolakan' utama,

termasuklah punca ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah. Kaedah penilaian yang lebih canggih dan futuristik juga sedang giat dibangunkan untuk mengukuhkan lagi keupayaan pengawasan Bank.

Memandangkan sistem kewangan kini semakin sofistikated seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat, rangka kerja pengawalseliaan perlu terus progresif dan relevan, dengan dikemudikan oleh keseimbangan yang sesuai antara kestabilan dengan kemajuan. Berdasarkan landskap operasi yang senantiasanya berubah, Bank telah mewujudkan rejim penilaian semula setiap lima tahun untuk memastikan dasar Bank terus relevan, wajar dan sesuai serta selaras dengan objektif kestabilan dan agenda rangkuman kewangan. Keutamaan pengawalseliaan bukan sahaja akan memberi tumpuan pada pengurusan risiko dan cabaran yang dihadapi pada hari ini, tetapi juga perlu memastikan sektor kewangan cukup bersedia untuk menghadapi masa hadapan.

Bank akan terus menggalakkan sistem berasaskan pasaran untuk memacu kecekapan, inovasi dan persaingan dalam sektor kewangan. Menerusi *Sandbox* Pengawalseliaan, Bank mempermudah pengenalan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih berinovatif kepada pasaran. Sementara itu, liberalisasi insurans/takaful motor dan kebakaran juga telah melangkah ke fasa baharu pada tahun 2017. Pengenalan pengantaraan berasaskan nilai (*value-based intermediation*, VBI) dalam perbankan Islam merupakan satu lagi inisiatif utama yang diterajui oleh industri untuk meningkatkan impak kewangan Islam kepada seluruh ekonomi dan masyarakat. Dalam sistem pembayaran, kemasukan dan penawaran penyelesaian pembayaran baharu menawarkan pilihan yang lebih baik kepada pengguna dan peniaga. Hal ini disokong seterusnya dengan memastikan fungsi saling boleh kendali antara sistem yang berbeza berjalan lancar. Ini sekali gus menggalakkan persaingan dalam pasaran pembayaran runcit dan mempercepat kemajuan Malaysia ke arah masyarakat yang tidak lagi menggunakan wang tunai.

Kemunculan mata wang digital dan ancaman siber memerlukan pengawasan yang lebih terperinci sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih menyeluruh untuk mempertahankan aspek integriti dalam sistem kewangan. Bank sedang berusaha memantau sektor tidak rasmi untuk meningkatkan perlindungan kepada pengguna dan mendedahkan aktiviti jenayah. Peningkatan pesat skim haram, penipuan dan penyampaian maklumat yang salah merupakan beberapa contoh jelas risiko yang dihadapi oleh pengguna kewangan. Dalam hal ini, Bank bekerjasama erat dengan agensi kerajaan yang lain dalam mempergiat tindakan penguatkuasaan. Lebih penting daripada itu, usaha terus diperhebat untuk melengkapkan dan memperkasakan orang ramai dengan maklumat dan ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka membuat keputusan kewangan dengan bijak. Pada tahun 2017, eCCRIS dilancarkan untuk memudahkan rakyat Malaysia mengakses maklumat kredit peribadi mereka dengan selamat dan mudah.

Bank sangat menitikberatkan aspek penerapan ilmu pengetahuan bagi memastikan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat terus meningkat serta mempunyai keupayaan dan keyakinan untuk membuat keputusan kewangan yang tepat. Ini merupakan syarat penting untuk memastikan sistem kewangan dan ekonomi mencapai daya tahan dan inklusif, terutama sekali dengan kemunculan produk kewangan yang semakin inovatif dan canggih. Siri Karnival Kewangan yang dianjurkan secara bersama oleh Bank dan industri kewangan telah menarik minat ribuan rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Inisiatif jangkauan dan literasi kewangan seperti ini akan terus dipergiat di bawah pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan yang telah dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan akan menyediakan pendekatan yang menyeluruh dan terselaras untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini melibatkan rakan usaha sama yang penting dalam industri, pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi kerajaan.

Sektor kewangan memainkan peranan yang penting dalam menyokong transformasi negara ke arah ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan sumbangan dan kualiti pertumbuhan sektor kewangan. Rangkuman kewangan perlu melangkaui akses dan meliputi penyelesaian berinovatif untuk memenuhi keperluan kewangan PKS dan bidang-bidang pertumbuhan baharu. Sektor kewangan juga semakin digalakkan supaya lebih bersedia untuk menawarkan penyelesaian kepada isu-isu penting yang dihadapi oleh orang ramai. Rumah mampu milik merupakan satu contoh inisiatif yang menunjukkan bahawa inovasi yang lebih baik dalam produk kewangan boleh dimanfaatkan untuk membantu lebih banyak pembeli rumah yang layak. Dalam konteks ini, teknologi juga menawarkan potensi yang besar, terutamanya untuk menambah baik cara penyampaian dan jangkauan produk kewangan serta menangani kekurangan maklumat. Menyedari akan cabaran yang dihadapi oleh isi rumah yang berpendapatan rendah, Perlindungan Tenang telah dilancarkan. Produk perlindungan ini bertujuan untuk menyediakan akses kepada perlindungan insurans dan takaful asas kepada lapan juta orang rakyat Malaysia pada umur bekerja yang pada masa ini masih belum memiliki insurans. Institusi kewangan pembangunan (IKP) juga digiatkan lagi supaya berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan mandat pembangunan mereka dengan lebih berkesan. Ini termasuk pengenalan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan baharu yang mengiktiraf peranan IKP yang unik.

Sektor kewangan kini berada pada fasa pembangunan yang sangat memberangsangkan. Peningkatan penggunaan teknologi yang sofistikated, persaingan daripada peserta bukan tradisional dan pembaharuan pengawalseliaan akan mengubah susun atur tenaga kerja industri. Peranan baharu akan diwujudkan dan kemahiran baharu pula diperlukan. Justeru, industri harus menyediakan tenaga kerja bagi menampung perubahan ini, termasuklah melatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja, dan membantu mereka yang akan dipindahkan atau digantikan. Pada akhirnya, sektor kewangan harus terus mewujudkan dan memberikan khidmat berkualiti tinggi, lebih produktif dan pekerja berpendapatan tinggi.

Kualiti dan integriti warga kerja industri merupakan asas kepada sektor kewangan yang mampan. Kita kini menghampiri ulang tahun ke-10 Krisis Kewangan Global, iaitu peringatan yang menginsafkan betapa kehancuran boleh berlaku apabila kepercayaan dikhianati. Oleh sebab sistem kewangan dibina berlandaskan kepercayaan, Bank akan meneruskan usaha yang tidak mengenal jemu dan penat lelah demi mencapai standard integriti dan profesionalisme yang tinggi pada semua peringkat industri. Pada tahun 2017, tumpuan untuk meningkatkan kedudukan profesional dan keupayaan pekerja perbankan diperkukuh menerusi pensijilan khusus dan akreditasi profesional. Hakikatnya banyak lagi yang perlu dilakukan. Saringan wajib ketika pengambilan pekerja baharu yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2018 bertujuan memastikan individu yang menyertai institusi kewangan, terutamanya bagi jawatan kanan, menunjukkan standard etika dan tingkah laku profesional yang tinggi. Selain itu, menerusi inisiatif Pemetaan Tanggungjawab, Bank akan memberikan akauntabiliti yang lebih tinggi bagi jawatan kanan dalam institusi kewangan. Di samping itu, mulai tahun 2017, tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank bagi ketidakpatuhan oleh institusi kewangan akan dinyatakan secara telus kepada orang ramai.

Cara-cara baharu akan terus diterapkan untuk memudahkan orang ramai mengakses maklumat mengenai isu kestabilan kewangan. Ini bertujuan memberikan penerangan yang lebih baik kepada orang ramai dan membangkitkan kesedaran mereka terhadap isu kestabilan kewangan dan dasar yang diambil untuk menanganinya. Laman sesawang 'Housing Watch', penerbitan penyelidikan mengenai ketidakseimbangan harta tanah, data mengenai perubahan dalam tenaga kerja sektor kewangan dan penyiaran secara berkala mengenai perkembangan premium insurans motor, merupakan antara usaha penting yang telah dijalankan. Selain itu, bagi memastikan aktiviti ekonomi dan kewangan terus bergerak dengan lancar dan dinamik, pengemaskinian maklumat yang tepat pada masanya amatlah diperlukan.

Oleh itu, mulai tahun 2018, Bank akan mengeluarkan Pernyataan Kestabilan Kewangan selepas mesyuarat Jawatankuasa Kestabilan Kewangan. Laporan Kestabilan Kewangan juga akan diterbitkan dua kali setahun.

Seiring dengan matlamat untuk mewujudkan sektor kewangan yang teguh, berdaya tahan dan inklusif yang dapat menyumbang secara berkesan kepada kemampanan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia merupakan usaha yang bersifat kolektif. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan yang lain pada tahun-tahun yang akan datang untuk mengubah komitmen menjadi tindakan dan rancangan menjadi kenyataan.



Gabenor Muhammad bin Ibrahim, FCB

28 Mac 2018

Sorotan Penting

Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran pada 2017

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara



Risiko kepada kestabilan kewangan pada amnya terkawal



Institusi kewangan mempunyai kemampuan yang kukuh



Hutang isi rumah lebih sederhana



Risiko mungkir syarikat Malaysia rendah dan stabil



Pertumbuhan deposit lebih tinggi



Mudah tunai pertukaran asing dalam negeri bertambah baik



Institusi pelaburan domestik menyokong teguh pasaran kewangan

Sektor Perbankan

Sektor Insurans dan Takaful

Nisbah modal CET 1	13.3%	Nisbah kecukupan modal	234%
Nisbah pinjaman terjejas bersih	1.1%		
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman	115%		

Aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong ekonomi



Sektor perniagaan dan isi rumah terus mendapat akses kepada pembiayaan



Penyelesaian insurans dan takaful mencapai kelompok masyarakat dan ekonomi yang lebih luas

Pertumbuhan tahunan

Jumlah pembiayaan terkumpul	4.1%
Pembiayaan kepada isi rumah	5.1%
Pembiayaan kepada PKS	6.0%

Pertumbuhan tahunan

Premium dan sumbangan	3.5%
-----------------------	------

Kadar kelulusan



PKS | 77%



Rumah kediaman | 73%

Inovasi baharu pada 2017



Produk yang mudah dan mampu milik untuk segmen B40



Saluran pengagihan langsung untuk produk perlindungan asas



Penetapan kadar premium berbeza untuk perlindungan kebakaran & motor

E-pembayaran terus mencapai kemajuan

Pertumbuhan sejak 2011



lebih 2x peningkatan urus niaga e-pembayaran per kapita

42%

pengurangan penggunaan cek

hampir 2x

bilangan terminal runcit (POS)

lebih 6x

peningkatan penggunaan kad debit

Pengenalan pelbagai inisiatif untuk membangunkan dan memperkukuh industri

Karnival Kewangan	eKYC untuk kiriman wang	imSME	Saringan Pekerja	Pengantaraan berasaskan nilai
eCCRIS	Jualan singkat yang dikawal selia	Lindung nilai FX yang dinamik	Pemetaan Tanggungjawab	API Terbuka


Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Penting Rencana

Mengekalkan daya tahan isi rumah; memperluas akses kewangan

Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampungan Kewangan Isi Rumah

Kedudukan kewangan isi rumah kukuh dengan aset kewangan mudah tunai (LFA) yang cukup untuk menampung hutang; meskipun kumpulan pendapatan rendah lebih mudah terjejas akibat kejutan




94% daripada peminjam mempunyai margin kewangan positif

lebih dari **1.2 kali** penampungan potensi kerugian oleh sistem perbankan di bawah senario tekanan yang teruk

AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat

Memperkukuh daya tahan isi rumah melalui campur tangan yang proaktif dan pendidikan kewangan



Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful

Jaring keselamatan kewangan diperluas melalui penyelesaian perlindungan yang mudah dan mampu milik bagi kelompok masyarakat yang lebih meluas

Ciri-ciri utama

PERLINDUNGAN
tenang
MUDAH MUDAH

- Mampu milik
- Manfaat terbaik
- Senang diakses
- Mudah difahami
- Mudah dibeli dan dituntut

Meningkatkan kualiti bakat pekerja dan tahap profesionalisme industri

Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan

Tenaga kerja yang lebih produktif, berkemahiran tinggi dan tangkas diperlukan pada masa hadapan

Lima faktor penting untuk membentuk tenaga kerja sektor kewangan masa hadapan

- Memperkukuh** | kompetensi teras dan piawaian profesional
- Mengenal pasti** | jenis dan jumlah pekerjaan yang berisiko untuk digantikan
- Merangkumkan** | rancangan perniagaan untuk menangani peralihan kakitangan kepada peranan baharu
- Mengembangkan** | kepelbagaian kumpulan bakat
- Menambah baik** | kualiti data dan ketelusan untuk menyokong pengurusan bakat

Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan

Piawaian integriti dan profesionalisme amat penting untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai

Pendekatan serampang dua mata untuk mempengaruhi amalan individu dalam industri

- Diri Individu** | Saringan pengambilan pekerja yang ketat
- Mengikut Konteks** |
 - Tatakelakuan
 - Pemberi maklumat
 - Penguatkuasaan
 - Penyeliaan budaya
 - Akauntabiliti
 - Profesionalisme
 - Ganjaran

Ringkasan Eksekutif



Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017

Ekonomi dan pasaran kewangan global terus dipengaruhi oleh perkembangan dasar di beberapa ekonomi utama, volatiliti dalam pasaran komoditi dan risiko geopolitik. Berlatarkan persekitaran global ini, kestabilan kewangan domestik terus disokong oleh institusi kewangan yang kukuh serta pasaran kewangan yang mendalam dan mempunyai mudah tunai yang mencukupi bagi melancarkan aktiviti pengantaraan kewangan. Hasil perbandingan antara tahun 2017 dengan 2016 mengenai hala tuju risiko kredit dan risiko penularan (contagion) mendapati ia pada amnya tidak berubah. Penunjuk risiko pasaran, mudah tunai dan pendanaan pula menurun.

Risiko terhadap kestabilan kewangan yang berpunca daripada peningkatan tahap hutang isi rumah semakin berkurang. Pertumbuhan hutang isi rumah yang semakin perlahan untuk tahun ketujuh berturut-turut kini adalah lebih selaras dengan kadar pertumbuhan pendapatan. Prestasi ekonomi dalam negeri yang kukuh menyebabkan nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) terus jatuh kepada 84.3% (2016: 88.3%). Pada dasarnya, trend dalam pengumpulan hutang isi rumah juga semakin bertambah baik. Pertama, kadar pertumbuhan hutang tanpa cagaran dalam bentuk pinjaman peribadi adalah jauh lebih rendah berbanding pertumbuhan yang dicatat dalam tempoh terdahulu (2017: 2.5%; 2008: 25.2%). Kedua, nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) bagi kebanyakan isi rumah kekal pada tahap yang berhemat (median: 32.7%). Ketiga, pertumbuhan aset kewangan isi rumah (8.6%) mengatasi kadar pertumbuhan hutang buat kali pertama sejak tahun 2012. Di sebalik perkembangan positif ini, isi rumah berpendapatan rendah dijangka terus berdepan dengan cabaran membayar balik hutang memandangkan keadaan kos sara hidup yang meningkat. Oleh itu,

langkah-langkah kehematan makro yang dilaksanakan semenjak tahun 2010 masih lagi relevan kerana tahap hutang masih lagi berada pada tahap yang tinggi.

Di pasaran harta tanah, bekalan yang berlebihan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah terus membimbangkan. Meskipun keadaan perniagaan bertambah baik, bekalan ruang pejabat dan kompleks membeli-belah baharu dijangka jauh melebihi permintaan dalam jangka sederhana. Hal ini akan terus memberikan tekanan terhadap kadar penghunian dan sewa. Industri perbankan kini lebih berhati-hati dalam pemberian pinjaman kepada segmen tersebut. Bank-bank juga mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menyerap kerugian yang mungkin timbul daripada pelarasan harga harta tanah. Usaha yang lebih bersepadu adalah perlu untuk mengelakkan berlakunya ketidakseimbangan yang lebih meruncing dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah. Masalah ini perlu diharungi untuk membendung sebarang kesan buruk daripada menular ke sektor ekonomi yang lain.

Kedudukan kewangan bagi syarikat bukan kewangan (non-financial corporations, NFC) terus kukuh. Di peringkat agregat, kenaikan leveraj NFC disokong oleh keupayaan yang lebih mantap untuk membayar balik hutang. Manakala dedahan risiko segmen minyak dan gas, serta harta tanah dijangka tidak memberikan kesan yang besar terhadap institusi kewangan. Pada keseluruhannya, dedahan risiko mungkir yang dihadapi oleh syarikat Malaysia kekal pada tahap yang rendah dan stabil.

Di pasaran kewangan, beberapa faktor telah menyumbang kepada keadaan kestabilan pasaran ini. Kebanyakan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon merupakan pelabur jangka panjang. Institusi pelaburan domestik yang kukuh terus memberikan sokongan kepada pasaran kewangan

ketika tempoh aliran portfolio yang tinggi, seterusnya menyumbang kepada keadaan pasaran yang teratur. Berikutan tiga siri langkah yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) sejak bulan Disember 2016, mudah tunai pertukaran asing (FX) dalam negeri juga bertambah baik. Hal ini didorong oleh permintaan dan bekalan mata wang asing yang lebih seimbang.

Keadaan mudah tunai dan pendanaan secara keseluruhannya bertambah kukuh hasil peningkatan yang memberangsangkan dalam pertumbuhan deposit. Mudah tunai sistem perbankan yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM176.2 bilion. Bank-bank juga terus mempelbagaikan sumber pendanaan dengan penggunaan instrumen jangka sederhana yang lebih stabil sebagai langkah persiapan untuk menghadapi pelaksanaan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR). NSFR dan tahap pematuhan yang tinggi kepada Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) akan mempertingkatkan lagi daya tahan untuk menghadapi tekanan mudah tunai.

Risiko penularan institusi kewangan bukan bank domestik, dedahan luaran dan operasi di luar negeri terhadap industri perbankan, kekal rendah dan secara amnya tidak banyak berubah. Seperti tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar dedahan luaran sistem perbankan disokong oleh amalan pengurusan mudah tunai berpusat dan dana modal pegangan untuk memenuhi keperluan modal tempatan. Kumpulan perbankan domestik terus memperluas operasi luar negerinya di rantau Asia selaras dengan hubungan pelaburan yang semakin meningkat. Operasi ini terus disokong oleh permodalan yang kukuh dan struktur pendanaan yang stabil.

Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan, sistem kewangan di Malaysia dijangka kekal berdaya tahan di bawah keadaan kejutan dalam pasaran, kredit, pendanaan dan mudah tunai. Pihak Bank sentiasa mengambil sikap berwaspada terhadap perkembangan yang berlaku di luar negeri, termasuk keadaan pasaran kewangan global yang lebih ketat, yang boleh mengakibatkan volatiliti pasaran kewangan yang lebih ketara. Risiko yang mungkin timbul daripada kemajuan teknologi kewangan dan peningkatan ancaman siber juga semakin diberi perhatian.

Sektor Perbankan

Keuntungan sektor perbankan semakin bertambah baik. Ini adalah hasil daripada peningkatan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan pembiayaan dan pembrokeran saham serta pertumbuhan perbelanjaan faedah yang lebih perlahan. Pulangan purata ekuiti dan aset meningkat, masing-masing kepada 13% dan 1.5%. Dasar untuk mengekalkan perolehan yang konservatif juga menyumbang kepada peningkatan penampungan modal sektor perbankan. Kesemua bank melaporkan nisbah modal yang jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan.

Pembiayaan terkumpul industri perbankan meningkat sebanyak 4.1% kepada RM1,584.4 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Khususnya, pembiayaan kepada PKS kekal kukuh pada 6%. Menyedari akan kepentingan strategik institusi kewangan pembangunan (IKP) dalam membiayai dan membangunkan sektor ekonomi utama, Bank telah memulakan perbincangan dan interaksi dengan IKP untuk menambah baik rangka kerja pengukuran prestasi supaya kesannya terhadap pembangunan negara dapat diukur dengan lebih baik.

Dalam usaha menggalakkan rangkuman kewangan, penggunaan teknologi terkini telah diterapkan secara meluas. Inisiatif ini akan dapat menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan oleh golongan yang tidak mempunyai akaun bank dan terpinggir daripada perkhidmatan kewangan. Inisiatif ini termasuk pengenalan kelompok tanpa tunai dalam komuniti terpilih yang berjaya memanfaatkan e-pembayaran. Inisiatif lain ialah pelancaran platform rujukan pembiayaan yang menyediakan pusat akses setempat dalam talian untuk penyelesaian pembiayaan dan dana untuk PKS. Platform ini adalah platform yang pertama seumpamanya di Malaysia. Bank juga memperkenalkan eCCRIS yang memudahkan individu dan sektor perniagaan untuk mendapatkan maklumat lampau dan rekod kredit secara dalam talian.

Pelaksanaan piawaian Basel III dalam negeri terus menjadi tumpuan utama pengawalseliaan dan penyeliaan Bank. Keperluan Nisbah Leveraj mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018. Bank juga menerbitkan kertas cadangan bagi pelaksanaan NSFR, yang akan dilaksanakan selepas 1 Januari 2019. Pada tahun 2018, Bank akan memaklumkan perancangan

dan cadangan lanjut pelaksanaan keperluan piawaian Basel III yang lain. Makluman tersebut, termasuk pembaharuan rangka kerja modal yang telah dimuktamadkan baru-baru ini oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision). Susulan itu, ciri dan risiko khusus sistem kewangan domestik juga akan diambil kira. Satu lagi perkembangan penting ialah pengeluaran piawaian pengurusan risiko kredit yang bertambah baik. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi melaksanakan piawaian pelaporan kewangan jelas nilai (MFRS 9) oleh institusi kewangan.

Pada tahun 2017, rangka kerja penyeliaan Bank dipertingkatkan lagi dengan memberikan penekanan yang lebih besar terhadap budaya organisasi. Hal ini didorong oleh kebimbangan yang semakin meningkat terhadap budaya yang mundur atau sikap tidak akur ke atas risiko dan amalan beretika yang boleh mengurangkan keyakinan awam terhadap sistem perbankan. Berdasarkan laporan bank-bank, 65% kerugian daripada risiko operasi adalah berpunca daripada faktor dalaman termasuk penipuan, ketidakpatuhan terhadap pengawalseliaan dan kelemahan operasi. Faktor budaya juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap amalan pengambilan risiko dalam kalangan bank. Dalam menilai budaya organisasi, Bank mengambil kira pelbagai aspek kewangan dan bukan kewangan termasuk model dan struktur perniagaan, sistem pengurusan prestasi dan insentif, serta impak fungsi kawalan dan interaksi dalaman terhadap tingkah laku. Untuk meningkatkan piawaian profesional sektor perbankan usaha yang digerakkan oleh industri telah berjaya mencapai kemajuan yang memberangsangkan. Hampir 200 pegawai kanan dan pengarah bank telah mengikuti program Chartered Banker yang dianjurkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Bermula tahun 2018, kakitangan kritikal di bahagian kredit, pematuhan (termasuk pematuhan AMLA), pengurusan risiko dan fungsi audit diwajibkan untuk mendapatkan kelayakan khusus daripada AICB.

Sektor Insurans dan Takaful

Sektor insurans dan takaful mengekalkan pertumbuhan yang positif hasil sokongan permodalan keseluruhan yang kukuh. Pertumbuhan sektor insurans hayat dan takaful keluarga didorong terutamanya oleh urusan niaga pelaburan dan kredit. Sebaliknya, sektor am menguncup sedikit berikutan kemerosotan segmen minyak luar pesisir meskipun kategori perniagaan yang

lain menunjukkan peningkatan. Secara keseluruhan, industri insurans masih menguntungkan dengan sektor insurans hayat dan takaful keluarga terus menjana lebihan (surplus). Walau bagaimanapun, prestasi sektor am merosot sedikit disebabkan oleh pengalaman jumlah tuntutan yang lebih tinggi dalam sektor motor dan perniagaan berkaitan dengan perubahan.

Kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga masih lagi rendah dan hanya meningkat sedikit dalam tempoh empat tahun yang lalu. Seperti yang dijangkakan, kadar penembusan adalah rendah dalam segmen pendapatan isi rumah B40, dengan hanya 30.3% memiliki polisi insurans hayat atau takaful keluarga. Bagi meningkatkan kadar penembusan bagi segmen ini, Perlindungan Tenang telah dilancarkan untuk menyediakan produk mampu milik kepada orang ramai dengan manfaat terbaik, senang diakses dan mudah difahami. Pada akhir tahun 2017, sebanyak 10 produk telah diperkenalkan di bawah inisiatif ini dan boleh diakses menerusi saluran lebih luas termasuk cawangan bank, Internet dan platform mudah alih.

Pada tahun 2017, dua komponen utama Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga telah dilaksanakan. Industri insurans dan takaful telah mula menawarkan produk perlindungan insurans hayat dan takaful keluarga bertempoh melalui saluran langsung, khususnya melalui Internet. Inisiatif ini bertujuan menawarkan produk perlindungan alternatif yang berkos rendah kepada orang ramai. Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan memperluas jangkauan supaya pemilikan polisi insurans dan takaful akan bertambah. Perkembangan ini diikuti oleh penyediaan agregator produk yang membolehkan pengguna membuat perbandingan dengan mudah produk-produk yang ditawarkan. Selepas tempoh percubaan selama satu tahun setengah, Rangka Kerja Kad Skor Seimbang untuk kelompok ejen mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018. Rangka Kerja ini menyokong piawaian produktiviti dan profesionalisme yang lebih tinggi dalam kalangan ejen, seterusnya berpotensi meningkatkan tahap pendapatan. Pada masa yang sama, lebih banyak inisiatif turut dilaksanakan oleh Bank untuk meningkatkan piawaian, integriti, profesionalisme dan amalan beretika dalam kalangan pengantara insurans dan takaful yang lain.

Sektor insurans am dan takaful am telah memasuki fasa kedua liberalisasi tarif motor. Berikutan liberalisasi kadar premium polisi komprehensif dan pihak ketiga, serta kebakaran dan kecurian sejak 1 Julai 2017,

kadar premium telah mula diselaraskan dan lebih tepat mencerminkan profil risiko asas seseorang pemandu. Penetapan kadar premium berbeza akan terlaksana apabila penanggung insurans dan pengendali takaful menerima pakai set faktor risiko yang lebih pelbagai. Liberalisasi ini juga telah mencetus kepelbagaian produk serta penggunaan pelbagai inovasi teknologi. Inovasi yang paling ketara adalah pengenalan telematik motor yang memberikan kelebihan kepada pemandu yang kurang berisiko dengan pemanduan yang selamat. Bank terus memantau perkembangan ini bagi memastikan liberalisasi ini dikendalikan secara teratur.

Penerapan piawaian pelaporan kewangan bagi kontrak insurans (MFRS 17) yang baharu akan memperkenalkan perubahan penting dalam pendekatan sedia ada bagi pelaporan prestasi penanggung insurans dan pengendali takaful. Persediaan pihak industri untuk melaksanakan piawaian baharu ini yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021, akan lebih dipergiatkan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Bank juga telah memulakan kajian semula terhadap Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk memastikan keperluan modal adalah bersesuaian dengan tujuannya. Kajian semula ini akan dijalankan secara berperingkat bermula pada tahun 2018. Perkembangan pasaran serta piawaian pengawalseliaan dan perakaunan global, termasuk MFRS 17 akan di ambil kira dalam kajian ini.

Pembangunan Kewangan Islam

Industri kewangan Islam mengekalkan tahap keuntungan dan permodalan yang kukuh pada tahun 2017. Pembiayaan berlandaskan Syariah berkembang sebanyak 9.4%, dipacu terutamanya oleh pembiayaan untuk pembelian rumah dan pembiayaan PKS. Sektor takaful juga mencatat peningkatan sumbangan bersih sebanyak 9.5%.

Pihak industri terus melaksanakan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai (value-based intermediation, VBI). Inisiatif ini bertujuan untuk memperkenalkan paradigma baharu dalam industri kewangan yang mengambil kira matlamat Syariah. Prinsip VBI menyokong pembiayaan yang mengutamakan manfaat sosial dan mencegah kemudaratan dalam konteks yang lebih luas kepada masyarakat dan alam sekitar menerusi penjajaran amalan perniagaan institusi kewangan Islam. Dalam menyokong usaha ini, Bank dan pihak industri telah bersama-sama menetapkan matlamat pelaksanaan

VBI di Malaysia. Langkah ini juga dilengkapi dengan penubuhan Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) yang terdiri daripada sembilan buah bank Islam bagi menerajui usaha-usaha kerjasama industri dalam melaksanakan strategi VBI. Selain itu, VBI juga dilaksanakan melalui penglibatan langsung bank-bank Islam dalam pembiayaan sosial. Industri perbankan Islam dan 10 Majlis Agama Islam Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan pengaturan untuk memodenkan cara kutipan, pelaburan dan penyaluran dana wakaf. Pulangan dana seterusnya akan digunakan bagi menyokong projek-projek yang boleh memperkasakan ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Kemajuan juga dicapai dalam akaun pelaburan. Pada tahun 2017, Bank mengeluarkan panduan tambahan bagi memastikan akaun pelaburan dapat mencapai hasrat untuk menggalakkan perkongsian risiko dan memperluas penggunaan modal perniagaan. Hasilnya, akaun pelaburan meningkat sebanyak 6.9% kepada RM78.7 bilion. Daripada jumlah ini, dana yang diperoleh dan dijadikan sebagai pengantara menerusi Platform Akaun Pelaburan meningkat empat kali kepada RM95.3 juta pada tahun 2017, sekali gus menyokong usaha sama perniagaan dalam beberapa industri.

Dalam sektor takaful, kemajuan terus dicapai dalam usaha menggalakkan inovasi dan menyokong pertumbuhan. Pihak Bank sedang merumuskan rangka kerja pengawalseliaan untuk memudahkan penawaran takaful kredit perdagangan untuk memenuhi keperluan perniagaan. Mekanisme berautomasi bagi pengendali takaful untuk mempercepat proses berkaitan dengan tuntutan kematian akan dilancarkan pada tahun 2018. Selain itu, pihak industri terus bergerak maju untuk membangunkan dana takaful semula bagi meningkatkan keupayaan pengunderaitan industri dan seterusnya mengurangkan pergantungan pada insurans semula konvensional.

Inisiatif kewangan Islam yang dijalankan oleh Bank adalah bertunjangkan usaha yang berterusan bagi meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap Syariah. Pihak Bank juga terus memperkukuh pematuhan Syariah secara lebih menyeluruh dengan menerbitkan empat piawaian Syariah tambahan. Kajian semula yang komprehensif terhadap Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan Rangka Kerja Operasi Takaful juga dilaksanakan untuk memastikan rangka kerja tersebut terus relevan dan selaras dengan pertumbuhan dan kemajuan industri.

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia terus menggalakkan penyeragaman dan amalan saling menghormati dalam Syariah pada peringkat antarabangsa. Bersempena dengan ulang tahun ke-20 penubuhan MPS, Bank melancarkan laman sesawang baharu MPS sebagai repositori keputusan *fiqh*. Bank juga menerbitkan kompilasi resolusi MPS dan Piawaian Syariah Bank.

Masa depan kewangan Islam amat bergantung pada bakat (kakitangan) dan tahap profesionalisme tenaga kerjanya. Oleh itu, Bank memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk mengukuhkan sinergi institusi yang membangunkan bakat kewangan Islam dan menambah baik kualiti kumpulan bakat yang disediakan. Kelayakan profesional Penasihat Syariah Bertauliah dan Pengamal Syariah Bertauliah telah dilancarkan pada tahun 2017, manakala akreditasi Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam akan dimulakan pada tahun 2018. Pada peringkat universiti, pendekatan pembelajaran berasaskan tindakan (action-based learning) telah dipelopori oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF). Usaha ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar untuk dunia pekerjaan dengan pengetahuan gunaan yang lebih baik dan mempercepat tempoh masa untuk memperoleh kecekapan (time-to-competence). Melalui Manual Tenaga Pengajar (Educator's Manual), Bank juga menerapkan piawaian Syariah ke dalam kurikulum universiti.

Perkembangan Merentas Sektor

Pasaran sekuriti hutang Malaysia meneruskan trajektori menaik pada tahun 2017, dengan peningkatan sebanyak 10.1% kepada RM1.3 trilion atau 97.6% daripada KDNK. Meskipun aliran modal menjadi semakin tidak menentu, kadar hasil bon secara relatif kekal stabil, berikutan penyertaan yang aktif oleh institusi pelaburan domestik. Sejak pelaksanaan langkah-langkah FMC, mudah tunai pertukaran asing (FX) dalam negeri semakin bertambah baik. Purata jumlah dagangan harian pasaran FX dalam negeri meningkat kepada USD9.9 bilion, iaitu pertambahan sebanyak 20% berbanding dengan tahun 2016. Jumlah kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) ringgit pula menguncup sebanyak 70% sejak bulan November 2016. Rangka kerja perlindungan nilai (hedging) yang lebih fleksibel juga meningkatkan urus niaga hadapan FX institusi pelaburan bukan pemastautin. Yang penting, komposisi urus niaga pasaran FX dalam negeri menunjukkan bahawa

penentuan harga kini didorong terutamanya oleh kegiatan ekonomi dan bukannya oleh urus niaga spekulatif. Pentadbiran FX yang lebih fleksibel juga dibenarkan di bawah rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan yang lebih luas antara Bank dengan Bank of Thailand, dan rangka kerja penyelesaian baharu mata wang tempatan dengan Bank Indonesia. Pengaturan tersebut boleh mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan serantau.

Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan akan terus diperkukuh pada tahun 2017 untuk menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF). Akta Syarikat telah dikaji semula untuk meningkatkan ketelusan berhubung dengan pemilikan individu yang diberi kuasa (legal persons) yang berdaftar di Malaysia. Sementara itu, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dipertingkatkan untuk memperluas skop kesalahan predikat yang berkaitan dengan risiko ML/TF. Bank juga mengambil langkah-langkah untuk menambah obligasi AML/CFT dalam urusan penukaran mata wang digital, sekali gus meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia. Permuafakatan bersama dengan pihak berkuasa serantau bagi mencegah pembiayaan keganasan terus dipertingkatkan melalui komitmen dan kerjasama dengan pihak berkuasa perisikan kewangan di Australia dan Indonesia bagi menangani risiko pembiayaan keganasan.

Bagi menunjukkan sikap bersungguh-sungguh Bank terhadap amalan dan budaya dalam kalangan industri kewangan, Bank telah memperkenalkan keperluan bagi institusi kewangan untuk mempertimbangkan rekod lampau tingkah laku (termasuk tindakan disiplin) pekerja baharu yang akan diambil sebagai sebahagian daripada proses saringan pengambilan pekerja. Beberapa keperluan lain juga sedang dirumuskan untuk memperkukuh tanggungjawab setiap individu yang menyandang jawatan kanan yang penting dalam institusi kewangan. Berikutan pertambahan penggunaan penyumberan luar (outsourcing) oleh institusi kewangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, penambahbaikan utama terhadap piawaian pengawalseliaan yang berkaitan dengan penggunaan penyumberan luar sedang dalam proses untuk dimuktamadkan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan amalan pengurusan risiko bagi pengaturan sedemikian terus mantap.

Dalam bidang perlindungan dan pemerkasaan pengguna, cadangan Akta Kredit Pengguna yang sedang dirumuskan – inisiatif bersama Bank dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan – terus menunjukkan kemajuan pada tahun 2017. Undang-undang yang dicadangkan itu akan menetapkan piawaian yang lebih konsisten dengan tahap perlindungan yang diberikan kepada peminjam runcit selain menyokong pengurusan risiko yang berkesan dalam pasaran kredit pengguna. Peningkatan keperluan yang ditetapkan kepada institusi kewangan bertujuan untuk melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan. Selain itu, Bank sedang dalam proses memuktamadkan cadangan khusus bagi memastikan layanan yang adil kepada pelanggan kewangan melalui pengharapan lebih tinggi terhadap lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menerapkan budaya yang adil dan tingkah laku yang bertanggungjawab dalam organisasi.

Langkah memperkasakan pengguna menerusi pendidikan dan penyediaan saluran yang mudah untuk mendapatkan hak mereka merupakan daya usaha yang sama pentingnya. Bagi mencapai tujuan ini, usaha jangkauan Bank kepada orang ramai terus digiatkan pada tahun 2017. Lebih 75,000 orang awam telah mengunjungi Karnival Kewangan yang dianjurkan oleh Bank di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Karnival ini bertujuan untuk mendidik dan memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai perkhidmatan kewangan dan hak mereka sebagai pengguna. Orang ramai juga diperkenalkan dengan saluran-saluran yang sedia ada untuk menyelesaikan pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan. Ini termasuk Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) yang berjaya menyelesaikan 1,274 kes dalam tempoh 15 bulan sejak mula beroperasi pada bulan Oktober 2016. Peningkatan yang ketara dalam skim penipuan kewangan terus menjadi perkara yang terus diberi perhatian. Berikutan semakan bank-bank terhadap akaun yang dikaitkan dengan nama individu dan syarikat yang tersenarai di Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alert), sejumlah 884 akaun telah ditutup pada tahun 2017. Langkah ini diambil bagi mengelakkan sistem kewangan daripada disalahgunakan untuk kegiatan penipuan. Bank juga meningkatkan usaha untuk menyedarkan orang ramai mengenai skim penipuan kewangan dan langkah-langkah yang perlu diambil supaya tidak terjebak sebagai mangsa penipuan kewangan.

Dalam sektor perniagaan perkhidmatan wang (money services business, MSB), penggunaan perkhidmatan kiriman wang secara elektronik (e-pengiriman wang) menjadi penggerak penting untuk menggalakkan perpindahan wang daripada saluran tidak rasmi kepada saluran rasmi. Pihak Bank menganggarkan kiriman wang melalui saluran tidak rasmi berkurang sebanyak kira-kira 8% pada tahun 2017. Bagi mempercepat perpindahan ke saluran rasmi, piawaian telah dikeluarkan untuk membolehkan penyedia perkhidmatan e-kiriman wang mengambil pelanggan baharu (on-board) secara digital dan pada masa yang sama menetapkan piawaian AML/CFT adalah mencukupi. Langkah ini dijangka boleh menjadi pemangkin untuk meningkatkan bahagian pasaran e-kiriman wang kepada jumlah kiriman wang yang masih kecil iaitu sebanyak 12.3%. Satu lagi faktor penting untuk menggalakkan perpindahan lebih besar kepada saluran rasmi ialah melalui program meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai. Dalam hal ini, projek rintis selama dua tahun iaitu Projek Greenback 2.0, hasil kerjasama Bank, Bank Dunia dan bandar raya Johor Bahru telah berjaya menjangkau lebih 35,000 orang pekerja asing dan 3,700 PKS. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam nilai kiriman wang keluar di Johor Bahru melalui saluran rasmi, masing-masing sebanyak 156% dan 21% bagi kiriman wang oleh pekerja asing dan PKS.

Pelaksanaan Sandbox Pengawalseliaan pada bulan Oktober 2016 untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi inovasi fintech terus menarik minat mendalam institusi kewangan dan syarikat fintech. Penyelesaian baharu dalam bidang perkhidmatan wang digital, agregator produk insurans dan pengesahan biometrik telah diterima untuk ujian sebenar. Pengalaman daripada Sandbox ini penting untuk membolehkan Bank menentukan pendekatan pengawalseliaan yang sesuai bagi memudahkan inovasi. Pada masa yang sama juga Bank turut memastikan perlindungan yang disediakan adalah mencukupi bukan sahaja untuk pengguna bahkan untuk kestabilan dan integriti kewangan. Bank juga bekerjasama dengan pihak industri untuk membangunkan infrastruktur di seluruh industri dan merumuskan piawaian dalam bidang berimpak tinggi seperti *Application Programming Interfaces (API)* terbuka, utiliti KYC bersama (Know-Your-Customer) dan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology, DLT). Bersama-sama penggunaan teknologi baharu, lebih banyak tumpuan juga diberikan pada usaha pengukuhan amalan sekuriti siber.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan dan beroperasi tanpa apa-apa gangguan yang besar sepanjang tahun 2017. Bagi mengurangkan risiko siber terhadap infrastruktur pembayaran utama, institusi kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk mematuhi kawalan keselamatan yang dipertingkatkan, termasuk kawalan keselamatan yang ditetapkan oleh Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication (SWIFT) bagi memperkukuh persekitaran operasi tempatan.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Bank untuk membentuk masyarakat tanpa tunai, langkah-langkah yang lebih giat telah dilaksanakan bagi membetulkan herotan harga, menggalakkan persaingan yang lebih sihat, dan membentuk struktur insentif pasaran yang menggalakkan inovasi dan pelaburan dalam infrastruktur pembayaran. Inisiatif-inisiatif tersebut turut disokong oleh pelaksanaan inisiatif meningkatkan kesedaran kepada orang ramai secara meluas bagi menggalakkan dan mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran. Dalam hal ini, sistem kewangan terus menunjukkan pencapaian yang menggalakkan pada tahun 2017. Jumlah urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat lebih dua kali kepada 111 (2011: 49), manakala jumlah penggunaan cek merosot 41.9% kepada 119.0 juta

atau empat cek per kapita (2011: 204.9 juta atau 7 cek per kapita). Jumlah terminal semasa jualan (point-of-sale) bertambah dengan ketara, manakala jumlah urus niaga kad debit meningkat lebih enam kali kepada 162.3 juta urus niaga atau 5.1 urus niaga per kapita (2011: 25.1 juta urus niaga atau 0.9 urus niaga per kapita). Salah satu pencapaian penting pada tahun 2017 ialah peralihan yang lancar daripada kad pembayaran menggunakan tandatangan kepada kad pembayaran berasaskan PIN yang mempunyai ciri keselamatan yang lebih baik pada 1 Julai 2017. Peralihan ini berjaya dilakukan tanpa sebarang gangguan terhadap urus niaga pembayaran.

Pada tahun 2018, pihak Bank akan menumpukan usaha untuk menggalakkan pembayaran mudah alih untuk menyokong penggunaan kad debit sebagai menggantikan wang tunai. Bidang tumpuan utama ialah pelaksanaan Rangka Kerja Pindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF). Dengan memastikan akses yang sama rata dan terbuka kepada infrastruktur pembayaran kongsi oleh bank dan bukan bank, ICTF dijangka mewujudkan persaingan yang lebih tinggi, menggalakkan pembangunan perkhidmatan pembayaran yang inovatif bagi memenuhi keperluan segmen pelanggan yang berbeza serta menghasilkan rangkuman kewangan yang lebih luas.

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017

13	Tinjauan Keseluruhan
14	Risiko Kredit
27	Risiko Pasaran
32	Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan
34	Risiko Penularan
44	<i>Rencana: Dibelunggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampunan Kewangan Isi Rumah</i>

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara dan disokong kukuh oleh keteguhan institusi kewangan dan keadaan pasaran kewangan yang teratur

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan cekap dalam menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan dan memenuhi keperluan ekonomi benar. Pada tahun 2017, faktor-faktor seperti perkembangan dasar di Amerika Syarikat (AS), turun naik yang berterusan dalam pasaran komoditi dan risiko geopolitik yang ketara, terus mempengaruhi sentimen para pelabur. Di tengah-tengah perkembangan ini, pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur, disokong kehadiran pelabur domestik dan pelabur asing jangka panjang yang memberikan kestabilan dan mudah tunai kepada pasaran. Institusi kewangan mengekalkan kemampuan untuk menghadapi potensi kejutan. Kualiti aset dan keuntungan terus kukuh, manakala keadaan mudah tunai dan pendanaan kekal kondusif untuk membiayai keperluan sektor perniagaan dan isi rumah.

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee, FSC) Bank telah bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2017. Berdasarkan penilaian FSC, risiko kepada kestabilan kewangan didapati terus terkawal. Pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada kekal wajar (Gambar Rajah 1.1). Keupayaan peminjam membayar balik hutang secara keseluruhannya mampan. Walau bagaimanapun, tahap hutang domestik kekal tinggi manakala risiko dalam segmen pasaran harta tanah masih membimbangkan. Beberapa kelemahan masih terdapat dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah (secara amnya mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan); dalam segmen

harta kediaman tinggi mewah, ruang pejabat dan kompleks membeli-belah yang terdapat lebih bekalan yang meruncing; dan daripada dedahan kepada sektor minyak dan gas, serta harta tanah. Penunjuk tekanan dalam pasaran kewangan domestik menunjukkan trend menurun pada tahun 2017. Dalam persekitaran aliran portfolio dua hala yang berubah-ubah, institusi pelaburan domestik termasuk institusi kewangan, terus memberikan sokongan yang diperlukan kepada pasaran kewangan domestik. Ini menyumbang kepada keadaan pasaran yang kekal teratur. Risiko mudah tunai dan pendanaan juga bertambah baik berikutan pemulihan pertumbuhan deposit bank dan usaha berterusan bank untuk mempelbagaikan dan meningkatkan kestabilan sumber dana mereka. Dari segi risiko penularan, magnitud dan sifat risiko yang berpunca daripada institusi kewangan bukan bank (IKBB) domestik serta dedahan luaran dan operasi luar negeri bank pada amnya kekal rendah dan tidak berubah daripada tahun sebelumnya.

Prospek kestabilan kewangan domestik pada tahun 2018 dijangka kekal positif

Pada tahun 2018, kestabilan kewangan domestik dijangka terus terpelihara. Bagi segmen isi rumah, pengurusan kos sara hidup yang tinggi akan terus menjadi satu cabaran. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan serta pertumbuhan pendapatan yang berterusan akan menyokong keupayaan membayar balik hutang isi rumah. Dalam sektor harta tanah, lebih bekalan harta kediaman bertingkat tinggi mewah, ruang pejabat, dan kompleks membeli-belah dijangka berterusan. Sekiranya keadaan ini berlanjutan, ia boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan. Dalam sektor perniagaan, ketidakpastian berhubung dengan perkembangan harga minyak akan terus memberi kesan kepada

Gambar Rajah 1.1: Haluan Risiko yang Memberikan Impak kepada Kestabilan Kewangan Domestik

Risiko terhadap kestabilan kewangan masih terkawal

			Haluan risiko (2017 berbanding 2016)
Risiko kredit	Isi rumah	<ul style="list-style-type: none"> Hutang isi rumah terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan Pertumbuhan aset isi rumah mengatasi pertumbuhan hutang Meskipun pembayaran balik pinjaman beberapa segmen isi rumah adalah lebih lemah, kualiti keseluruhan pemberian pinjaman kepada isi rumah kekal mampan 	↔
	Pasaran harta tanah	<ul style="list-style-type: none"> Harga rumah terus meningkat, namun pada kadar yang lebih sederhana Lebih bekalan yang berterusan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah Bank-bank dinilai sebagai mampu berhadapan dengan kelembapan pasaran harta tanah 	↔
	Korporat bukan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan terus menyokong pemulihan dalam jumlah pelaburan Sebahagian besar risiko akibat hutang dalam mata wang asing terkawal Keupayaan membayar balik hutang keseluruhan adalah mampan, meskipun kelemahan yang berpanjangan dalam segmen minyak dan gas serta harta tanah 	↔
Risiko pasaran	<ul style="list-style-type: none"> Tekanan keseluruhan pasaran kewangan adalah lebih rendah Peningkatan bahagian pelabur bukan pemastautin yang stabil dan berjangka panjang dalam bon kerajaan Malaysia Institusi kewangan mengurus dedahan risiko pasaran mereka secara aktif 	↓	
Risiko mudah tunai dan pendanaan	<ul style="list-style-type: none"> Deposit bank meningkat pada kadar lebih kukuh Kos pendanaan menurun Bank-bank terus mempelbagaikan asas pendanaan supaya sepadan dengan profil kematangan aset 	↓	
Risiko penularan	<p>Faktor domestik:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada perubahan ketara dalam sifat dan magnitud penyebaran risiko daripada institusi kewangan bukan bank <p>Faktor luaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan mudah tunai peringkat serantau dan berpusat kekal sebagai pendorong utama dedahan luaran bank-bank Malaysia Permodalan yang kukuh serta struktur pendanaan yang stabil bagi operasi di luar negeri kumpulan perbankan domestik 	↔	

↔ Stabil ↓ Menurun

Sumber: Bank Negara Malaysia

industri minyak dan gas. Ini kerana pengeluar minyak utama mungkin mengambil pendirian berhati-hati semasa melabur dalam segmen hulu.

Berdasarkan ujian tekanan terkini yang dijalankan oleh Bank, sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dalam keadaan kejutan kredit, pasaran, dan pendanaan serta mudah tunai yang teruk. Pihak Bank terus berwaspada terhadap risiko daripada turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan, yang dicituskan oleh perkembangan geopolitik, jangkaan penjajaran dasar monetari global dan faktor-faktor domestik. Risiko yang mungkin timbul daripada aktiviti teknologi kewangan (FinTech) yang pesat dan mata wang kripto juga akan dipantau dengan rapi. Selain itu, risiko kepada sistem kewangan yang berbangkit daripada ancaman siber, skim kewangan haram dan perkembangan amalan pasaran akan kekal menjadi fokus utama aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan Bank.

RISIKO KREDIT

Hutang Isi Rumah Meningkat Lebih Perlahan


Pada tahun 2017, pertumbuhan tahunan jumlah peminjaman isi rumah¹ semakin perlahan pada 4.9% (2016: 5.4%; 2010: 14.2%), kepada RM1,139.9 bilion. Pinjaman sistem perbankan juga meningkat dengan lebih perlahan pada 5.1% (2016: 5.3%) (Rajah 1.2). Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman untuk kegunaan peribadi, dan pembelian kenderaan bermotor dan harta bukan kediaman yang lebih rendah (Rajah 1.3). Ini mencerminkan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan isi rumah mengenai

¹ Pinjaman yang diberikan oleh bank-bank, institusi-institusi kewangan pembangunan, dan IKBB utama.

betapa pentingnya kemampuan untuk membayar balik hutang dan pengurusan kewangan yang baik, serta peminjaman yang lebih berhemat. Walau bagaimanapun, pengembangan pinjaman perumahan kekal kukuh (8.5%; 2016: 9.1%), dengan peminjam yang layak terus mempunyai akses kepada pembiayaan bank. Sejumlah besar hutang isi rumah kekal untuk tujuan pengumpulan harta kekayaan. Hampir dua pertiga hutang isi rumah dicagarkan pada harta tanah dan pelaburan yang prinsipalnya terjamin. Ini lantas mengurangkan sebahagian dedahan bersih terhadap hutang isi rumah. Nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) terus menurun, walaupun masih tinggi pada 84.3% (2016: 88.3%) (Rajah 1.4). Tanpa IKBB, jumlah pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah juga menurun kepada 69.3% daripada KDNK (2016: 72.7%). Dalam persekitaran pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, jumlah pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah dijangka berada dalam lingkungan 65% hingga 70% daripada KDNK pada tahun 2018 (Rajah 1.1).

Secara keseluruhan, keupayaan isi rumah membayar balik hutang terus kukuh. Nisbah jumlah aset kepada hutang isi rumah kekal tinggi iaitu kira-kira empat kali (2016: 3.8 kali) (Rajah 1.5). Pada tahun 2017, pertumbuhan sebanyak 8.6% (2016: 5.3%) dalam aset kewangan isi rumah mengatasi pertumbuhan hutang buat kali pertama sejak tahun 2012 (Rajah 1.6). Dari segi nilai, aset kewangan isi rumah (RM191.2 bilion) meningkat

Rajah 1.1: Sektor Isi Rumah – Unjuran Nisbah Hutang Isi Rumah kepada KDNK




lebih tiga kali berbanding peningkatan dalam hutang isi rumah (RM53.7 bilion). Ini disokong pertumbuhan deposit dan dana unit amanah yang merangkumi kira-kira separuh daripada aset kewangan isi rumah. Aset kewangan mudah tunai yang tersedia terus memberikan fleksibiliti kepada isi rumah untuk menangani sebarang perubahan yang tidak dijangka dalam pendapatan atau kos sara hidup, khususnya di kawasan bandar. Tidak termasuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), nisbah agregat aset kewangan mudah tunai kepada hutang isi rumah adalah 1.5 kali. Walau bagaimanapun, analisis ke atas set data mikro menunjukkan sesetengah peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan adalah lebih mudah terjejas oleh kejutan (rujuk rencana 'Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampakan Kewangan Isi Rumah' pada bahagian akhir bab ini).

Pendedahan institusi kewangan terhadap isi rumah yang mudah terjejas (mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan) terus menurun. Ini menunjukkan penambahbaikan dalam penilaian kemampuan membayar balik hutang oleh institusi kewangan. Dedahan terhadap peminjam tersebut merangkumi 19.9% daripada jumlah hutang isi rumah (2016: 21.9%; 2013: 28.4%) (Rajah 1.7) atau 17.4% (2016: 19.1%; 2013: 25.1%) daripada jumlah pembiayaan sistem perbankan kepada sektor isi rumah. Kira-kira separuh daripada peminjaman oleh kumpulan ini adalah dalam bentuk pembiayaan berkadar tetap (sewa beli dan pembiayaan peribadi) yang mengurangkan risiko mereka kepada perubahan kos peminjaman. Peminjam dalam kumpulan ini melaporkan agregat leveraj (diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan) sebanyak 8.3 kali (2016: 8.1 kali), dengan hampir 40% peminjaman untuk tujuan membeli rumah. Langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk menambah baik akses kepada rumah mampu milik adalah penting bagi memastikan pengumpulan hutang seterusnya kekal dalam tahap yang berhemat.

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada dedahan kredit terhadap sektor isi rumah pula terus ditampakan oleh piawaian pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko yang baik. Sejak beberapa tahun lepas, proses penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang diperkukuhkan juga telah membawa kepada pengurangan dalam


Rajah 1.2: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan

Pertumbuhan hutang isi rumah paling perlahan sejak 2010




Rajah 1.4: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama

Isi rumah mengekalkan aset kewangan agregat melebihi dua kali hutang



Rajah 1.6: Sektor Isi Rumah – Hutang dan Aset Kewangan

Pertumbuhan aset kewangan isi rumah mengatasi pertumbuhan hutang




* Nilai serahan
** Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia


Rajah 1.3: Sektor Isi Rumah – Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang

Pengembangan sederhana didorong hutang lebih rendah untuk kegunaan peribadi, kenderaan bermotor dan harta bukan kediaman




Rajah 1.5: Sektor Isi Rumah – Komposisi Aset

Aset isi rumah termasuk kekayaan perumahan ialah 4 kali hutang



Rajah 1.7: Sektor Isi Rumah – Profil Peminjaman

Bahagian peminjaman bagi peminjam yang mudah terjejas kini kurang satu perlima daripada jumlah hutang isi rumah



bebanan hutang yang berlebihan dalam kalangan isi rumah. Kira-kira tiga perempat daripada peminjam dengan pinjaman baharu yang diluluskan pada tahun 2017 mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) kurang daripada 60% manakala median DSR keseluruhan bagi pembiayaan terkumpul ialah 32.7%.

IKBB, yang mencakupi kira-kira 20% daripada jumlah hutang isi rumah, menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam piawai pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko mereka. Dua daripada IKBB yang terbesar, merangkumi kira-kira 40% daripada jumlah pinjaman IKBB kepada isi rumah, ialah institusi kewangan pembangunan (IKP) yang di bawah kawal selia Bank. Pihak Bank juga terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menggalakkan penambahbaikan terhadap proses penilaian kemampuan membayar balik pinjaman, khususnya dalam kalangan koperasi kredit bersaiz sederhana dan besar. Kualiti portfolio pembiayaan isi rumah IKBB kekal kukuh, dengan pinjaman terjejas dan delinkuen (pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) masing-masing bertambah baik kepada 3% (2016: 3.1%) dan 1.4% (2016: 1.7%).

Keseluruhan pinjaman terjejas dan delinkuen bagi bank dan IKBB kekal rendah dan stabil, masing-masing pada 1.6% (2016: 1.6%) dan 1.4% (2016: 1.5%) daripada jumlah hutang isi rumah. Pinjaman terjejas dan delinkuen bagi bank adalah rendah, masing-masing pada 1% (2016: 1.1%) dan 1.4% (2016: 1.4%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan kepada sektor isi rumah. Pinjaman terjejas bagi kegunaan peribadi dan pembelian harta bukan kediaman meningkat dengan lebih tinggi berbanding kategori hutang isi rumah yang lain. Pinjaman terjejas yang lebih tinggi untuk pembiayaan peribadi lebih ketara dalam kalangan peminjam yang bergantung pada sumber pendapatan yang tidak tetap. Peningkatan kecil dalam pembiayaan terjejas bagi pembelian harta bukan kediaman didorong oleh pelaburan dalam ruang pejabat dan ruang runcit di kompleks membeli-belah.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus memperluas jangkauannya dengan menyediakan khidmat kaunseling dan nasihat kewangan kepada kira-kira 167,500 peminjam individu pada tahun 2017, termasuk kepada

pelanggan IKBB. Program Pengurusan Kredit (PPK) yang dianjurkan oleh AKPK telah menunjukkan peningkatan dalam bilangan peserta. Peningkatan ini didorong oleh peminjam berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan yang menghadapi kesukaran untuk menangani kenaikan kos sara hidup. Keadaan ini diburukkan lagi oleh perancangan kewangan yang lemah. Pada tahun 2017, Bank bersama-sama institusi kewangan, persatuan industri, agensi kerajaan negeri dan anak syarikatnya, menganjurkan pelbagai program jangkauan seperti Karnival Kewangan di seluruh Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengurusan kewangan berhemat dan maklumat berkaitan kewangan.

Langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada kekal wajar

Siri langkah kehematan makro yang dilaksanakan sejak tahun 2010 kekal relevan dan menyumbang kepada trend pengumpulan hutang yang lebih mampan. Meskipun keupayaan membayar balik hutang isi rumah kukuh, tahap hutang isi rumah yang tinggi dan pembayaran balik yang lemah dalam beberapa segmen peminjam masih menimbulkan risiko terhadap daya tahan isi rumah.

Bank-bank mempunyai modal lebihan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian daripada portfolio isi rumah dalam simulasi peristiwa tekanan

Potensi kerugian kepada bank sekiranya berlaku kejadian mungkir secara serentak merentas semua jenis pinjaman isi rumah yang berlainan dianggarkan pada RM57.6 bilion (Jadual 1.1). Anggaran ini berdasarkan andaian yang teruk yang dijangka tidak mungkin berlaku. Daripada jumlah ini, potensi kerugian berpunca daripada kumpulan isi rumah yang mudah terjejas dianggarkan sebanyak RM11.9 bilion. Jumlah ini masih dalam lingkungan penampungan modal lebihan (melebihi tahap pengawalseliaan minimum) sebanyak RM134.8 bilion yang dipegang oleh bank. Potensi kerugian ini belum mengambil kira penampungan kewangan isi rumah individu yang sedia ada atau tindakan yang mungkin diambil oleh bank untuk mengurangkan kerugian.

Jadual 1.1

Sektor Isi Rumah: Potensi Kerugian Kepada Sistem Perbankan Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir

		Harta kediaman	Kenderaan bermotor	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah ¹
Kebarangkalian mungkir tertekan (%) (Kebarangkalian mungkir dasar ² , %)		6.5 (1.6)	7.4 (1.9)	14.7 (3.7)	14.7 (3.7)	
Kerugian akibat mungkir tertekan (%) (Kerugian akibat mungkir dasar ² , %)		40.0 (16.9)	75.0 (45.2)	95.0 (71.4)	95.0 (71.4)	
Potensi kerugian (RM bilion)	Semua peminjam	12.7	8.1	9.6	5.2	57.6³
	– Peminjam berpendapatan ≤ RM3,000 sebulan	1.5	2.3	2.4	0.7	11.9
	– Peminjam berpendapatan ≤ RM5,000 sebulan	3.7	4.5	4.3	2.0	22.4

¹ Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama

² Berdasarkan kebarangkalian mungkir dan kerugian akibat mungkir bank dengan pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalam

³ 42.8% daripada lebihan penempatan modal bank


Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun Ketidakseimbangan Semakin Meningkat dalam Pasaran Harta Tanah, Tiada Risiko yang Nyata Terhadap Kestabilan Kewangan

Pada tahun 2017, jumlah dedahan institusi kewangan Malaysia kepada pasaran harta tanah dalam negeri meningkat 7.1% (purata tahun 2014 hingga 2016: 12.5%) kepada RM850.3 bilion (Rajah 1.8). Peningkatan ini

Rajah 1.8: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah

Kebanyakan dedahan institusi kewangan berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk membeli harta kediaman dan bukan kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan institusi kredit perumahan

disebabkan terutamanya oleh pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman (5.3 mata peratusan). Jumlah dedahan institusi kewangan Malaysia kepada pasaran harta tanah dalam negeri mencakupi 27.4% daripada jumlah aset mereka pada akhir tahun 2017 (2016: 26.7%). Bank-bank terus menjadi pemberi pinjaman terbesar kepada pasaran harta tanah dalam negeri. Daripada jumlah dedahan bank sebanyak RM817.3 bilion kepada pasaran harta tanah, kira-kira 90% adalah pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman.

Pasaran Harta Kediaman

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017, jumlah nilai transaksi perumahan mencatat pertumbuhan tahunan 2.6% (2016: -10.7%). Jumlah urus niaga perumahan mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 6.1% (2016: -13.9%). Penyumbang utama pertumbuhan transaksi pembelian rumah adalah rumah berharga lebih RM500,000 dalam pasaran utama dan sekunder. Harga rumah purata (seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia, IHRM) terus meningkat dengan sederhana, iaitu kira-kira 7% pada separuh pertama tahun 2017 [S3 2017: 5.1% (awalan); 2016: 7.1%; purata tahun 2010 hingga 2014: 9.6%; purata tahun 1990 hingga 2009: 5.5%].

Peningkatan dalam aktiviti pasaran perumahan, walaupun jumlah harta kediaman berharga RM250,000 dan ke atas banyak yang tidak terjual

Bilangan unit rumah yang tidak terjual² meningkat pada kadar tahunan sebanyak 22.7% (2016: 41%) kepada 129,052 unit³ pada akhir bulan September 2017. Lebih 80% daripada unit rumah yang tidak terjual berharga RM250,000 dan ke atas. Kebanyakan unit ini ialah harta kediaman bertingkat tinggi, terutamanya di kawasan yang terletak jauh dari pusat ekonomi utama dan juga mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang terhad. Ini mencerminkan ketidakpadanan harga jualan rumah yang dibina dan tahap kemampuan kebanyakan isi rumah.

Rumah masih tidak mampu dimiliki terutamanya yang terletak di kawasan pusat pekerjaan utama

Antara tahun 2013 hingga bulan Oktober 2017, sebanyak 123,103 unit rumah mampu milik telah dibina oleh Kerajaan, manakala lebih satu juta unit rumah berada dalam pelbagai peringkat pembinaan atau perancangan. Kerajaan juga telah mengumumkan pembekuan pembangunan harta kediaman mewah baharu untuk mengimbangkan semula bekalan dalam pasaran harta kediaman. Walau bagaimanapun, bekalan rumah mampu milik yang akan disiapkan masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan isi rumah yang semakin tinggi. Sejak bulan Januari 2016 hingga September 2017, hanya 24% daripada pelancaran rumah baharu (25,124 unit termasuk yang dibina oleh pemaju swasta) ialah rumah yang berharga di bawah RM250,000. Jumlah ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan kira-kira satu pertiga isi rumah Malaysia yang hanya mampu membeli rumah pada harga tersebut. Ketidakpadanan ini diburukkan lagi oleh peningkatan yang lebih perlahan dalam pendapatan isi rumah median (CAGR 2012-2016: 9.6%) berbanding dengan harga rumah median (15.6%). Keadaan ini telah menyebabkan rumah sangat tidak mampu dimiliki⁴ di kawasan tertentu di negara ini (untuk maklumat terperinci tentang kemampuan memiliki rumah, rujuk http://www.housingwatch.my/O2_market_03_affordability.html).

² Unit perumahan tidak terjual termasuk rumah tidak terjual yang telah siap (bekalan berlebihan) dan rumah tidak terjual yang sedang dalam pembinaan (Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, NAPIC).

³ Angka ini termasuk pejabat kecil / pejabat rumah (SOHO) dan pangsapuri perkhidmatan (Sumber: NAPIC).

⁴ Berdasarkan pendekatan Gandaan Median oleh Demographia International. Untuk maklumat lanjut mengenai metodologi kemampuan memiliki rumah, sila rujuk Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016, Bab 4, Rencana 'Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia'.

Penyelesaian yang menyeluruh diperlukan segera untuk menangani kekurangan bekalan rumah mampu milik (rujuk Rencana 1 dalam Buletin Suku Tahunan Bank Suku ke-4 2017 bertajuk 'Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Hala Tuju Masa Depan'). Pihak berkuasa berpusat yang berperanan untuk memastikan bahawa bekalan rumah mampu milik seimbang adalah penting dalam menyokong matlamat ini. Pihak berkuasa tersebut boleh membuat perancangan yang lebih baik, mengurangkan kos pembinaan, dan mencapai kecekapan skala dalam pembangunan dan peruntukan rumah mampu milik. Ini boleh dicapai dengan mengehendkan inisiatif bertindih dan menggalakkan pengagihan sumber yang lebih cekap.

Selain menyediakan bekalan rumah mampu milik yang secukupnya, penting juga untuk memastikan pembangunan projek perumahan mampu milik dibuat di lokasi yang mempunyai rangkaian pengangkutan awam yang baik. Contohnya, pendekatan berorientasikan transit dalam pembangunan bandar, yang menekankan rangkaian hubungan pengangkutan awam antara projek perumahan mampu milik dengan pusat pekerjaan utama, akan menambah baik akses dan meringankan beban kewangan berkaitan dengan keperluan untuk memiliki kenderaan. Di negara yang telah menunjukkan kemajuan yang ketara dalam menangani isu kemampuan memiliki rumah, pembinaan rumah mampu milik telah disokong oleh adanya pangkalan data bersepadu yang merangkumi bekalan rumah mampu milik dan permintaan terhadapnya.

Akses kepada pembiayaan rumah terus tersedia, terutamanya untuk pembeli rumah kali pertama

Kewujudan pasaran rumah sewa yang aktif sebagai pilihan yang setaraf dengan pemilikan rumah, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah juga boleh membantu menangani isu ini. Justeru, cadangan dalam Bajet 2018 Kerajaan supaya Akta Sewaan Rumah Kediaman digubal, dilihat sebagai satu langkah tepat. Dalam jangka panjang, pengenalan skim 'sewa milik' (iaitu sewa kemudian beli) juga boleh melengkapi cadangan berkaitan penggubalan Akta tersebut. Pada bulan November 2017, sebuah bank Islam domestik dengan kerjasama beberapa pemaju harta tanah telah melancarkan skim 'sewa milik' yang diterajui sektor swasta untuk pelbagai jenis harta kediaman. Skim ini yang berlandaskan konsep Ijarah (pemajakan) dalam kewangan Islam, memberikan pilihan kepada pembeli rumah untuk menyewa dahulu dan kemudiannya membeli rumah itu.

Permintaan berterusan untuk rumah mampu milik menyokong pertumbuhan dalam pembiayaan akhir oleh bank untuk membeli harta kediaman, walaupun dalam keadaan pasaran perumahan yang lemah. Pada akhir tahun 2017, pembiayaan bank untuk membeli harta kediaman meningkat 8.9% (2016: 9.2%; purata tahun 2010 hingga 2016: 12.5%). Sebanyak 515,021 permohonan pinjaman diterima oleh bank pada tahun 2017 (2016: 450,924). Majoriti (61%) permohonan tersebut adalah untuk pembelian rumah berharga di bawah RM500,000. Kadar penolakan permohonan pinjaman rumah adalah pada 23.1%, iaitu di bawah purata tahun 2012 hingga 2016 sebanyak 26.1%. Punca utama penolakan permohonan pinjaman perumahan termasuk pendapatan yang tidak mencukupi untuk menyokong bayaran balik pinjaman, rekod kredit yang buruk, dan dokumentasi pendapatan atau kewangan yang tidak mencukupi. Kadar penolakan permohonan pinjaman yang lebih rendah ini mencerminkan penajajaran yang lebih baik antara piawaian pemberian pinjaman bank dan tingkah laku peminjaman, sejajar dengan Dokumen Dasar Pembiayaan Bertanggungjawab. Pada tahun 2017, Bank melancarkan laman sesawang Housing Watch (<http://www.housingwatch.my>) untuk menyediakan maklumat penting mengenai pasaran perumahan, termasuk skim pembiayaan rumah, keadaan pasaran perumahan, dan bantuan kepada pengguna. Housing Watch bertujuan untuk menjadi sumber maklumat yang boleh dipercayai bagi membantu bakal pembeli rumah membuat keputusan membeli berdasarkan maklumat yang mencukupi, di samping melengkapkan maklumat yang disediakan oleh sumber-sumber lain.

Kualiti keseluruhan portfolio pinjaman perumahan bank kekal kukuh, disokong oleh amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang berhemat. Kajian pengawalseliaan mengesahkan bahawa bank terus berhati-hati semasa menilai kemapanan sumber-sumber pendapatan dan komitmen kewangan peminjam. Bank-bank secara amnya berhati-hati dalam membiayai pembelian harta tanah di lokasi yang kurang sesuai, atau yang dimajukan oleh pemaju harta tanah yang mempunyai kedudukan kewangan yang agak lemah. Bagi harta tanah sedemikian, margin pembiayaan yang lebih rendah telah digunakan untuk unit harta kediaman yang berharga tinggi, dengan pemantauan lebih teliti ke atas nilai cagar. Hampir 73% (2016: 64.9%) pinjaman perumahan terkumpul mempunyai nisbah LTV pada 80% dan ke bawah, lantas memberikan penamparan yang selesa terhadap ekuiti negatif (situasi apabila nilai pasaran rumah jatuh di bawah jumlah pinjaman perumahan terkumpul).

Kegiatan spekulatif dalam pasaran perumahan kekal lembap, dengan sebahagian besar pinjaman diberikan kepada pembeli rumah kali pertama. Jumlah pembiayaan terkumpul yang disalurkan kepada pembeli kali pertama untuk rumah berharga di bawah RM500,000 mencakupi kira-kira 71% daripada jumlah peminjam perumahan. Risiko pelarasan harga yang besar bagi dedahan sedemikian adalah terhad kerana permintaan yang terus kukuh. Pada tahun 2017, bilangan peminjam yang mempunyai tiga atau lebih akaun pinjaman perumahan terkumpul, iaitu proksi untuk pembelian spekulatif, bertambah 0.9% (2016: 1.2%; 2010: 15.8%). Golongan peminjam ini mewakili kurang 3% daripada jumlah peminjam perumahan. Bahagian pinjaman perumahan yang telah dibayar dalam tempoh tiga tahun, iaitu satu lagi pengukur pembelian spekulatif, menurun lagi kepada 9.7% (2016: 11.8%) daripada jumlah pinjaman perumahan yang telah dibayar sepenuhnya.


Kadar mungkir vintaj (vintage default rates) keseluruhan bagi pinjaman perumahan yang diluluskan sejak tahun 2007 terus bertambah baik (Rajah 1.9). Ini menggambarkan profil kredit pinjaman perumahan dalam sistem perbankan yang lebih baik ekoran piawaian pengunderaitan bank yang lebih berhemat. Pinjaman perumahan yang delinkuen dan terjejas masih rendah, masing-masing pada 1.3% dan 1% (2016: masing-masing pada 1.5% dan 1.1%). Berdasarkan analisis sensitiviti yang dijalankan, lebih penamparan modal bank dinilai sebagai mencukupi untuk menghadapi potensi kerugian kredit daripada sektor harta tanah, termasuk daripada dedahan kepada pemaju harta tanah (rujuk Kotak Maklumat bertajuk 'Bolehkah Bank Menyerap Potensi Kejutan daripada Sektor Harta Tanah? Suatu Analisis Sensitiviti').

Pasaran Harta Bukan Kediaman

Pada tahun 2017, pembiayaan akhir bank untuk pembelian harta bukan kediaman berjumlah RM213.4 bilion (2016: RM209.1 bilion), dengan peningkatan tahunan sebanyak 2.1% (2016: 6.1%) (Rajah 1.10). Pembiayaan sedemikian mencakupi 26.1% daripada dedahan bank kepada pasaran harta tanah atau 13.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Pembiayaan akhir untuk pembelian kedai mencakupi sebahagian besar (40%) daripada dedahan bank kepada harta bukan kediaman atau 5.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Dedahan (melalui pembiayaan akhir) kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah, yang mempunyai

Rajah 1.9: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Perumahan dalam Sistem Perbankan

Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman perumahan yang diluluskan sejak 2007 adalah lebih baik




Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah (Bukan Kediaman) – Pertumbuhan Pinjaman dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Segmen

Pertumbuhan lebih perlahan dalam pembiayaan akhir bank untuk membeli harta bukan kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih banyak bekalan yang sangat tinggi, mencakupi 3.2% daripada jumlah pinjaman bank terkumpul.

Aktiviti dalam segmen harta tanah komersial (terdiri daripada kedai, ruang pejabat dan kompleks membeli-belah) kekal lembap dengan keadaan bekalan yang berlebihan berikutan isu yang dihadapi sektor perniagaan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Jumlah urus niaga harta tanah komersial menguncup 8.2% (purata tahun 2010 hingga 2016: -4.7%) kepada 16,025 unit pada sembilan bulan pertama 2017. Namun begitu, nilai diurus niaga meningkat 3.8%

kepada RM17.8 billion, dipacu oleh urus niaga yang lebih tinggi bagi harta tanah berharga RM1 juta ke atas. Aktiviti dalam segmen harta tanah komersial didapati lebih lembap di kebanyakan negeri utama seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Ketidakseimbangan yang teruk dalam pasaran harta tanah, jika tidak dikawal, boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan

Risiko dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah masih tinggi, memandangkan terdapat keadaan bekalan yang berlebihan. Berdasarkan analisis Bank, bekalan sebanyak 38 juta kaki persegi ruang pejabat baharu di Lembah Klang dijangka menyebabkan kadar kekosongan pada paras tertinggi, iaitu 32% menjelang tahun 2021 [1997: 5.1%; 2001: 25.3% (paras tertinggi dalam sejarah)], melebihi paras yang dicatat semasa Krisis Kewangan Asia. Bekalan sebanyak 140 kompleks membeli-belah baharu menjelang tahun 2021 di seluruh Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor juga dijangka memburukkan lagi keadaan bekalan berlebihan dalam segmen ini. Pada tahun 2016, negeri atau kawasan utama seperti Pulau Pinang, Lembah Klang dan Johor telah pun mempunyai ruang runcit per kapita yang lebih besar (masing-masing 10.5, 8.2 dan 5.1 kaki persegi bagi setiap orang) berbanding dengan bandar di rantau ini seperti di Hong Kong SAR dan Singapura (masing-masing 3.6 dan 1.5 kaki persegi bagi setiap orang) (untuk maklumat terperinci tentang keadaan bekalan berlebihan dalam segmen ini, rujuk Rencana 2 dalam Buletin Suku Tahunan Bank Suku ke-3 2017 bertajuk 'Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah'). Keadaan ini dijangka terus memberikan tekanan ke atas kadar penghunian dan sewa.

Pada suku ketiga 2017, kadar kekosongan kompleks membeli-belah meningkat dengan sederhana kepada 18.8% (2016: 18.6%, purata tahun 2010 hingga 2015: 19.5%), meskipun kadar sewa adalah stabil. Kadar kekosongan ruang pejabat menurun kepada 16.8% (2016: 17.7%; purata tahun 2010 hingga 2015: 16.3%). Meskipun sentimen perniagaan keseluruhan dijangka bertambah baik, risiko kekal tinggi dalam segmen ruang pejabat, dengan langkah-langkah pengurangan kos yang berterusan oleh entiti perniagaan, termasuk mengurangkan saiz ruang pejabat atau berpindah ke premis di kawasan yang kosnya lebih rendah. Kadar sewa purata ruang pejabat di Lembah Klang kekal rendah pada RM5.83 (2016: RM5.94) satu kaki persegi sebulan. Bagi menarik

bakal penyewa, pemilik bangunan telah sanggup menawarkan banyak insentif, termasuk cuti sewa. Ini akan menyebabkan kadar sewa efektif terus menurun. Amalan yang serupa juga dilihat dalam ruang pejabat utama yang terletak di pusat pekerjaan utama yang lain. Pada amnya, bangunan pejabat baharu yang mempunyai spesifikasi kualiti yang baik, persijilan hijau dan patuh Koridor Raya Multimedia (MSC) berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menarik minat penyewa.

Oleh itu, pihak berkuasa, pemaju harta tanah, pemilik ruang pejabat dan kompleks membeli-belah, dan pihak berkepentingan yang lain perlu bertindak secara bersepadu bagi menangani ketidakseimbangan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah. Ini termasuk langkah spesifik untuk mengurus bekalan akan datang yang banyak dan kadar kekosongan yang tinggi bagi harta tanah sedemikian. Kelewatan dalam menangani isu tersebut mungkin memburukkan lagi keadaan yang tidak seimbang dalam pasaran harta tanah, sekali gus boleh mengakibatkan limpahan kepada bahagian ekonomi yang lain.

Kedai mencakupi lebih separuh (56%) daripada urus niaga harta tanah komersial, dengan kira-kira 60% daripada pinjaman terkumpul untuk pembelian kedai diambil oleh individu. Trend dalam segmen ini biasanya mengikut perkembangan dalam pasaran perumahan memandangkan kedai dilihat sebagai kelas aset pelaburan alternatif bagi harta kediaman. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017, bilangan kedai yang diurus niaga mencatat penguncupan lebih kecil, iaitu 7.4% kepada 8,918 unit, berbanding 9,629 unit pada tempoh yang sama tahun lalu (Januari hingga September 2016: -29.4%; purata tahun 2010 hingga 2016: -11.3%). Jumlah nilai diurus niaga meningkat 0.2% kepada RM6.94 bilion pada tempoh yang sama (Januari hingga September 2016: -35.3%; purata tahun 2010 hingga 2016: -8%). Bekalan kedai yang dirancang terus menguncup untuk tahun ketiga berturut-turut (S3 2017: -37.7%; 2016: -17.9%). Bekalan unit kedai baharu yang lebih rendah telah sedikit sebanyak menyumbang kepada penguncupan dalam jumlah lebihan unit kedai, dengan itu membendung risiko bekalan berlebihan dalam jangka masa terdekat. Pada akhir bulan September 2017, bilangan lebihan unit kedai menguncup 22% (2016: 20.1%; purata tahun 2010 hingga 2016: 0.6%) kepada 3,811 unit, dengan trend yang sama dilihat pada kebanyakan segmen harga.


Pembelian kedai untuk tujuan spekulatif masih terkawal. Bilangan peminjam yang membeli lebih dari satu unit kedai

atau gabungan unit kedai dan rumah terus menguncup (2017: -0.7%; 2016: -0.6%). Pembelian spekulatif sedemikian mencakupi 7.3% daripada jumlah peminjam untuk pembelian rumah dan kedai (2016: 7.4%). Hal ini mencerminkan aktiviti spekulatif yang lembap dalam segmen ini, lantas mengurangkan risiko pelarasan harga yang mendadak pada masa akan datang. Jumlah pinjaman untuk pembelian kedai yang dijelaskan dalam tempoh tiga tahun, iaitu satu lagi penunjuk pembelian spekulatif, menurun kepada 12.3% (2016: 13.4%) daripada jumlah pinjaman untuk pembelian kedai yang telah dibayar sepenuhnya. Jumlah ini jauh di bawah paras yang dicatat pada tahun 2012 (hampir 30%).

Berikutan situasi bekalan yang berlebihan, bank menjadi lebih berhati-hati dalam memberikan pinjaman kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah. Ini dilihat dalam kadar kelulusan pinjaman yang nyata lebih rendah untuk pembinaan dan pembelian harta tanah sedemikian (2017: masing-masing 70.9% dan 72.8%; 2016: masing-masing 76.8% dan 80.2%). Dedahan semasa bank kepada segmen tersebut dalam bentuk pinjaman serta pemegangan bon korporat dan sukuk berjumlah kira-kira RM84 bilion. Dedahan ini mencakupi 4.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank dan 5.4% daripada pemegangan bon korporat dan sukuk oleh bank. Nisbah pinjaman terjejas bagi segmen harta bukan kediaman kekal rendah pada 1.1% pada tahun 2017 (2016: 1%). Seperti juga pinjaman perumahan, kadar mungkir vintaj bagi pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman sejak 2007 terus menunjukkan keadaan yang bertambah baik (Rajah 1.11).

Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman untuk Membeli Harta Bukan Kediaman dalam Sistem Perbankan

Kadar mungkir vintaj pinjaman untuk membeli harta bukan kediaman yang diluluskan sejak 2007 bertambah baik



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bolehkah Bank Menyerap Potensi Kejutan daripada Sektor Harta Tanah? Suatu Analisis Sensitiviti

Seperti yang dialami sendiri oleh Malaysia semasa Krisis Kewangan Asia, perkembangan buruk dalam pasaran harta tanah, jika tidak dikawal, boleh mendatangkan akibat buruk terhadap kestabilan kewangan. Dalam hal ini, dan sebagai sebahagian daripada alat pengawasan makro yang digunakan, Bank menjalankan analisis sensitiviti untuk menilai keupayaan bank untuk menangani kejutan daripada simulasi pelarasan mendadak dalam pasaran harta tanah.

Analisis sensitiviti tersebut mensimulasikan: (i) peningkatan penjejasan sehingga ke paras yang sebanding dengan pengalaman mungkir industri yang paling buruk dalam sejarah (1997–2001); dan (ii) penguncupan sebanyak 50% dalam harga harta tanah, iaitu kebalikan pertumbuhan harga kumulatif selama lima tahun sejak tahun 2012. Kejutan itu bukan sahaja dikenakan terhadap portfolio pembiayaan akhir bank, tetapi juga terhadap pembiayaan yang diberikan kepada industri yang amat bergantung pada prestasi sektor harta tanah – pemaju harta tanah dan perkhidmatan harta tanah (termasuk aktiviti perniagaan sampingan seperti aktiviti guaman dan seni bina); pembinaan bukan infrastruktur; serta sektor perkilangan bahan berkaitan bangunan dan binaan. Pada keseluruhannya, semua dedahan kredit bank (termasuk pelaburan dalam bon dan sukuk) kepada pasaran harta tanah dan sektor yang berkaitan adalah sebanyak RM933 bilion atau 52% daripada jumlah dedahan kredit bank pada akhir bulan Disember 2017.

Hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa bank mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menyerap kerugian kumulatif sebanyak RM85 bilion yang mungkin timbul daripada dedahan langsung dan limpahan kepada sektor yang berkaitan. Kira-kira satu pertiga daripada kerugian itu berpunca daripada gadai janji kediaman. Dengan mempertimbangkan penampungan pendapatan bank, keseluruhan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan satu dijangka menurun 3.2 mata peratusan, kepada paras yang masih jauh lebih tinggi daripada keperluan pengawalseliaan minimum.

Pada amnya, bank dinilai sebagai mampu berhadapan dengan kemerosotan harta tanah, termasuk keadaan bekalan berlebihan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah. Analisis sensitiviti oleh Bank mendapati bank mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menyerap kerugian yang mungkin timbul akibat pelarasan harga harta tanah dan limpahannya kepada industri lain yang amat bergantung pada prestasi sektor harta tanah (rujuk Kotak Maklumat bertajuk 'Bolehkah Bank Menyerap Potensi Kejutan daripada Sektor Harta Tanah? Suatu Analisis Sensitiviti').

Aktiviti Perniagaan Terus Mendapat Sokongan Pembiayaan Walaupun Keupayaan untuk Membayar Balik Hutang Lebih Lemah dalam Sektor Tertentu

Pada tahun 2017, agregat hutang syarikat korporat bukan kewangan (NFC) meningkat lebih sederhana pada 3.4% (2016: 9.1%) kepada RM1,394.3 bilion atau 103.1% daripada KDNK (2016: 109.6%) (Rajah 1.12). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peminjaman domestik, yang mencakupi 74.5% daripada jumlah hutang.

Peminjaman domestik oleh NFC meningkat 6.1%, disokong oleh terbitan bon korporat dan sukuk yang

berterusan dalam pasaran modal. Bon domestik terkumpul⁵ bertambah 14.3% (2016: 7%), didorong terbitan lebih tinggi dalam sektor harta tanah, infrastruktur dan utiliti. Pembiayaan langsung bank dan IKP, yang mencakupi 44.6% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan sektor perniagaan, meningkat lebih sederhana. Pertumbuhan tahunan yang dicatat sebanyak 1.3% (2016: 4.7%) mencerminkan pembiayaan pada kadar yang lebih perlahan kepada kebanyakan sektor. Jumlah pembiayaan kepada PKS juga sederhana pada kadar 5.3% (2016: 9.2%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, harta tanah serta pembinaan. Akses kepada pembiayaan bagi kebanyakan perniagaan pada amnya menggalakkan tanpa tanda-tanda yang kredit akan diperketat secara meluas. Kadar permohonan pinjaman yang tidak diluluskan bagi sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah, seperti perlombongan dan pengkuarian, dan harta tanah, naik sedikit masing-masing pada 19.9% dan 25.7% (2016: masing-masing 16.4% dan 20.5%).

⁵ Bon korporat dan sukuk terkumpul tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

Jumlah terkumpul hutang luar negeri korporat di Malaysia menurun 3.7% pada tahun 2017 (2016: 19.7%). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan penilaian pertukaran asing ekoran pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang. Penurunan hutang ini, bagaimanapun, telah diimbangi sedikit oleh pengambilan peminjaman baharu. Hutang luar negeri korporat mencakupi 25.5% daripada jumlah hutang perniagaan atau 26.3% daripada KDNK.

Keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhannya mampan, walaupun terdapat kelemahan dalam beberapa sektor tertentu

Kedudukan kewangan firma Malaysia kekal teguh pada tahun 2017. Leveraj agregat⁶ dan keupayaan membayar balik hutang⁷ NFC masing-masing pada 47% dan 9.1 kali (2016: masing-masing 43% dan 11.5 kali) (Rajah 1.14). Nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) lebih rendah disebabkan oleh prestasi perolehan yang lemah bagi beberapa firma dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Kedudukan mudah tunai agregat firma, seperti yang diukur oleh median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt, CASTD), juga meningkat kepada 1.5 kali (2016: 1.2 kali). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh sektor berorientasikan eksport.

Kelemahan yang berterusan masih menjejaskan sektor berkaitan minyak dan gas (O&G) dan juga sektor harta tanah. Dalam sektor O&G, prestasi perniagaan firma bertambah baik berbanding prestasi pada tahun 2016 berikutan purata harga minyak yang lebih tinggi. Namun, kedudukan kewangan firma tertentu terus merosot, khususnya firma yang amat terdedah kepada segmen hulu. Median ICR sektor ini, meskipun lebih rendah, kekal kukuh pada 2.9 kali (2016: 5.4 kali) (Rajah 1.15). Kedudukan mudah tunai terus lemah, dengan nisbah median CASTD pada 0.5 kali (2016: 0.8 kali). Pada tahun 2017, hutang berisiko (diukur sebagai bahagian hutang yang ditanggung firma yang mempunyai ICR kurang daripada dua kali) meningkat kepada 22.1% (2016: 18.2%) daripada jumlah hutang firma O&G. Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik yang timbul akibat

⁶ Leveraj NFC diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti.

⁷ Keupayaan membayar balik hutang NFC diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR).

dedahan institusi kewangan kepada sektor berkaitan O&G masih kecil dengan peruntukan yang telah pun dibuat mencukupi untuk menampung potensi kerugian kredit. Dedahan bank domestik (termasuk dedahan di luar kunci kira-kira) kepada firma dalam sektor berkaitan O&G mencakupi kira-kira 6% daripada dedahan perniagaan domestik atau 14.5% daripada jumlah modal sistem perbankan.

Walaupun keadaan pasaran harta tanah lebih lembap, keupayaan membayar balik hutang oleh pemaju harta tanah terus disokong oleh median ICR yang kukuh, iaitu 6.2 kali secara agregat pada tahun 2017 (2016: 5.4 kali). Keuntungan pemaju harta tanah, bagaimanapun, merosot dengan margin operasi pada 16.2% pada tahun 2017 (2016: 18%). Pemaju yang lebih kecil (pemaju harta tanah yang jumlah asetnya kurang daripada median jumlah aset peserta yang tersenarai di Bursa Malaysia, yang merangkumi 10% daripada jumlah aset peserta yang tersenarai) juga mencatat margin operasi lebih rendah (2017: 8.2%; 2016: 9.4%). Namun, kedudukan mudah tunai pemaju harta tanah lebih baik, iaitu pada 0.9 kali (2016: 0.8 kali). Hutang berisiko bagi sektor harta tanah meningkat kepada 12.4% (2016: 7.9%) untuk tempoh 12 bulan sehingga bulan Disember 2017. Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik yang timbul daripada dedahan kepada pemaju harta tanah kekal rendah. Ini seperti ditunjukkan dalam analisis sensitiviti (rujuk Kotak Maklumat bertajuk 'Bolehkah Bank Menyerap Potensi Kejutan daripada Sektor Harta Tanah? Suatu Analisis Sensitiviti').

Kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan kekal mampan. Khususnya, pinjaman terjejas dan delinkuen masing-masing pada kadar yang rendah iaitu 2.5% dan 0.3% (2016: masing-masing 2.5% dan 0.4%) daripada jumlah pinjaman yang diberikan oleh bank kepada sektor perniagaan (Rajah 1.16). Namun begitu, nisbah keseluruhan pinjaman terjejas bagi sektor O&G, termasuk pinjaman yang distrukturkan semula, kekal tinggi pada 5.5% (2016: 4.2%). Kenaikan dalam hutang terjejas disebabkan terutamanya oleh firma dalam segmen yang berkaitan dengan perkapalan dalam sektor O&G. Walaupun delinkuensi kekal rendah sepanjang tahun (2017: 0.6%; 2016: 0.2%), penjejasan hutang selanjutnya mungkin akan berlaku. Ini memandangkan prospek yang terus lemah bagi segmen tertentu dalam industri, seperti segmen berkaitan penggerudian, fabrikasi dan perkapalan. Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen sektor harta tanah masing-masing kekal rendah dan stabil pada 1.5% dan 0.3%, (2016: masing-masing 1.5% dan 0.2%).

Risiko Peminjaman Mata Wang Asing Korporat

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bahagian hutang luar NFC dalam denominasi mata wang asing telah meningkat selaras dengan peningkatan kehadiran syarikat korporat Malaysia di luar negeri (rujuk Bab 1 Laporan Tahunan 2017 mengenai Sektor Luaran). Dengan pengembangan operasi NFC di luar negeri atau pemerolehan aset asing oleh NFC, peminjaman mata wang asing (dalam negeri dan luar pesisir) mencakupi 27.1% daripada KDNK pada tahun 2017 (purata tahun 2012 hingga 2016: 25% daripada KDNK) (Rajah 1.13).

Pada amnya, peningkatan yang pesat dalam peminjaman mata wang asing oleh syarikat korporat yang tidak disokong aliran pendapatan mata wang asing yang mencukupi untuk membayar balik hutang, atau tidak dilindungi nilai secukupnya terhadap risiko mata wang, boleh memberikan implikasi yang buruk kepada kestabilan kewangan. Peminjaman mata wang asing daripada bukan pemastautin dan institusi kewangan dalam negeri masing-masing mencakupi 22.2% dan 4.1% daripada jumlah hutang perniagaan pada tahun 2017 (2016: masing-masing 24.1% dan 4.5%). Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik yang timbul daripada hutang korporat luar negeri dan dalam negeri dalam denominasi mata wang asing, sebahagian besarnya terkawal, berdasarkan profil dedahan dan perlindungan yang ada (Gambar Rajah 1.2).

Gambar Rajah 1.2: Profil Peminjaman Mata Wang Asing Korporat

Sebahagian besar risiko akibat hutang dalam mata wang asing terkawal



¹ Syarikat perlu mendapatkan kelulusan Bank untuk peminjaman mata wang asing dalam jumlah agregat melebihi jumlah yang bersamaan dengan RM100 juta daripada institusi kewangan bukan pemastautin, syarikat tujuan khas dan entiti lain yang tidak berkaitan. Syarikat perlu menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang sewajarnya daripada aliran hasil dalam mata wang asing atau melalui penggunaan derivatif kewangan untuk melindungi nilai terhadap risiko mata wang. Peminjaman sedemikian juga adalah untuk tujuan yang produktif

² Berdasarkan sampel peminjam mata wang asing dalam negeri dan luar negeri terbesar

Sumber: Bank Negara Malaysia


Sebahagian besar daripada pinjaman terjejas adalah daripada segmen perkhidmatan harta tanah. Bank-bank telah pun membuat peruntukan yang mencukupi untuk menampung potensi kerugian kredit ini.

Empat bon korporat dan sukuk yang mendapat penarafan domestik telah diturunkan gred pada tahun 2017, berbanding enam penurunan gred pada tahun 2016. Penurunan gred didorong terutamanya oleh syarikat media tradisional yang terjejas akibat peralihan ke arah platform media digital. Penurunan gred ini hanya mewakili 0.1% (2016: 1.3%) daripada jumlah bon korporat dan sukuk terkumpul.

Dalam usaha menambah baik pengaturan penyelesaian hutang sektor korporat, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) mengubah tahap ambang hutang belum bayar minimum kepada RM10 juta daripada RM30 juta, berkuat kuasa pada 1 September 2017. Perubahan ini akan membolehkan lebih banyak kumpulan syarikat, terutamanya firma bersaiz sederhana yang operasi perniagaannya berdaya maju, menggunakan CDRC bagi membantu menyelesaikan obligasi hutang mereka.


Rajah 1.12: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang kepada KDNK

Peningkatan hutang didorong oleh terbitan bon dan sukuk baharu




Rajah 1.13: Sektor Perniagaan – Profil Hutang dalam Denominasi Mata Wang Asing

Satu pertiga peminjaman dalam mata wang asing ialah pinjaman antara syarikat yang tertakluk kepada terma yang fleksibel



Rajah 1.14: Sektor Perniagaan – Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Nisbah Mudah Tunai

Kedudukan kewangan yang kukuh terus menyokong keupayaan membayar balik hutang




* Penyata kewangan tidak teraudit

Nota: Piawaian kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Rajah 1.15: Sektor Perniagaan – Penunjuk Nisbah Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih

Keupayaan membayar balik hutang yang memuaskan bagi firma dalam sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah




* Penyata kewangan tidak teraudit

Nota: Piawaian kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali


Rajah 1.16: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar

Kualiti keseluruhan pinjaman kekal kukuh



Rajah 1.17: Sektor Perniagaan – Prospek Risiko Kredit bagi Sektor Terpilih

Keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan dijangka kekal utuh



Nota: DRSK mengukur kemungkinan berlakunya mungkir dalam jangka masa setahun. Nilai 0.52% atau lebih rendah dianggap sebagai gred pelaburan

Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Risiko Kestabilan Kewangan daripada Kumpulan Peminjam Korporat Utama

Peminjam NFC dengan peminjaman yang tinggi boleh memberikan kesan yang besar terhadap kestabilan sistem kewangan. Hal ini memandangkan hubung kait antara sektor korporat dengan sektor kewangan. Pemantauan terhadap NFC ini secara berterusan membolehkan risiko yang berkemungkinan melimpah kepada sektor kewangan dapat dikenal pasti dengan lebih awal.

Kumpulan peminjam NFC utama ialah syarikat korporat yang mempunyai dedahan kredit agregat (termasuk pembiayaan langsung dan pemegang bon korporat dan sukuk) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia. Dedahan institusi kewangan kepada kumpulan peminjam utama ini mencakupi 42.2% daripada dedahannya kepada sektor perniagaan pada tahun 2017 (2016: 42.9%).

Prestasi agregat kewangan dan keupayaan membayar balik hutang kumpulan peminjam utama adalah mampan pada tahun 2017. Median ICR dan CASTD kumpulan peminjam utama masing-masing melebihi ambang kehematan pada 6.7 kali dan 1.1 kali (Januari–September 2016: masing-masing 6.3 kali dan 1.2 kali). Dedahan kredit kepada kumpulan peminjam utama yang mempunyai ICR di bawah median, menurun kepada 11.2% (2016: 12.8%) daripada jumlah dedahan perniagaan bagi bank dan IKP, serta 17.7% (2016: 18%) daripada dedahan perniagaan penanggung insurans dan pengendali takaful.

Sejumlah besar kumpulan peminjam utama dijangka berupaya membayar balik hutang sekiranya keuntungan merosot dengan teruk, ringgit menjadi amat lemah dan kos peminjaman lebih tinggi. Dalam simulasi senario dengan kejutan yang teruk (ringgit menyusut nilai sehingga 30%, untung operasi merosot 50%, serta kenaikan kos masing-masing sebanyak 100 dan 150 mata asas bagi peminjaman RM dan mata wang asing), potensi kerugian kredit kumulatif akibat dedahan kepada kumpulan peminjam utama dianggarkan masih dalam penampakan modal lebih bank. Kini, penampakan tersebut adalah lebih tiga kali anggaran potensi kerugian.

Risiko mungkir keseluruhan bagi syarikat Malaysia, berdasarkan ukuran Risiko Kredit Bloomberg (DRSK), kekal stabil pada 0.027% (2016: 0.033%). Tahap ini nyata lebih rendah daripada tahap tertinggi 0.170% semasa Krisis Kewangan Global. DRSK bagi sektor O&G dan harta tanah bertambah baik pada tahun 2017. Ini berikutan kedudukan harga minyak dan pasaran harta tanah domestik pada separuh kedua tahun 2017 yang bertambah baik (Rajah 1.17). Namun, prospek sektor O&G dan harta tanah dijangka terus berdepan dengan cabaran pada tahun 2018.

RISIKO PASARAN

Pasaran Kewangan Domestik Kekal Teratur dalam Keadaan Tekanan Pasaran yang Lebih Rendah

Pada tahun 2017, perkembangan dasar di AS, turun naik dalam pasaran komoditi dan risiko geopolitik yang ketara, terus mengakibatkan aliran portfolio global yang tidak menentu. Meskipun terdapat perkembangan luaran ini, Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) yang mengukur tekanan secara keseluruhan dalam pasaran kewangan domestik adalah lebih rendah berbanding


tahun 2016 (Rajah 1.18). Ini disokong oleh sentimen pelabur dan perniagaan yang bertambah baik dalam suasana keadaan makroekonomi dalam negeri yang lebih menggalakkan.

Pasaran kewangan domestik mengalami beberapa episod pergerakan yang besar dalam aliran pelaburan portfolio jangka pendek pada tahun 2017. Secara keseluruhan, aliran keluar portfolio bersih pada tahun 2017 lebih rendah dan berjumlah RM9.2 bilion (2016: aliran keluar bersih sebanyak RM15.4 bilion) (Rajah 1.19). Daripada jumlah ini, pelabur pemastautin mencatat aliran keluar portfolio bersih yang lebih tinggi sebanyak RM16.5 bilion (2016: aliran keluar bersih sebanyak RM15 bilion) ekoran pelaburan yang berterusan dalam ekuiti dan sekuriti hutang luar negeri. Bukan pemastautin merekod aliran masuk portfolio bersih sebanyak RM7.3 bilion (2016: aliran keluar bersih sebanyak RM408 juta) dengan aliran masuk bersih ke dalam ekuiti mengimbangi aliran keluar bersih daripada pasaran bon kerajaan. Aliran masuk oleh bukan pemastautin ke dalam pasaran ekuiti, terutamanya pada separuh pertama tahun 2017, merupakan suatu perkembangan positif. Ini berbanding aliran keluar bersih tahunan yang telah berlaku sejak tahun 2015. Dalam pasaran bon

Gambaran Keseluruhan Indeks Tekanan Pasaran Kewangan

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) telah dibangunkan pada tahun 2013⁸ sebagai alat pemantauan risiko pasaran kewangan. Indeks ini mengukur keadaan semasa dalam pasaran kewangan domestik dan membolehkan peristiwa tekanan kewangan yang berbeza dibandingkan dari semasa ke semasa. FMSI merangkumi tekanan kewangan dalam lima kelas aset domestik - pertukaran asing, ekuiti, bon, pasaran wang, dan institusi kewangan. Penunjuk yang dipilih bagi pembinaan indeks ini mengambil kira aspek yang berkaitan dengan turun naik, spread kredit, mudah tunai, dan kerugian penilaian dalam kelas aset yang berlainan (Gambar Rajah 1.3).


Gambar Rajah 1.3: Komponen FMSI



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.18: Trend FMSI yang Lalu

FMSI mencerminkan dan membezakan sumber tekanan



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

FMSI juga menampilkan komponen tekanan sistemik, yang mengukur korelasi bersilang antara pasaran yang berbeza. Peningkatan dalam tekanan sistemik menunjukkan bahawa pasaran bergerak serentak dalam cara segerak (korelasi silang aset lebih tinggi). Contohnya, semasa tempoh harga minyak mentah rendah yang berlanjutan pada tahun 2015, semua pasaran telah menerima impak negatifnya. Ini seterusnya telah mengakibatkan komponen tekanan sistemik bertambah. Sebaliknya, penurunan dalam tekanan sistemik menunjukkan bahawa pasaran bergerak dalam arah yang berbeza. Contohnya, selepas keputusan pilihan raya presiden AS pada hujung tahun 2016, komponen tekanan sistemik menjadi negatif akibat tekanan lebih tinggi dalam pasaran bon sewaktu aliran keluar bukan pemastautin meningkat walhal pasaran ekuiti melonjak. FMSI juga menunjukkan bahawa tekanan pasaran yang berlaku hampir sepanjang tahun 2017 adalah lebih rendah daripada tahap tahun 2016. Keadaan ini sejajar dengan ketidaktentuan global yang semakin mereda. Trend menaik dalam tekanan pasaran kewangan domestik timbul kembali akibat ketidakpastian global seperti yang dilihat pada akhir tahun 2017, telah dijangka dan berada dalam julat yang diunjurkan oleh FMSI.

⁸ Indeks dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan Sistemik (Composite Indicator of Systemic Stress, CISS) European Central Bank (ECB).


kerajaan, keputusan pilihan raya presiden AS pada bulan November 2016 menyebabkan peningkatan dalam aliran keluar bukan pemastautin. Keadaan ini berlanjutan sehingga suku pertama 2017 memandangkan bukan pemastautin, khususnya pelabur jangka pendek, terus melupuskan pemegangan bon kerajaan jangka pendek mereka (dengan tempoh matang kurang daripada tiga tahun). Hal ini disebabkan oleh pelupusan kedudukan kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) oleh institusi kewangan bukan pemastautin,

ketegangan hubungan politik yang ketara antara AS dengan Korea Utara, dan jangkakan kenaikan kadar faedah di AS. Walau bagaimanapun, trend ini beralih arah sejak suku kedua apabila bukan pemastautin kembali membeli bon kerajaan Malaysia.

Pemegangan bon kerajaan Malaysia oleh bukan pemastautin menurun kepada 24.7% daripada jumlah bon kerajaan terkumpul pada akhir bulan Mac 2017. Namun, pemegangan ini kembali meningkat secara

Rajah 1.19: Pasaran Kewangan – Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit

Aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin meningkatkan nilai ringgit




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

beransur-ansur kepada 27.7% (2016: 30.6%) pada akhir tahun 2017. Peratusan bagi pelabur tetap dan jangka panjang bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan juga meningkat (Rajah 1.20). Ini seterusnya meningkatkan kestabilan pasaran. Sebahagian besar daripada pelabur ini terus melabur dalam bon kerajaan meskipun perkembangan luaran tidak begitu menggalakkan. Pelabur tersebut juga kurang dipengaruhi oleh perubahan dalam sentimen pasaran. Sejak bulan November 2016 hingga Mac 2017, institusi pelaburan domestik, termasuk institusi kewangan, menambah pemegangan bon kerajaan sebanyak RM41.2 bilion. Kehadiran pelabur ini terus menyokong dan menyumbangkan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik. Ini sekali gus menjadikan keadaan pasaran kekal teratur. Sehubungan dengan itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) untuk tempoh matang satu sehingga 20 tahun menurun hampir sepanjang tahun 2017. Ini seperti ditunjukkan oleh kadar hasil yang lebih rendah antara 11 hingga 37 mata asas sejak akhir tahun 2016 (Rajah 1.21). Mudah tunai dalam pasaran MGS kekal utuh dengan purata spread bida-tawar terus stabil pada 0.1% daripada harga pertengahan (2016: 0.1%). Dalam pasaran bon korporat, peratusan pelaburan bukan pemastautin kekal kecil dan stabil pada 3% daripada jumlah bon korporat terkumpul (2016: 3.4%).

Dalam pasaran ekuiti, bukan pemastautin meningkatkan pemegangan mereka kepada 23.2% daripada jumlah permodalan pasaran (2016: 22.3%), disokong keadaan makroekonomi global dan domestik yang bertambah baik serta prospek ringgit yang menggalakkan. FBM KLCI mengakhiri tahun 2017 dengan lebih kukuh, dengan peningkatan sebanyak 9.4% kepada 1,796.81 mata.

Rajah 1.20: Pasaran Kewangan – Pengagihan Pemegangan Bon Kerajaan oleh Bukan Pemastautin

Kebanyakan pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon adalah oleh pelabur bukan pemastautin jangka panjang




1. Pelabur bukan pemastautin jangka panjang: Bank pusat, kerajaan, kumpulan wang pencen, syarikat insurans
2. Pelabur bukan pemastautin jangka sederhana: Syarikat pengurusan aset
3. Pelabur bukan pemastautin jangka pendek: Bank bukan pemastautin, penama dan lain-lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.21: Pasaran Kewangan – Kadar Hasil MGS, Kadar Hasil Bon Korporat dan Aliran Portfolio Bersih Suku Tahunan

Kadar hasil bon lebih rendah terutamanya disebabkan aliran masuk bukan pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi ini sejajar dengan indeks ekuiti serantau lain. Nisbah harga kepada perolehan ialah 16.2 kali (purata tahun 2000 hingga 2017: 16.7 kali). Begitu juga dengan mudah tunai dalam pasaran ekuiti yang kekal utuh pada purata spread bida-tawar yang stabil iaitu 0.4% daripada harga pertengahan (2016: 0.4%). Tanggapan pasaran tentang risiko kerajaan yang dicerminkan dalam spread swap mungkir kredit bagi Malaysia, lebih rendah pada 58 mata asas (2016: 137 mata asas) menjelang akhir tahun 2017.

Ringgit menambah nilai sebanyak 10.4% berbanding dengan dolar AS (USD) untuk mengakhiri tahun 2017 pada RM4.0620 (2016: USD1 = RM4.4860). Ringgit merupakan mata wang kedua terbaik di Asia selepas won Korea Selatan, yang menambah nilai sebanyak 12.8% berbanding dengan USD. Berikutan siri langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) sejak bulan Disember 2016, mudah tunai pertukaran asing dalam negeri meningkat, didorong oleh permintaan dan penawaran terhadap mata wang asing yang lebih seimbang. Contohnya, rangka kerja perlindungan nilai dinamik telah meningkatkan transaksi hadapan pertukaran asing institusi pelaburan bukan pemastautin dalam pasaran dalam negeri (rujuk Bab 5 untuk maklumat lanjut).


Pengurusan aktif dedahan risiko pasaran membolehkan institusi kewangan menguruskan impak aliran pelaburan portfolio dua hala yang tidak menentu

Pada amnya, tiada perubahan ketara dalam amalan pengambilan risiko pasaran oleh institusi kewangan. Keseluruhan portfolio perbendaharaan bank berkembang 14% kepada RM421 bilion atau 16.5% (2016: 15.1%) daripada jumlah aset. Daripada jumlah ini, pemegangan terbesar adalah dalam akaun perbankan. Peningkatan ini berlaku terutamanya disebabkan oleh pemegangan bon kerajaan dan korporat yang lebih tinggi sepanjang tahun 2017. Bank mengekalkan dedahan akaun dagangan yang lebih kecil sebagai tindak balas kepada beberapa tempoh turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan domestik (masing-masing pada 10.6% dan 11.7% daripada jumlah portfolio perbendaharaan pada tahun 2017 dan 2016). Berdasarkan analisis sensitiviti kadar faedah, risiko tempoh dalam akaun dagangan kekal rendah. Perubahan dalam nilai pasaran cuma dianggarkan sebanyak RM4.3 juta bagi sekuriti ringgit dan RM0.3 juta bagi sekuriti USD, bagi setiap satu mata asas perubahan dalam kadar faedah. Secara keseluruhan, bank mencatat perolehan dagangan dan pelaburan bersih sebanyak RM6.3 bilion (2016: RM6.5 bilion). Jumlah ini mencakupi 17.3% (2016: 20.1%) daripada jumlah keuntungan sebelum cukai, kebanyakannya daripada perolehan dagangan pertukaran asing bersih.

Dedahan risiko pasaran oleh bank berkurang sedikit daripada purata tahun 2014 hingga 2017 (Rajah 1.22), dan kekal pada tahap berhemat bagi nilai berisiko

Rajah 1.22: Sistem Perbankan – Risiko Ekuiti, Pertukaran Asing dan Kadar Faedah (% daripada Jumlah Modal)

Dedahan risiko pasaran bagi bank di bawah purata 2014-2017



Sumber: Bank Negara Malaysia

(value-at-risk) dan kerugian yang mampu ditampung oleh setiap bank. Jumlah modal yang diperuntukkan bagi risiko kadar faedah dalam akaun dagangan kekal pada 1% daripada jumlah modal bank. Dedahan terhadap risiko ekuiti pula kekal kecil pada 1% daripada jumlah modal (2016: masing-masing 1.1% dan 0.8%). Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan juga stabil pada 3.7% (2016: 3.6%) daripada jumlah modal. Keseluruhan dedahan risiko pertukaran asing menurun kepada 6.1% daripada jumlah modal (2016: 6.3%). Isu risiko pasaran giat dibincangkan oleh jawatankuasa peringkat lembaga dan pengurusan kanan sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan risiko yang berterusan. Bank-bank menjalankan ujian tekanan dalaman secara berkala untuk mengukur potensi impak senario buruk terhadap kemampuan penampungan modal dan mudah tunai mereka. Keputusan ujian tekanan ini juga digunakan untuk mengkaji semula had risiko, dan untuk mengurus portfolio dan merancang keperluan modal.

Sistem perbankan terus menunjukkan keupayaan untuk berhadapan dengan kejutan pasaran yang teruk. Ini juga disokong oleh kedudukan kewangan yang kukuh. Berdasarkan ujian tekanan risiko pasaran terkini yang dijalankan oleh Bank, jumlah nisbah modal (total capital ratio, TCR) dan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1) pascakejutanan bagi sistem perbankan masing-masing dijangkakan pada 15.9% dan 12.1% di bawah senario risiko pasaran yang teruk. Senario ini berdasarkan kejutan kadar hasil yang besar, kemerosotan nilai ekuiti yang besar, dan susut nilai ringgit yang besar berbanding dengan mata wang utama.

Penanggung insurans dan pengendali takaful (Rajah 1.23 dan 1.24) juga mengekalkan amalan pengambilan risiko yang berhemat tanpa perubahan yang ketara dalam amalan pengambilan risiko pasaran mereka. Sebahagian besar daripada portfolio perbendaharaan dipegang untuk memadamkan struktur liabiliti penanggung insurans dan pengendali takaful. Pemegangan ini terutamanya dalam bentuk pelaburan dalam bon korporat (41% daripada jumlah aset) dan ekuiti (19.5% daripada jumlah aset).


Disebabkan struktur liabiliti bersifat jangka panjang, pelaburan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga terutamanya dalam bon korporat jangka sederhana hingga panjang (91% daripada jumlah bon korporat yang dipegang). Sebaliknya, sebahagian besar penanggung insurans am dan pengendali takaful am terus memegang tunai dan deposit (21% daripada jumlah aset), serta skim pelaburan kolektif mudah tunai (collective investment scheme, CIS) (20% daripada jumlah aset). Ini bertujuan untuk memadamkan struktur liabiliti jangka pendek mereka. Pelaburan dalam CIS berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak 12% sejak tahun 2013.

Pada suku pertama 2017, sektor ini meningkatkan pemegangan ekuiti untuk mendapatkan hasil pulangan yang lebih tinggi dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti domestik yang lebih teguh. Ini didorong oleh beberapa penanggung insurans hayat yang utama lantas mencerminkan strategi peruntukan aset jangka pendek mereka. Pelaburan dalam ekuiti kekal berpelbagai dan merentas seluruh sektor ekonomi. Pelaburan juga dibuat terutamanya dalam saham-saham berprestasi tinggi. Pada akhir tahun 2017, modal yang diperuntukkan untuk risiko ekuiti telah meningkat kepada 9.1% (2016: 7.8%) daripada jumlah modal sedia ada. Ini telah menyumbang kepada caj risiko modal pasaran yang lebih tinggi sebanyak 15.4% (2016: 13.3%) daripada jumlah modal sedia ada (Rajah 1.25).

Secara keseluruhan, portfolio pelaburan menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi industri insurans berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan bersih daripada aktiviti perdagangan meningkat dengan ketara kepada RM6 bilion (2016: RM0.9 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh nilai ekuiti yang dipegang penanggung insurans hayat yang lebih tinggi. Seseengah penanggung insurans juga lebih aktif dalam pengambilan untung ekoran prestasi pasaran ekuiti yang lebih teguh.

Rajah 1.23: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Aset


Komposisi aset sektor insurans hayat dan takaful keluarga tidak berubah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.24: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Komposisi Aset


Komposisi aset sektor insurans am dan takaful am masih sama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.25: Sektor Insurans dan Takaful – Komposisi Risiko Pasaran

Caj modal risiko pasaran lebih tinggi disebabkan peningkatan pemegangan ekuiti



Sumber: Bank Negara Malaysia


RISIKO MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN

Keadaan Mudah Tunai Keseluruhan Bertambah Baik pada Tahun 2017 dengan Pemulihan Deposit Bank

Agregat lebih mudah tunai ringgit sistem kewangan domestik yang ditempatkan dengan Bank kekal stabil pada RM189 bilion (2016: RM185 bilion). Mudah tunai sistem perbankan yang terdiri daripada penempatan deposit, repo berbalik dan rizab berkanun di Bank yang berjumlah RM176.2 bilion (2016: RM167.4 bilion) kekal lebih daripada mencukupi dan tersedia untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Sejumlah besar pendanaan bank masih berasaskan deposit, mencakupi 69.2% (2016: 69.4%) daripada jumlah ekuiti dan liabiliti bank. Kebanyakan deposit adalah dalam denominasi ringgit (2017: 93%; 2016: 92.2%). Keseluruhan pendanaan antara bank dan deposit dalam mata wang asing kekal rendah, masing-masing mencakupi 5.6% (2016: 6%) dan 4.8% (2016: 5.4%) daripada jumlah pendanaan bank. Profil pendeposit keseluruhan juga pada amnya tidak berubah. Isi rumah kekal sebagai penyumbang terbesar deposit bank (37.3%), diikuti sektor perniagaan (33.5%) (Rajah 1.26).

Rajah 1.26: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit mengikut Penyimpan

Deposit isi rumah dan perniagaan mencakupi lebih dua pertiga daripada jumlah deposit bank



Nota: Deposit termasuk akaun pelaburan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Deposit bank, termasuk akaun pelaburan, meningkat 4% pada tahun 2017, lebih kukuh berbanding kadar peningkatan pada tahun 2016 (1.6%). Lebih separuh daripada pertumbuhan disumbangkan oleh deposit lebih tinggi daripada sektor perniagaan. Hal ini sejajar dengan peningkatan keuntungan perniagaan. Aliran keluar deposit pengeksport juga menurun sebanyak RM99.6 bilion kepada RM394.6 bilion pada tahun 2017 (2016: RM494.2 bilion). Hal ini berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan oleh FMC pada bulan Disember 2016 yang menyebabkan aliran dalam pasaran pertukaran asing (FX) menjadi lebih seimbang. Selepas pelaksanaan langkah-langkah FMC tersebut, penukaran hasil eksport bersih daripada aktiviti perdagangan menjadi positif kepada USD9.2 bilion (bulan Januari hingga November 2016: -USD0.5 bilion).

Deposit isi rumah (3.9%; 2016: 5.1%) terus menyokong pertumbuhan deposit sistem perbankan. Pertumbuhan lebih sederhana dalam deposit isi rumah pada tahun 2017 sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan semula deposit kepada produk pelaburan alternatif yang menjana kadar hasil lebih tinggi, seperti dana unit amanah. Meskipun lebih 90% aset di bawah pengurusan dana unit amanah dilaburkan dalam pasaran kewangan domestik, bahagian pelaburan di luar negeri kini semakin berkembang, terutamanya di rantau Asia Pasifik. Pada tahun 2016, aset yang dilaburkan di luar negeri berjumlah RM31 bilion atau 8.6% daripada jumlah aset dana unit amanah (2012: 6.8%). Deposit daripada bukan pemastautin secara relatif kekal stabil walaupun dalam persekitaran aliran keluar, dan mencakupi kira-kira 4.8% daripada deposit bank (2016: 4.4%).


Mudah tunai sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi terus menyokong aktiviti pengantaraan. Bank-bank juga terus mempelbagaikan asas pendanaan mereka untuk memadamkan profil kematangan aset dengan lebih baik menerusi terbitan instrumen jangka sederhana yang meningkat. Perkembangan ini adalah sejajar dengan jangkaan bahawa Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) akan dilaksanakan. Peningkatan ekuiti dan instrumen hutang bank sebanyak 17.6% mengatasi peningkatan aset, yang hanya berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2017. Instrumen tersebut mencakupi 14.2% daripada jumlah pendanaan bank dan terus mengurangkan ketidakpadanan tempoh matang dan mata wang dalam struktur pendanaan bank. Memandangkan sumber pendanaan selain deposit terus berkembang, nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF) dapat mencerminkan dengan lebih baik struktur pendanaan

yang lebih pelbagai dan asas pendanaan bank yang lebih meluas. Nisbah LTF sistem perbankan adalah pada 84% (Rajah 1.27). Berdasarkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III, iaitu pengukur profil mudah tunai bank yang juga lebih sensitif risiko, semua bank mencatat tahap yang melebihi keperluan peralihan minimum pada 90% pada tahun 2018. Jumlah aset mudah tunai berkualiti tinggi bank yang besar (21.4% daripada aset sistem perbankan) memberikan kemampuan yang mencukupi kepada bank sekiranya berlaku kejutan pendanaan.

Kos pendanaan purata rendah sedikit pada 2.72% (2016: 2.82%). Kos deposit purata pula menurun kepada 2.5% (2016: 2.6%) sejajar dengan kurangnya persaingan untuk deposit serta tumpuan lebih besar pada penunjuk kestabilan pendanaan yang mencakupi instrumen pendanaan yang lebih meluas termasuk LCR. Kadar antara bank kekal stabil pada 3.44%. Margin faedah/pembiayaan kasar (gross interest/financing margin, GIM) dan margin faedah/pembiayaan bersih (net interest/financing margin, NIM) bank bertambah baik, masing-masing kepada 2.11% dan 0.71% (2016: masing-masing 2.07% dan 0.6%). Ini mencerminkan keadaan pendanaan yang semakin baik di samping kecekapan operasi yang lebih tinggi

Rajah 1.27: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III dan Nisbah Pinjaman kepada Dana

Mudah tunai sistem perbankan mencukupi untuk menampung kejutan mudah tunai yang teruk




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan mudah tunai USD dalam negeri menurun pada tahun 2017 selepas mengalami keadaan mudah tunai yang lebih ketat berikutan keputusan pilihan raya presiden AS (Rajah 1.28). Spread mudah tunai USD jangka pendek dalam negeri, seperti ditunjukkan oleh spread kadar hasil tersirat USD yang melebihi Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate, Libor), menurun kepada 55 mata asas (2016: 134 mata asas). Spread mudah tunai USD jangka panjang, seperti ditunjukkan oleh spread swap asas mata wang bersilang lima tahun, juga menurun kepada 25 mata asas (2016: 68 mata asas).

Sistem perbankan merupakan peminjam mata wang asing bersih dalam pasaran antara bank (RM14.3 bilion atau 2.2% daripada liabiliti mata wang asing). Ini terus mencerminkan penempatan antara bank oleh entiti induk bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign banks, LIFB) yang merupakan sebahagian daripada strategi pengurusan mudah tunai seluruh kumpulan. Sebaliknya, kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBGs) yang besar kekal sebagai pemberi pinjaman bersih dalam pasaran antara bank mata wang asing. Ini berikutan perniagaan mereka di luar negeri yang semakin berkembang. Sumber utama pendanaan mata wang asing adalah daripada deposit pelanggan dan peminjaman mata wang asing jangka panjang, yang mencakupi 57% daripada jumlah liabiliti mata wang asing. Pendanaan ini adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai pinjaman dalam mata wang asing jangka panjang bank. Nisbah LTF mata wang asing, walaupun dalam trend menaik, masih lagi rendah pada 61.6%.

Rajah 1.28: Pasaran Kewangan – Spread Kadar Hasil Tersirat Dolar AS Melebihi Libor dan Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang (CCBS) USD/RM 5 Tahun

Keadaan mudah tunai dolar AS dalam negeri bertambah baik pada 2017



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

RISIKO PENULARAN

Prospek bagi Institusi Kewangan Bukan Bank untuk Memindahkan Risiko dan Kejutan kepada Sistem Kewangan Kekal Kecil

Meskipun IKBB⁹ sebagai satu kumpulan terus berkembang dari segi saiz (7.4% dalam aset; 2016: 5.4%), profil risiko, magnitud dan sifat kesalinghubungannya dengan sistem kewangan domestik pada amnya masih tidak berubah (Rajah 1.29). Saluran utama pemindahan risiko daripada IKBB kepada sistem kewangan masih lagi melalui pelaburan dalam kelas aset yang sama serta pemegangan ekuiti dalam institusi kewangan Malaysia.


Secara agregat, IKBB memegang sebahagian besar daripada ekuiti dan bon domestik, iaitu 26.4% daripada jumlah permodalan pasaran dan 37.6% daripada jumlah bon terkumpul. Sekiranya berlaku tekanan kewangan, pelupusan aset-aset tersebut secara besar-besaran oleh IKBB boleh mendorong kepada pelarasan penilaian yang amat ketara. Ini seterusnya boleh menjejaskan sentimen pasaran keseluruhan dan kedudukan kewangan institusi kewangan lain yang memegang aset-aset tersebut. Satu lagi saluran risiko ialah kepentingan ekuiti IKBB yang besar dalam institusi kewangan, yang mencakupi

34.9% daripada jumlah permodalan pasaran DBG (2016: 35.1%). Pada masa ini, penilaian menunjukkan risiko-risiko itu adalah pada tahap yang tidak membimbangkan. Penampakan kewangan, yang terdiri daripada keuntungan, rizab dan perolehan tertahan bagi IKBB yang besar, meningkat seiring dengan pemulihan dalam keadaan pasaran kewangan global dan domestik. Secara purata, penampakan kewangan IKBB meningkat 31.4% (2016: -1%) pada tahun 2017. Pulangan atas aset bagi IKBB yang besar adalah antara 5.4% hingga 8% (2016: 3.8% hingga 6.1%).

Kemungkinan berlakunya tekanan kewangan yang berpunca daripada aktiviti transformasi tempoh matang yang dijalankan oleh IKBB juga kekal terhad. Tempoh matang bon korporat purata yang diterbitkan oleh IKBB ialah 9.7 tahun, hampir sepadan dengan tempoh pembiayaan purata yang diberikan (lazimnya kurang dari 10 tahun). Pergantungan IKBB pada pendanaan pasaran jangka pendek adalah rendah. Ini ditunjukkan oleh bahagian kertas komersial yang hanya mencakupi kurang 4% daripada jumlah sekuriti hutang yang diterbitkan oleh IKBB. Keadaan ini mengehadkan potensi risiko pelanjutan dan pendanaan. Walau bagaimanapun, beberapa IKBB terdedah kepada risiko mudah tunai yang lebih tinggi disebabkan oleh asas depositnya yang besar. Deposit tersebut, yang

Rajah 1.29: Kesalinghubungan IKBB dengan Sistem Kewangan

Pemegangan bon dan ekuiti merupakan saluran kesalinghubungan utama IKBB dengan sistem kewangan



a Awal

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran Bank Negara Malaysia


⁹ Merujuk IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (Rajah 1.30).

Profil Institusi Kewangan Bukan Bank di Malaysia

Institusi kewangan bukan bank (IKBB) mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2017. Paras ini secara relatif kekal stabil sejak lima tahun yang lalu (Rajah 1.30). Dana kumpulan wang simpanan dan pencen serta industri pengurusan dana mencakupi bahagian terbesar (83%) daripada jumlah aset IKBB. Kebanyakan IKBB dikawal selia sama ada oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau tertakluk pada pengawasan tertentu beberapa kementerian Kerajaan.

Rajah 1.30: Saiz dan Komposisi IKBB Berbanding Aset Sistem Kewangan

IKBB mencakupi 40% daripada jumlah aset sistem kewangan; dengan kumpulan wang simpanan dan pencen serta industri pengurusan dana mencakupi sebahagian besar aset IKBB



a Awalan

* Merujuk Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) lain yang tidak dikawal selia oleh Bank di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP 2002)

** Merujuk pemegang pajak gadai, pemberi pinjaman wang, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia pembiayaan sewa beli bukan bank, syarikat pemegang amanah milik kerajaan, dan pertubuhan keselamatan sosial

^ Merujuk sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji kebangsaan


Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran Bank Negara Malaysia

Aktiviti pengantaraan kewangan domestik oleh IKBB sebahagian besarnya didorong oleh pembiayaan dan pelaburan dalam sekuriti hutang yang lazim dan ekuiti. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut mencakupi bahagian KDNK yang lebih kecil sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Rajah 1.31). Ini sebahagiannya mencerminkan pelaburan yang semakin pelbagai oleh IKBB. Suatu perkembangan penting, terutamanya dalam kalangan pengurus dana pencen dan pengurus dana yang lebih besar, ialah peningkatan pelaburan secara beransur-ansur dalam aset alternatif seperti harta tanah, projek infrastruktur dan ekuiti swasta untuk meningkatkan kadar hasil dan mempelbagaikan risiko pelaburan. Walau bagaimanapun, pelaburan sedemikian secara relatif masih kecil, iaitu kurang 15% daripada jumlah aset setiap IKBB. Bahagian aset luar negeri adalah antara 9% hingga 28.2% daripada jumlah aset setiap IKBB (2014: 9% hingga 24%).

Pada masa hadapan, profil aset IKBB dijangka mencerminkan aset yang lebih pelbagai untuk mendapatkan pulangan yang mampan. Keadaan ini dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak akan menyebabkan perubahan yang besar dalam kesalinghubungan antara IKBB dengan sistem kewangan.

Rajah 1.31: Pengantaraan Kewangan Domestik oleh IKBB

Penurunan aktiviti pengantaraan kewangan domestik IKBB kepada KDNK mencerminkan mempelbagaian pelaburan oleh IKBB



Nota: Pengantaraan kewangan terdiri daripada (i) pelaburan dalam ekuiti; (ii) pelaburan dalam sekuriti hutang; (iii) pembiayaan; (iv) pensekuritan; dan (v) jaminan atau penambahbaikan kredit

a Awalan

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran Bank Negara Malaysia

boleh dikeluarkan oleh pelanggan pada bila-bila masa, digunakan untuk membiayai aset jangka panjang. Bagi mengurus risiko pengeluaran, institusi-institusi ini terus memegang aset mudah tunai dalam bentuk tunai, penempatan deposit dan sekuriti kerajaan. Secara agregat, pemegangan aset mudah tunai oleh IKBB adalah antara 23% hingga 35% daripada jumlah aset (2016: antara 17% hingga 32%) untuk tujuan memenuhi kemungkinan pengeluaran.

Didahan risiko kredit langsung sistem kewangan kepada IKBB pada amnya stabil. Pemegangan sekuriti IKBB oleh bank dan penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) adalah tinggi sedikit pada 10.5% (2016: 9.3%) daripada jumlah modal. Pemberian pinjaman oleh bank kepada IKBB mencakupi 11.9% (2016: 13.8%) daripada jumlah modal sistem perbankan atau 2.6% (2016: 3.2%) daripada pinjaman sistem perbankan. Dedahan sistem perbankan kepada IKBB dalam bentuk swap kadar faedah dan pertukaran asing kekal terhad pada 3.6% (2016: 5%) daripada jumlah modal sistem perbankan.

Peningkatan Dedahan Luaran Bank Sejalan dengan Operasi Serantau dan Amalan Pengurusan Mudah Tunai Berpusat

Pada tahun 2017, amalan pengurusan mudah tunai berpusat (centralised liquidity management, CLM) terus menjadi pendorong utama dedahan luaran bank Malaysia, termasuk LIFB dan bank Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) (rujuk Kotak Maklumat bertajuk 'Amalan Pengurusan Mudah Tunai Berpusat Bank-bank Malaysia').


Aset dan liabiliti luaran bank di Malaysia meningkat, masing-masing sebanyak 5.2% dan 3.3% (2016: masing-masing -3.4% dan 7.1%) kepada RM261 bilion dan RM439.6 bilion. Pada akhir tahun 2017, aset dan liabiliti luaran masing-masing mencakupi 10.2% dan 17.2% daripada jumlah aset dan liabiliti sistem perbankan (2016: masing-masing 10.2% dan 17.4%). Dari sudut geografi, kebanyakan dedahan luaran adalah dengan rakan niaga di Asia (61.1% daripada aset luaran dan 73.4% daripada liabiliti luaran), terutamanya di Singapura dan Hong Kong SAR. Dedahan luaran juga sebahagian besarnya dalam denominasi USD (48.4% daripada aset luaran dan 46.5% daripada liabiliti luaran) dan ringgit (11.3% daripada aset luaran dan 39.1% daripada liabiliti luaran).

Liabiliti luaran bersih sistem perbankan Malaysia meningkat kepada RM178.6 bilion (2016: RM177.3 bilion) (Rajah 1.32). Kedudukan liabiliti luaran bersih mencerminkan terutamanya dedahan luaran LIFB (RM129.6 bilion) dan bank LIBFC (RM37.4 bilion). Peningkatan liabiliti luaran bersih LIFB kepada RM129.6 bilion (2016: RM115.7 bilion) sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam sekuriti yang dipegang bagi pihak pelanggan (43% daripada RM40.4 bilion pada akhir tahun 2016 kepada RM57.8 bilion). Ini mencerminkan aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang berterusan ke dalam pasaran kewangan domestik.

Bagi LIFB, sebahagian besar liabiliti luaran masih dalam denominasi ringgit (78.1% daripada jumlah liabiliti luaran) dalam bentuk dana modal yang stabil di Malaysia (30.4%) dan sekuriti yang dipegang bagi pihak pelanggan (33.6%) (Rajah 1.33). Sekuriti yang dipegang bagi pihak pelanggan mempunyai risiko kredit dan mudah tunai yang terhad kepada LIFB. Ini kerana risiko itu ditanggung penerima manfaat muktamad. Komponen lain liabiliti luaran LIFB termasuk deposit bukan pemastautin dan pendanaan antara bank yang kebanyakannya daripada entiti bersekutu di luar negeri. Dana-dana tersebut didapati stabil walaupun ketika tempoh aliran portfolio yang besar. Bagi DBG, sebahagian besar dedahan luarannya termasuk urus niaga antara bank untuk pihak berkaitan

Rajah 1.32: Sistem Perbankan – Aset dan Liabiliti Luaran


Liabiliti luar bersih sistem perbankan mencerminkan operasi bank di negara serantau dan pengurusan mudah tunai berpusat



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC
Liabiliti luaran = Hutang luar negeri (antara bank + deposit & nostro + pinjaman + sekuriti hutang) + dana modal + sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan + lain-lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana modal yang stabil dan sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan membentuk sebahagian besar liabiliti luaran LIFB




Sumber: Bank Negara Malaysia

(masing-masing 16.8% dan 9.6% daripada aset luaran dan liabiliti luaran) dan pendanaan mata wang asing yang diperoleh dalam pasaran modal antarabangsa sebagai sebahagian daripada operasi CLM. Komponen lain dedahan luaran DBG termasuklah deposit yang diterima daripada bukan pemastautin dan pelaburan modal untuk operasi di luar negeri (Rajah 1.34). Dedahan bank LIBFC kebanyakannya dalam bentuk pinjaman (63.4% daripada aset luaran) dan peminjaman antara bank (87.2% daripada liabiliti luaran) dan juga mencerminkan aktiviti pengantaraan mata wang asing mereka.

Peningkatan ketara hutang luar negeri jangka pendek pada suku pertama 2017 yang kemudiannya menjadi

lebih sederhana mencerminkan usaha beberapa DBG memanfaatkan keadaan pasaran semasa pada awal tahun 2017 untuk mendapatkan dana. Disebabkan perbezaan kadar faedah, bank-bank ini mendapatkan dana pada kos tersirat yang lebih rendah menerusi peminjaman dari luar negeri dalam mata wang asing dan menukarkan hasil yang diperoleh kepada ringgit, berbanding peminjaman terus daripada pasaran wang antara bank domestik dalam ringgit. Walau bagaimanapun, tiada pergantungan yang berlebihan terhadap pendanaan luaran dan mata wang bersilang. Sebahagian besar daripada operasi domestik bank Malaysia dibiayai oleh deposit ringgit (64.4% daripada pendanaan). Deposit bukan pemastautin dan peminjaman antara bank luar pesisir kekal rendah, masing-masing

Komponen peminjaman antara bank dan deposit menyumbang lebih separuh daripada liabiliti luaran DBG




Sumber: Bank Negara Malaysia

Amalan Pengurusan Mudah Tunai Berpusat Bank-bank Malaysia

Kedudukan jurang mudah tunai diurus secara berpusat di ibu pejabat untuk mengoptimumkan secara relatif kelebihan pendanaan merentas operasi kumpulan. Pada masa yang sama, keadaan ini membolehkan pengumpulan (a,b,c,d,e) dan pengagihan semula (f,g,h) lebih dana yang berkesan merentas entiti tempatan dan luar negeri.

Gambar Rajah 1.4: Amalan Pengurusan Mudah Tunai Berpusat Bank-bank Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG).

- Mudah tunai lazimnya diurus secara berpusat di ibu pejabat untuk menguruskan kematangan dan ketidakpadanan mata wang di seluruh operasi kumpulan.
- Lebih mudah tunai daripada pejabat yang berkaitan bersama-sama pendanaan mata wang asing yang diperoleh dalam pasaran modal antarabangsa, sebagai sebahagian daripada strategi pelbagaian pendanaan yang lebih luas, dikumpulkan dan diagihkan semula kepada pejabat yang berkaitan. Ini menyebabkan dedahan luaran pada kedua-dua bahagian kunci kira-kira DBG iaitu dalam bentuk penempatan dan peminjaman antara bank.
- Sebahagian daripada dana disimpan di ibu pejabat sebagai penampungan. Ini merupakan langkah berjaga-jaga terhadap keadaan pendanaan yang lebih ketat dan turun naik dalam pasaran pertukaran asing.

Bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign banks, LIFB)

- LIFB ialah peminjam bersih mudah tunai wang asing. LIFB lazimnya memanfaatkan bank-bank induk yang mempunyai penarafan kredit yang lebih kukuh untuk mendapatkan pendanaan mata wang asing yang lebih murah dan untuk jangka masa lebih panjang dalam pasaran modal antarabangsa.
- Pendanaan mata wang asing tersebut digunakan untuk menguruskan ketidakpadanan pendanaan dan kematangan portfolio pinjaman mata wang asing, untuk pemberian pinjaman mata wang asing antara bank domestik dan untuk aktiviti perdagangan dan pelaburan ringgit.

Bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC)

- Sebahagian besar dana bank LIBFC dibiayai oleh peminjaman dalam kumpulan daripada bank induk atau pejabat wilayah di luar negeri memandangkan asas deposit mereka adalah kecil.
- Risiko pendanaan dan mudah tunai kekal terhad disebabkan oleh peminjaman yang bersifat satu persatu (back-to-back) (iaitu pembiayaan yang diterima dari pejabat yang berkaitan lazimnya sepadan dengan pembiayaan yang diberikan dari segi jumlah, mata wang dan tempoh).

pada 3.4% dan 3.5% daripada pendanaan. Pada peringkat institusi, risiko pusing ganti dan pertukaran asing diuruskan melalui amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman setiap bank. Ini termasuk had dalaman bagi nisbah pinjaman kepada deposit mata wang asing dan dedahan swap pertukaran asing, rancangan pendanaan luar jangka serta pelanjutan struktur tempoh matang liabiliti untuk mengurangkan ketidakpadanan aset-liabiliti.


Berdasarkan analisis Bank, potensi risiko kesan limpahan yang berpunca daripada gabungan kejutan kredit dan pendanaan luaran terhadap sistem perbankan domestik kekal rendah. Analisis penularan rangkaian terhadap dedahan merentas sempadan bank di Malaysia menunjukkan bahawa kesan penularan langsung dan tidak langsung daripada kejadian tekanan dalam sistem perbankan rakan niaga utama kepada sistem perbankan domestik adalah terhad. Kesan penularan yang disimulasikan berikutan tekanan hipotetikal sistem perbankan yang bermula dari Singapura (negara tempat sistem perbankan Malaysia mempunyai dedahan terbesar) tidak akan mengakibatkan tekanan terhadap seluruh sistem perbankan di Malaysia walaupun menggunakan andaian yang sangat konservatif. Simulasi ini juga tidak mengambil kira kesan pindahan risiko kredit, tindak balas bank mengurangkan kerugian atau campur tangan dasar oleh pihak berkuasa.

Bagi penanggung insurans Malaysia (termasuk pengendali takaful), tuntutan luaran kebanyakannya adalah dalam bentuk dedahan insurans semula am. Pada akhir tahun 2017, risiko yang tersid oleh penanggung insurans am kepada penanggung insurans semula luar negeri berjumlah RM3.1 bilion (15.4% daripada jumlah perniagaan yang diunderait). Jumlah ini kebanyakannya kepada penanggung insurans semula AS dan Eropah yang beribu pejabat di Jerman, Switzerland dan UK (Rajah 1.35). Risiko yang tersid lazimnya berkaitan dengan kategori perniagaan penerbangan, berkaitan minyak luar pesisir, kapal marin dan kejuruteraan (Rajah 1.36). Risiko rakan niaga insurans semula kekal stabil dan rendah kerana kebanyakan dedahan adalah kepada penanggung insurans semula global yang berpenarafan tinggi. Risiko yang tersid oleh penanggung insurans hayat kepada penanggung insurans semula luar negeri kekal kecil, iaitu kurang 3% daripada jumlah perniagaan yang diunderait.

Aset luaran penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia kekal kecil, iaitu kurang 5% daripada jumlah aset industri dan tertumpu terutamanya pada pasaran ekuiti yang lebih cair di Asia (Rajah 1.37). Secara agregat, keupayaan penanggung insurans untuk

Rajah 1.35: Sektor Insurans dan Takaful – Dedahan Insurans Semula Asing Mengikut Negara Utama


Risiko rakan niaga kekal rendah, kerana kebanyakan dedahan adalah dengan penanggung insurans semula global yang berpenarafan tinggi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.36: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Insurans Semula Tersid


Risiko utama yang tersid (ceded) adalah daripada segmen penerbangan, berkaitan minyak luar pesisir, kapal marin dan kejuruteraan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.37: Sektor Insurans dan Takaful – Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau

Dedahan luaran kebanyakannya pada pasaran ekuiti yang mudah ditunaikan



Sumber: Bank Negara Malaysia

menambah pelaburan mereka di luar negeri adalah terhad disebabkan oleh had pelaburan dalaman yang secara relatifnya rendah.


Risiko Operasi Luar Negeri Kumpulan Perbankan Domestik Terhadap Sistem Perbankan Malaysia adalah Terkawal

Pada peringkat serantau, DBG terus mengembangkan operasi mereka selaras dengan hubungan pelaburan yang berkembang di Asia. Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri (aset luar negeri) meningkat 4.5% setahun kepada RM584 bilion pada suku ketiga 2017. Bahagian aset luar negeri mencakupi 23.2% (S3 2016: 23.5%) daripada jumlah aset DBG, dalam lingkungan 6.7% hingga 38.3% daripada jumlah aset setiap DBG. Pinjaman terus merupakan bahagian terbesar aset luar negeri DBG dan mencakupi 60% daripada jumlah aset luar negeri. Lebih separuh daripada jumlah ini merupakan pinjaman bercagar untuk pembelian rumah dan kereta, dan juga pemberian pinjaman kepada PKS (Rajah 1.38). Dari segi jangkauan geografi, sebahagian besar dedahan masih di Singapura (47%) dan Indonesia (22%), berikutan kehadiran DBG yang nyata di kedua-dua negara tersebut (Rajah 1.39).

Risiko kepada sistem perbankan Malaysia yang berpunca daripada operasi DBG di luar negeri adalah terkawal. Ini adalah hasil daripada permodalan yang kukuh dan struktur pendanaan yang stabil bagi

Rajah 1.38: Sistem Perbankan – Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih


Komposisi pinjaman luar negeri berbeza-beza mengikut negara



Nota: Data pada akhir S3 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.39: Sistem Perbankan – Komposisi Aset Operasi Luar Negeri DBG

Dua pertiga aset luar negeri adalah dari Singapura dan Indonesia




Nota: Data pada akhir S3 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

operasi di luar negeri. Nisbah modal subsidiari DBG yang utama di luar negeri kekal tinggi, antara 10.5% hingga 19.8% (S3 2016: antara 10.9% hingga 19.3%). Berdasarkan penilaian, risiko kejutan pendanaan yang berlaku dalam operasi DBG di luar negeri adalah rendah. Walaupun kebanyakan DBG menerapkan model CLM untuk meningkatkan kecekapan, operasi di luar negeri sebahagian besarnya masih dibiayai deposit mata wang tempatan, dengan pergantungan minimum pada entiti induk di Malaysia untuk mudah tunai. Hal ini lantas mengehadkan ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang. Dasar pengurusan risiko dan pengaturan pengawasan di seluruh kumpulan yang lebih kukuh termasuk ujian tekanan yang lebih menyeluruh dan sepadan dengan saiz operasi DBG di luar negeri yang semakin berkembang, terus mengurangkan kemungkinan berlakunya pindahan risiko kepada operasi perbankan domestik.

Kualiti aset DBG secara keseluruhannya bertambah baik, walaupun tahap jejas nilai dalam sesetengah institusi masih agak tinggi terutamanya bagi yang beroperasi di Indonesia. Median nisbah pinjaman terjejas kasar bagi cawangan dan subsidiari besar di luar negeri stabil pada 2.3% (S3 2016: 2.1%) (Rajah 1.40). Cawangan dan subsidiari DBG di luar negeri terus mematuhi amalan pengurusan risiko yang kukuh. Amalan tersebut meliputi amalan piawai pengunderaitan dan peruntukan kerugian pinjaman berhemat, proses kelulusan pinjaman yang lebih baik dan pemantauan pinjaman secara lebih intensif bagi pinjaman yang menunjukkan tanda-tanda bermasalah.

Rajah 1.40: Sistem Perbankan – Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama bagi Operasi Luar Negeri Terpilih

Prestasi kewangan operasi luar negeri terus kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Operasi DBG di luar negeri juga pada amnya kekal menguntungkan. Sumbangan keuntungan daripada operasi di luar negeri kepada keuntungan kumpulan keseluruhan agak stabil, iaitu antara 1.2% hingga 18.8% daripada jumlah keuntungan kumpulan setiap DBG (S3 2016: antara 4.8% hingga 24.6%). Keupayaan berterusan operasi di luar negeri untuk menjana pendapatan mencerminkan usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menjalankan aktiviti berasaskan fi, seperti urusan perbendaharaan.

Perkembangan operasi luar negeri DBG terus dipantau rapi sebagai sebahagian daripada rangka kerja penyeliaan bersepadu Bank. Ini memerlukan penilaian berterusan ke atas prestasi dan profil risiko operasi luar negeri DBG serta pemeriksaan di premis entiti secara berkala untuk mengenal pasti lebih awal risiko yang mungkin memberikan impak yang besar terhadap kedudukan kewangan DBG. Pihak Bank juga kerap berbincang dan berinteraksi dengan pengawal selia negara tuan rumah sepanjang tahun 2017 melalui forum penyeliaan yang sedia ada dan mesyuarat dua hala. Perbincangan dan interaksi tersebut memudahkan perkongsian maklumat, perbincangan yang mendalam mengenai isu-isu penyeliaan dan penyelarasan langkah tindak balas untuk menangani isu-isu tersebut. Isu-isu penyeliaan utama yang dihadapi bersama telah dibincangkan pada tahun 2017. Antaranya, amalan pengurusan risiko kredit berikutan kemerosotan kualiti aset dalam operasi tertentu dan kecukupan kawalan dalaman untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.


Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun Mengesahkan Keupayaan Institusi Kewangan untuk Menyerap Kejutan

Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan keupayaan institusi kewangan pada peringkat sistem dan institusi untuk menghadapi senario tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk yang disimulasikan. Pada akhir tempoh ujian tekanan empat tahun, nisbah jumlah modal (TCR) agregat selepas kejutan sistem perbankan dianggarkan melebihi 10% di bawah senario buruk pertama (SB1) dan senario buruk kedua (SB2) (Rajah 1.41).

Lebih 90% daripada kerugian berpunca daripada kejutan risiko kredit. Dalam SB1, kerugian bank daripada portfolio isi rumah mencakupi bahagian yang lebih besar (38%) daripada jumlah kerugian berbanding dengan SB2 (34%). Dalam kedua-dua senario buruk, kerugian kredit yang berpunca daripada portfolio perniagaan mencakupi kira-kira 60% daripada jumlah kerugian, dengan bahagian kemungkiran peminjam korporat yang utama masing-masing pada 22% dan 33% daripada kerugian dalam SB1 dan SB2. Kerugian bersih kumulatif sepanjang tempoh ujian tekanan masing-masing pada 6% dan 31% daripada lebihan modal di bawah SB1 dan SB2. Nisbah pinjaman terjejas kasar agregat sistem perbankan dijangka meningkat kepada 5% di bawah SB1 dan 9% di bawah SB2 (Rajah 1.42). Walaupun di bawah senario tekanan yang teruk, bank masih

Rajah 1.41: Sistem Perbankan – Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan


Nisbah jumlah modal agregat sistem perbankan selepas kejutan dianggarkan melebihi 10%



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.42: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Selepas Kejutan

Nisbah pinjaman terjejas kasar agregat sistem perbankan selepas kejutan dijangka meningkat sehingga 9%



Sumber: Bank Negara Malaysia

berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kerugian yang dianggarkan dengan penampungan modal dan pendapatan sedia ada tanpa modal tambahan.

Nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) agregat penanggung insurans hayat dan am dianggarkan kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum sepanjang tempoh ujian tekanan di bawah kedua-dua senario. Dengan kebanyakan aset dalam portfolio dagangan, penanggung insurans hayat kekal terjejas oleh simulasi peristiwa risiko pasaran yang melibatkan kejatuhan harga aset yang ketara, terutamanya di bawah SB1. Di bawah senario ini, CAR bagi penanggung insurans hayat dijangka merosot daripada 233% kepada 202%. Simulasi pemulihan ekonomi yang cepat pada tahun-tahun berikutnya menyebabkan CAR pulih kepada 274% menjelang akhir tahun 2021.

Permodalan penanggung insurans am agregat dianggarkan mampan pada paras melebihi 200% di bawah kedua-dua senario buruk, dengan impak utama daripada kejutan yang berkaitan dengan tuntutan insurans motor yang lebih tinggi. Dengan mengambil kira impak liberalisasi kadar tarif segmen motor dan kebakaran, yang disimulasikan melalui pengurangan premium sehingga 33% (bagi tahun 2018 sahaja), permodalan penanggung insurans am agregat dijangka terus kekal melebihi 195%.

Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan bagi Bank dan Penanggung Insurans

Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun menggunakan satu siri peristiwa risiko hujung ('tail risk') berdasarkan tiga landasan pertumbuhan KDNK domestik andaian (satu senario dasar dan dua senario buruk) dan keadaan makroekonomi dan kewangan yang sepadan bagi tempoh empat tahun, iaitu dari tahun 2018 hingga 2021. Kejutan serentak terhadap risiko hasil serta risiko pendanaan, kredit dan pasaran dikenakan pada pendapatan dan perbelanjaan operasi, serta kedudukan kewangan dan tahap modal institusi kewangan. Ujian tekanan ini tidak mengambil kira apa-apa tindak balas pengurangan kerugian oleh institusi kewangan atau campur tangan dasar oleh pihak berkuasa. Senario buruk ini direka khusus untuk tujuan ujian tekanan, dan berdasarkan analisis fakta balas, berkemungkinan besar tidak akan berlaku.

Senario buruk pertama (SB1) melibatkan landasan pertumbuhan berbentuk 'V' — dengan kemelesetan yang ketara pada tahun 2018, diikuti pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi sebelum kembali ke trajektori pertumbuhan dasar. Magnitud kemelesetan diperoleh berdasarkan 2.5 sisihan piawaian bagi kadar pertumbuhan KDNK jangka panjang daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan kelembapan ketara yang segerak di AS dan RR China, yang dicetuskan oleh: (i) pertumbuhan ekonomi yang sangat rendah di RR China akibat keadaan kredit yang terlalu ketat dan kemerosotan yang teruk dalam pasaran harta tanah, dan (ii) tekanan geopolitik yang semakin meruncing yang menyebabkan sentimen perniagaan dan pengguna semakin teruk dan menjejaskan pertumbuhan global. Ekonomi global diandaikan akan pulih mulai tahun 2019, dan seterusnya, hasil tindakan pantas penggubal dasar melalui penggunaan rangsangan monetari dan fiskal.

Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi landasan pertumbuhan ekonomi berbentuk L dengan penurunan sederhana pada awalnya, disusuli pertumbuhan KDNK lemah yang berpanjangan. Tempoh kelembapan yang berpanjangan ini ditunjukkan oleh penurunan kumulatif (sepanjang empat tahun) sebanyak enam sisihan piawaian bagi kadar pertumbuhan KDNK jangka panjang berbanding dengan senario dasar. Keadaan ini dicetuskan oleh: (i) kelemahan berpanjangan di RR China ekoran langkah pembetulan ketidakseimbangan dalam negeri dan tindak balas dasar yang tidak berkesan; (ii) pelaksanaan dasar yang lebih menjurus kepada ekonomi dalam negeri di AS dan langkah balas oleh rakan perdagangannya; dan (iii) ketidakpastian politik yang berpanjangan di kawasan euro. Turun naik pasaran kewangan yang berpanjangan yang disebabkan perkembangan global juga akan memberi kesan kepada kekayaan dan sentimen, seterusnya menjejaskan aktiviti sektor benar dengan teruk.

Jadual 1.2

Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama yang Digunakan untuk Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	Senario Buruk 1 (SB1)	Senario Buruk 2 (SB2)
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan <ul style="list-style-type: none"> • Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain) • Penurunan pertumbuhan pinjaman (kadar pertumbuhan tahunan kumulatif) • Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 34% • -2% • Sehingga 28% 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 32% • -3.5% • Sehingga 20%
Kejutan risiko kredit <ul style="list-style-type: none"> • Kejutan kebarangkalian mungkir (Probability of default, PD) <ul style="list-style-type: none"> ◦ Pinjaman perniagaan ◦ Pinjaman isi rumah • Kejutan kerugian akibat mungkir (Loss given default, LGD) <ul style="list-style-type: none"> ◦ Pinjaman perniagaan ◦ Pinjaman isi rumah • Kemungkiran peminjam syarikat utama dengan dedahan besar kepada sistem perbankan 	<ul style="list-style-type: none"> ◦ 5% hingga 11% ◦ 1% hingga 11% ◦ 42% hingga 57% ◦ 20% hingga 77% • Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (di bawah ambang kehematan) dalam simulasi kejutan 	<ul style="list-style-type: none"> ◦ 5% hingga 14% ◦ 1% hingga 12% ◦ 43% hingga 61% ◦ 19% hingga 82%
Kejutan risiko pasaran <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan tahunan kadar hasil MGS • Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat • Penurunan tahunan FBM KLCI • Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 51 mata asas • Sehingga 27 mata asas • Sehingga 46% • 13% hingga 30% 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 80 mata asas • Sehingga 43 mata asas • Sehingga 27% • 7% hingga 15%
Kejutan risiko pendanaan luar <ul style="list-style-type: none"> • Kebalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko insurans am <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan dalam nisbah tuntutan • Peningkatan dalam liabiliti premium (kelas motor) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 30% • Sehingga 1.5 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara 	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 16% • Sehingga 1 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara

Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampakan Kewangan Isi Rumah

Oleh Siti Hanifah Borhan Nordin, Lim Sheng Ling dan Muhammad Khairul Muizz Abd Aziz

Pertumbuhan hutang isi rumah di Malaysia menjadi sederhana untuk tujuh tahun berturut-turut kepada 4.9% pada akhir tahun 2017 [2010: 14.2% (tahap tertinggi)]. Ini adalah hasil daripada siri langkah yang diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (Bank) sejak tahun 2010, bersama-sama amalan pemberian pinjaman yang lebih baik oleh bank dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) utama. Risiko yang dikaitkan dengan penambahan pinjaman yang tidak bercagar juga telah menurun dengan ketara. Ini dilihat daripada pinjaman peribadi yang lebih sederhana daripada tahap tertingginya sebanyak 25.2% pada tahun 2008 kepada hanya 2.5% pada tahun 2017. Hasilnya, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK menjadi lebih rendah pada 84.3% [2015: 89% (tahap tertinggi)]. Yang lebih penting, usaha-usaha untuk mengurangkan hutang dilakukan tanpa menjejaskan penggunaan swasta dan pertumbuhan ekonomi. Meskipun terdapat perkembangan positif ini, Bank masih terus berwaspada terhadap risiko yang mungkin timbul daripada hutang isi rumah. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kesan negatif jangka panjang ke atas pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih buruk sekiranya nisbah hutang isi rumah kepada KDNK melebihi tahap ambang tertentu¹. Oleh itu, hutang isi rumah perlu dianalisis secara lebih terperinci yakni dari segi kumpulan pendapatan - untuk mendapatkan pemahaman lebih mendalam mengenai sumber-sumber yang mungkin menyebabkan kelemahan bagi membantu proses perumusan dasar dengan lebih baik.

Kajian ini dilandaskan pada rencana tahun lepas² yang memperkenalkan konsep margin kewangan mengikut pelbagai tahap pendapatan dan nisbah khidmat hutang³ (debt service ratio, DSR). Penilaian kajian diperluas untuk mengambil kira aset kewangan mudah tunai isi rumah. Ini membantu meningkatkan pemahaman mengenai kemampaan hutang yang hanya boleh difahami sepenuhnya dengan menganalisis satu lagi bahagian kewangan isi rumah, iaitu kedudukan aset.

Kajian yang dijalankan oleh Bank sebelum ini menunjukkan bahawa peminjam individu lebih cenderung mempunyai margin kewangan negatif sekiranya mereka (i) berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan; dan/atau (ii) mempunyai paras DSR melebihi 60%.

Rencana ini memberikan penjelasan kepada tiga persoalan yang berikut:

- i. Adakah peminjam individu, dengan tahap pendapatan yang berbeza, mempunyai penampakan kewangan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi bayaran balik hutang jika berlakunya kejutan?
- ii. Kumpulan pendapatan yang manakah paling mudah terjejas akibat kejutan, selepas mengambil kira penampakan kewangan yang disediakan?
- iii. Adakah bank mampu menghadapi kemungkinan kerugian di bawah senario kejutan yang teruk?

Penilaian ini akan mengukur kedudukan kewangan peminjam individu di bawah senario kejutan makro ekonomi dan kewangan yang disimulasikan. Penting untuk diketahui bahawa kejutan ini berdasarkan andaian konservatif yang lebih teruk daripada pengalaman ketika berlakunya krisis-krisis yang lalu. Oleh yang demikian, kemungkinan kejutan ini berlaku adalah rendah. Dalam membuat penilaian daya tahan isi rumah terhadap kejutan ini, perhatian akan ditumpukan pada jumlah penampakan kewangan yang tersedia untuk isi rumah dalam bentuk aset kewangan mudah tunai. Hal ini memperakui bahawa aset-aset tersebut tersedia untuk digunakan bagi membayar balik obligasi hutang dan/atau digunakan sebagai perlindungan apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka (contohnya, perbelanjaan perubatan kecemasan atau pemberhentian kerja). Penilaian ini juga cuba melihat keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang dan cara mereka bertindak terhadap kejutan yang mungkin berlaku dengan menggunakan metodologi margin kewangan.

¹ Lombardi et al., 2017 (kertas kerja BIS) merumuskan bahawa pertumbuhan ekonomi akan terjejas sekiranya nisbah hutang isi rumah kepada KDNK melebihi 80%. Rencana ini hanya mengambil kira pembiayaan yang diberikan oleh sistem perbankan sebagai jumlah hutang isi rumah. Tidak termasuk IKBB, nisbah hutang isi rumah Malaysia kepada KDNK ialah 69.3%, lebih rendah daripada tahap ambang yang dikenal pasti dalam rencana ini.


² 'Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah', Laporan Kestabilan dan Sistem Pembayaran 2016, halaman 46-51.

³ Nisbah jumlah obligasi hutang bank dan bukan bank bulanan kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan wajib).

Margin Kewangan

Metodologi margin kewangan (financial margin, FM) digunakan untuk menilai sama ada isi rumah boleh bertahan apabila menghadapi keadaan yang di luar jangkaan seperti kejutan kepada pendapatan, kos sara hidup dan kos peminjaman; dan kesan ke atas institusi kewangan daripada peminjam yang mudah terjejas.

Gambar Rajah 1: Mengukur Risiko Kredit Menggunakan Pendekatan Margin Kewangan⁴



i peminjam individu⁵

* Bagi tujuan kajian ini, barang keperluan asas didefinisikan sebagai: (i) makanan dan minuman bukan alkohol; (ii) sewa dan penyelenggaraan rumah; (iii) air, elektrik, gas dan bahan api lain; (iv) pengangkutan; (v) pendidikan; dan (vi) penjagaan kesihatan

** Bahagian hutang peminjam dengan margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah selepas mengambil kira nilai cagaran

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Jabatan Perangkaan Malaysia

FM peminjam ditakrifkan sebagai pendapatan boleh guna dan aset kewangan mudah tunai bulanan, selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas (Gambar Rajah 1). Jika berlaku kejutan terhadap pendapatan dan perbelanjaan yang di luar jangkaan, peminjam individu dengan FM negatif akan menjadi kumpulan yang paling mudah terjejas selain lebih berisiko untuk mungkir membayar hutang. Metrik hutang berisiko yang diperoleh daripada metodologi FM mengukur potensi kerugian yang berpunca daripada peminjam dengan FM negatif, selepas mengambil kira nilai cagaran⁶.

⁴ Margin kewangan diperoleh berdasarkan Integrated Income Indebtedness Database (IIID) yang dipadankan dengan peminjaman individu yang di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dengan maklumat pendapatan seperti dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia. Ia meliputi hampir dua juta rekod individu, yang masing-masing mencakupi kira-kira 6% dan 13% penduduk dan tenaga kerja Malaysia.

⁵ Penilaian berdasarkan 'peminjam individu' dan bukannya 'isi rumah' (seperti didefinisikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia).

⁶ Kajian ini hanya mengambil kira hutang perumahan sebagai mempunyai nilai cagaran asas dan mengenakan potongan 40% sekiranya berlaku kejadian mungkir. Hutang lain diandaikan mempunyai kadar kerugian akibat mungkir 100% (lebih ketat daripada rangka kerja ujian tekanan Bank).

Taburan Hutang dan Aset⁷ Isi Rumah Merentas Pelbagai Kumpulan Pendapatan


Kedudukan kewangan isi rumah secara agregat adalah kukuh. Aset kewangan isi rumah⁸ dan aset kewangan mudah tunai (liquid financial asset, LFA) masing-masing ialah 2.1 kali dan 1.5 kali hutang. Namun, analisis terhadap data pada peringkat mikro memberikan gambaran lebih terperinci berdasarkan tahap pendapatan yang berbeza, terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

Sebahagian besar (69%) daripada aset kewangan isi rumah di Malaysia adalah dalam bentuk LFA, dan lebih dua pertiga daripadanya terdiri daripada deposit dan dana unit amanah (Rajah 1). Berdasarkan penelitian terhadap semua kumpulan pendapatan (Rajah 2), kebanyakan LFA dipegang oleh individu berpendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan (71% daripada jumlah LFA), manakala individu dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan hanya memegang 9% daripada jumlah LFA isi rumah.

Rajah 1: Komposisi Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Jenis dan Kumpulan Pendapatan

Lebih dua pertiga aset kewangan mudah tunai merupakan deposit dan dana unit amanah

% daripada aset kewangan mudah tunai isi rumah




Nota: Anggaran aset kewangan mudah tunai mengikut kumpulan pendapatan adalah berdasarkan pendapatan yang dilaporkan pada tahun 2016

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran dalaman

Rajah 2: Komposisi Aset Kewangan Mudah Tunai Mengikut Kumpulan Pendapatan

Hampir tiga suku aset kewangan mudah tunai dipegang kumpulan berpendapatan >RM5,000

RM bilion



Polisi insurans (nilai serahan)
 Pemegangan ekuiti & unit amanah (dana berkadat tetap dan tidak tetap)
 Deposit

Nota: Anggaran aset kewangan mudah tunai mengikut kumpulan pendapatan adalah berdasarkan pendapatan yang dilaporkan pada tahun 2016

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran dalaman

Berdasarkan andaian konservatif bahawa peminjam individu mempunyai penampungan kewangan yang mencukupi sekiranya LFA beliau melebihi jumlah hutang⁹, individu yang berpendapatan bulanan lebih daripada RM3,000 dinilai mempunyai penampungan kewangan yang mencukupi (Rajah 3). Hanya golongan individu dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000 sahaja yang mempunyai perlindungan LFA tidak sampai satu kali (0.6 kali) daripada hutang terkumpul. Kumpulan peminjam ini mencakupi 20% daripada hutang isi rumah, dengan majoriti daripada mereka (56%) tinggal di kawasan bandar dan satu daripada lima mempunyai DSR lebih daripada 60% (Gambar Rajah 2). Namun, apabila mengambil kira kekayaan perumahan¹⁰, jumlah aset kumpulan ini adalah mencukupi untuk menampung hutang mereka.

⁷ Sila rujuk penerangan mengenai risiko kredit daripada sektor isi rumah untuk mendapatkan komponen lengkap aset dan hutang isi rumah.


⁸ Termasuk aset kewangan mudah tunai (yang boleh ditunaikan dalam masa 3 bulan) dan aset tidak mudah tunai (caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, KWSP). Meskipun caruman KWSP dalam Akaun 2 boleh dikeluarkan untuk tujuan (i) bayaran baill pinjaman perumahan dan pendidikan; dan/atau (ii) perubatan, kajian dalam rencana ini, mengandaikan semua caruman KWSP sebagai aset tidak mudah tunai. Dengan memasukkan kekayaan rumah, jumlah aset melindungi kira-kira 4 kali jumlah hutang.

⁹ Bagi analisis ini, hutang dan LFA peminjam individu dinilai dari perspektif tahap 'stok'. Ini konsisten dengan pendekatan Bank apabila menilai hutang dan LFA pada peringkat agregat.

¹⁰ Sekiranya perlu, isi rumah boleh menjual harta kediaman mereka untuk membayar hutang. Walau bagaimanapun, aset perumahan memerlukan masa untuk dijual.

Rajah 3: Hutang, Aset Kewangan Mudah Tunai dan Kekayaan Perumahan Mengikut Kumpulan Pendapatan

Individu dengan pendapatan bulanan >RM3,000 mempunyai penampun kewangan yang mencukupi




* Aset mudah tunai ialah 0.6 kali jumlah hutang

Nota: Anggaran aset kewangan mudah tunai, hutang dan kekayaan perumahan mengikut kumpulan pendapatan adalah berdasarkan data tahun 2016 manakala jumlah terkumpul berdasarkan kedudukan pada tahun 2017

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bloomberg dan anggaran dalaman

Gambar Rajah 2: Profil Peminjam Individu Berpendapatan Kurang daripada RM3,000 Sebulan




Source: Bank Negara Malaysia

Daya Tahan Isi Rumah di bawah Senario Dasar (Baseline Scenario)¹¹

Sebahagian besar daripada peminjam mempunyai FM yang positif dan oleh itu kurang terjejas kepada kejutan pendapatan dan perbelanjaan yang tidak dijangka. Jumlah peminjam dengan FM negatif mencakupi kira-kira 6.5%^{12,13} (Rajah 4) daripada jumlah peminjam dan 12.8% daripada jumlah hutang isi rumah (RM139 bilion). Kebanyakan daripada individu ini mempunyai tahap DSR melebihi 60% dan berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan (Rajah 5). Berikutan pelaksanaan Garis Panduan Pembiayaan Bertanggungjawab¹⁴ pada tahun 2012, institusi kewangan telah didapati menggunakan had DSR 60% atau kurang bagi peminjam dalam kumpulan pendapatan yang mudah terjejas (berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan), lantas mengurangkan kemungkinan peminjam akan terjejas akibat kejutan yang tidak dijangka.


Rajah 4: Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Mengikut Kumpulan Pendapatan

Peminjam dengan margin kewangan negatif mencakupi bahagian kecil daripada jumlah peminjam



Rajah 5: Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Mengikut DSR dan Kumpulan Pendapatan

Peminjam dengan paras DSR melebihi 60% dan/atau berpendapatan <RM5,000 sebulan lebih cenderung mempunyai margin kewangan negatif



Dalam menilai potensi impak ke atas institusi kewangan yang berbangkit daripada dedahan peminjam-peminjam ini, metrik hutang berisiko (dikira sebagai peratusan/bahagian hutang peminjam yang mempunyai FM negatif kepada hutang isi rumah yang diselaraskan bagi cagaran yang layak) digunakan. Di bawah senario dasar, hutang berisiko dianggarkan pada 7.8% daripada jumlah hutang isi rumah (Rajah 6) atau RM84.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM61.1 bilion dipegang oleh bank dan selebihnya bukan bank. Mengikut kumpulan pendapatan, sebahagian besar hutang berisiko adalah daripada peminjam berpendapatan bulanan antara RM3,000-5,000. Hal ini kerana kumpulan pendapatan tersebut merupakan bilangan peminjam terbesar dengan margin kewangan negatif. Peminjam dalam kumpulan pendapatan ini juga mempunyai dedahan lebih besar kepada pinjaman kenderaan bermotor¹⁵ (22%) dan pembiayaan peribadi (30%) (Rajah 7) dan dalam lingkungan umur yang lebih muda (<40 tahun). Dapatan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menerusi Program Pengurusan Kredit (PPK) yang diunjurnya menunjukkan peminjam daripada golongan muda menunjukkan trend menaik dalam kejadian mungkir akibat pengurusan dan perancangan kewangan yang lemah.

¹¹ Senario dasar mencerminkan pendapatan bulanan, perbelanjaan, obligasi bayaran balik hutang dan aset kewangan mudah tunai isi rumah berdasarkan data terkini yang diperoleh untuk tahun 2016.


¹² Ini bersamaan dengan kira-kira 554,000 peminjam individu di Malaysia.

¹³ Bahagian peminjam dengan FM negatif dan bahagian hutang kepada jumlah hutang isi rumah lebih rendah berbanding dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016 (masing-masing 15.4% dan 30%) memandangkan LFA diambil kira dalam anggaran FM.

¹⁴ Pada 2013, garis panduan ini dikeluarkan semula dan dinamakan 'Dokumen Dasar Pembiayaan Bertanggungjawab'.


¹⁵ Model ini mengandaikan kerugian akibat mungkir 100% bagi sewa beli.

Rajah 6: Hutang Berisiko bagi Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Mengikut DSR dan Kumpulan Pendapatan

Hutang berisiko (DAR) bagi peminjam dengan margin kewangan negatif dianggarkan sebanyak 7.8% daripada jumlah hutang isi rumah

Sumber: Bank Negara Malaysia (IIID)

Rajah 7: Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan dan Kumpulan Pendapatan

Peminjam berpendapatan bulanan <RM5,000 mempunyai bahagian peminjaman lebih besar untuk pembiayaan peribadi dan pinjaman kenderaan bermotor berbanding kumpulan pendapatan lain

Sumber: Bank Negara Malaysia (IIID)

Daya Tahan Isi Rumah di bawah Senario Tekanan (Stressed Scenarios)

Dalam menilai keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang dan daya tahan kewangan mereka di bawah senario tekanan, tiga jenis kejutan yang berbeza¹⁶ digunakan, iaitu: (i) pendapatan; (ii) kos sara hidup; dan (iii) kos peminjaman (Jadual 1).

Jadual 1

Andaian Kejutan dan Rasional

Kejutan	Parameter (Magnitud)	Rasional
Pendapatan	Jumlah pendapatan merosot (↓ 10%)	Penurunan lebih besar berbanding kemerosotan pendapatan boleh guna isi rumah sebanyak 8.7% semasa Krisis Kewangan Asia tahun 1998
Kos sara hidup	Perbelanjaan keperluan asas meningkat (↑ 20%)	Hampir tiga kali CAGR sebanyak 7.3% (2009 - 2016) bagi perbelanjaan keperluan barang asas
Kos peminjaman	Kos peminjaman lebih tinggi (↑ 50 mata asas)	Berdasarkan kenaikan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berikutan dua kenaikan Kadar Dasar Semalaman berturut-turut pada tahun 2006


Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Oxford Economics dan anggaran dalaman

Keputusan ujian tekanan keseluruhan menunjukkan kumpulan peminjam yang paling terjejas sekiranya berlaku kemerosotan dalam jumlah pendapatan (Rajah 8). Kemerosotan sebanyak 10% dalam pendapatan akan menyebabkan kenaikan bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif sebanyak 5.2 mata peratusan (percentage points, ppt) daripada senario dasar, kepada 11.7% daripada jumlah peminjam. Dari segi kumpulan pendapatan, peminjam daripada kumpulan pendapatan bulanan RM3,000-5,000 dengan FM negatif mencatat kenaikan bahagiannya yang paling banyak (Rajah 9) iaitu kepada 5.5% daripada jumlah peminjam [Senario dasar: 3.1% (Rajah 4)].

¹⁶ Ini merupakan saluran utama yang boleh menjejaskan keupayaan peminjam membayar balik hutang. Meskipun kebanyakan penyelidik juga mengambil kira kejutan pengangguran, kajian ini secara tidak langsung menilai impak ini melalui kemerosotan jumlah pendapatan.


Rajah 8: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan — Bahagian Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif dalam Setiap Kumpulan Pendapatan

Peminjam adalah yang paling terjejas akibat kejutan pendapatan



Rajah 9: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan — Bahagian Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Berbanding Jumlah Peminjam

Peminjam berpendapatan bulanan RM3,000-5,000 paling terjejas akibat kejutan berbanding kumpulan pendapatan yang lain



Impak kos sara hidup yang lebih tinggi adalah kecil berbanding dengan impak kejutan pendapatan. Apabila perbelanjaan meningkat sebanyak 20%, jumlah peminjam dengan margin negatif bertambah sebanyak 3.1 ppt daripada senario dasar. Ini sebahagian besarnya menjejaskan mereka yang tinggal di kawasan bandar yang menanggung kos sara hidup yang lebih tinggi. Selain itu, peminjam yang berumur antara 30 hingga 40 tahun ialah peminjam yang paling terjejas disebabkan oleh obligasi hutang dan perbelanjaan berbanding kumpulan umur yang lain. Sepanjang hayat seseorang individu, tahap hutangnya lazimnya paling tinggi ketika umur pertengahan. Ini sejajar dengan jumlah hutang terkumpul untuk menampung penggunaan atau pelaburan dalam aset benar kerana menjangkakan ia dapat ditampung melalui kenaikan pendapatan pada masa akan datang. Akibatnya, margin kewangan yang lebih kecil telah menghadkan keupayaan untuk menyerap kenaikan yang mendadak dalam kos sara hidup berbanding dengan kumpulan umur yang lain. Yang nyata, kumpulan umur ini juga mencakupi bahagian peserta terbesar PPK yang disediakan oleh AKPK (2017: 43.4% daripada jumlah peserta).

Berbeza dengan kejutan-kejutan lain, kebanyakan peminjam tidak terjejas oleh kenaikan 50 mata asas yang disimulasikan ke atas kadar pinjaman. Bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif hanya meningkat 0.7 ppt berbanding dengan senario dasar. Yang penting, kesannya kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan adalah kecil memandangkan kira-kira separuh sahaja daripada jumlah hutang adalah dalam bentuk pembiayaan berkadar tetap.

Keupayaan Sistem Perbankan untuk Menghadapi Kejutan


Bank-bank terus mengamalkan pengurusan risiko yang kukuh untuk mengurus dedahan kredit kepada sektor isi rumah. Di bawah senario dasar, kualiti aset kekal kukuh dengan nisbah delinkuensi dan jejas nilai bagi keseluruhan sektor isi rumah mampan pada paras yang rendah, masing-masing sebanyak 1.4% dan 1% daripada pinjaman sistem perbankan terkumpul pada akhir tahun 2017.

Di bawah senario tertekan, potensi kerugian kepada sistem perbankan daripada dedahan kredit kepada peminjam dengan margin negatif disebabkan oleh kejutan pendapatan, kos sara hidup dan kos peminjaman dianggarkan dalam lingkungan RM66 bilion hingga RM103.8 bilion (Rajah 10). Meskipun kesan kejutan ini agak teruk, bank boleh menerima potensi kerugian, yang masih lagi dalam lingkungan jumlah penampungan modal lebih bank berjumlah RM124.5 bilion¹⁷.

¹⁷ Pada akhir tahun 2016.

Analisis ini tidak mengambil kira kejutan-kejutan yang berlaku serentak kerana kemungkinan ia akan berlaku adalah kecil. Sebagai contoh, di bawah senario tahap pendapatan yang semakin merosot, yang mungkin disebabkan oleh kegawatan ekonomi, kadar faedah dijangka tidak meningkat dalam tempoh itu. Di bawah senario sebegini, dasar monetari dijangka untuk menjadi lebih akomodatif bagi menyokong pemulihan ekonomi.

Rajah 10: Senario Sebelum dan Selepas Kejutan – Potensi Kerugian kepada Bank



Implikasi Dasar

Seperti yang dinyatakan di atas, risiko kepada kestabilan kewangan akibat dedahan bank kepada peminjam yang mudah terjejas adalah kecil disebabkan terdapat penampungan modal yang kukuh. Langkah kehematan makro yang sedia ada dan amalan pengurusan risiko yang lebih teguh oleh bank terus mengurangkan potensi risiko. Langkah-langkah yang diperkenalkan sejak tahun 2010 ditunjukkan dalam Gambar Rajah 3.

Gambar Rajah 3: Langkah-langkah Dasar yang Dilaksanakan Sejak 2010

Langkah-langkah kehematan makro					
<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan maksimum 70% nisbah nilai kepada pinjaman (loan-to-value, LTV) bagi pinjaman rumah ketiga dan seterusnya 	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan kad kredit lebih ketat Pengenalan maksimum 60% LTV untuk pinjaman rumah bukan individu 		<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan tempoh maksimum pinjaman: <ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan peribadi: 10 tahun Pinjaman rumah: 35 tahun Pinjaman kereta: 9 tahun 		
Langkah-langkah kehematan mikro					
	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan wajar risiko lebih tinggi untuk keperluan kecukupan modal 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Garis Panduan Pembiayaan yang Bertanggungjawab* 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Dokumen Dasar Pembiayaan Peribadi 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Dokumen Dasar Penentuan Harga Berdasarkan Maklumat Risiko 	<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan paras minimum peruntukan jejas nilai kolektif dan rizab pengawalseliaan pada 1.2%
Langkah-langkah fiskal dan lain-lain					
<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (Real Property Gains Tax, RPGT) bagi harta tanah yang dijual dalam tempoh 5 tahun pertama (5%) 		<ul style="list-style-type: none"> RPGT meningkat: <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1 - 2: 10%; Tahun 3 - 5: 5% 	<ul style="list-style-type: none"> RPGT meningkat: <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1 - 2: 15% Tahun 3 - 5: 10% Larangan <i>developers' interest bearing scheme</i> dan pembiayaan berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> RPGT meningkat: <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1 - 3: 30%; Tahun 4: 20%; Tahun 5: 15% Penubuhan Majlis Perumahan Negara Harga rumah minimum meningkat bagi pembelian oleh bukan pemastautin 	<ul style="list-style-type: none"> Menambah bekalan rumah kos rendah dan mampu milik
2010	2011	2012	2013	2014	2015

* Diterbitkan semula sebagai dokumen dasar pada 2013

** Antara April 2007 - 2009, RPGT ialah 0%. Sebelum April 2007, RPGT adalah berdasarkan kadar berperingkat sehingga 30%

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Peningkatan sederhana dalam hutang isi rumah sejak langkah-langkah ini diperkenalkan menunjukkan bahawa ia memberikan kesan yang dikehendaki. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa had DSR lazim 60% atau kurang bagi bank dan bukan bank memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengurangkan risiko yang mungkin timbul akibat hutang isi rumah yang tinggi, khususnya bagi peminjam yang mudah terjejas. Pemahaman mengenai isu ini juga membantu pelaksanaan langkah-langkah dasar yang lebih ber sasaran, dengan mengambil kira profil risiko yang berbeza bagi kumpulan peminjam tertentu. Perkara ini boleh mengurangkan kesan yang tidak diinginkan susulan pelaksanaan dasar kehematan makro, seperti akses kepada pembiayaan yang lebih kecil bagi peminjam yang layak.

Meskipun langkah-langkah yang dilaksanakan telah menghasilkan kesan-kesan yang positif, pemantauan berterusan bersama-sama usaha yang lebih proaktif dan gigih masih diperlukan untuk meningkatkan daya tahan isi rumah, termasuk:

i. Strategi lebih mampan untuk menyediakan perumahan untuk rakyat

Pinjaman untuk membeli harta kediaman terus merupakan komponen terbesar hutang isi rumah, dengan mencakupi 52% daripada jumlah hutang isi rumah. Bahagian pinjaman perumahan yang besar kepada hutang isi rumah telah membangkitkan dua isu penting, iaitu, kemampuan untuk memiliki rumah dan keperluan untuk memiliki rumah. Dengan jurang antara harga rumah baharu yang dilancarkan dengan kemampuan sebenar isi rumah menjadi lebih besar, ketidakseimbangan pasaran perumahan menjadi lebih teruk¹⁸ kebelakangan ini. Di beberapa buah kawasan di Malaysia, median harga rumah ialah lima kali lebih tinggi daripada median pendapatan isi rumah tahunan. Oleh yang demikian, rumah di kawasan tersebut dianggap sebagai 'sangat tidak mampu untuk dimiliki'¹⁹. Ini telah menyebabkan isi rumah terpaksa meminjam dengan lebih banyak untuk membeli rumah. Berikutan itu, saiz purata pinjaman perumahan yang diluluskan meningkat daripada RM180,275 kepada RM420,230 dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Oleh itu, Kerajaan mengambil keputusan untuk menggunakan pelbagai pendekatan bagi menangani isu yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah. Dengan itu, usaha untuk menambah bekalan rumah mampu milik, yang menjadi keutamaan terpenting, diteruskan. Langkah ini akan menyokong usaha-usaha untuk mencapai tahap hutang isi rumah yang lebih wajar.

Pada masa yang sama, lebih banyak usaha boleh diambil untuk memastikan keputusan untuk menyewa rumah merupakan alternatif yang lebih baik bagi isi rumah. Pasaran rumah sewa yang kondusif akan memberikan pilihan kepada peminjam untuk sama ada menyewa atau memikul beban hutang dan perbelanjaan yang lebih tinggi jika memilih untuk membeli rumah. Menyedari hal ini, Kerajaan, dalam Bajet 2018, mengumumkan penggubalan Akta Sewa Kediaman untuk menggalakkan pasaran rumah sewa yang lebih aktif. Akta ini juga dilengkapi penubuhan Tribunal Penyewaan untuk melindungi hak penyewa dan tuan rumah. Selain itu, Kerajaan turut memberikan pengecualian cukai (50%) atas pendapatan yang diperoleh daripada penyewaan harta kediaman sehingga jumlah sebanyak RM2,000 untuk tempoh tahun 2018 hingga tahun 2020. Semua inisiatif ini bertujuan untuk merangsang pasaran rumah sewa.

ii. Menggalakkan pengambilan perlindungan insurans dan takaful sebagai jaring keselamatan

Berdasarkan pengalaman AKPK, 18% daripada peminjam yang menyertai program PPK adalah disebabkan oleh (i) hilang pekerjaan atau kematian pencari nafkah utama keluarga; atau (ii) terpaksa menanggung perbelanjaan perubatan yang tidak dijangka (rujuk rencana bertajuk 'AKPK – Memajukan Budaya Kewangan Berhemat' dalam Bab 5). Bukan sahaja kumpulan berpendapatan rendah lebih mudah terjejas kepada kejutan pendapatan dan perbelanjaan, peminjam berpendapatan tinggi dengan margin kewangan negatif juga boleh menghadapi perkara yang sama.

¹⁸ Buletin Suku Tahunan Suku ketiga 2017, Halaman 26-32, Rencana 2: 'Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah', Bank Negara Malaysia.
¹⁹ Taraf kemampuan berdasarkan pendekatan Median Multiple oleh Demographia International (2017).

Bank dan pihak industri meneruskan usaha untuk menjadikan polisi insurans dan takaful lebih mudah diakses, seterusnya mengukuhkan daya tahan isi rumah terhadap kejutan memandangkan mereka mempunyai bantuan kewangan pada masa yang diperlukan. Usaha-usaha ini mempunyai impak yang penting memandangkan 65% daripada penduduk Malaysia masih tidak memiliki polisi insurans hayat mahupun takaful keluarga. Skim Insurans Pekerjaan²⁰ yang diperkenalkan baru-baru ini berperanan sebagai jaring keselamatan pekerja yang diberhentikan, dan juga boleh membantu membendung impak kejutan negatif terhadap kedudukan kewangan isi rumah.

iii. Menggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, termasuk juga pemberi pinjaman bukan bank

Peminjaman isi rumah daripada institusi kewangan bukan bank atau IKBB (mencakupi kira-kira 20% daripada jumlah hutang isi rumah) merupakan pemacu utama bagi peningkatan pesat hutang isi rumah antara tahun 2010 hingga 2013. Ini dilihat terutamanya dalam segmen pembiayaan tidak bercagar. IKBB lazimnya memberi pinjaman kepada peminjam yang disasarkan, iaitu mereka yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah atau mempunyai rekod kredit lalu yang kurang memuaskan. Situasi ini telah menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan pembiayaan bank.

Aktiviti pemberian kredit yang lebih giat oleh IKBB, yang meliputi pemberi pinjam wang dan koperasi kredit memerlukan kajian semula terhadap pengatur-an pengawasan yang sedia ada terhadap entiti-entiti ini. Enakmen Akta Kredit Pengguna yang akan dilaksanakan bakal merintis jalan ke arah pengukuhan pengatur-an tersebut dengan tumpuan pada (i) menggalakkan amalan pemberian pinjaman berhemat dan bertanggungjawab dalam kalangan penyedia kredit; (ii) memelihara kebajikan pengguna; dan (iii) menyokong usaha yang lebih bersepadu dan konsisten bagi pengatur-an pengawasan terhadap penyedia kredit (rujuk Bab 5 untuk keterangan lanjut).

iv. Meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia

Bagi menggalakkan amalan peminjaman yang berhemat dan bertanggungjawab hakikat betapa pentingnya pendidikan kewangan tidak boleh dipandang ringan. Kajian menunjukkan bahawa tahap celik kewangan yang rendah merupakan penyumbang utama kepada gejala mengambil hutang yang berlebihan dan turut dikaitkan dengan meningkatnya kejadian mungkir. Meskipun lebih daripada 90% daripada pengguna di Malaysia mempunyai akaun bank, kebanyakan mereka kurang memahami tentang konsep pempelbagaian, nilai masa bagi wang dan faedah terkompoun. Ini menekankan pentingnya kerjasama yang berterusan antara Bank dengan agensi-agensi lain untuk memacu agenda pendidikan kewangan, termasuk Strategi Celik Kewangan Nasional. AKPK juga terus memainkan peranan untuk memupuk tanggungjawab kewangan dan kemahiran pengurusan kredit melalui pelbagai modul pendidikan kewangan dan Program POWER!.

Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa risiko tahap hutang isi rumah kepada kestabilan kewangan masih lagi terurus. Tanpa menafikan hakikat bahawa terdapatnya peningkatan bilangan peminjam berpendapatan rendah dengan margin kewangan yang negatif, dan bank terus mempunyai penampunan modal yang mencukupi untuk menghadapi potensi kerugian yang mungkin berpunca daripada sektor isi rumah yang mengalami kesan kejutan makroekonomi yang teruk.

Langkah kehematan makro yang dilaksanakan setakat ini telah memainkan peranan yang penting dalam membendung berlakunya peningkatan risiko kredit yang tidak terkawal, yang berpotensi menimbulkan implikasi sistemik kepada sistem kewangan. Amalan pengunderaitan yang bertambah baik ekoran penilaian kemampuan

²⁰ Skim ini yang diuruskan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ini memberikan bantuan kewangan sementara dan latihan kepada pekerja sektor swasta yang diberhentikan sehingga tempoh enam bulan. Caruman bermula pada Januari 2018 manakala bayaran pampasan kepada pekerja yang layak bermula pada Januari 2019.

membayar balik pinjaman yang lebih teguh oleh institusi kewangan terus menyumbang kepada kadar pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih stabil. Langkah-langkah ini masih relevan berikutan kesan positif yang berterusan. Meskipun tahap hutang isi rumah masih tinggi, namun langkah yang sedia ada tidak perlu diperketat memandangkan peningkatan hutang isi rumah semasa terus sederhana. Ini turut didorong oleh nisbah hutang isi rumah kepada KDNK yang lebih rendah dan tahap nisbah khidmat hutang yang berhemat dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Hal ini penting untuk mengelakkan pelarasan yang berlebihan yang boleh mengakibatkan kesan limpahan yang teruk kepada kestabilan ekonomi dan kewangan. Langkah-langkah untuk meningkatkan daya tahan isi rumah juga perlu menangani lebih banyak isu struktur, termasuk pendapatan, perumahan dan pengangkutan awam bagi meningkatkan tahap kemampuan dan mengehadkan peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2015): Kaji Selidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan (Financial Inclusion and Capability Survey) 2015.

Bank Negara Malaysia (2015): Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015.

Bank Negara Malaysia (2017): 'Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah', Suku Ketiga 2017 Buletin Suku Tahunan, Halaman 29-36.

Bank Negara Malaysia (2017): 'Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah', Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran, halaman 46-51.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2016): 'Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah'.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2016): 'Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas'.

Gerardi, Goette and Meier (2010): 'Financial Literacy and Subprime Mortgage Delinquency: Evidence from a Survey Matched to Administrative Data', Federal Reserve of Atlanta Working Paper Series.

Lombardi et. al. (2017): 'The real effects of household debt in the short and long run', Bank for International Settlements (BIS) Working Paper.

Sektor Perbankan

- 57** Prestasi Sektor Perbankan
- 60** Pembangunan Sektor Perbankan
- 63** Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
- 68** Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
- 71** *Rencana: AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat*

Sektor Perbankan

PRESTASI SEKTOR PERBANKAN


Sektor perbankan terus mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh pada tahun 2017, disokong oleh tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap. Keuntungan yang lebih tinggi dalam keadaan kualiti aset yang kukuh menyumbang kepada kedudukan modal yang lebih teguh. Persekitaran pendanaan yang stabil pada tahun 2017 membolehkan bank terus menyokong keperluan kewangan sektor perniagaan dan isi rumah.

Modal yang kukuh dan pendanaan yang stabil terus menyokong keperluan kewangan ekonomi

Industri perbankan, termasuk perbankan Islam, mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.2 bilion pada tahun 2017 (2016: RM32.2 bilion). Pendapatan faedah/kewangan bersih meningkat 7.8% (2016: 1.9%), berikutan pertumbuhan perbelanjaan faedah/kewangan yang lebih perlahan sebanyak 1.2% (2016: 4.7%) hasil daripada persaingan untuk deposit yang berkurangan. Bahagian deposit permintaan yang lebih tinggi (2017: 22.1%; 2016: 21.6% daripada jumlah deposit) turut menyumbang kepada kos pendanaan bank yang lebih rendah. Hasilnya, margin faedah/kewangan kasar meningkat sebanyak empat mata asas kepada 2.11% daripada aset berkaitan faedah/kewangan (2016: 2.07%) (Rajah 2.1). Perolehan keseluruhan juga terus meningkat berikutan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan pembiayaan (contohnya, komitmen kredit) dan aktiviti pembrokeran saham yang aktif berikutan keadaan pasaran ekuiti domestik yang kukuh. Pendapatan berasaskan fi mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.5% pada tahun 2017 selepas mengalami pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut (2016: -3.1%; 2015: -4.2%). Susulan pemulihan yang kukuh ini, bahagian pendapatan berasaskan fi sebagai peratusan daripada pendapatan kasar meningkat kepada 15.2% (2016: 14.6%).

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Margin Faedah Kasar dan Bersih

Margin faedah kasar dan bersih meningkat sedikit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Produktiviti sektor perbankan meningkat berikutan automasi dan kecekapan proses yang bertambah baik. Keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja meningkat 12.5% pada tahun 2017 kepada RM305,165 setiap pekerja meskipun kos kakitangan lebih tinggi (2017: 7.1%; 2016: -6%). Hal ini adalah berikutan usaha bank dalam mengekalkan dan mengambil pekerja berkemahiran tinggi dalam pasaran pekerjaan yang berdaya saing. Bank-bank juga membelanjakan jumlah yang lebih besar untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja berikutan perubahan persekitaran operasi dan peningkatan penggunaan teknologi. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan kos latihan yang lebih tinggi iaitu 16.7% pada tahun 2017 (2016: 3.8%). Secara keseluruhan, purata pulangan atas ekuiti dan aset, masing-masing meningkat kepada 13% dan 1.5% (2016: 12.5% dan 1.3%).

Tahap modal bank-bank terus kukuh. Perolehan yang tinggi, dan dasar pelaburan semula perolehan yang pada amnya konservatif, telah membolehkan sektor perbankan membina penampungan yang kukuh.

Pada akhir tahun 2017, semua bank mencatat nisbah modal yang jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum yang ditetapkan (Jadual 2.1, Rajah 2.2), termasuk modal pemeliharaan penampungan (capital conservation buffer, CCB) sebanyak 2.5% yang hanya akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2019. Selain itu, lebih 80% daripada jumlah modal sektor perbankan berkualiti tinggi, iaitu dalam bentuk ekuiti, perolehan tertahan dan rizab. Modal Kumpulan 1 berkembang sebanyak RM5.4 bilion (2.5%), didorong terutamanya oleh pelaburan semula dividen dan suntikan modal. Penampungan modal (termasuk CCB) sektor perbankan pada keseluruhannya juga bertambah kukuh sebanyak 8.3% kepada RM134.8 bilion (2016: 0.2%, RM124.5 bilion).

Penyata kedudukan kewangan sektor perbankan berkembang 4.3% pada tahun 2017. Pada separuh pertama tahun 2017, pemegangn Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh industri perbankan telah melonjak sebanyak 29.4% dan memberikan sokongan kepada


Jadual 2.1

Sistem Perbankan: Nisbah Modal pada Akhir Tahun				
(% aset berwajaran risiko)	Minimum	2015	2016	2017
Nisbah Modal CET 1	4.5	13.3	13.1	13.3
Nisbah Modal Kumpulan 1	6.0	14.2	14.0	14.3
Nisbah Jumlah Modal	8.0	16.6	16.5	17.1
Nisbah Leveraj (Tempoh pemerhatian)	3.0	7.5	7.7	7.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Modal CET1

Bank-bank mengekalkan modal berkualiti tinggi



* Mempunyai operasi yang besar di Malaysia


Nota: Data pada akhir tahun 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

pasaran bon tempatan ketika berlakunya aliran keluar modal oleh bukan pemastautin (rujuk bahagian ‘Risiko Pasaran’ dalam Bab ‘Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017’). Menjelang akhir tahun 2017, pemegangn bon tersebut oleh industri perbankan menurun sedikit kepada RM168.6 bilion (2016: RM147.8 bilion). Mencerminkan anjakan kepada aset berisiko rendah, aset berwajaran risiko yang dipegang oleh industri perbankan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada tahun 2017 (2016: 1.7%). Nisbah kepadatan aset berwajaran risiko (aset berwajaran risiko sebagai bahagian daripada jumlah aset) juga menurun kepada 60.9% (2016: 63.1%). Namun begitu, nisbah leveraj (seperti yang dilaporkan oleh bank-bank semasa tempoh pemerhatian) tidak berubah, iaitu lebih dua kali tahap minimum 3% yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Jumlah pembiayaan terkumpul bank meningkat pada kadar sederhana sebanyak 4.1% pada tahun 2017 (2016: 5.3%) (Rajah 2.3). Angka ini mencerminkan pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 1.8% dalam pembiayaan terkumpul sektor perniagaan, yang mengimbangi peningkatan stabil dalam pembiayaan kepada isi rumah pada 5.1%. Bagi perniagaan besar, jumlah pembayaran balik melebihi pengeluaran pinjaman berikutan perolehan perniagaan yang lebih tinggi menggalakkan perniagaan besar mengurangkan peminjaman untuk modal kerja. Pertumbuhan pembiayaan terkumpul yang sederhana juga didapati berlaku dalam kebanyakan industri dalam sektor perniagaan.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pembiayaan Terkumpul

Pembiayaan bank meningkat dengan sederhana



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kemudahan Bantuan Bencana untuk PKS

- Pada 7 November 2017, Bank melancarkan Kemudahan Bantuan Bencana berjumlah RM500 juta untuk meringankan beban kewangan dan membantu memulihkan aktiviti perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir di Malaysia. Perniagaan yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM500,000 pada kadar 2.25% setahun, mulai 8 November 2017 sehingga 31 Mei 2018.
- Pada akhir bulan Februari 2018, lebih 180 permohonan daripada PKS yang berjumlah kira-kira RM58 juta telah diluluskan. Institusi kewangan juga secara proaktif telah membantu 353 PKS yang terjejas dengan obligasi hutang sebanyak RM154 juta, menerusi penangguhan pembayaran balik pinjaman serta penstrukturan dan penjadualan semula kemudahan kredit.

Pembiayaan yang diberikan oleh industri perbankan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang sebanyak 6% pada tahun 2017 (2016: 9.5%). Pertumbuhan pembiayaan kepada PKS yang lebih perlahan dalam sektor pembinaan dan harta tanah mencerminkan keadaan pasaran harta tanah yang lebih sederhana. Ini menyumbang kepada pertumbuhan pembiayaan keseluruhan PKS yang lebih perlahan pada tahun 2017. Bank-bank terus menyokong keperluan pembiayaan PKS. Pada tahun 2017, kira-kira 104,000 permohonan pembiayaan oleh PKS telah diluluskan bank, lantas mengekalkan kadar kelulusan sebanyak kira-kira 77% (2016: 77.3%). Bahagian pembiayaan PKS meningkat kepada kira-kira 53% daripada jumlah pembiayaan perniagaan oleh sektor perbankan pada akhir tahun 2017 (2016: 51%). Pada bulan Jun 2017, Bank Negara Malaysia (Bank) menggabungkan empat skim pembiayaan khusus untuk PKS (iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Usahawan Baru 2, Tabung untuk Makanan dan Tabung Perusahaan Mikro) menjadi satu dana omnibus yang dikenali sebagai Tabung BNM untuk PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.1 bilion. Langkah ini bertujuan mengoptimumkan penggunaan dana yang sedia ada untuk memenuhi permintaan PKS yang berubah-ubah. Sejak penubuhannya, kira-kira RM30 bilion daripada dana omnibus ini telah disalurkan kepada lebih 75,000 PKS untuk modal kerja dan pengembangan perniagaan. Bank juga menambah baik ciri Tabung BNM untuk PKS bagi membantu PKS yang tidak mempunyai rekod prestasi atau cagar. Selain itu, pusat akses kepada dana ini dikembangkan dengan menambah penyertaan daripada institusi kewangan.

Pembiayaan sektor perbankan kepada sektor isi rumah kekal pada kadar pertumbuhan tahunan 5.1% pada tahun 2017 (2016: 5.3%). Pembiayaan didorong terutamanya oleh pembelian harta kediaman yang meningkat 9% (2016: 9.4%), manakala pertumbuhan pembiayaan untuk kredit kepenggunaan (pembelian kenderaan, pembiayaan peribadi, kad kredit dan

pembelian barangan pengguna tahan lama) adalah tidak ketara. Peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan perumahan dengan kadar kelulusan yang melebihi 70% sejak beberapa tahun lepas.

Kualiti aset pinjaman sektor perbankan kekal utuh sepanjang tahun 2017. Penambahbaikan berterusan terhadap amalan pengurusan risiko oleh industri perbankan telah mengekalkan tahap delinkuensi dan jejas nilai pada paras yang rendah. Pada tahun 2017, delinkuensi, yang diukur sebagai pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan, berkurang sedikit kepada 2.1% (2016: 2.2%) daripada jumlah pinjaman bank. Jumlah pinjaman terjejas (ditolak peruntukan jejas nilai individu) juga menurun sebanyak RM104.3 juta untuk mencakupi 1.1% daripada jumlah pinjaman ditolak peruntukan jejas nilai individu pada akhir tahun 2017 (2016: 1.2%). Paras peruntukan bank kekal mencukupi dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) pada 114.8% (2016: 112.1%).

Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kemampuan pembiayaan telah membantu mengekalkan nisbah jejas nilai dan nisbah delinkuensi sektor isi rumah pada tahap yang rendah, masing-masing pada 1% dan 1.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah (2016: masing-masing pada 1.1% dan 1.4%). Bagi sektor perniagaan, terdapat kemerosotan kualiti kredit dalam dedahan berkaitan sektor minyak dan gas pada tahun 2017. Jejas nilai keseluruhan bagi portfolio sektor perniagaan kekal rendah pada 2.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan (2016: 2.5%). Amalan pengurusan risiko yang lebih teguh oleh industri perbankan, dalam keadaan ekonomi dan pasaran pekerjaan yang lebih menggalakkan, terus menyokong prestasi pinjaman keseluruhan. Ini ditunjukkan oleh margin faedah/kewangan bersih bank (margin faedah/kewangan kasar ditolak peruntukan jejas nilai dan kos operasi) yang bertambah baik kepada 71 mata asas (2016: 60 mata asas) (Rajah 2.1).

PEMBANGUNAN SEKTOR PERBANKAN

Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan (2001– 2010) dan Pelan Sektor Kewangan (2011– 2020) telah meletakkan sektor perbankan pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menyokong keperluan ekonomi. Sektor perbankan kini lebih berdaya tahan, disokong oleh institusi-institusi yang kukuh. Persaingan yang lebih sengit juga telah menjadikan sistem perbankan lebih cekap.

Sejajar dengan peralihan Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, sektor perbankan akan terus memainkan peranan penting untuk menyokong peralihan ini. Oleh itu, inisiatif yang sedang, dan akan dijalankan tertumpu pada: (i) meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan untuk mewujudkan akses yang lebih bermakna kepada segmen penduduk yang lebih luas; (ii) menawarkan perkhidmatan pembiayaan yang inovatif untuk PKS; dan (iii) memanfaatkan teknologi untuk memacu inovasi dan meningkatkan kecekapan.

Meningkatkan rangkuman kewangan

Berlandaskan momentum pelaksanaan inisiatif rangkuman kewangan dalam beberapa tahun yang lalu, kemajuan seterusnya dicapai pada tahun 2017 untuk meningkatkan akses yang inklusif kepada perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan untuk semua segmen penduduk Malaysia (Gambar Rajah 2.1).




Bank terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan pemilikan akaun bank dan penggunaan perkhidmatan perbankan formal oleh orang ramai. Usaha ditumpukan pada: (i) meluaskan jangkauan dan perkhidmatan perbankan ejen di kawasan yang tiada perkhidmatan perbankan; (ii) memperkenalkan kelompok tanpa tunai bagi menggalakkan e-pembayaran sebagai langkah untuk memasukkan komuniti yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan ke dalam sistem kewangan yang formal; dan (iii) menggalakkan produk kewangan mikro (Gambar Rajah 2.2).

Tumpuan diberikan pada penambahan pemilikan akaun bank dan penggunaan perkhidmatan perbankan formal untuk meningkatkan rangkuman kewangan

Pada tahun 2017, Bank juga menerokai penggunaan teknologi geospasial dan pengimejan satelit untuk

Gambar Rajah 2.1

Penunjuk Rangkuman Kewangan Terpilih

	10,454	pusat akses kewangan, menyediakan perkhidmatan kepada 99% penduduk Malaysia
	96.2%	mukim dengan sekurang-kurangnya 2,000 penduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas
	7,193	pusat akses kewangan disediakan oleh ejen bank berdaftar
	31,044	akaun simpanan dibuka melalui ejen bank berdaftar
	136.7 juta	urus niaga kewangan dengan ejen bank berdaftar, berjumlah RM11.4 bilion


Nota: Data pada akhir tahun 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

menambah baik pengenalpastian dan pemantauan pusat akses kewangan di Malaysia. Pada bulan Disember 2017, Bank memeterai Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan Agensi Remote Sensing Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk bekerjasama secara rasmi dalam bidang ini. Dengan menggunakan pengesanan jarak jauh dan teknologi Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System), sebuah pangkalan data berpusat dan portal dalam talian akan ditubuhkan. Ini membolehkan automasi pemetaan dan akses kepada maklumat mengenai semua pusat akses kewangan dalam negara dibuat menerusi pengimejan satelit. Pada masa hadapan, keupayaan analisis geospasial untuk merangkumkan maklumat seperti sempadan pentadbiran, demografi, infrastruktur dan topografi dijangka dapat meningkatkan lagi usaha institusi kewangan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan. Selain itu, aplikasi mudah alih yang disokong GPS akan membolehkan orang ramai mencari pusat akses kewangan yang terdekat dengan mudah (Gambar Rajah 2.3).

Pendigitalan perkhidmatan kewangan

Sektor perbankan terus memanfaatkan penggunaan platform elektronik pada tahun 2017 untuk meningkatkan kecekapan dan nilai tambah perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada pengguna. Pada tahun 2017, platform digital dan pusat *e-touch* dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan dan kemudahan dalam penawaran produk dan perkhidmatan kewangan untuk PKS. Melalui kerjasama dengan Bank dan industri kewangan, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Meningkatkan Pemilikan Akaun Bank dan Penggunaan Perkhidmatan Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.3

Manfaat Aplikasi Analisis Geospasial



Sumber: Bank Negara Malaysia

membangunkan imSME, iaitu platform rujukan pembiayaan PKS yang pertama di Malaysia. Platform tersebut menyediakan pusat akses dalam talian setempat untuk PKS mendapatkan khidmat pembiayaan dan bantuan secara berstruktur. Platform yang dilancarkan pada bulan Februari 2018 tersebut memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan produk pembiayaan yang sesuai daripada pelbagai institusi dan dana dengan lancar lagi cepak. Permohonan yang tidak dapat dipadankan atau ditolak akan dirujuk kepada Pasukan Penasihat Kewangan imSME, yang menyediakan bantuan berstruktur kepada PKS untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan mereka pada masa hadapan

serta menghubungkan mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan alternatif (Gambar Rajah 2.4). Ini akan memudahkan lagi proses untuk mendapatkan pembiayaan bagi PKS. Sehingga kini, 15 institusi (bank dan institusi kewangan pembangunan) telah menyertai platform imSME untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan.

Satu lagi inisiatif penting untuk meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat kewangan ialah pelancaran eCCRIS pada 19 Januari 2018. eCCRIS merupakan platform dalam talian untuk individu dan perniagaan mengakses rekod kredit mereka yang lalu. Sebelum pelancarannya, peminjam hanya boleh mendapatkan laporan peribadi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) daripada cawangan Bank dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Menerusi inisiatif ini, peminjam kini boleh mendapatkan sendiri maklumat kredit mereka dengan cepat dan mudah pada bila-bila masa melalui laman sesawang eCCRIS. Inisiatif ini melengkapkan lagi usaha ke arah memupuk budaya kredit yang baik dengan memperkasakan peminjam untuk memantau dan memelihara kedudukan kredit mereka secara aktif. eCCRIS juga menyokong permintaan langsung daripada peminjam untuk mengemas kini maklumat CCRIS mereka dalam persekitaran yang selamat. Lebih 42,000 individu dan perniagaan telah mendaftar untuk mendapatkan akaun eCCRIS setakat 7 Mac 2018.

imSME, Platform Pembiayaan PKS dalam Talian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menjadikan sektor perbankan lebih profesional

Industri perbankan terus menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memperkukuh standard profesional tenaga kerjanya. Menjelang akhir tahun 2017, sebanyak 199 pegawai pengurusan kanan dan pengarah telah mendaftar untuk mengikuti program *Chartered Banker* yang diperkenalkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Program yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa ini menggabungkan teori dan amali untuk melengkapkan tenaga kerja sektor perbankan dengan standard profesionalisme tertinggi. Pada akhir tahun 2017, lebih 5,100 kakitangan baharu dalam sektor kewangan telah menamatkan pengajian modul etika yang diwajibkan.

Pada tahun 2017, usaha juga ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan teknikal dalam sektor perbankan. Bermula bulan Januari 2018, kakitangan yang melaksanakan fungsi tugas kritikal dikehendaki mendapatkan kelayakan khusus melalui program yang ditawarkan oleh AICB. Kelayakan ini adalah dalam bidang kredit, pematuhan, pengurusan risiko, audit dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan. Usaha ini akan mengukuhkan lagi reputasi kerjaya dalam sektor perbankan, yang disokong oleh tahap profesionalisme dan kompetensi yang tinggi dalam amalan dan operasi perbankan

(rujuk rencana bertajuk ‘Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan’).

Meningkatkan peranan institusi kewangan pembangunan (IKP)

Sejak penubuhannya, IKP terus menyokong sektor-sektor utama yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi dan bertindak sebagai penggerak utama untuk memajukan objektif sosioekonomi negara. Pembiayaan telah disalurkan ke dalam sektor keutamaan, terutamanya pertanian, PKS, maritim, infrastruktur, industri berorientasikan eksport, serta industri berintensif modal dan berteknologi tinggi. IKP juga menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal untuk menghasilkan pembangunan yang mampan dalam sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti.

Antara tahun 2008 hingga 2017, jumlah pembiayaan terkumpul oleh IKP mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata 9%. Keperluan pembiayaan sektor keutamaan ini telah dipenuhi melalui pelbagai skim dan program pembiayaan. Contohnya, skim pembiayaan IKP yang diperkenalkan sejak tahun 2015 untuk menggalakkan pemilikan rumah mampu milik. Pada tahun 2017, skim ini diperluas untuk memenuhi bukan sahaja keperluan komuniti belia dan petani, tetapi juga kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40).

Pada akhir tahun 2017, jumlah pembiayaan skim ini mencecah RM1.5 bilion, sekali gus memanfaatkan hampir 7,000 keluarga. Bagi sektor pertanian, program pembiayaan mikro telah dilancarkan pada bulan November 2017 untuk membiayai usahawan mikro berasaskan pertanian daripada kumpulan B40. Pada akhir tahun 2017, pembiayaan sebanyak RM5.1 juta telah disalurkan kepada lebih 1,000 akaun pembiayaan mikro berasaskan pertanian.

Memandangkan pentingnya peranan IKP dalam membangunkan dan menyokong mandat sosioekonomi negara, maka adalah perlu untuk mewujudkan satu rangka kerja pengukuran prestasi IKP yang melangkaui penunjuk prestasi kewangan tradisional seperti jumlah pembiayaan dan pertumbuhan pinjaman. Tumpuan yang lebih besar sebaliknya perlu diberikan pada langkah yang lebih meluas dalam menilai prestasi IKP secara kritikal. Sistem pengukuran prestasi yang lebih holistik adalah kritikal bagi mengukur impak pembangunan IKP terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Sistem ini seterusnya akan mengukuhkan kebertanggungjawaban IKP dalam melaksanakan mandatnya dan menyalurkan dana dan tenaga kerjanya kepada bidang yang memberikan impak pembangunan yang paling besar bagi kos sosial yang tertentu.

Rangka kerja pengukuran prestasi baharu sedang dilaksanakan untuk menilai dengan lebih baik impak IKP terhadap pembangunan

Untuk tujuan ini, Bank bekerjasama dengan pihak industri pada tahun 2017 untuk melaksanakan rangka kerja pengukuran prestasi yang komprehensif dan mantap untuk IKP. Matlamat rangka kerja ini adalah untuk menilai penunjuk pembangunan dan kewangan IKP dengan lebih baik, bagi mengukur sumbangan sosioekonomi IKP kepada ekonomi dan masyarakat. Penilaian ini merangkumi:

- sejauh mana kesan limpahan positif (atau negatif) yang dijana daripada pendanaan dan aktiviti perniagaan IKP kepada masyarakat seperti jumlah pekerjaan yang diwujudkan, peningkatan taraf hidup kumpulan berpendapatan rendah, serta tadbir urus dan pengurusan kewangan yang lebih baik bagi perniagaan yang disasarkan;
- keberkesanan IKP dalam memperluas pelaburan sektor swasta (melalui pinjaman, ekuiti atau jaminan) ke dalam bidang pertumbuhan baharu; dan

- sumbangan IKP kepada pembangunan dan pelaksanaan dasar Kerajaan yang berkaitan untuk menjadi pemangkin pertumbuhan sektor ekonomi yang disasarkan.

RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN DAN PENYELIAAN

Aktiviti pengawalseliaan dan penyeliaan pada tahun 2017 terus ditumpukan untuk memperkukuh daya tahan sektor perbankan, dan pada masa yang sama menyokong keperluan kewangan ekonomi. Usaha yang dilaksanakan adalah meluas, dengan tumpuan diberikan pada peningkatan piawaian tadbir urus dan amalan pengurusan risiko bank, serta pelaksanaan piawaian Basel III di Malaysia (Gambar Rajah 2.5).

Pelaksanaan piawaian Basel III

Pelaksanaan piawaian Basel III terus menjadi keutamaan pengawalseliaan Bank (Gambar Rajah 2.6). Piawaian ini bertujuan memperkukuh daya tahan bank dengan meningkatkan tahap dan kualiti modal pengawalseliaan, mengawal leveraj dan menambah baik pengurusan mudah tunai. Dalam melaksanakan piawaian Basel III, Bank menilai dengan teliti kesan operasi dan impak piawaian tersebut ke atas aktiviti pengantaraan dan pembangunan pasaran domestik. Ini bertujuan mengenal pasti dan menangani kemungkinan timbulnya kesan yang tidak diingini.

Pada bulan Disember 2017, Bank mengeluarkan piawaian Nisbah Leveraj (Leverage Ratio, LR) untuk bank. Melalui langkah penahan (backstop) yang mudah dan tidak berasaskan risiko, LR memperlengkap keperluan modal berasaskan risiko. Nisbah minimum sebanyak 3% mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018, sejajar dengan garis masa yang dipersetujui di peringkat antarabangsa. Seperti yang dijangka, peralihan ke arah mematuhi piawaian LR berjalan dengan lancar, dan semua bank telah memenuhi keperluan minimum 3% tersebut. Pada akhir tahun 2017, nisbah leveraj sistem perbankan berada pada 7.8%, di mana 94% daripada bank melaporkan nisbah LR sekurang-kurangnya pada 6% (2016: 7.7%; 94% daripada bank). Berikutan kedudukan modal yang kukuh, pelaksanaan LR dijangka tidak akan mengekang aktiviti pengantaraan atau memerlukan bank untuk mendapatkan modal tambahan.

Pada bulan September 2017, Bank mengeluarkan draf dedahan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih

Gambar Rajah 2.5

Ringkasan Piawaian Kehematan Utama yang Dikeluarkan pada Tahun 2017

Nisbah Leveraj

- Langkah tidak berasaskan risiko untuk mengehendak peningkatan leveraj yang berlebihan
- Paras minimum 3%, berkuat kuasa 1 Januari 2018

Ujian Tekanan

- Meningkatkan keperluan penilaian risiko yang lebih berdasarkan maklumat mencukupi dan berpandangan jauh, termasuk:
 - ujian tekanan berbilang tahun (tempoh minimum tiga tahun); dan
 - ujian tekanan berbalik untuk mengenal pasti risiko yang jarang-jarang berlaku (tail risks)

Risiko Kredit

- Draf dedahan ini memperkukuh keperluan pengaturan tadbir urus peringkat lembaga pengarah dan peranan pengurusan risiko dalam proses kelulusan kredit
- Meningkatkan piawaian anggaran kerugian kredit
- Memperkukuh pengurusan kredit luar biasa, tumpuan kredit, risiko negara dan risiko pindahhan
- Memperkenalkan keperluan pengawasan risiko kredit untuk seluruh kumpulan


Nisbah Pendanaan Stabil Bersih

- Draf dedahan ini menggariskan piawaian mudah tunai yang memerlukan profil pendanaan yang stabil untuk menyokong operasi bank
- Nisbah minimum 100%
- Pelaksanaan tidak awal dari 1 Januari 2019

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.6

Pelaksanaan Piawaian Basel III di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kaedah Pengukuran Nisbah Leveraj (LR)

$$LR = \frac{\text{Modal Kumpulan 1}}{\text{Jumlah Dedahan LR}} \geq 3\%$$

Jumlah Dedahan LR ialah jumlah dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan, dedahan derivatif dan dedahan urus niaga pembiayaan sekuriti

(Net Stable Funding Ratio, NSFR) dengan tempoh perundingan selama dua bulan. NSFR menghendaki bank-bank untuk mengekalkan tahap pendanaan stabil yang mencukupi berdasarkan profil aset dan obligasi luar penyata kedudukan kewangan mereka bagi tempoh setahun. Bank mencadangkan supaya NSFR tidak dilaksanakan sebelum 1 Januari 2019 setelah mengambil kira penambahbaikan operasi yang perlu dibuat sebelum pelaksanaannya dan penjujukan (sequencing) keseluruhan piawaian Basel III yang diperkenalkan secara berperingkat bagi sektor perbankan.

Berikutan maklum balas yang diterima daripada pihak industri semasa tempoh perundingan, Bank kini sedang menilai komponen NSFR tertentu, termasuk: (i) penyesuaian domestik yang wajar dibuat (contohnya, olahan obligasi luar penyata kedudukan kewangan); dan (ii) penjelasan lanjut yang diperlukan (contohnya, tentang aset-liabiliti yang saling bergantung). Penilaian impak yang berterusan serta perbincangan dan interaksi dalam bulan-bulan akan datang bertujuan memberi maklumat bagi memuktamadkan pendekatan pelaksanaan Bank. Bank berhasrat memuktamadkan piawaian itu pada separuh pertama tahun 2018.

Bank-bank yang mempunyai tahap NSFR semasa di bawah 100% perlu membuat pelarasan terhadap penyata kedudukan kewangan masing-masing. Berdasarkan perbincangan dan interaksi dengan pihak industri, pelarasan akan lebih melibatkan bahagian liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan. Walaupun perkara ini mungkin menyebabkan tekanan menaik ke atas kos pendanaan, penangguhan tarikh pelaksanaan memberikan masa tambahan kepada industri perbankan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengimbangkan semula profil pendanaan mereka. Dengan ini, Bank menjangkakan bahawa impak yang mungkin timbul ke atas kos peminjaman akan lebih mudah untuk diurus. Pada akhir tahun 2017, nisbah NSFR purata industri perbankan (berdasarkan laporan tempoh pemerhatian) adalah pada 107.6%, di mana 76% daripada bank

melaporkan tahap NSFR pada atau melebihi 100% (2016: 103.2%; 55% daripada bank).


Pelaksanaan komponen Basel III yang selanjutnya di Malaysia akan mengambil kira pengubahsuaian yang relevan bagi mencerminkan keadaan dan risiko domestik

Pada peringkat pengawalseliaan global, Kumpulan Gabenor Bank Pusat dan Ketua Penyeliaan (Group of Central Bank Governors and Heads of Supervision), iaitu badan pengawasan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision), telah mengesahkan pengawalseliaan Basel III yang selebihnya pada bulan Disember 2017 (Gambar Rajah 2.7). Pengesahan ini termasuk penangguhan tarikh semakan keperluan modal minimum bagi risiko pasaran kepada 1 Januari 2022 (sebelum ini ditetapkan pada tahun 2019). Penangguhan ini sejajar dengan tarikh pelaksanaan semakan piawaian modal bagi risiko kredit dan risiko operasi, sekali gus memberikan lebih banyak masa untuk menambah baik sistem dan infrastruktur yang diperlukan. Pada masa ini, masih terdapat komponen pembaharuan Basel III yang belum lagi dilaksanakan di Malaysia. Bersama-sama elemen pakej pembaharuan Basel III yang disahkan baru-baru ini, Bank dijangka merangka dan mengemukakan cadangan pelaksanaannya di Malaysia dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Ini akan mengambil kira pengubahsuaian yang perlu bagi mencerminkan keadaan dan risiko domestik.

Menambah baik amalan pengurusan risiko kredit dan peruntukan

Bank telah memuktamadkan semakan piawaian Risiko Kredit pada bulan Januari 2018. Ini menggantikan garis panduan yang dikeluarkan pada tahun 2001. Piawaian tersebut menambah baik pelbagai aspek amalan pengurusan risiko kredit institusi kewangan yang diperlukan bagi mencerminkan perkembangan yang berlaku dalam tahun-tahun

Elemen Pembaharuan Pengawalseliaan Basel III yang Belum Dilaksanakan



Sumber: Basel Committee on Banking Supervision

yang lalu (Gambar Rajah 2.5). Perkembangan ini termasuk mempelbagaikan produk yang ditawarkan, meningkatkan operasi merentas sempadan oleh institusi kewangan dan memperdalam pasaran modal domestik sebagai sumber pembiayaan alternatif, terutamanya bagi perniagaan besar. Keperluan di bawah piawaian yang disemak semula ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2018 bagi sektor perbankan, manakala tempoh peralihan yang lebih lama diberikan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful yang akan melaksanakan piawaian tersebut buat kali pertamanya.

Piawaian ini, yang memerlukan penggunaan pendekatan anggaran kerugian kredit yang lebih canggih oleh institusi kewangan, turut menyokong pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (Malaysian Financial Reporting Standards 9: Financial Instruments, MFRS 9) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Pendekatan berpandangan jauh bagi peraturan jejas nilai baharu di bawah MFRS 9 memerlukan institusi kewangan membuat anggaran jangkaan kerugian kredit sepanjang

tempoh kemudahan kredit, dengan mengambil kira perkembangan makroekonomi. Ini berbeza dengan MFRS 139, yang hanya mengambil kira peruntukan jejas nilai apabila terdapat bukti jejas nilai yang objektif (Gambar Rajah 2.8).

Walaupun peruntukan dijangka lebih tinggi di bawah MFRS 9, anggaran bagi magnitud impak terhadap perolehan dan modal bank-bank adalah dalam jangkaan Bank. Impak tersebut sebahagian besarnya akan dapat dikurangkan oleh keperluan rizab pengawalseliaan yang boleh digunakan oleh bank-bank untuk mengimbangi peningkatan dalam peruntukan. Hasilnya, meskipun peruntukan lebih tinggi, bank-bank terus mengekalkan tahap modal yang jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum.

Setelah mengambil kira elemen subjektif MFRS 9 dan data yang terhad semasa tempoh awal pelaksanaannya, Bank memutuskan untuk mengekalkan keperluan rizab pengawalseliaan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua tahun lagi mulai 1 Januari 2018. Industri perbankan juga dikehendaki memperhalus dan menyelaraskan semula

Semakan Utama Terhadap Piawaian Risiko Kredit Berikutan Maklum Balas Industri

- Peluasan skop langkah pengurangan risiko kredit yang boleh diterima bagi memastikan anggaran risiko kredit yang lebih tepat
- Fleksibiliti dalam pengaturan tadbir urus kredit yang bermasalah, setara dengan tahap masalah kredit
- Keperluan yang lebih jelas tentang fungsi semakan kredit secara bebas bagi memastikan aktiviti semakan selepas kelulusan terus berkesan

Keperluan Peruntukan MFRS 9



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengiraan Keperluan Rizab Pengawalseliaan yang Diselaraskan Semula

Peruntukan kerugian Peringkat 1 dan 2 serta rizab pengawalseliaan \geq 1% daripada jumlah dedahan kredit*, setelah ditolak peruntukan kerugian Peringkat 3

* tidak termasuk dedahan kepada Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, bank-bank dan IKP

model-model di bawah MFRS 9 bagi memastikan perubahan dalam kualiti kredit dan profil risiko dapat dikesan tepat pada masanya, dan peruntukan yang mencukupi seterusnya boleh dibuat untuk menjadi penampakan sekiranya kualiti aset merosot.

Meningkatkan langkah berwaspada terhadap risiko operasi

Dedahan lebih tinggi kepada risiko operasi merupakan isu semasa dalam kalangan bank. Pada bulan Februari 2017, Bank untuk pertama kalinya menjalankan kaji selidik industri tentang Risiko Operasi Baru Muncul untuk mengkaji landskap risiko sektor perbankan di Malaysia. Ketua pegawai risiko bank telah berkongsi pelbagai perspektif terhadap risiko yang menjadi isu utama organisasi mereka. Butiran terperinci berdasarkan hasil kaji selidik tersebut telah dikongsi dengan industri menerusi laporan MYHORIZON pada bulan Januari 2018. Laporan tersebut juga memberikan pandangan menyeluruh mengenai kerugian sebenar yang dilaporkan pada tahun 2017. Ia juga membincangkan pelbagai tindakan dan

langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan oleh institusi kewangan untuk mengurangkan kerugian ekoran kejadian yang sama pada masa akan datang. Maklumat ini bertujuan memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai perkembangan risiko baru muncul untuk dijadikan input oleh bank-bank apabila menambah baik rangka kerja pengurusan risiko operasi mereka. Setakat ini, semakin banyak bank-bank mengukuhkan fungsi risiko operasi dengan menambah baik pengurusan dan pengawasan risiko ini. Namun, usaha membangunkan bakat yang mempunyai set

Sektor Perbankan: Lima Risiko Operasi Paling Besar di Malaysia

1. Ancaman siber
2. Ketidapatuhan keperluan pengawalseliaan
3. Penipuan dalam permohonan produk perbankan
4. Kesilapan manusia dalam melaksanakan tugas
5. Pelaporan tidak tepat atau tidak lengkap

kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menyokong penambahbaikan terhadap sistem dan kawalan terus menjadi agenda utama bank-bank.

Menggalakkan amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab

Bank terus menumpukan usahanya untuk menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam kalangan bank dan pengeluar instrumen pembayaran. Bank-bank telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mengukuhkan pengatur tadbir urus dan kawalan dalaman mereka. Bank-bank juga terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada pengguna, serta melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan.

Pada tahun 2017, Bank menjalankan penilaian tematik terhadap: (i) kualiti penzahiran oleh bank-bank mengenai produk kewangan yang ditawarkan; (ii) amalan mengenakan fi dan caj kepada pelanggan; dan (iii) keberkesanan kawalan dalaman dalam melindungi maklumat pelanggan. Berdasarkan hasil penilaian tematik tersebut, Bank telah mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap 35 buah bank dan pengeluar instrumen pembayaran. Ini termasuk perintah pemberhentian dan larangan (cease and desist orders) yang dikeluarkan kepada tiga institusi berkaitan pengenaan fi dan caj yang keterlaluan atau dilarang. Bank juga mengeluarkan arahan kepada 33 buah institusi supaya menambah baik penzahiran produk, serta mengukuhkan proses perlindungan maklumat pelanggan dan penyelesaian aduan pelanggan.

Mengurus budaya organisasi dan menangani risiko salah laku

Momentum membentuk nilai-nilai teras yang teguh dalam institusi kewangan terus meningkat pada tahun 2017. Berasaskan piawaian Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan pada tahun 2016, rangka kerja penyeliaan Bank telah diperkukuh untuk merangkumi tumpuan khusus pada budaya organisasi apabila menilai keselamatan dan keteguhan sesebuah institusi kewangan secara keseluruhannya. Sebahagian besar isu yang melanda institusi kewangan dapat ditangani dengan mewujudkan persekitaran operasi dan budaya organisasi yang lebih teguh dan beretika. Laporan MYHORIZON mencerminkan kepentingan budaya

organisasi di mana 65% daripada kerugian yang dilaporkan adalah berkaitan dengan penipuan dalaman, ketidakpatuhan terhadap keperluan pengawalseliaan dan kelemahan operasi.

Bank Negara Malaysia akan memberi tumpuan yang lebih besar terhadap budaya dalam aktiviti penyeliaannya

Dalam menilai pendorong utama budaya organisasi (Gambar Rajah 2.9), Bank mengambil kira aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan. Tumpuan penilaian penyeliaan oleh Bank mengambil kira model perniagaan dan struktur institusi kewangan, serta impak fungsi kawalan dan interaksi dalaman (antara lembaga pengarah dengan pengurusan kanan, dan antara pengurusan kanan dengan kakitangan) terhadap tingkah laku (Gambar Rajah 2.10).

Daripada pemerhatian terhadap aspek bukan kewangan bagi budaya organisasi (seperti pengambilan pekerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja, pengurusan prestasi dan imbuhan, dan pendedah maklumat (whistleblowing)), industri perbankan juga didapati sedang meningkatkan usaha untuk memastikan kesanggupan mengambil risiko (risk appetite) serta dasar-dasar dalaman adalah mencerminkan nilai-nilai teras serta keupayaan institusi untuk mengambil dan mengurus risiko. Bank-bank juga terus menambah baik pelaksanaan rangka kerja ganjaran yang diselaraskan dengan risiko, contohnya, menerusi pengenalan bayaran ganjaran tertunda atau bayaran imbuhan berbilang tahun. Pada masa hadapan, Bank akan terus memberikan tumpuan terhadap budaya institusi kewangan dalam aktiviti penyeliaannya. Oleh itu, institusi-institusi kewangan dikehendaki menumpukan usaha ke arah memupuk budaya dan amalan yang teguh dalam organisasi mereka. Usaha tersebut perlu merangkumi: (i) penambahbaikan amalan pengurusan prestasi melalui penunjuk prestasi utama yang lebih seimbang; (ii) pengekalan saluran komunikasi yang berkesan untuk pendedah maklumat; dan (iii) pengukuhan proses saringan bagi pengambilan pekerja.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Kerjasama yang erat antara penyelia negara asal (home supervisor) dan penyelia negara tuan rumah (host supervisor) bank-bank terus menjadi keutamaan dalam menyokong aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2017. Pada bulan April 2017, Bank menandatangani MoU

Gambar Rajah 2.9


Pendorong Utama Budaya Organisasi Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.10

Penilaian Penyeliaan Terhadap Budaya Organisasi Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kerjasama Penyeliaan Perbankan dan Pembangunan Kewangan (Banking Supervision and Financial Development Cooperation) dengan Bank of Thailand. Kerjasama ini menyokong penyeliaan yang berkesan terhadap bank-bank yang beroperasi di Thailand dan Malaysia berikutan hubungan perdagangan dan pelaburan yang lebih rapat, serta aktiviti perbankan merentas sempadan yang lebih giat terutamanya di rantau Asia. Ia juga memudahkan kerjasama yang lebih erat bagi memastikan pembangunan yang mampan dan sektor kewangan berdaya tahan. Ini termasuk bidang penyeliaan terhadap amalan pasaran, perlindungan pengguna, rangkuman kewangan dan celik kewangan, serta membasmi kegiatan jenayah kewangan.

Pada tahun 2017, Bank menyertai mesyuarat forum penyeliaan (supervisory college) enam buah institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia, dan turut menjadi tuan rumah mesyuarat seumpama itu bagi satu kumpulan perbankan domestik. Mesyuarat

ini terus menjadi platform utama untuk bertukar-tukar isu yang menjadi kebimbangan utama penyelia dan penyelarasan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan. Perbincangan dan interaksi dua hala turut diadakan dengan Otoritas Jasa Keuangan pada bulan Julai 2017 dan Hong Kong Monetary Authority pada bulan Oktober 2017. Perbincangan dan interaksi tersebut meliputi penilaian tentang keadaan ekonomi dan kewangan di negara asal dan negara tuan rumah, perkongsian mengenai perkembangan rangka kerja penyeliaan, serta kebimbangan berkaitan isu semasa dan tindakan yang diambil untuk menangani risiko yang baru muncul. Inisiatif mengadakan perbincangan dan interaksi tersebut terus memainkan peranan penting dalam menyokong keupayaan Bank untuk mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan bank-bank Malaysia dan seterusnya mengambil tindakan yang tepat pada masanya, dengan kerjasama bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain.

AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat

Oleh Sahara Hashim dan Ili Syazana

Pengenalan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 untuk menyediakan khidmat nasihat dan bantuan kepada peminjam individu dalam mengurus kewangan mereka. Agensi ini telah menyumbang kepada sistem kewangan yang kukuh dan mantap dengan membentuk anggota masyarakat yang bijak dari segi kewangan melalui tiga perkhidmatan utamanya, iaitu: (i) kaunseling dan nasihat kewangan secara bertemu muka dengan peminjam tentang kemahiran menguruskan wang; (ii) program pengurusan hutang peribadi; dan (iii) pendidikan kewangan. Sejak AKPK ditubuhkan, lebih tiga juta orang telah mendapat manfaat daripada program dan inisiatifnya.

Rencana ini membincangkan kemajuan yang telah dicapai oleh AKPK dalam melaksanakan mandatnya untuk menggalakkan amalan kewangan berhemat, selain menerangkan profil peminjam yang mempunyai tahap hutang yang tinggi serta menggariskan keutamaan AKPK pada masa hadapan.

Ke Arah Kewangan Berhemat

Kaunseling dan khidmat nasihat kewangan


Sejak ditubuhkan, AKPK telah menyediakan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan kepada 683,169 individu. Ini sejajar dengan matlamatnya untuk melengkapi individu dengan keupayaan asas mengurus wang dengan bijak, agar mereka berbelanja mengikut kemampuan dan boleh mencapai matlamat kewangan. AKPK menyediakan kaunseling dan khidmat nasihat mengenai pengurusan wang yang praktikal secara percuma dan bertemu muka (one-to-one) dengan peminjam, agar dapat membantu mereka mengawal perbelanjaan dan hutang. Perkhidmatan ini disediakan melalui 11 cawangan AKPK, dan 18 pejabat kaunseling di seluruh negara melalui rangkaian cawangan bank perdagangan dan bank-bank Islam. Selain itu, AKPK memanfaatkan rakan strategiknya, termasuk agensi Kerajaan dan organisasi bukan kerajaan, untuk menawarkan khidmat kaunseling di tempat kerja.

Program Pengurusan Kredit

Daripada jumlah individu yang mendapatkan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan AKPK, sebanyak 29% daripada mereka telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengurusan Kredit (PPK). PPK merupakan program khusus untuk peminjam yang layak, dengan menyediakan penyelesaian kepada masalah kewangan mereka. Peminjam yang menyertai PPK ini secara keseluruhannya mempunyai hutang sebanyak RM21.7 bilion. Sehingga kini, 15,439 orang peminjam atau 8% daripada peserta PPK telah menyelesaikan semua hutang mereka dan berjaya menamatkan penyertaan dalam program ini. Kira-kira 60% daripada peserta PPK masih lagi meneruskan pembayaran balik hutang mereka secara aktif, manakala 32% lagi peserta telah menarik diri daripada PPK atau penyertaan mereka ditamatkan (Rajah 1). Antara sebab mereka menarik diri atau penyertaan mereka ditamatkan ialah mereka telah mempunyai keadaan kewangan yang lebih baik sekali gus membolehkan mereka menyelesaikan semua hutang atau menguruskan hutang mereka sendiri, kematian peserta, atau peserta tidak mampu membayar balik hutang secara konsisten.

Intervensi secara proaktif oleh AKPK memainkan peranan penting dalam membantu peserta PPK memenuhi dan meneruskan tanggungjawab membayar balik hutang mereka. Ini termasuk mengeluarkan peringatan awal kepada peserta untuk membuat pembayaran balik hutang, menawarkan program 'Peluang Kedua' untuk peminjam yang dijangka tidak mampu membayar hutang, serta memantau pembayaran hutang semua peserta baharu PPK pada tiga bulan pertama mereka menyertai PPK di bawah inisiatif 'Penjagaan Awal' untuk memupuk tabiat membayar balik hutang yang baik. Kesemua intervensi ini telah berjaya mengurangkan jumlah peserta yang ditamatkan daripada PPK, iaitu daripada 35% pada tahun 2016 kepada 25% pada tahun 2017. Selain itu, hutang tahunan yang dikutip oleh AKPK di bawah PPK telah meningkat dengan ketara kepada RM877 juta pada tahun 2017 (2007: RM21.7 juta). Daripada jumlah ini, lebih 80% telah dibayar oleh peminjam mengikut masa yang ditetapkan.

Rajah 1: Status Peserta PPK pada Akhir 2017

Kebanyakan peserta PPK giat membayar balik pinjaman

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

PPK juga mempunyai impak yang penting dalam mengurangkan kes muflis. Dianggarkan bahawa kira-kira 20% daripada peminjam yang mendaftar dengan PPK berada pada peringkat awal prosiding untuk diisytiharkan sebagai muflis atau lelongan (foreclosure) harta benda mereka. Sebaik sahaja peminjam mendaftar dengan PPK, institusi kewangan yang mengambil bahagian (participating financial institutions, PFI) akan memberi moratorium atas prosiding pengisytiharan muflis atau lelongan harta benda. Ini bagi membolehkan semua pihak yang terlibat mencapai persetujuan mengenai pelan pembayaran balik pinjaman. Langkah ini juga berjaya mengurangkan bilangan kes muflis yang dikendalikan oleh mahkamah.

PFI turut mendapat manfaat daripada PPK. PFI boleh mendapatkan kembali pinjaman yang tidak berbayar daripada peminjam tanpa perlu melalui proses mahkamah, yang bukan sahaja memakan masa yang panjang bahkan melibatkan kos yang tinggi. Sejak penubuhan AKPK, PFI telah berjaya mendapatkan kembali kira-kira RM4.5 bilion pinjaman tidak berbayar yang jika tidak dapat dikutip, akan dihapus kira. PFI juga mendapat manfaat daripada penjaminan fi yang perlu dibayar kepada agensi-agensi kutipan hutang, yang lazimnya antara 15% hingga 25% daripada jumlah yang diperolehi, berbanding dengan fi nominal sebanyak 3% yang perlu dibayar kepada AKPK.

Kesemua perkara di atas boleh dikaitkan dengan tiga peranan penting AKPK dalam menguruskan PPK: (i) mendapatkan sokongan dan persetujuan daripada PFI mengenai syarat-syarat penstrukturan semula hutang yang mampu dipenuhi oleh peminjam yang bermasalah; (ii) kaunseling pengurusan kewangan dan perubahan gaya hidup yang merupakan faktor kritikal untuk membantu peminjam agar boleh mengawal semula pembayaran hutang mereka; dan (iii) pemantauan dan tindakan susulan secara aktif terhadap peminjam yang lebih cenderung untuk tidak membayar balik hutang. Dalam usaha berterusan untuk membantu peserta PPK yang telah menyelesaikan hutang mereka sepenuhnya, AKPK sedang dalam proses melancarkan inisiatif program lepasan PPK untuk menyediakan bimbingan dan sokongan berterusan kepada peserta berkenaan. Inisiatif ini bertujuan menjejak perubahan tingkah laku secara sistematik dan memastikan amalan kewangan kekal positif.

Celik kewangan – pendidikan dan jangkauan kewangan yang merangkumi khalayak lebih ramai

Modul pendidikan kewangan AKPK direka khusus untuk menangani pelbagai keperluan dan keadaan pada peringkat kehidupan yang berlainan - daripada usia muda pada peringkat pengajian tinggi; memasuki alam pekerjaan dan memulakan hidup berkeluarga; hinggalah menjadi warga emas yang meniti usia persaraan. Program pendidikan kewangan juga bertujuan menangani cabaran tertentu yang dihadapi oleh golongan yang mudah terjejas dalam kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40) dan pertengahan 40% (M40). Topik utama yang dibincangkan termasuklah kepentingan menyimpan wang dan cara-cara untuk menyimpan wang, menetapkan sasaran kewangan, memilih produk kewangan yang sepadan dengan keperluan dan sasaran, serta merancang perbelanjaan, pinjaman asas dan cara mengurus hutang.

Bahan-bahan berkaitan pendidikan kewangan yang diterbitkan oleh AKPK terdapat dalam empat bahasa utama dan sentiasa dikemas kini untuk memasukkan alat-alat pengurusan kewangan terkini dan juga hasil pemerhatian terhadap tingkah laku kewangan individu. Pendidikan kewangan yang dianjurkan oleh AKPK juga terus digiatkan pada peringkat universiti melalui modul Pengurusan Kewangan Peribadi yang diperkenalkan sebagai satu program elektif atau program kurikulum tambahan untuk mendidik golongan muda mengenai pengurusan kewangan peribadi yang berhemat sebelum memasuki alam pekerjaan. Sebanyak 34 buah institusi pengajian tinggi telah menerapkan modul Pengurusan Kewangan Peribadi AKPK dalam kurikulum pengajian masing-masing (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

Modul Pendidikan Kewangan dan Penerbitan AKPK

2015

Modul pendidikan kewangan untuk empat fasa utama dalam kehidupan

- Memperkasakan pengguna dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan alat untuk membina, mengurus, dan melindungi kekayaan peribadi mereka
- Dirumus berdasarkan peristiwa hayat tertentu (iaitu pendidikan pada peringkat pengajian tinggi, memasuki alam pekerjaan, memulakan dan membesarkan keluarga, dan persaraan) bagi memastikan pendidikan kewangan yang berkesan dapat disampaikan kepada pengguna yang disasarkan

2012

Panduan Urus Sendiri untuk Pelan Pemulihan Kredit

- Bertujuan membimbing dan memperkasakan pengguna yang ingin menguruskan hutang mereka

2011

POWER! Pengurusan Wang Ringgit Anda

- Disasarkan terutamanya kepada golongan muda dan peminjam baharu dan bertujuan memperkasakan individu untuk menguruskan kewangan secara berkesan
- Memberikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan alat kewangan yang praktikal untuk membantu membuat keputusan peminjaman yang mantap dan bertanggungjawab

2008

Celik Wang

- Alat untuk meningkatkan celik kewangan kepada pelbagai kumpulan sasaran
- Dihasilkan berdasarkan pengalaman sebenar pelanggan yang telah mendapatkan khidmat kaunseling kredit dan menyertai PPK yang ditawarkan oleh AKPK
- Dibangunkan selanjutnya sebagai modul Pengurusan Kewangan Peribadi dan diajarkan kepada pelatih Program Latihan Khidmat Negara sehingga tahun 2014

Old Master Q Komik Pengurusan Wang

- Untuk menyampaikan pendidikan kewangan secara ringkas, menyeronokkan dan mudah difahami

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Salah satu keutamaan AKPK ialah memastikan seluruh rakyat Malaysia boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkannya. Menyedari bahawa inisiatif pendidikan kewangan seharusnya responsif terhadap individu daripada semua lapisan masyarakat dan fleksibel bagi individu untuk menerima maklumat pada masa dan melalui cara yang mereka pilih, AKPK memperkenalkan satu platform mikro dalam talian (ask.akpk.org.my). Portal pembelajaran dalam talian ini mengandungi nasihat dan panduan pendidikan kewangan, alat perancangan perbelanjaan dan kalkulator kewangan untuk membantu pengguna menguruskan kewangan mereka. AKPK juga telah mencari kaedah-kaedah baharu untuk menjangkau pengguna kewangan melalui platform digital seperti Facebook, Instagram dan YouTube, yang berjaya menarik lebih 10 juta penonton.

Tahap hutang yang tinggi – siapa dan mengapa?

Perancangan kewangan yang kurang baik terus menjadi penyebab utama peserta PPK gagal membayar hutang mereka (Gambar Rajah 2). Tanpa perancangan kewangan yang baik, seseorang individu berkemungkinan tinggi untuk berbelanja melebihi kemampuan dan menampung perbelanjaan tersebut dengan menambah hutang dalam jumlah yang banyak (Kes 1).

Kes 1

Mazyun dan Mazlan (bukan nama sebenar) merupakan pasangan muda yang telah berumah tangga dan masing-masing bekerja sebagai pereka dalaman dan eksekutif bank. Walaupun baru sahaja memulakan kerjaya mereka di bandar raya Kuala Lumpur, dan dengan sedikit simpanan yang ada, mereka mengambil jumlah pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan kad kredit yang agak banyak untuk membiayai gaya hidup mewah mereka. Hanya dalam tempoh empat tahun, mereka telah mengumpulkan hutang sebanyak RM1.2 juta yang perlu ditampung oleh jumlah gaji bersama mereka sebanyak RM20,000 sebulan.

Penamatan kontrak kerja Mazlan yang tidak diduga menyebabkan pasangan itu terjebak dalam masalah kewangan yang agak serius. Mazyun tidak dapat lagi meneruskan pembayaran balik pelbagai pinjaman mereka daripada satu sumber pendapatan sahaja.

Lebih 73% daripada peserta PPK mempunyai pendapatan bulanan yang rendah, iaitu di bawah RM4,000. Kebanyakan daripada mereka ini berhutang kerana simpanan yang ada tidak mencukupi, lantas menyebabkan mereka tidak dapat menampung perbelanjaan luar jangkaan yang tinggi seperti perbelanjaan perubatan yang tidak diduga. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila mereka terpaksa bergantung pada bentuk hutang yang lebih mahal seperti kad kredit dan pembiayaan peribadi untuk menangani isu-isu kewangan yang mencabar. Akibatnya, mereka mungkin terjerumus ke dalam kancah hutang yang lebih besar (Kes 2).

Kes 2

Azmi (bukan nama sebenar) bekerja sebagai penyelia kilang dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000. Azmi telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah. Azmi membayar balik pinjaman seperti yang dijadualkan, dan membelanjakan baki pendapatannya untuk percutian dalam negeri bersama keluarga.

Kesukaran kewangan Azmi bermula apabila isterinya jatuh sakit. Tanpa wang simpanan atau insurans sebagai sandaran, Azmi lantas mengambil pinjaman peribadi dan menggunakan kad kredit untuk membayar balik kos rawatan perubatan isterinya. Azmi yang bersusah payah membayar balik hutang dan menampung perbelanjaan keluarga, akhirnya gagal membayar hutangnya. Anak-anaknya terpaksa diberhentikan sekolah kerana Azmi tidak mampu membayar buku sekolah mereka.

Pada amnya, individu yang mempunyai kecenderungan untuk berbelanja di luar kemampuan berkemungkinan untuk menambah hutang dengan lebih banyak, yang jika tidak diurus dengan sewajarnya akan menyebabkan timbulnya masalah kewangan. Dalam hal ini, AKPK menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada individu yang dibebani hutang yang tinggi, terutamanya berkaitan keperluan untuk membuat perubahan gaya hidup. Kebanyakan daripada peserta PPK yang berjaya menamatkan program ini, diperhatikan telah berjaya mengubah tingkah laku mereka. Ini termasuk mempunyai tabiat menyimpan wang, menyediakan rancangan perbelanjaan isi rumah dan berbelanja dengan berhemat.

Kes 3

Ali (bukan nama sebenar) bekerja sebagai pengurus kewangan dengan sebuah syarikat insurans. Beliau mempunyai dua orang anak dengan pendapatan bulanan isi rumah bersih sebanyak RM5,500. Ali mengamalkan gaya hidup yang mewah tanpa perancangan kewangan untuk masa depan beliau. Hutang kad kredit dan hutang pembiayaan peribadinya secara keseluruhan berjumlah RM100,600 dengan bayaran balik bulanan berjumlah RM4,125. Beliau tidak mampu membayar hutang tersebut daripada gaji bulanannya sahaja.

Ali mendaftar untuk menyertai PPK pada tahun 2009. Sepanjang program ini, Ali menyesuaikan perbelanjaan isi rumahnya dengan mengurangkan perbelanjaan untuk makanan dan pakaian yang mahal. Perubahan gaya hidup ini telah membolehkan Ali membayar hutang tersebut. Beliau juga mampu memperuntukkan wang bagi tujuan insurans perubatan dan pendidikan anak-anak. Ali berjaya menamatkan PPK pada bulan Jun 2012, setahun lebih awal daripada tempoh PPK yang ditetapkan.

Akses lebih luas kepada perkhidmatan kewangan dan pasaran yang amat berdaya saing boleh menambahkan lagi cabaran yang dihadapi oleh seseorang individu. Secara khususnya, amalan institusi kewangan dalam mempromosikan produk kewangan mereka mungkin tidak sesuai untuk kumpulan pengguna yang tertentu. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi membuat keputusan kewangan yang bijak. Pengetahuan tentang kewangan juga menjadi lebih penting kerana ia boleh menjadi benteng kepada skim penipuan pelaburan yang kini semakin berleluasa.

Strategi dan pendekatan AKPK bertujuan untuk membuat intervensi yang ditumpukan pada individu yang mungkin lebih mudah terjejas oleh masalah kewangan. Oleh yang demikian, AKPK giat menganjurkan program di bandar-bandar utama. Pada tahun 2017, sebanyak 32% daripada program pendidikan kewangannya ditumpukan di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya, manakala 84% aktiviti pendidikan dan kaunseling kewangan dikhususkan pada individu yang baru memulakan dan membina hidup berkeluarga.

Gambar Rajah 2

Profil Peserta PPK AKPK



Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Perkara yang Menjadi Keutamaan Pada Masa Hadapan

Strategi kebangsaan untuk meningkatkan celik kewangan

Strategi kebangsaan sedang dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FE Network)¹ untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai ahli FE Network, AKPK akan menyelaraskan bersama-sama rakan-rakan dalam FE Network ini, untuk menjajarkan serta mempertingkatkan jangkauan dan impak program pendidikan kewangan yang disasarkan kepada golongan muda dan dewasa yang bekerja. Pendekatan baharu untuk mengukur keberkesanan program-program tersebut juga akan dilaksanakan.

Pendekatan holistik bagi pemulihan kewangan – melangkaui pinjaman bank

Sejak tahun 2014, perkhidmatan AKPK telah diperluas untuk mencakupi individu yang mempunyai pinjaman bukan sahaja daripada institusi kewangan yang dikawal selia Bank tetapi juga daripada beberapa institusi kewangan bukan bank yang besar seperti Malaysia Building Society Berhad, koperasi kredit dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Langkah ini dijangka membolehkan AKPK menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih komprehensif kepada peminjam, serta meningkatkan jumlah individu yang boleh mendapatkan perkhidmatannya. Pada masa hadapan, usaha akan terus dijalankan untuk memperluas liputan PPK bagi menjangkau pelanggan institusi kredit bukan bank yang lain. Langkah ini juga selaras dengan pelantikan AKPK baru-baru ini sebagai penama skim Perkiraan Sukarela (mekanisme penyelamat untuk mengelakkan individu daripada diisytiharkan muflis), di bawah Akta Insolvensi 1967 (Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017). Sebagai penama yang dilantik, AKPK akan mengendalikan proses untuk memberi peluang kepada pengguna kewangan menyusun semula dan/atau menjadualkan semula hutang mereka bagi mengelakkan mereka daripada diisytiharkan muflis.

Kesimpulan

Memandangkan individu kini lebih mudah mendapat akses kepada pembiayaan, adalah mustahak juga bagi mereka mengamalkan budaya kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab. Dalam hal ini, AKPK memainkan peranan yang penting, bukan sahaja untuk membantu peminjam yang bermasalah tetapi juga untuk menggalakkan celik kewangan yang lebih tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. AKPK sentiasa beriltizam untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sikap dan tingkah laku pengguna kewangan, dan memperkukuh kedudukannya yang strategik sebagai penasihat kewangan yang boleh dipercayai dalam ekosistem kewangan. Ini bagi membolehkan AKPK membantu lebih banyak individu menggunakan perkhidmatan kewangan dengan berkesan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka serta menyumbang kepada kestabilan kewangan negara secara keseluruhan.

¹ FE Network terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, AKPK dan Permodalan Nasional Berhad. FE Network berfungsi sebagai platform antara agensi untuk meningkatkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang baharu untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui penajajaran yang lebih baik, kerjasama yang lebih erat dan tumpuan yang kukuh terhadap penilaian impak.

Sektor Insurans dan Takaful

- 79** Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
- 83** Pengambilan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga
- 84** Dasar Pengawalan dan Penyeliaan serta Perkembangannya
- 90** Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
- 92** *Rencana: Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful*

Sektor Insurans dan Takaful

PRESTASI SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor insurans dan takaful mengekalkan momentum pertumbuhan pada tahun 2017. Jumlah premium dan sumbangan meningkat 3.5% kepada RM63.5 bilion (2016: 4.4% kepada RM61.3 bilion), manakala jumlah aset insurans dan takaful meningkat 8.1% kepada RM309.0 bilion (2016: 5.0% kepada RM277.0 bilion). Permodalan industri kekal kukuh, dengan agregat nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada akhir tahun 2017 berada pada 233.8%, jauh melebihi nisbah keperluan minimum 130%. Modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan berjumlah RM38.7 bilion (2016: RM37.9 bilion).

Jumlah premium dan sumbangan meningkat 3.5%, manakala jumlah aset insurans dan takaful meningkat 8.1%

Pada akhir tahun 2017, terdapat 55 penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula (Jadual 3.1 dan Jadual 3.2). Pada tahun 2017, sebuah syarikat penanggung insurans komposit telah bertukar menjadi penanggung insurans hayat. Penanggung insurans komposit dan pengendali takaful komposit yang selebihnya

Jadual 3.1

Bilangan Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful

Kategori	Bilangan
Penanggung insurans hayat	11
Penanggung insurans am	19
Penanggung insurans komposit	3
Pengendali takaful keluarga	3
Pengendali takaful am	8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 3.2

Bilangan Penanggung Insurans Semula dan Pengendali Takaful Semula

Kategori	Bilangan
Penanggung insurans semula hayat	1
Penanggung insurans semula am	5
Penanggung insurans semula komposit	1
Pengendali takaful semula	4

Sumber: Bank Negara Malaysia


masih dalam proses mengasingkan perniagaan hayat/keluarga daripada perniagaan am dalam operasi mereka seperti yang dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Bilangan broker insurans dan takaful serta penasihat kewangan yang diluluskan meningkat kepada 57 (2016: 56), manakala 45 ajuster kerugian (2016: 43) telah berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 pada tahun 2017.

Insurans hayat dan takaful keluarga

Penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga terus mencatat pertumbuhan dalam perniagaan baharu. Hasilnya, premium dan sumbangan baharu meningkat 5.8% kepada RM15.1 bilion pada tahun 2017 (2016: 7.5% kepada RM14.2 bilion) (Rajah 3.1 dan Rajah 3.2). Komposisi jenis produk keseluruhan bagi insurans hayat dan takaful keluarga pada amnya tidak berubah (Rajah 3.3) dan mengekalkan trend yang sama sejak lima tahun lalu. Produk insurans dan takaful seumur hidup, endowmen, serta insurans dan takaful gadai janji bertempoh (mortgage-related term) terus mencakupi bahagian terbesar premium/sumbangan baharu. Secara kolektif, produk-produk ini menyumbangkan 64.8% daripada jumlah premium/sumbangan baharu.


Rajah 3.1: Sektor Insurans Hayat – Pertumbuhan Premium Baharu dan Pecahan Mengikut Jenis Produk

Pertumbuhan premium baharu yang positif dicatatkan dalam sektor insurans hayat



Rajah 3.2: Sektor Takaful Keluarga – Pertumbuhan Sumbangan Baharu dan Pecahan Mengikut Jenis Produk


Sektor takaful keluarga terus mengekalkan momentum pertumbuhan



Dari segi kelas produk, produk berkaitan pelaburan menjadi pendorong utama pertumbuhan sektor insurans hayat dengan mencakupi 44.5% daripada jumlah premium baharu. Premium baharu insurans berkaitan pelaburan meningkat 26.3% pada tahun 2017, jauh mengatasi pertumbuhan tahunan 3.6% yang dicatat antara tahun 2013 hingga 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh peralihan strategik yang ketara daripada produk sertain hayat biasa kepada produk berkaitan pelaburan (Rajah 3.4). Kemerosotan dalam perniagaan baharu berkaitan dengan produk sertain biasa (2017: -58.9%; 2016: 11.7%) sebahagiannya disebabkan


Rajah 3.3: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Premium dan Sumbangan Baharu Mengikut Jenis Produk

Komposisi produk insurans hayat dan takaful keluarga kekal tidak berubah



Rajah 3.4: Sektor Insurans Hayat – Pecahan Premium Baharu Mengikut Kelas Produk


Produk berkaitan pelaburan adalah pemacu utama untuk pertumbuhan premium insurans hayat



oleh ilustrasi nilai pulangan pelaburan yang lebih rendah, yang seterusnya telah mempengaruhi keputusan untuk membeli (rujuk bahagian 'Penambahbaikan ilustrasi jualan bagi polisi sertain'). Ilustrasi nilai pulangan yang lebih rendah didapati telah mengurangkan daya tarikan produk. Oleh itu, penanggung insurans dan ejen mengubah fokus strategi jualan mereka kepada produk yang berkaitan dengan pelaburan. Bagi sektor takaful pula, produk takaful keluarga biasa meningkat 9.5% (2016: 5.2%) (Rajah 3.5),

Rajah 3.5: Sektor Takaful Keluarga – Sumbangan Baharu Mengikut Kelas Produk

Pertumbuhan sumbangan baharu dalam sektor takaful keluarga didorong oleh produk takaful keluarga biasa



Sumber: Bank Negara Malaysia

didorong terutamanya oleh permintaan lebih tinggi untuk polisi berkaitan gadai janji bertempoh, berikutan pertumbuhan pembiayaan Islam.


Seiring dengan pertumbuhan menyeluruh pada tahun 2017, industri insurans dan takaful am terus mencatat lebih dana daripada perniagaan baharu dan insurans serta margin pelaburan. Lebih pendapatan selepas ditolak perbelanjaan kekal pada RM18.8 bilion (2016: RM13.3 bilion).

Insurans am dan takaful am

Dalam sektor insurans am dan takaful am, premium dan sumbangan kasar merosot sedikit (2017: -0.4%; 2016: 1.7%) (Rajah 3.6). Pertumbuhan positif dalam

Rajah 3.6: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium dan Sumbangan Kasar dan Pecahan Mengikut Jenis Perniagaan

Kemerosotan sedikit diperhatikan untuk premium dan sumbangan kasar




Sumber: Bank Negara Malaysia

perniagaan perlindungan bagi motor, kebakaran dan perubatan, iaitu tiga penyumbang terbesar premium dan sumbangan kasar, diimbangi penguncupan dalam segmen minyak luar pesisir (2017: -27.7%; 2016: -14.9%). Ini disebabkan oleh aktiviti dalam sektor minyak dan gas yang lebih perlahan. Namun, tidak termasuk perniagaan minyak luar pesisir, jumlah premium kasar meningkat 0.4%. Segmen motor pula meningkat 3.6% (2016: 0.5%), mencerminkan jualan kereta baharu yang bertambah. Pada peringkat industri, kesan liberalisasi tarif motor masih belum begitu jelas memandangkan ia baru dilaksanakan dan juga pendekatan berhati-hati pihak industri untuk membuat perubahan ketara dalam penetapan kadar premium mereka. Produk kebakaran juga berkembang namun lebih perlahan (2017: 0.9%; 2016: 1.4%), disebabkan pasaran yang lebih sederhana untuk premium risiko yang besar dan khusus ekoran kerugian yang berkurang serta kapasiti lebih dalam pasaran insurans semula harta tanah dan kemalangan global. Perniagaan berkaitan perubatan pula meningkat 6.4% (2016: 20.2%). Tidak termasuk insurans semula dan takaful semula, pertumbuhan perlindungan berkaitan perubatan langsung kekal stabil pada 7.3% (2016: 7.8%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk perlindungan perubatan berkelompok serta purata premium dan sumbangan yang lebih tinggi.

Nisbah bendungan sektor insurans am dan takaful am tidak berubah pada 76.0% pada akhir tahun 2017 (Rajah 3.7). Tiada perubahan yang besar dalam semua kelas perniagaan peribadi (motor, perubatan dan kesihatan dan kemalangan diri). Tahap bendungan

Rajah 3.7: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Nisbah Bendungan

Tahap bendungan untuk insurans dan takaful am kekal rata




Sumber: Bank Negara Malaysia

untuk risiko marin, penerbangan dan transit bertambah baik dan meningkat kepada 35.7% (2016: 30.6%) disebabkan oleh kemerosotan dalam perniagaan berkaitan minyak luar pesisir, yang pada kebiasaannya mempunyai tahap bendungan yang lebih rendah. Bahagian premium dan sumbangan keseluruhan yang tersid (ceded) bagi penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula asing menunjukkan trend peningkatan sejak lima tahun yang lalu (2013: 15.5%; 2017: 24.4%). Ini mencerminkan kesanggupan industri yang rendah untuk menanggung risiko yang lebih besar dan rumit di dalam negeri. Hal ini menekankan pentingnya untuk membangunkan kapasiti domestik yang besar, dari segi pengagihan risiko yang lebih baik pada peringkat industri dan peningkatan kepakaran teknikal pada peringkat syarikat agar lebih berkemahiran mengunderait risiko yang rumit.

Sektor insurans dan takaful am terus mencatat keuntungan pada tahun 2017, meskipun dalam jumlah yang lebih rendah berbanding prestasi lima tahun yang lalu. Keuntungan pengunderaitan dan operasi masing-masing merosot 24.3% kepada RM1.4 bilion dan 21.9% kepada RM2.7 bilion (Rajah 3.8). Nisbah kerugian keseluruhan sektor ini meningkat kepada 58.3% daripada 55.9% pada tahun 2016, sebahagian besarnya disebabkan oleh tuntutan motor dan perubatan yang lebih tinggi (Rajah 3.9). Berbeza dengan sektor hayat dan keluarga, pendapatan pelaburan hanya meningkat sedikit masing-masing

Rajah 3.8: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Keuntungan


Sektor insurans dan takaful am terus menguntungkan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.9: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Nisbah Gabungan

Nisbah kerugian keseluruhan insurans dan takaful am terjejas disebabkan kenaikan tuntutan motor dan perubatan




Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada RM790.7 juta (2016: RM775.3 juta) bagi insurans am dan RM99.9 juta (2016: RM96.1 juta) bagi takaful am. Ini mencerminkan komposisi aset yang lebih konservatif bagi sektor am, dengan sebahagian besar asetnya dilaburkan dalam bentuk aset tunai dan aset pendapatan tetap.

Meskipun segmen motor dan perubatan mencatat pertumbuhan premium yang secara relatif lebih kukuh, pengalaman tuntutan bagi kedua-dua segmen bertambah teruk. Nisbah kerugian keseluruhan bagi produk motor meningkat kepada 69.6% (2016: 66.0%) (Rajah 3.10) disebabkan oleh kekerapan dan tahap tuntutan kerosakan kereta persendirian yang lebih tinggi. Tahap tuntutan yang lebih tinggi ini didorong oleh harga alat ganti yang semakin meningkat. Kumpulan Insurans Motor Malaysia (Malaysian Motor Insurance Pool, MMIP) kini bukan lagi merupakan penyumbang utama kepada kerugian motor. Ini seperti dicerminkan oleh keuntungan pengunderaitan dan operasi MMIP, masing-masing sebanyak RM54.0 juta (2016: RM41.3 juta) dan RM122.5 juta (2016: RM100.3 juta) hasil daripada pengalaman tuntutan yang lebih baik. Pengalaman tuntutan yang lebih baik ini disebabkan oleh amalan pengurusan tuntutan yang lebih cekap, sekali gus menghasilkan proses tuntutan yang lebih cepat dan jumlah penyelesaian kes di luar mahkamah yang lebih tinggi. Keadaan ini menyebabkan jumlah berkaitan

Rajah 3.10: Sektor Insurans Am dan Takaful Am – Nisbah Kerugian bagi Kelas Perniagaan Motor

Nisbah kerugian untuk kelas perniagaan motor meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia


dengan penyelesaian tuntutan lebih rendah daripada jangkaan. Perniagaan berkaitan perubatan secara keseluruhannya mencatat peningkatan nisbah kerugian yang mendadak, iaitu 83.2% (2016: 69.9%). Walau bagaimanapun, jika tumpuan diberikan pada perniagaan insurans dan takaful langsung di Malaysia sahaja, tanpa mengambil kira insurans semula dan takaful semula, nisbah kerugian kekal stabil pada 71.0% (2016: 70.0%).

PENGAMBILAN INSURANS HAYAT DAN TAKAFUL KELUARGA

Pengambilan insurans hayat dan takaful keluarga dalam kalangan rakyat Malaysia terus meningkat secara beransur-ansur. Kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga, yang diukur sebagai peratusan rakyat Malaysia yang memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau takaful keluarga individu, adalah pada 36.5% pada akhir tahun 2017, berbanding 34.5% pada tahun 2016 (Rajah 3.11). Kadar penembusan paling tinggi adalah dalam kalangan umur bekerja antara 20 hingga 59 tahun, iaitu segmen utama pemilik polisi dan peserta takaful. Segmen ini juga paling cepat berkembang sehingga mencapai kadar 50.4% pada akhir tahun 2017, iaitu peningkatan 3.6% berbanding tahun 2016 (46.8%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan pada peringkat negara sejak empat tahun lalu secara keseluruhan lebih perlahan. Antara tahun 2014 hingga 2017, kadar penembusan hanya meningkat 1.1 mata peratusan setahun. Perkara ini menekankan bahawa industri perlu bertindak dengan segera untuk menambah baik penawaran produk dan juga model perniagaan yang digunakan agar dapat memenuhi keperluan dan pilihan pengguna.

Rajah 3.11: Kadar Penembusan Insurans Hayat/Takaful Keluarga Kebangsaan Mengikut Kumpulan Umur

Kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga kebangsaan meningkat sedikit




Sumber: Bank Negara Malaysia

Penembusan insurans hayat dan takaful keluarga hanya meningkat 1.1 mata peratusan sejak empat tahun lalu lantas menekankan keperluan segera bagi industri meningkatkan usaha menambah baik penawaran produk dan juga model perniagaan

Saluran agensi dan bankasurans terus menjadi pemacu utama bagi perniagaan baharu dan mencakupi lebih 80% daripada jumlah premium baharu sektor insurans hayat (Rajah 3.12). Sebaliknya, saluran

Rajah 3.12: Sektor Insurans Hayat – Bahagian Pasaran Premium Baharu Mengikut Saluran Pengagihan

Agensi dan bankasurans terus menjadi saluran utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengagihan dalam talian, yang masih agak baharu, mempunyai bahagian pasaran yang kecil berbanding dengan saluran pengagihan yang lain. Seiring dengan usaha Bank yang menggalakkan saluran pengagihan yang lebih pelbagai, saluran yang bukan lazim dijangka mendapat sambutan dan menyumbang kepada bahagian perniagaan baharu yang lebih besar. Sejak bulan Julai 2017, semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dikehendaki menawarkan produk perlindungan asas bertempoh melalui saluran pengagihan langsung. Oleh itu, penanggung insurans dan pengendali takaful dijangka memanfaatkan sepenuhnya potensi jangkauan daripada pelbagai saluran selain membuat inovasi produk agar lebih sepadan dengan keperluan pelbagai segmen pengguna. Usaha-usaha ini akhirnya akan meningkatkan pengambilan insurans.

DASAR PENGAWALAN DAN PENYELIAAN SERTA PERKEMBANGANNYA

Pihak Bank terus melaksanakan inisiatif pengawalan dan penyeliaan untuk mengukuhkan amalan perniagaan, memelihara kestabilan kewangan dan meluaskan jangkauan insurans dan takaful. Pencapaian penting pada tahun 2017 termasuklah pelaksanaan Fasa II liberalisasi tarif motor dan kebakaran; pengenalan saluran pengagihan langsung; penambahbaikan struktur insentif di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga dan inisiatif Perlindungan Tenang. Tumpuan juga diberikan pada pelaksanaan Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa 17: Kontrak Insurans (IFRS 17), ujian tekanan serta langkah-langkah mengukuhkan profesionalisme pengantara insurans dan takaful.

Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran berfasa

Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran memasuki fasa keduanya (Fasa II) pada tahun 2017. Fasa II pembaharuan ini, yang bermula pada 1 Julai, membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful menetapkan kadar premium secara berasingan bagi dua kelas produk bertarif sedia ada berdasarkan profil risiko pemandu dan kenderaan:

- (i) Produk 'Komprehensif' yang menyediakan perlindungan bagi kerugian pihak ketiga, serta kerugian atau kerosakan pada kenderaan sendiri yang diinsuranskan akibat kebakaran, kecurian atau apa-apa kemalangan jalan raya; dan
- (ii) Produk 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian' (Third Party, Fire and Theft, TPFT) yang

menyediakan perlindungan bagi kerugian pihak ketiga serta kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan sendiri yang diinsuranskan akibat kebakaran atau kecurian sahaja.

Pelaksanaan ini merupakan susulan kepada Fasa I yang telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016 apabila penetapan kadar premium produk motor dan kebakaran baharu di luar skop tarif dibenarkan untuk mencerminkan kadar pasaran.


Bermula tahun 2018, pelarasan kadar tarif secara beransur-ansur akan dibuat untuk produk lain di bawah tarif ini, iaitu produk kebakaran dan motor pihak ketiga. Penilaian berkaitan akan dibuat pada tahun 2019 untuk merintis jalan bagi liberalisasi selanjutnya, dengan mengambil kira perkembangan pasaran di bawah dua fasa pertama yang telah dikuatkuasakan. Bank akan terus memantau kesan liberalisasi bagi memastikan pasaran insurans dan takaful berfungsi dengan teratur bagi menjaga kepentingan orang ramai.

Salah satu objektif utama liberalisasi berfasa adalah untuk menggalakkan aktiviti inovasi. Setakat ini, inovasi lebih banyak dilihat dalam perniagaan insurans kebakaran dan motor, yang ditunjukkan oleh beberapa produk motor baharu atau perlindungan tambahan yang diperkenalkan oleh penanggung insurans (Rajah 3.13). Antara yang utama ialah:

- (i) Perlindungan Aset Terjamin (Guaranteed Asset Protection, GAP) yang melindungi perbezaan antara amaun pinjaman terkumpul atau nilai invoice kenderaan dengan nilai pasarannya sekiranya berlaku Kerugian Menyeluruh akibat kerosakan daripada kebakaran, kecurian dan kemalangan;
- (ii) Perlindungan bencana khas terhad yang memberikan perlindungan lebih fleksibel kepada bencana alam tertentu seperti banjir, ribut dan/atau taufan. Perlindungan sebegini dahulunya hanya disediakan sebagai pakej yang standard di bawah Tarif Motor;
- (iii) Perlindungan lanjutan e-panggilan (e-hailing) yang memberikan perlindungan tambahan bagi insurans kereta persendirian, termasuk penggunaan kenderaan tersebut untuk perkhidmatan e-panggilan; dan
- (iv) Polisi insurans berasaskan penggunaan yang mengira premium berdasarkan penggunaan sebenar kenderaan seperti yang diukur oleh peranti telematik. Ini membolehkan pemandu yang jarang-jarang menggunakan kenderaan mereka atau yang mengamalkan pemanduan yang

Rajah 3.13: Produk Motor Baharu pada Akhir 2017

Produk motor baharu yang muncul dari liberalisasi tarif motor dan kebakaran



* Perlindungan komprehensif asas yang dipakej dengan perlindungan sampingan seperti bantuan di jalan raya dan insurans/takaful kemalangan peribadi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

berhemah mendapat manfaat dalam bentuk kadar premium yang lebih rendah.

Kesan penetapan kadar premium juga dilihat dalam kumpulan risiko tertentu. Ini kerana penanggung insurans dan pengendali takaful mula membuat perbezaan antara risiko yang lebih rendah dengan yang lebih tinggi, selaras dengan penetapan kadar premium yang lebih saksama. Secara keseluruhan, premium purata bagi setiap polisi produk 'Komprehensif' pada amnya tidak banyak berubah dalam semua suku tahunan 2017. Walau bagaimanapun, kadar premium bagi beberapa jenama dan model kenderaan ditawarkan pada kadar di bawah kadar tarif motor minimum. Jika berlaku peningkatan premium yang melebihi kadar tarif motor maksimum, peningkatan ini adalah untuk kumpulan berisiko lebih tinggi, terutamanya kenderaan yang cenderung untuk dicuri. Bank menjangka perbezaan yang lebih besar dalam penetapan premium pada masa hadapan apabila semakin banyak penanggung insurans dan pengendali takaful menggunakan lebih banyak faktor risiko untuk menentukan kadar premium. Ini termasuk ciri-ciri keselamatan yang dipasang pada kenderaan, pengalaman dan tingkah laku pemanduan serta tempoh masa kenderaan digunakan di jalan raya.

Bank sedang memantau dengan rapi inisiatif peralihan oleh industri. Perubahan kadar premium melebihi nilai ambang yang ditetapkan akan dikaji oleh Bank dan wajib disokong oleh bukti empirikal. Bank juga meningkatkan

penilaian tematiknya terhadap penanggung insurans dan pengendali takaful untuk memastikan pematuhan mereka terhadap keperluan kehematan dan amalan pasaran yang lebih tinggi. Ini termasuk tadbir urus yang lebih teguh dalam pembangunan produk dan amalan penetapan kadar premium yang perlu mencerminkan pendekatan berasaskan pengetahuan risiko dan selaras dengan kedudukan kewangan dan kesanggupan syarikat untuk mengambil risiko. Penelitian yang lebih rapi oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan juga dijangka dapat memastikan kesesuaian produk dengan pasaran sasaran yang telah dikenal pasti.

Dengan pilihan produk yang lebih banyak, keupayaan pelanggan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi adalah penting terutamanya apabila mereka hendak membeli dan memperbaharui produk perlindungan motor. Hal ini disokong oleh kempen pendidikan dan kesedaran awam yang diadakan berterusan untuk mendidik orang ramai mengenai liberalisasi motor. Bermula tahun 2018, Bank juga menerbitkan maklumat berkala mengenai perkembangan premium dalam laman sesawangnya. Di samping itu, instrumen yang disediakan oleh persatuan industri untuk membolehkan perbandingan dan pilihan produk telah memudahkan pelanggan untuk menilai maklumat produk yang ditawarkan oleh pelbagai syarikat. Bank terus melaksanakan pembaharuan yang lebih meluas untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan berhubung dengan pengurusan tuntutan motor. Pembaharuan ini termasuk menambah baik infrastruktur pasaran untuk menyediakan data yang lebih terperinci dan diyakini untuk menilai tuntutan, mempermudah proses tuntutan dan menangani penipuan.

Selaras dengan pengalaman pelanggan yang lebih baik pada peringkat jualan, Bank terus melaksanakan pembaharuan yang lebih meluas untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan tuntutan motor

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Pembaharuan sektor insurans hayat dan takaful keluarga terus mencapai kemajuan pada tahun 2017 dan awal tahun 2018. Antara pencapaian itu ialah penerbitan dokumen dasar mengenai Saluran Pengagihan Langsung Produk Perlindungan Asas dan semakan terhadap Garis Panduan Kawalan Kos

Operasi untuk Perniagaan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga untuk menyokong pelaksanaan rangka kerja Kad Skor Seimbang (Balanced Scorecard, BSC).

(i) Pelaksanaan rangka kerja Kad Skor Seimbang

Pengagihan menerusi agensi terus menjadi saluran penting kepada industri insurans hayat dan takaful keluarga. Saluran ini mencakupi 47.4% daripada jumlah premium baharu pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, data menunjukkan bahawa produktiviti keseluruhan industri adalah rendah. Lebih separuh (65.2%) daripada ejen insurans hayat dan takaful keluarga bekerja secara sambilan, manakala 64% ejen menjual kurang daripada satu polisi sebulan. Tiga daripada empat ejen didapati tidak melengkapkan proses pencarian fakta yang menyeluruh untuk lebih 80% daripada pelanggan mereka. Ini meningkatkan risiko produk yang tidak sesuai dijual kepada pemegang polisi. Oleh itu, rangka kerja BSC untuk ejen yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018, bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pengantara. Di bawah rangka kerja BSC, 25% daripada jumlah komisen yang dibayar kepada pengantara akan tertakluk pada pencapaian penunjuk prestasi utama (key performance indicators, KPI) iaitu produktiviti, ketegaran polisi (persistence), pencarian fakta untuk pelanggan, tempoh latihan untuk peningkatan tahap profesional yang berterusan dan pengendalian aduan. Langkah ini akan menyelaraskan insentif dengan piawaian profesionalisme dan produktiviti yang lebih tinggi bagi pengantara insurans dan takaful secara lebih baik.

Rangka kerja Kad Skor Seimbang akan mendorong pengantara insurans dan takaful untuk mencapai piawaian profesionalisme dan produktiviti yang lebih tinggi

KPI dan nilai ambang prestasi yang setara di bawah BSC dibentuk selepas perundingan dengan peserta industri, termasuk Persatuan Kebangsaan Penasihat Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Malaysia (National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisors, NAMLIFA), dan dilaksanakan sebagai projek rintis selama setahun setengah pada tahun 2016 dan 2017. Ganjaran kepada saluran agensi secara keseluruhannya dijangka lebih tinggi, disokong oleh ejen yang lebih produktif.

Sumbangan ejen yang lebih produktif juga dijangka meningkat memandangkan kesan daripada prestasi yang lemah terhadap ganjaran kini semakin dirasai. BSC juga perlu memastikan piawaian lebih tinggi yang ditetapkan akan dicapai dari segi penilaian kesesuaian produk dan kualiti perkhidmatan. Bank juga telah menetapkan jangkauan supaya industri memastikan ejen yang berprestasi rendah diberikan latihan pemulihan yang sewajarnya. Bagi mencapai tujuan ini, industri akan terus bekerjasama dengan Agensi Akreditasi Kewangan untuk memperkenalkan akreditasi individu. Langkah ini akan membolehkan kakitangan meningkatkan tahap profesional dan etika mereka, serta boleh mengenal pasti intervensi tertentu bagi ejen yang tidak memenuhi piawaian yang dikehendaki. Seiring dengan perkembangan saluran pengagihan alternatif, termasuk saluran langsung dan dalam talian dalam jangka masa yang lebih panjang, ejen dijangka beralih kepada aktiviti yang bernilai lebih tinggi, termasuk khidmat nasihat, jualan dan sokongan pelanggan untuk produk yang lebih kompleks.

(ii) Produk disediakan menerusi saluran pengagihan langsung

Sebagai sebahagian daripada objektif dasar untuk menggalakkan saluran pengagihan yang pelbagai, Bank menerbitkan dokumen dasar mengenai Saluran Pengagihan Langsung bagi Produk Perlindungan Asas (Direct Distribution Channels for Pure Protection Products) pada bulan Jun 2017. Mulai 1 Julai 2017, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menawarkan produk perlindungan asas hayat dan takaful keluarga bertempoh secara terus kepada pengguna. Bank kini sedang memuktamadkan spesifikasi penawaran langsung produk bagi penyakit kritikal serta rawatan perubatan dan kesihatan. Maklumat ini akan dikeluarkan pada tahun 2018.

Bank menjalankan pemantauan dan penilaian yang berterusan untuk memastikan Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga dilaksanakan dengan lancar. Penilaian tematik ke atas 22 penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dijalankan pada tahun 2017 untuk menilai pematuhan terhadap keperluan amalan perniagaan serta kesediaan industri untuk melaksanakan keperluan rangka kerja BSC seperti yang dirancang. Keutamaan adalah untuk memastikan infrastruktur yang sesuai disediakan untuk menyokong saluran langsung, seperti proses pengunderaitan yang lebih mudah dan panduan pembelian sendiri. Penilaian juga

tertumpu pada usaha memastikan langkah yang sewajarnya diambil oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga bagi memastikan ejen telah pun bersedia apabila rangka kerja BSC dilaksanakan.

Perlindungan Tenang

Pada bulan November 2017, Bank bersama-sama industri insurans dan takaful melancarkan Perlindungan Tenang. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkenalkan rangkaian produk insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, khususnya segmen isi rumah 40% Terendah (Bottom 40%, B40). Pengenalan Perlindungan Tenang adalah berikutan kebimbangan yang wujud sejak sekian lama bahawa kebanyakan produk insurans dan takaful yang ada di pasaran adalah kompleks dan tidak mampu untuk dibeli dan oleh itu di luar kemampuan kebanyakan rakyat Malaysia. Ini dibuktikan melalui oleh kadar penembusan yang rendah khususnya oleh segmen pendapatan B40 bagi insurans hayat dan takaful keluarga.

Produk di bawah jenama Perlindungan Tenang hendaklah pada harga yang mampu dibeli, memberikan nilai terbaik, boleh didapati di banyak tempat, senang difahami, mudah dibeli dan mudah membuat tuntutan. Produk yang memenuhi kriteria ini akan mempunyai logo Perlindungan Tenang supaya mudah dikenali oleh orang ramai. Tahap pengambilan insurans dan takaful dalam kalangan B40 dan wawasan Bank agar keperluan mereka boleh dipenuhi menerusi Perlindungan Tenang dihuraikan lebih lanjut dalam rencana 'Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful kepada Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful'.

Pada akhir tahun 2017, industri ini telah melancarkan 10 produk Perlindungan Tenang – enam produk insurans hayat, tiga produk takaful keluarga dan satu produk insurans am. Produk ini boleh dibeli melalui pelbagai saluran pengagihan, termasuklah cawangan penanggung insurans dan bank, ejen, Internet, rangkaian mudah alih serta koperasi dan persatuan terpilih. Senarai produk yang ada dan institusi peserta dimuatkan dalam laman sesawang persatuan insurans dan takaful masing-masing. Lebih 2,000 polisi Perlindungan Tenang telah dijual dalam tempoh dua bulan pertama selepas pelancarannya. Kemajuan seterusnya dijangka dicapai pada tahun 2018 melalui pelancaran kempen komunikasi kebangsaan yang telah dirancang untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Perlindungan Tenang.


Ujian tekanan ke atas penanggung insurans dan pengendali takaful langsung

Mengikut dokumen dasar Ujian Tekanan yang diterbitkan pada pertengahan tahun 2017, Bank telah menjalankan ujian tekanan buat kali pertama di seluruh industri insurans dan takaful. Ujian ini bertujuan menilai daya tahan penanggung insurans dan pengendali takaful langsung terhadap kejadian risiko insurans yang teruk yang boleh berlaku dan diandaikan akan terjadi dalam masa setahun. Ini termasuklah wabak penyakit dan banjir yang teruk.

Hasil ujian telah mengesahkan daya tahan seluruh industri terhadap senario ujian. Selepas ujian tekanan, nisbah modal akan kekal pada tahap selesa dan melebihi tahap minimum pengawalseliaan pada 130%, dengan lebih penampungan modal pada RM27.4 bilion dalam sektor hayat dan keluarga dan RM9.0 bilion dalam sektor am (Rajah 3.14). Sebahagian besar kerugian di bawah senario banjir akan diserap oleh pengaturan oleh penanggung insurans semula/pengendali takaful semula. Bank bercadang untuk mengulangi ujian ini setiap tahun, di samping mengadakan rundingan berkala dengan peserta industri untuk menambah baik senario dan model yang digunakan.

Rajah 3.14: Lebihan Modal Industri yang Melebihi Paras Pengawalseliaan Minimum 130% di bawah Senario Asas dan Tekanan

Penampungan modal lebih kekal pada paras yang selesa di bawah senario tekanan



Nota: *Bagi tujuan analisa ini, 'modal lebihan' ditakrifkan sebagai jumlah lebihan modal bagi semua dana dalam syarikat.
 *Keputusan senario banjir tidak termasuk penanggung insurans and pengendali takaful komposit dengan perniagaan am kecil (<5% daripada jumlah premium dan sumbangan)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perubahan Utama daripada MFRS 17

<p>1. Pengukuran liabiliti</p>	<p>Lebih konsisten dengan adanya model pengukuran am</p> <ul style="list-style-type: none"> Keperluan pengukuran yang digunakan dahulu adalah menyeluruh dan berasaskan prinsip serta menggunakan pelbagai pendekatan penilaian. Kini ia digantikan dengan model pengukuran am. Model pengukuran am boleh dipermudah dan diselaraskan hanya di bawah keadaan tertentu (iaitu pendekatan pengagihan premium untuk kontrak jangka pendek dan pendekatan fi berubah untuk kontrak sertaan langsung). Model pengukuran am bertujuan untuk memastikan kontrak insurans diukur menggunakan andaian terkini aliran tunai, kadar diskaun dan risiko pada setiap tarikh pelaporan. Keperluan aliran tunai yang perlu diambil kira apabila mengukur liabiliti (iaitu had kontrak) juga lebih jelas.
<p>2. Pengiktirafan keuntungan</p>	<p>Pendekatan pengiktirafan keuntungan yang mencerminkan dengan lebih baik penyediaan perkhidmatan dan jangkaan keuntungan</p> <ul style="list-style-type: none"> Keuntungan tidak boleh lagi ditentukan (diiktiraf) pada hari pertama. Sebaliknya ia perlu diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh kontrak. Portfolio kontrak perlu diasing lagi dalam cara yang mengurangkan kemungkinan kontrak yang menguntungkan akan mengimbangi kontrak yang merugikan. Ini bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai trend keuntungan.
<p>3. Penzahiran</p>	<p>Lebih jelas dan telus untuk pengguna penyata kewangan</p> <p>Perubahan utama termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Paparan maklumat prestasi yang lebih terperinci, dengan dua pemacu keuntungan, iaitu prestasi perkhidmatan insurans dan hasil pelaburan daripada pengurusan aset kewangan yang ditunjukkan secara berasingan. Penjajaran pengiktirafan hasil dengan industri lain, kerana hasil akan diiktiraf selaras dengan jangka masa perlindungan dan bukannya apabila ia ditanggung. Selaras dengan paparan berasingan bagi hasil pelaburan daripada perkhidmatan insurans, perolehan insurans tidak lagi akan mengambil kira komponen simpanan premium. Penzahiran tambahan mengenai jumlah yang dilaporkan, pertimbangan penting yang dibuat dan risiko yang timbul daripada kontrak.

Piawaian perakaunan

Dengan terbitnya IFRS 17 yang baharu oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board, IASB) pada bulan Mei 2017 menandakan perubahan asas dalam pendekatan terhadap pengiktirafan, pengukuran dan penyampaian kontrak insurans dalam penyata kewangan penanggung insurans dan pengendali takaful. IFRS 17 yang menggantikan IFRS 4 memperkenalkan penjelasan lebih terperinci mengenai cara kontrak insurans perlu diukur. Langkah ini meningkatkan konsistensi dan membolehkan perbandingan prestasi kewangan yang lebih baik antara sektor insurans, takaful dan sektor lain, dan juga antara negara. Susulan perkembangan ini, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board) seterusnya meluluskan piawaian ini sebagai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17

(Malaysian Financial Reporting Standards 17, MFRS 17) untuk digunakan di Malaysia berkuat kuasa pada tahun kewangan mulai 1 Januari 2021.

Dua cabaran utama yang dihadapi ialah ketidakpastian mengenai tafsiran dan pelaksanaan piawaian ini, serta peningkatan permintaan terhadap sistem dan sumber kepakaran. Perbezaan tafsiran dalam kalangan penanggung insurans dan pengendali takaful mungkin timbul dalam bidang-bidang seperti definisi had kontrak, penggunaan pendekatan fi berubah dan penentuan kadar diskaun dan pelarasan risiko. Piawaian ini juga memperkenalkan konsep baharu kepada industri, seperti pendekatan perakaunan keuntungan dan penilaian kontrak insurans am/takaful jangka panjang. Bank akan terus berbincang dan berinteraksi dengan peserta industri dan persatuan profesional untuk menangani isu-isu ini. Jika perlu, Bank akan menentukan

piawaian yang konsisten untuk diterima pakai oleh industri bagi menggalakkan kebolehbandingan dan penajaran dengan pertimbangan kehematan.

Menyedari kesukaran yang mungkin timbul berikutan pelaksanaan MFRS 17, Bank menghendaki penanggung insurans dan pengendali takaful untuk merangka rancangan pelaksanaan yang jelas untuk mematuhi piawaian ini. Pada tahun akan datang, penanggung insurans dan pengendali takaful dijangka lebih memahami kesan pelaksanaan terhadap sumber, sistem dan laporan prestasi. Selain itu, Bank akan menjalankan kajian impak kuantitatif pada tahun 2018 untuk mendapatkan pemahaman lebih terperinci mengenai implikasi daripada piawaian baharu yang digunakan ini terhadap pengawalseliaan, perniagaan dan pasaran. Hasil kajian juga akan digunakan sebagai input dalam kajian Bank terhadap keperluan penilaian (valuation requirements) yang sedia ada.

Bank akan terus berbincang dan berinteraksi dengan peserta industri dan persatuan profesional untuk menangani kebimbangan berhubung dengan pelaksanaan MFRS 17

Kajian semula terhadap rangka kerja modal penanggung insurans dan pengendali takaful

Pada tahun 2017, Bank memulakan penilaian terhadap Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans (Risk-Based Capital Framework for Insurers, RBC) dan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT) untuk memastikan piawaian tersebut adalah bersesuaian dengan tujuannya. Kajian semula ini bertujuan untuk mencerminkan perubahan dalam landskap industri insurans dan takaful domestik, termasuk perkembangan rangkaian penawaran produk insurans dan takaful sejak piawaian mula diterbitkan, masing-masing pada tahun 2009 dan 2014. Ia juga bertujuan untuk mengambil kira perkembangan piawaian pengawalseliaan dan piawaian perakaunan global. Ini termasuklah Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Risk-Based Global Insurance Capital Standard, ICS) oleh Persatuan

Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) dan piawaian perakaunan baharu bagi Kontrak Insurans (MFRS 17) dan Instrumen Kewangan (MFRS 9).

Kajian semula ini akan dijalankan secara berperingkat untuk beberapa tahun akan datang mulai tahun 2018. Peringkat pertama akan memberikan tumpuan pada penilaian semula had kehematan sedia ada bagi dedahan aset dan rakan niaga, dengan tujuan mengurangkan risiko daripada amalan pelaburan pro-kitaran (pro-cyclical), serta mengukuhkan lagi pengurusan risiko pelaburan secara berhemat oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Langkah ini akan disusuli penilaian semula piawaian penilaian komponen liabiliti dan kecukupan modal.

Penambahbaikan ilustrasi jualan bagi polisi sertaan

Keperluan baharu bagi ilustrasi jualan untuk produk hayat sertaan diperkenalkan oleh Bank pada 1 Januari 2017. Keperluan ini bertujuan untuk menambah baik cara kos, manfaat dan risiko polisi disampaikan kepada pengguna. Penanggung insurans perlu menyediakan maklumat ringkas yang menerangkan elemen utama sesuatu produk, selain perbandingan dengan pelan hayat bertempoh. Ini bagi membolehkan pengguna menilai sejauh mana polisi itu dapat memenuhi keperluan perlindungan dan simpanan mereka. Langkah ini juga bertujuan untuk membantu pengguna membuat keputusan yang lebih berhemat, dengan mengambil kira keadaan diri sendiri dan kesanggupan untuk mengambil risiko. Kadar yang digunakan untuk menggambarkan senario manfaat yang diperoleh pada masa hadapan telah diseragamkan bagi memastikan ilustrasi jualan lebih tertumpu pada usaha membantu pengguna menerima hakikat bahawa hasil yang diterima mungkin berubah-ubah dan bukannya membuat jangkaan yang terlalu tinggi bagi pulangan pelaburan yang akan diterima. Kadar-kadar ini adalah lebih rendah daripada apa yang lazim dinyatakan dan ini telah mengakibatkan industri bertindak untuk keluar daripada produk hayat sertaan. Hal ini menunjukkan bahawa keputusan pembelian secara langsung terlalu didorong oleh jangkaan pulangan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, matlamat Bank adalah untuk menyelesaikan isu ini. Selain itu, Bank akan terus memantau impak daripada keperluan ini bagi memastikan keperluan tersebut mencapai matlamatnya.

Aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan amalan perniagaan

Bank terus mengutamakan usaha-usaha untuk memastikan amalan yang profesional dalam kalangan penanggung insurans, pengendali takaful dan pengantara. Oleh itu, aktiviti penyeliaan pada tahun 2017 ditumpukan pada amalan khidmat nasihat yang sesuai dan amalan jualan yang beretika. Meskipun kualiti dan pelaburan untuk melatih pengantara meningkat, terdapat ruang untuk terus mengukuhkan piawaian profesional dalam industri, seperti dinyatakan di bahagian awal bab ini (rujuk bahagian ‘Pelaksanaan rangka kerja Kad Skor Seimbang’). Amalan jualan yang tidak beretika dan tingkah laku yang tidak profesional telah dapat ditangani melalui tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan (Gambar Rajah 3.1).

Pada tahun 2018, Bank juga akan menerbitkan piawaian untuk meningkatkan integriti, tahap profesional dan amalan yang beretika pengantara insurans dan takaful. Piawaian ini menghendaki pemegang saham broker insurans dan takaful






serta penasihat kewangan menjadi individu yang berintegriti dan mempunyai reputasi yang baik. Mereka yang terlibat dalam memberikan khidmat nasihat dikehendaki mempunyai kelayakan yang sesuai. Bagi meningkatkan kualiti dalam proses pengurusan tuntutan motor, piawaian juga akan diterbitkan untuk mengukuhkan jangkaan supaya penyediaan penilaian tuntutan oleh ajuster kerugian adalah lebih telus dan bebas.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Melalui keahliannya dalam IAIS, Bank terlibat secara langsung dalam perumusan piawaian antarabangsa bagi aktiviti insurans. Khususnya, Bank mempunyai perwakilan dalam Jawatankuasa Pembangunan Dasar serta Pelaksanaan dan Penilaian, yang memberikan sumbangan dalam bidang berkaitan dengan penambahbaikan berterusan kepada Prinsip Teras Insurans dan pembangunan ICS. Hal ini penting memandangkan aktiviti insurans bersifat global dan Malaysia mempunyai kepentingan untuk meningkatkan keupayaan pasaran insurans

Gambar Rajah 3.1

Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan pada 2017

	<p>PENZAHIRAN PRODUK</p> <p>Sebanyak sembilan penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) diarah menukar penzahiran produk polisi insurans hayat sertaan kerana ilustrasi jualan sebelum ini adalah mengelirukan dan tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan</p>	<p>9 PPK</p>
<p>8 PPK</p>	<p>AMALAN JUALAN</p> <p>Sebanyak lapan PPK dikehendaki meningkatkan kawalan dan pemantauan untuk membendung taktik jualan yang agresif dan nasihat kewangan yang tidak sesuai oleh pengantara yang bertindak sembrono</p>	
	<p>PENGALAMAN PENGGUNA</p> <p>Susulan pelaksanaan liberalisasi motor, 10 PPK diarah meningkatkan perkhidmatan sokongan pelanggan melalui latihan kakitangan yang lebih baik</p>	<p>10 PPK</p>
<p>3 PPK</p>	<p>KELEMAHAN SISTEM</p> <p>Berikutan kelemahan sistem IT, tiga PPK diarah membayar balik kepada 114,743 pemilik polisi/peserta takaful yang terjejas, berjumlah RM27.4 juta</p>	
	<p>PENGURUSAN ADUAN</p> <p>Sebanyak 15 PPK dikehendaki memasukkan rujukan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dalam surat keputusan muktamad kepada pelanggan</p>	<p>15 PPK</p>

Sumber: Bank Negara Malaysia

domestik bagi menyokong ekonomi, di samping memastikan daya tahannya terus teguh. Bank menjadi tuan rumah kepada Persidangan Tahunan IAIS 2017 dan beberapa mesyuarat IAIS yang lain di Sasana Kijang pada bulan November 2017. Perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut telah mencapai persetujuan penting daripada ahli IAIS untuk menyeragamkan ICS bagi kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa. Perjanjian Kuala Lumpur menandakan suatu langkah penting untuk mencapai matlamat mewujudkan ukuran kecukupan modal yang sama. Ukuran ini membolehkan hasil dibandingkan antara negara. ICS selanjutnya (ICS 2.0) dijangka dikeluarkan pada tahun 2019 untuk tempoh pemantauan selama lima tahun. Bank akan terus memantau perkembangan ICS melalui jawatankuasa IAIS, serta Kumpulan Kerja Modal, Kesolvenan dan Ujian Lapangan (Capital, Solvency and Field Testing Working Group). Bank juga telah menjadi tuan rumah kepada Perbincangan Meja Bulat mengenai Takaful, dalam satu acara berasingan semasa Persidangan Tahunan IAIS. Dalam perbincangan tersebut, Bank telah berkongsi pengalaman Malaysia dalam pembangunan sektor takaful.

Pada peringkat serantau, Bank dan Office of Insurance Commission of Thailand (OIC) telah

menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan kerjasama dalam pembangunan sektor insurans yang saling memberikan manfaat kepada kedua-dua negara pada bulan Disember 2017. MoU ini merangkumi pengaturan dalam aspek saling membantu, pertukaran maklumat dan kerjasama dalam bidang bina upaya dan bantuan teknikal antara Bank dengan OIC. MoU ini memperkukuh kerjasama pengawalseliaan merentas sempadan serantau antara pengawal selia insurans ASEAN untuk menyokong usaha berterusan untuk mengukuhkan integrasi insurans serantau.

Kemajuan juga terus dicapai dalam usaha untuk memuktamadkan prinsip panduan dan pelan hala tuju Rangka Kerja Integrasi Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Integration Framework, AIIF) yang akan membentuk parameter pelaksanaan AIIF. Susulan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan, beberapa peraturan telah diwartakan untuk menggariskan komitmen Malaysia meliberalisasikan penawaran insurans marin, penerbangan dan transit serta perkhidmatan broker insurans merentas sempadan. Ini seperti yang terkandung dalam Pakej Komitmen Ketujuh. Usaha ini dijangka memudahkan perdagangan dan pelaburan sesama negara ASEAN, selaras dengan wawasan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful

Oleh Chiew Hui Lin

Pengenalan

Rencana ini menganalisis kadar pengambilan insurans dan takaful yang rendah dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful di Malaysia, dengan tumpuan diberikan terutamanya kepada kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40). Cadangan hala tuju baharu bagi reka bentuk dan penyampaian produk dikemukakan untuk meningkatkan penembusan insurans dan takaful dalam segmen B40.

B40 Kurang Dilindungi Berbanding dengan Jumlah Penduduk Negara

Pecahan kadar penembusan insurans hayat dan takaful keluarga di Malaysia¹ (2017: 36.5%) mendedahkan bahawa kadar pengambilan insurans dan takaful dalam kalangan B40 adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah penduduk negara (Gambar Rajah 1). Daripada penduduk yang bekerja, iaitu mereka yang berumur antara 20 hingga 59 tahun yang berkemungkinan besar bekerja dan mempunyai tanggungan, kadar penembusan B40² ialah 30.3% pada akhir tahun 2016, berbanding dengan kadar penembusan jumlah penduduk negara yang bekerja, sebanyak 50.4% (2017). Terdapat juga perbezaan yang jelas antara kadar penembusan B40 dengan bukan B40 di semua negeri dan jurang tersebut besar terutamanya di negeri yang mempunyai pusat bandar yang luas. Di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, 88% daripada segmen bukan B40 yang berumur antara 20 hingga 59 tahun mempunyai perlindungan insurans dan takaful, berbanding dengan 30% dalam kalangan B40. Di negeri yang bandarnya belum begitu membangun seperti Sabah, perkara yang sama diperhatikan, dengan 30% daripada segmen bukan B40 mempunyai insurans dan takaful berbanding dengan 19% bagi segmen B40.

Kadar penembusan insurans dan takaful yang rendah dalam kalangan umur bekerja segmen B40 merupakan isu penting. Isi rumah B40 sangat mudah terjejas akibat kejutan kewangan kerana mereka biasanya mempunyai tahap simpanan yang rendah. Apabila kejutan kewangan berlaku, contohnya pencari nafkah utama keluarga meninggal dunia atau jatuh sakit, isi rumah bukan sahaja hilang sumber pendapatannya, malah tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan yang di luar jangkaan itu. Dalam situasi sebegini, pembayaran daripada polisi insurans dan sijil takaful boleh berfungsi sebagai jaring keselamatan, yang memberi kelegaan sementara dan membolehkan isi rumah menghadapi detik-detik kesempitan kewangan.

Faktor yang Menghalang Akses B40 kepada Insurans dan Takaful

Dalam rencana yang terkandung dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran tahun 2016 bertajuk 'Evolusi Saluran Pengagihan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga'³, beberapa faktor yang menghalang kemampuan dan akses kepada insurans dan takaful telah dikenal pasti. Faktor ini termasuk produktiviti rangkaian agensi yang rendah dan jangkauan geografinya yang terhad, serta tumpuan saluran bankasurans kepada produk yang disasarkan untuk pelanggan yang lebih mewah. Dalam rencana ini, kami meneliti dua perkembangan lain yang turut menyumbang kepada kadar pengambilan produk insurans dan takaful yang rendah dalam kalangan segmen B40.

¹ Ditakrifkan sebagai peratusan rakyat Malaysia yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, selepas menyisihkan tindakan berbilang polisi.

² Segmen penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) digunakan sebagai proksi untuk segmen B40.

³ 'Evolusi Saluran Pengagihan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga', Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016, Halaman 89-93.

Gambar Rajah 1


Kadar Pengambilan Insurans Hayat dalam Kalangan B40 dan Ciri-ciri Lain

Berapakah peratusan rakyat Malaysia yang mempunyai polisi insurans hayat atau takaful keluarga?



Apakah yang kita ketahui mengenai segmen isi rumah berpendapatan 40% terendah?

Kadar penembusan yang sentiasa lebih rendah daripada segmen bukan B40



76% daripada B40* golongan umur bekerja



Pendapatan median sebanyak RM3,000
Pendapatan min sebanyak RM2,848



1.5 juta isi rumah kawasan bandar dan 890,000 isi rumah luar bandar berpendapatan <RM4,000



49.3% mempunyai Internet di rumah
95.2% mempunyai telefon mudah alih

*Anggaran berdasarkan jumlah penerima BR1M pada tahun 2016 sebagai proksi bagi segmen B40

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (2017)

1) Tumpuan industri kepada produk yang mempunyai unsur simpanan dan pelaburan yang kompleks dan tidak mampu dimiliki

Dominasi produk insurans dan takaful yang mempunyai unsur simpanan dan pelaburan pada masa ini, yang biasanya mahal dan kompleks, telah menyebabkan produk yang lebih sesuai untuk segmen B40 tersisih daripada memasuki pasaran. Pada asasnya, produk insurans atau takaful memberikan perlindungan dalam bentuk manfaat yang dijamin akan dibayar apabila berlaku peristiwa tertentu mengikut amaun premium yang dibayar. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun yang lalu, produk telah semakin berkembang untuk merangkumi unsur simpanan dan pelaburan. Rangkuman manfaat ini menyebabkan kos asas produk meningkat. Produk juga menjadi lebih kompleks disebabkan ciri yang meningkatkan ketidakpastian pelan produk tersebut. Satu contoh produk jenis ini ialah produk berkaitan pelaburan, kini menguasai 54% premium atau caruman tetap yang baharu bagi penanggung insurans dan pengendali takaful disebabkan wujudnya kecekapan modal. Bagi produk berkaitan pelaburan, premium yang dibayar oleh pemilik polisi disalurkan kepada dana unit setelah potongan dibuat untuk membiayai unsur perlindungan insurans. Pemegang polisi menanggung semua risiko pelaburan, manakala penanggung insurans mempunyai budi bicara penuh untuk mengkaji semula caj insurans, yang mempengaruhi amaun potongan ini. Walaupun produk tersebut menawarkan satu tahap fleksibiliti kepada pemilik polisi untuk menguruskan tahap perlindungan dan pendedahan pelaburan mereka, produk sedemikian biasanya direka bentuk untuk segmen pelanggan yang lebih mewah. Produk berkaitan pelaburan juga secara umumnya, tidak begitu difahami oleh pengguna daripada kumpulan berpendapatan rendah. Faktor ini mengurangkan kesesuaian, kemampuan dan akses produk untuk segmen B40.

2) Percambahan produk yang dipakej dengan manfaat tambahan yang mungkin tidak diperlukan

Dalam usaha melaksanakan pembezaan produk untuk kekal berdaya saing, semakin banyak manfaat insurans dan takaful ditawarkan sebagai manfaat tambahan yang dibeli dengan polisi asas. Sebagai contoh, sesetengah produk kemalangan diri disertakan dengan unsur tambahan seperti perlindungan untuk kecederaan berkaitan banjir. Banjir merupakan peristiwa yang sangat khusus dan kebiasaannya melibatkan proses dokumentasi dan pengesahan yang memakan masa sebelum tuntutan dibayar. Produk menjadi lebih mahal dan juga lebih kompleks, tanpa memberikan perlindungan tambahan yang benar-benar bermakna. Nilai manfaat perlindungan tersebut tidak begitu meyakinkan kerana isi rumah B40 biasanya memerlukan bayaran segera semasa dalam kesusahan disebabkan kekurangan simpanan. Berdasarkan kaji selidik terhadap 23 penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga yang dijalankan oleh Bank pada awal tahun 2017, hanya lapan syarikat yang menawarkan sebarang bentuk produk insurans hayat dan takaful keluarga dengan premium bulanan kurang daripada RM15 sebulan, iaitu paras harga yang dianggap berpatutan bagi segmen B40.

Inisiatif Perlindungan Tenang

Kekurangan produk insurans dan takaful untuk segmen B40 merupakan contoh kegagalan pasaran dalam memberikan perlindungan terhadap segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful. Kegagalan pasaran memerlukan campur tangan oleh pengawal selia. Memandangkan terdapat jurang pasaran dan cabaran yang ketara berkaitan dengan kesan agihan pendapatan yang semakin menjejaskan isi rumah B40, Bank melancarkan Perlindungan Tenang pada 24 November 2017 untuk memperluas penyelesaian insurans dan takaful yang disasarkan kepada segmen B40. Produk ini, yang dapat dikenal pasti melalui logonya yang tersendiri (Gambar Rajah 2), juga sesuai untuk orang ramai yang pada masa ini tidak dilindungi oleh apa-apa bentuk perlindungan insurans atau takaful.

Inisiatif ini bertujuan untuk merangsang penglibatan yang lebih meluas dalam kalangan penanggung insurans dan pengendali takaful supaya menawarkan produk yang memenuhi lima parameter: (1) harga mampu milik; (2) memberikan nilai yang baik; (3) boleh diakses dengan meluas; (4) mudah difahami; dan (5) mudah dibeli dan dituntut. Menerusi beberapa proses maklum balas dan pemantauan rapi terhadap pengambilan insurans dan takaful oleh segmen B40, industri ini dijangka bukan sahaja membuat penambahbaikan beransur-ansur malahan akan menerima model dan proses perniagaan baharu yang akan membantu memperluas produk yang ditawarkan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful.

Gambar Rajah 3.1

Logo Perlindungan Tenang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Produk tersebut akan dinilai berdasarkan ciri-ciri berikut:

Mampu dimiliki

Premium hendaklah ditetapkan pada tahap yang mampu dimiliki, yang ditakrifkan sebagai amaun yang sanggup dan mampu dibayar oleh pengguna untuk membeli perlindungan insurans atau takaful. Oleh itu, tahap premium mesti mengambil kira keadaan isi rumah dalam pasaran sasaran, termasuk pendapatan boleh guna, pekerjaan, saiz isi rumah dan akses kepada mekanisme menangani kesusahan lain seperti wang simpanan kecemasan atau jaring keselamatan sosial. Walaupun faktor tersebut banyak berbeza antara setiap isi rumah, Bank menetapkan sasaran premium bulanan yang tidak melebihi RM15. Sasaran ini akan diperhalus apabila industri memperoleh lebih banyak pengalaman dan pemahaman tentang pola perbelanjaan isi rumah B40.

Nilai yang baik

Dalam penawaran produk dengan nilai yang baik untuk segmen B40, produk sedemikian hendaklah melindungi risiko terpenting isi rumah tersebut dan memaksimumkan bahagian premium dibayar yang diperuntukkan untuk melindungi risiko tersebut. Sebagai ukuran nilai, unjuran pembayaran manfaat umumnya dijangka melebihi sekurang-kurangnya separuh premium yang dijana, dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas dan saluran akses alternatif yang berkos lebih rendah untuk mengurangkan perbelanjaan dan kos pengagihan. Saluran agensi, seperti yang distrukturkan kini, tidak mungkin dapat menawarkan premium mampu milik pada tahap nilai yang dijangkakan oleh inisiatif Perlindungan Tenang. Oleh itu, inovasi dalam model pengagihan adalah sangat mustahak bagi mengoptimumkan kos dan jangkauan. Usaha ini memerlukan keputusan pelaburan jangka panjang, termasuk potensi pelaburan kolektif dalam infrastruktur sokongan pasaran, bagi mencapai bilangan pengguna yang cukup besar.

Mudah akses

Perlindungan di bawah produk dan saluran pengagihan Perlindungan Tenang hendaklah merangkumi keadaan tertentu (seperti lokasi, pekerjaan atau jenis kediaman) yang lazim bagi kumpulan B40. Produk dan perkhidmatan hendaklah disediakan di titik capaian yang mudah diakses, seperti hospital awam, pusat transformasi bandar dan luar bandar (UTC/RTC), dan kedai runcit kecil. Penggunaan teknologi pintar juga hendaklah mengambil kira keperluan khusus dan gaya hidup segmen yang disasarkan, dan bukannya perkara yang biasa terdapat pada segmen pasaran semasa bagi penanggung insurans dan pengendali takaful. Sebagai contoh, walaupun pengagihan melalui Internet boleh menjimatkan kos dan jangkauan di luar pusat bandar, hanya separuh daripada kediaman B40 mempunyai sambungan Internet.

Mudah difahami

Manfaat serta terma dan syarat produk hendaklah direka bentuk supaya mudah difahami oleh pengguna yang mempunyai pemahaman yang agak terhad mengenai insurans dan takaful. Penanggung insurans perlu mengurangkan ketidakpastian dalam reka bentuk produk, termasuk ketidakpastian yang berkait dengan

pendedahan pengunderaitan, dan penolakan tuntutan atau had tuntutan yang tidak mencukupi. Bahan pemasaran perlu memaparkan maklumat secara intuitif untuk membantu pengguna membuat pilihan yang bijak, dengan mengutamakan perlindungan yang diperlukan dan mampu dibayar.

Mudah dibeli dan dituntut

Keseluruhan pengalaman pelanggan, bermula daripada perhubungan pertama dengan saluran pengagihan sehinggalah kepada pembayaran tuntutan, perlulah bebas daripada masalah. Pada masa ini, pelanggan sering melalui pengalaman yang sukar. Proses membuat tuntutan, termasuk keperluan untuk menyediakan dokumen sokongan, hendaklah dimudahkan bagi mengurangkan kegelisahan semasa tuntutan dibuat. Sebagai contoh, walaupun tawaran produk insurans atau takaful boleh didapati dalam talian, tuntutan yang lazimnya perlu dikemukakan di cawangan penanggung insurans atau pengendali takaful itu, biasanya terletak agak jauh dari kediaman pemegang polisi atau benefisiari.

Dalam sesetengah insiden, tuntutan mungkin memerlukan sehingga sembilan dokumen yang berasingan (contohnya, tuntutan untuk sesetengah manfaat kematian). Manfaat pendapatan hospital yang hanya membayar balik pemegang polisi selepas sebulan beliau keluar daripada hospital tidak dapat memenuhi keperluan pekerja yang menerima upah harian yang mempunyai simpanan yang sedikit. Bagi menangani masalah ini, Bank menghendaki tuntutan atas produk Perlindungan Tenang dibayar dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumentasi ringkas yang lengkap. Penambahbaikan lain yang diberi keutamaan bagi membolehkan pengalaman bebas perselisihan termasuk:

- penamaan direkodkan semasa jualan untuk pembayaran tuntutan yang lebih cekap;
- proses pengunderaitan yang mudah dan pengeluaran polisi dengan segera;
- kakitangan pusat panggilan yang responsif dan cukup terlatih untuk perkhidmatan pascajualan; dan
- memanfaatkan *application programming interface* (API) terbuka untuk mempermudah proses pengunderaitan dan tuntutan.

Tanda Awal Inovasi dalam Kalangan Penyedia Produk Perlindungan Tenang

Pada akhir tahun 2017, 10 produk Perlindungan Tenang telah diperkenalkan oleh 10 syarikat yang mengambil bahagian, yang terdiri daripada enam penanggung insurans hayat, tiga pengendali takaful keluarga dan satu penanggung insurans am. Lebih banyak syarikat dijangka mengambil bahagian pada tahun 2018. Inovasi yang berjaya menangani beberapa kesukaran yang lazimnya dihadapi termasuk:

- Produk insurans hayat dan takaful keluarga asas yang hanya menumpukan pada manfaat kematian dengan proses penzahiran dan tuntutan yang ringkas. Satu produk membolehkan penyerahan dokumen tuntutan secara elektronik menerusi aplikasi telefon mudah alih seperti *WhatsApp*.
- Produk kebakaran yang bergantung pada pengesahan daripada ketua kampung atau pegawai daerah sebagai ganti bukti penduduk tetap bagi pemegang polisi (yang tinggal di rumah panjang) yang tidak dapat memberikan dokumentasi biasa.
- Penerimaan serahan melalui pos bagi dokumen tuntutan yang disahkan oleh ketua kampung, pengetua sekolah atau pegawai polis sebagai ganti penyerahan sendiri di cawangan penanggung insurans atau pengendali takaful itu.
- Produk manfaat khairat kematian dengan tempoh masa pembayaran 24 jam. Ciri utama produk ringkas ini dimuatkan pada risalah bersaiz kad nama. Permit pengebumian diterima sebagai alternatif bagi sijil kematian, dan dengan itu menghilangkan ketidakpastian berhubung dengan masa pembayaran tuntutan akan dibuat dalam keadaan jika sijil kematian diperlukan.

Kesimpulan

Bank menjangkakan bahawa inovasi produk dan penambahbaikan dalam penyampaian yang diilhamkan oleh inisiatif Perlindungan Tenang akan meningkatkan penembusan insurans dan takaful secara keseluruhan, terutamanya dalam kalangan segmen B40 apabila lebih banyak pengalaman diperoleh untuk memenuhi keperluan segmen ini. Bank akan terus berinteraksi dengan industri untuk merangka peraturan khusus, serta meningkatkan kerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan lain untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan B40. Secara umumnya, usaha di bawah Perlindungan Tenang untuk memperluas perlindungan insurans dan takaful bagi mereka yang tidak mempunyai perlindungan pada masa ini juga dijangka menjana limpahan positif bagi seluruh pasaran insurans – menerusi tumpuan baharu dalam usaha meningkatkan nilai, akses dan pengalaman pelanggan.

Pembangunan Kewangan Islam

99	Perbankan Islam
103	Takaful
104	Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan
106	Pembangunan Bakat
109	Saling Hubungan Serantau dan Antarabangsa

Pembangunan Kewangan Islam

PERBANKAN ISLAM

Prestasi sektor perbankan Islam

Produk-produk kewangan berlandaskan Syariah yang ditawarkan oleh industri perbankan Islam (termasuk institusi kewangan pembangunan) terus menyokong pelbagai keperluan ekonomi pada tahun 2017. Pembiayaan Islam meningkat 9.4% kepada RM605.5 bilion (2016: 11.8%) pada tahun 2017 (Rajah 4.1), di tengah-tengah pertumbuhan pinjaman konvensional yang sederhana sebanyak 1.3% (2016: 2.4%).

Pembiayaan Islam untuk perniagaan terus positif dan meningkat 7.8% (2016: 12.2%). Ini disalurkan terutamanya kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta perkilangan. Pembiayaan perniagaan yang dipacu oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat 12.5% (2016: 13.3%) di tengah-tengah pertumbuhan pinjaman konvensional kepada


perusahaan ini yang lebih rendah (3.1%). Pembiayaan pembelian rumah secara Islam juga meningkat dengan kukuh sebanyak 17.5% (2016: 16.3%, pinjaman konvensional: 6.0%), mencerminkan peningkatan dalam penerimaan terhadap produk pembiayaan pembelian rumah berlandaskan Syariah.

Pada tahun 2017, deposit Islam dan akaun pelaburan berkembang 11.7% (2016: 9.4%) kepada RM672.6 bilion. Daripada jumlah ini, akaun pelaburan meningkat 6.9% kepada RM78.7 bilion. Ini mencerminkan akaun pelaburan yang semakin menjadi pilihan pelanggan sebagai instrumen pelaburan alternatif dan pempelbagaian sumber pendanaan bank-bank Islam.

Kedudukan kewangan bank-bank Islam kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal industri perbankan Islam masing-masing mencatat peratusan pada 13.2%, 13.7% dan 17.6% (2016: 13.0%, 13.0% dan 16.6%), jauh melebihi tahap keperluan pengawalseliaan minimum. Kualiti aset terus teguh

Rajah 4.1: Pertumbuhan Pembiayaan Islam

Pertumbuhan pembiayaan Islam yang positif dipacu oleh sektor isi rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan nisbah pembiayaan terjejas bersih pada 0.9% (2016: 1.0%). Penampakan mudah tunai juga kekal mencukupi dengan nisbah perlindungan mudah tunai pada 149.2% (2016: 124.9%).

Pada tahun 2017, bank-bank Islam mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.7 bilion (2016: RM5.6 bilion). Pencapaian ini didorong terutamanya oleh peningkatan pendapatan pembiayaan bersih daripada pembiayaan bertempoh untuk pembelian harta tanah. Pulangan atas aset dan ekuiti kekal stabil, masing-masing pada 1.1% dan 14.3% (2016: 1.0% dan 13.1%).

Pembangunan sektor perbankan Islam

Mewujudkan impak kepada masyarakat dan ekonomi melalui pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation, VBI)

Industri perbankan Islam di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara sejak beberapa tahun yang lalu. Bermula daripada bahagian pasaran sebanyak 5.3% pada tahun 2000, pembiayaan Islam kini mencakupi 34.9% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan. Bank-bank Islam juga menawarkan rangkaian produk yang kompetitif dan inovatif, sekali gus menjadi pelengkap produk kewangan yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional.

Sasaran VBI adalah untuk mencapai matlamat Syariah yang dikehendaki dalam menggalakkan kebaikan dan mencegah kemudaratan

Meskipun kedalaman dan keluasan kewangan Islam yang lebih nyata merupakan pengukur penting kemajuan, namun, sama pentingnya adalah untuk memastikan kewangan Islam memberikan impak yang positif dan berterusan kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar. Visi ini sedang direalisasikan melalui amalan VBI oleh bank-bank Islam, seterusnya memperkukuh matlamat Syariah untuk menggalakkan kebaikan dan mencegah kemudaratan (Gambar Rajah 4.1).

VBI sedang dimajukan untuk mencetuskan transformasi pada model perniagaan dan amalan harian bank-bank Islam. Perkara ini terkandung dalam kertas strategi yang dirumuskan hasil kerjasama dengan pihak industri dan kemudiannya diterbitkan oleh Bank pada bulan Julai 2017. Visi VBI adalah untuk menjadikan bank-bank Islam lebih didorong impak, dari segi reka bentuk dan penawaran produk, serta urusan mereka dengan pelanggan. Bidang penting yang diberikan tumpuan termasuklah mempertingkatkan penilaian terhadap permohonan pembiayaan oleh pelanggan, iaitu metodologi penilaian kredit yang sedia ada akan diperluaskan oleh penilaian impak positif pembiayaan tersebut terhadap komuniti dan ekonomi. Bagi pembiayaan perniagaan khususnya, penilaian sedemikian akan diasaskan pada suatu set pertimbangan yang lebih luas, termasuk potensi pembiayaan tersebut untuk menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan yang berterusan.

Oleh itu, apa yang diharapkan ialah set minda didorong impak dapat diterapkan dan disepadukan dengan baik dalam amalan pengurusan risiko dan strategi

Gambar Rajah 4.1

Tinjauan Keseluruhan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation, VBI)


Apa itu VBI?

Suatu fungsi pengantaraan yang disasarkan untuk mencapai matlamat Syariah melalui amalan, tingkah laku dan penawaran produk yang menghasilkan impak positif dan berterusan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

VBI mempunyai matlamat yang sama dengan pergerakan dan inisiatif lain dunia perniagaan dan kewangan untuk menghasilkan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar kepada lebih banyak pihak berkepentingan.

Walaupun bagaimanapun, ciri berikut membezakan VBI:

1. Berteraskan Syariah;
2. Diterapkan dan disepadukan dengan model perniagaan, selaras dengan penciptaan nilai pemegang saham jangka panjang; dan
3. Dicerminkan dalam amalan dan tingkah laku harian, melangkaui sifat dermawan dan sukarela warga kerja.



Sumber: Bank Negara Malaysia

pembangunan produk bank-bank Islam. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih didorong pelanggan, bank-bank Islam dijangka lebih responsif kepada persekitaran pelanggan individu yang unik dengan menawarkan produk kewangan yang boleh memenuhi keperluan mereka yang berbeza-beza. Sebagai contoh, amalan melengkapkan pemberian pembiayaan dengan khidmat nasihat keupayaan kewangan dijangka dilaksanakan dengan lebih meluas dalam industri perbankan Islam pada masa hadapan. Bank-bank Islam, dengan kerjasama pakar-pakar industri lain yang berkaitan, juga dijangka menawarkan program latihan kemahiran perniagaan dan teknikal untuk membantu usahawan muda dan baharu mengkomersialkan idea mereka. Satu lagi pendekatan yang sedang dipertimbangkan ialah menghubungkan terus struktur insentif bank-bank Islam, bukan semata-mata dengan jumlah dan nilai pembiayaan yang dikeluarkan, tetapi juga dengan keupayaan pelanggan untuk membayar balik pembiayaan dalam tempoh yang panjang. Hal ini dijangka mendorong bank-bank Islam dan kakitangan mereka untuk lebih berpandangan jauh berhubung dengan kesejahteraan kewangan dan kejayaan usaha komersial pelanggan mereka.

Pelaksanaan VBI oleh bank-bank Islam adalah didorong industri, dengan mengambil kira tahap kesediaan dan keupayaan setiap bank Islam untuk memulakan dan meneruskan penerapan model perniagaan dan amalan dalaman baharu sejajar dengan VBI. Bagi menyokong perubahan yang dirintis oleh industri ini, Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) yang terdiri daripada sembilan buah bank Islam telah ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan VBI. CoP berfungsi sebagai platform yang berkesan untuk ahli-ahlinya berkongsi pengetahuan dan meneruskan usaha secara kolektif bagi merumuskan dan melaksanakan strategi VBI dengan kerjasama rakan strategik dari luar industri kewangan.

CoP juga bermatlamat untuk memanfaatkan hubungannya dengan institusi-institusi berasaskan nilai yang telah mantap, seperti Global Alliance for Banking on Values dan Triodos Bank, untuk meningkatkan pemahaman dan amalan mengenai VBI dalam kalangan bank Islam di Malaysia. Pemerhatian terhadap model VBI yang berjaya telah menunjukkan beberapa ciri persamaan: strategi dan nilai yang didorong kepimpinan yang diselaraskan dengan matlamat pihak atasan, budaya keseluruhan

organisasi yang konsisten dengan pelan dan operasi perniagaan, serta sistem yang menggalakkan interaksi yang membina dan bertanggungjawab terhadap pihak-pihak berkepentingan yang lebih pelbagai.

Susulan inisiatif VBI memasuki fasa pelaksanaannya, tumpuan segera pada tahun 2018 adalah untuk membangunkan instrumen untuk membantu operasi dan pengukuran prestasi. Panduan berkaitan dengan aplikasi dan pendekatan VBI akan dirumuskan untuk membantu bank-bank Islam menangani cabaran pelaksanaan yang berkaitan dengan model perniagaan dan tahap kemajuan operasi setiap bank Islam. Di samping itu, kad skor akan diperkenalkan untuk mengukur prestasi kewangan dan bukan kewangan bank-bank Islam dalam usaha mereka menerapkan VBI. Langkah ini dijangka mengubah portfolio pembiayaan bank-bank Islam, dengan sekurang-kurangnya separuh daripada pembiayaan perniagaan dan pembiayaan peribadi baharu disalurkan untuk tujuan yang selaras dengan VBI menjelang tahun 2020. Pada masa hadapan, matlamat selanjutnya akan ditetapkan apabila kad skor dilaksanakan.

Walaupun pelaksanaan VBI masih pada peringkat awal, namun terdapat contoh kukuh bahawa VBI sedang dilaksanakan. Contohnya, dana yang diperoleh melalui akaun pelaburan telah disalurkan untuk pelbagai tujuan. Ini termasuk menyediakan modal risiko kepada usahawan seperti PKS. Pada tahun 2017, usaha tertumpu ke arah penyelarasan dan pengukuhan amalan industri untuk memastikan akaun pelaburan benar-benar berfungsi sebagai instrumen 'modal risiko'. Bank telah mengeluarkan panduan pengawalseliaan berkaitan dengan cara pengendalian pelaporan perakaunan bagi akaun pelaburan terhad. Ini bagi memastikan aliran tunai diuruskan dalam cara yang membolehkan akaun berkenaan dilaporkan di luar kunci kira-kira. Tumpuan juga diberikan pada ketelusan penzahiran produk, peningkatan kecekapan pekerja barisan hadapan yang mengendalikan pemasaran akaun pelaburan dan memastikan terdapat penilaian kesesuaian dengan pelanggan yang berkesan.


Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform, IAP) — yang mula beroperasi pada tahun 2016 — secara beransur-ansur muncul sebagai infrastruktur penggerak yang penting untuk menggembelng dan menyalurkan akaun pelaburan kepada pembiayaan usaha niaga keusahawanan. Pada tahun 2017, dana yang diperoleh melalui

penyenaraian IAP meningkat empat kali kepada RM95.3 juta (2016: RM20.0 juta) daripada empat usaha niaga. Bagi membolehkan pelabur baharu menjalankan urusan dengan lebih mudah, lancar dan cekap, industri mula merumuskan satu rangka kerja pelbagai hala untuk pelanggan baharu. Di bawah rangka kerja ini, bank-bank yang menganggotai IAP akan saling menerima amalan usaha wajar pelanggan masing-masing. Ini seterusnya memudahkan pelanggan kerana tidak perlu berkunjung ke cawangan bank yang menawarkan IAP untuk membuka akaun bank baharu. Rangka kerja ini dijangka dimuktamadkan dan beroperasi menjelang separuh pertama tahun 2018.

Satu lagi contoh kukuh yang berkaitan dengan pelaksanaan VBI ialah pemerksaan masyarakat tempatan, baik masyarakat Islam mahupun bukan Islam, yang dilihat melalui penglibatan bank-bank Islam yang lebih giat dalam bidang kewangan sosial. Pada bulan September 2017, enam buah bank Islam telah menandatangani perjanjian kerjasama untuk menubuhkan dana wakaf tunai bersama-sama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Di bawah inisiatif ini, bank-bank Islam yang mengambil bahagian akan berganding bahu dengan MAIN di 10 buah negeri untuk memodenkan operasi pengutipan wakaf tunai melalui pusat kutipan, serta perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih masing-masing. Dana yang dikumpulkan akan dilaburkan dalam instrumen berlandaskan Syariah. Pulangan daripada pelaburan ini seterusnya akan disalurkan untuk membiayai projek-projek yang menggalakkan pemerksaan ekonomi, pendidikan dan kesihatan (Gambar Rajah 4.2). Sebagai sebahagian daripada perjanjian ini, bank-bank Islam juga komited untuk membangunkan pengetahuan dan kepakaran dalam pengurusan pelaburan dan pengagihan dana wakaf. Sebagai sebahagian daripada

Gambar Rajah 4.2

Dana Wakaf Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

komitmen ini, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia akan membangunkan Tatacara Tadbir Urus dan Ketelusan bagi pengurusan dana wakaf pada tahun 2018. Langkah ini bertujuan untuk menetapkan piawaian penanda aras bagi amalan industri.

Memperkuh keupayaan institusi subsidiari perbankan Islam

Subsidiari perbankan Islam memainkan peranan penting dalam sektor perbankan Islam. Sebanyak 11 subsidiari menyumbangkan 65.7% kepada aset industri, dan sebagai ahli kumpulan kewangan yang besar, boleh memanfaatkan fungsi perkhidmatan kongsi kumpulan mereka seperti rangkaian cawangan, platform teknologi dan sumber manusia. Fleksibiliti ini membantu mempercepat pertumbuhan kewangan Islam dengan membolehkan penggunaan sumber secara berkesan dan menyediakan akses lebih luas kepada perkhidmatan perbankan untuk pelanggan.

Walaupun bagaimanapun, subsidiari perbankan Islam masih bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan fleksibiliti operasi ini tidak akan menjejaskan pematuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam amalan perniagaan dan penawaran produk. Suatu perkembangan yang agak membimbangkan ialah amalan perkongsian sumber yang semata-mata didorong pertimbangan kecekapan operasi dan kos, seterusnya menyebabkan kurangnya pelaburan untuk meningkatkan keupayaan dalaman subsidiari perbankan Islam. Akibatnya, insiden yang membabitkan ketidakpatuhan Syariah dan salah jual produk kewangan Islam terus meningkat.

Bagi menjana hasil yang lebih optimum daripada pengurusan perkongsian sumber, Bank telah berbincang dengan pengurusan kanan subsidiari perbankan Islam dan kumpulan kewangan masing-masing pada tahun 2017. Perbincangan tersebut bertujuan mendapatkan komitmen daripada pihak industri untuk mengambil

Gambar Rajah 4.3

Komitmen untuk Meningkatkan Amalan Perkongsian Sumber Subsidiari Perbankan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

tindakan khusus untuk menambah baik amalan semasa (Gambar Rajah 4.3). Ini termasuk komitmen untuk menyokong strategi khusus perniagaan perbankan Islam dan meningkatkan pelaburan bagi pengembangan keupayaan subsidiari perbankan Islam. Industri ini dijangka menunjukkan komitmen ini dalam pelan perniagaan tahunan dan perjanjian perkhidmatan peringkat kumpulan mulai tahun 2018.

TAKAFUL

Prestasi sektor takaful

Permintaan dalam negeri yang mampan untuk perlindungan berlandaskan Syariah terus menyokong pertumbuhan takaful pada tahun 2017. Sumbangan bersih daripada gabungan perniagaan takaful keluarga dan takaful am meningkat 9.5% kepada RM8.3 bilion (2016: 10.5%), manakala bahagian pasaran industri takaful, dari segi premium dan sumbangan bersih, meningkat kepada 15.2% (2016: 14.6%).

Dalam takaful keluarga, perniagaan baharu berkembang 10.0% (2016: 8.6%), yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh produk gadai janji bertempoh, produk berkaitan pelaburan dan produk perubatan yang secara bersama mencakupi 76.1% daripada jumlah perniagaan baharu. Sejumlah produk takaful keluarga baharu dan berinovatif telah dilancarkan pada tahun 2017. Ini termasuk tiga produk takaful di bawah Perlindungan Tenang (rujuk rencana bertajuk 'Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful) yang mampu dibeli dan direka bentuk untuk menjadikan proses jualan dan tuntutan lebih mudah. Dalam sektor takaful am, perniagaannya berkembang 6.4% (2016: 4.7%), dengan segmen motor, kebakaran dan kemalangan diri mencakupi 91.3% daripada jumlah sumbangan kasar.

Kedudukan modal pengendali takaful dan pengendali takaful semula terus kukuh, dengan nisbah kecukupan modal agregat pada 209.4% (2016: 205.3%) dan penampakan modal sebanyak RM4.0 bilion. Risiko takaful sebahagian besarnya tidak berubah. Ini adalah hasil daripada keadaan perniagaan yang stabil dan paras rizab yang tinggi untuk memenuhi liabiliti takaful. Jumlah aset dana takaful meningkat 9.4% (2016: 8.4%) kepada RM29.3 bilion, dengan sukuk korporat, wang tunai dan deposit mencakupi 69.1% daripada jumlah aset dana takaful. Pada tahun 2017, tahap keuntungan sektor takaful menunjukkan prestasi

yang bercampur-campur. Takaful keluarga mencatat keuntungan lebih tinggi sebanyak RM2.6 bilion atau pertumbuhan 27.2% berbanding tahun 2016 (RM2.0 bilion). Keuntungan ini didorong terutamanya oleh hasil pelaburan yang lebih baik. Sektor takaful am, bagaimanapun, mencatat keuntungan yang lebih rendah sebanyak RM0.3 bilion, menurun 28.3% berbanding tahun sebelumnya (RM0.4 bilion), disebabkan oleh perbelanjaan pengurusan dan pembayaran tuntutan yang lebih tinggi.

Pembangunan sektor takaful

Membangunkan ekosistem yang kondusif untuk inovasi dan pertumbuhan

Tumpuan utama pembangunan sektor takaful pada tahun 2017 adalah untuk menjadikan produk dan perkhidmatan takaful memenuhi keperluan perlindungan sektor perniagaan dengan lebih baik. Sebagai menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab halal global, Bank akan menerbitkan draf dedahan (exposure draft) yang menggariskan rangka kerja pengawalseliaan yang jelas serta memudahkan penawaran takaful kredit perdagangan pada separuh pertama tahun 2018. Langkah ini bertujuan merebut peluang daripada pasaran halal yang besar dan pesat berkembang, yang nilainya dianggarkan sebanyak USD2.0 trilion pada tahun 2016¹. Takaful kredit perdagangan yang merupakan produk berlandaskan Syariah yang melengkapkan insurans kredit perdagangan, boleh membantu melindungi perniagaan daripada risiko akibat mungkir dalam perdagangan antarabangsa, lantas memberi peluang kepada mereka mengembangkan lagi perniagaan eksport masing-masing. Bank-bank Islam juga boleh menggunakan produk ini sebagai alat untuk mengurangkan risiko kredit selain meningkatkan keupayaan pembiayaan perdagangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha mempercepat proses tuntutan manfaat kematian, Bank, dengan kerjasama Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA), telah mendapatkan persetujuan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk membangunkan mekanisme berautomasi yang membolehkan pengendali takaful menyemak status pemilik polisi dalam senarai pendaftaran kematian negara secara berkala. Dengan memanfaatkan infrastruktur yang disediakan oleh JPN, keperluan untuk dokumentasi dan prosedur pengesahan

¹ Sumber: State of Global Islamic Economy 2017-2018 Report, Thomson Reuters.


tuntutan juga akan dipermudah sekali gus mempercepat bayaran manfaat kematian. Inisiatif ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2018.

Tuntutan manfaat kematian akan menjadi lebih mudah dan cepat dengan adanya mekanisme berautomasi baharu

Dalam bidang takaful semula, usaha ditumpukan pada penubuhan dana takaful semula peringkat industri yang bertujuan meningkatkan keupayaan pengunderaitan industri takaful am dan mengurangkan pergantungan pada insurans semula konvensional untuk menyokong sektor takaful. Inisiatif yang diterajui MTA ini membolehkan pengendali takaful dan pengendali takaful semula untuk menggabungkan keupayaan mereka untuk mengunderait risiko yang lebih besar dan lebih kompleks yang melangkaui kesanggupan mengambil risiko pengendali takaful secara individu (Gambar Rajah 4.4). Keupayaan pengunderaitan yang lebih besar ini dijangka mengurangkan bahagian sumbangan kasar takaful am yang tersid (ceded) kepada pasaran insurans semula konvensional, yang kini sebanyak 9.2% (RM236.2 juta).

Gambar Rajah 4.4

Mekanisme untuk Kumpulan Takaful Semula



Nota: Bilangan pengendali takaful dan pengendali takaful semula yang mengambil bahagian adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pindaan terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dibuat pada tahun 2017 untuk membenarkan potongan perbelanjaan yang ditanggung untuk pengurusan dana takaful keluarga. Pindaan tersebut memperakui ciri-ciri unik yang ada pada model perniagaan takaful dan memperuntukkan pariti pengawalseliaan dalam olahan percukaian antara industri takaful dengan industri insurans.

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

Pada tahun 2017, keutamaan pengawalseliaan Bank dalam bidang kewangan Islam terus tertumpu pada langkah-langkah menggalakkan pematuhan Syariah secara menyeluruh dan menggalakkan tahap inovasi produk yang lebih luas untuk memenuhi keperluan ekonomi dan masyarakat.

Memastikan pematuhan Syariah menyeluruh menerusi piawaian Syariah

Sejak tahun 2013, Bank bekerjasama rapat dengan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia

dalam pengeluaran siri Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi secara berperingkat-peringkat. Piawaian Syariah ini bertujuan mengukuhkan prinsip Syariah di samping memastikan tadbir urus yang konsisten dan berkesan dalam penggunaan pelbagai kontrak Syariah. Pada tahun 2017, piawaian untuk *wa'd* (janji) dan *kafalah* (jaminan) dimuktamadkan menjadikan jumlah piawaian yang diterbitkan setakat ini sebanyak 12. Selain itu, draf dedahan bagi dua piawaian baharu, iaitu *rahn* (cagaran) dan *bai' al-sarf* (pertukaran wang), juga diterbitkan untuk rundingan pihak industri, dengan sasaran piawaian tersebut dapat dimuktamadkan pada tahun 2018 (Jadual 4.1 menggariskan ciri-ciri penting keempat-empat piawaian ini). Penyempurnaan siri piawaian ini bukan sahaja akan meningkatkan pematuhan dan tadbir urus Syariah, malah meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap urus niaga kewangan Islam dan menggalakkan penawaran pelbagai rangkaian produk untuk memenuhi keperluan pelanggan yang berbeza.

Bagi menggalakkan aktiviti inovasi yang lebih luas dalam penawaran produk takaful, Bank telah mengkaji semula Rangka Kerja Operasi Takaful. Kajian semula ini bertujuan memperjelas cara kendalian kontrak Syariah, iaitu *wakalah* (agensi), *mudarabah* (perkongsian keuntungan), *qard* (pinjaman tanpa faedah), *hibah* (pemberian hadiah) dan *tabarru'* (derma) dalam konteks perniagaan takaful. Ini termasuk menyediakan panduan tambahan bagi ciri-ciri produk yang berbeza berdasarkan kontrak. Sebagai contoh, semakan yang dicadangkan akan merangkumi penetapan perbezaan yang jelas antara dana takaful yang ditubuhkan untuk tujuan simpanan

dan pelaburan bagi mencerminkan kontrak yang diterima pakai bagi setiap dana. Kajian semula ini juga akan memperjelas jangkaan terhadap tanggungjawab khusus pengendali takaful di bawah kontrak-kontrak tersebut dan bagaimana mereka perlu diberikan ganjaran. Pemahaman yang lebih mendalam berikutan semakan yang dibuat ini dijangka menjadi pemangkin pembangunan produk yang seterusnya boleh memenuhi keperluan perlindungan pelbagai kumpulan pengguna dengan lebih baik. Kawalan dalaman terhadap pembentukan dana kecil (sub-funds) juga akan diperkukuh bagi memastikan kemapanannya di samping memelihara kepentingan peserta takaful. Semakan yang dicadangkan ini akan dikeluarkan untuk perbincangan oleh pihak industri pada awal tahun 2018.

Memperkukuh impak tadbir urus Syariah

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang diterbitkan buat kali pertamanya pada tahun 2010 menggariskan keperluan untuk memastikan institusi kewangan Islam ditadbir urus berlandaskan prinsip Syariah pada setiap masa. Bagi memperkukuh keberkesanan perniagaan kewangan Islam yang semakin meningkat dari segi saiz, sifat dan kecanggihannya, beberapa penambahbaikan terhadap rangka kerja ini telah dicadangkan dalam draf dedahan yang dikeluarkan pada bulan November 2017. Draf dedahan ini menggalakkan amalan tadbir urus Syariah yang lebih bersepadu dalam proses perniagaan dan pengurusan risiko institusi kewangan Islam. Antara lain, ia memperluas tanggungjawab lembaga pengarah untuk merangkumi perkara berkaitan dengan tadbir urus Syariah dan pada masa sama memperkukuh

Jadual 4.1

Piawaian Syariah yang Diterbitkan pada tahun 2017

Kontrak Syariah	<i>Kafalah</i> (Jaminan)	<i>Wa'd</i> (Janji)	<i>Rahn</i> (Cagaran)	<i>Bai' al-Sarf</i> (Pertukaran mata wang)
Pelaksanaan	Jaminan, surat kredit tunggu sedia dan bentuk jaminan lain	Semua jenis pembiayaan dan derivatif	Pajak gadai dan pembiayaan bercagar	Deposit, pembiayaan atau pelaburan mata wang asing, kiriman wang dan biro pertukaran wang
Elemen Penting	Memastikan pembezaan yang jelas antara hak dan tanggungjawab penjamin dan benefisiari	Menentukan elemen <i>wa'd</i> yang mengikat dan menggariskan hak dan tanggungjawab pihak janji dan penerima janji	Mentakrifkan penggunaan cagaran yang diterima dan caj yang dibenarkan	Menjelaskan pendekatan untuk penyelesaian secara lani dan kadar pertukaran bagi pertukaran mata wang

Sumber: Bank Negara Malaysia

tahap kebebasan jawatankuasa Syariah dalam menjalankan peranannya sebagai penasihat dan pihak yang membuat keputusan. Draf dedahan ini juga mencadangkan supaya setiap jawatankuasa Syariah perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengamal industri sebagai ahli untuk membolehkan dimensi praktikal dan komersial berkenaan isu-isu berkaitan dengan Syariah dikupas dan dibincangkan dengan lebih terperinci. Secara bersama, kesemua cadangan ini bertujuan meningkatkan peranan jawatankuasa Syariah untuk memberikan nasihat dari segi Syariah yang mantap dan berteraskan inovasi kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Dokumen dasar yang telah dimuktamadkan dijangka dikeluarkan pada tahun 2018.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang dikaji semula bertujuan memastikan integrasi tadbir urus Syariah yang berkesan dalam proses pengurusan perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam

PEMBANGUNAN BAKAT

Bank-bank Islam dan pengendali takaful mempunyai seramai 21,398 orang pekerja (2016: 21,601) atau 13.0% daripada jumlah pekerja sektor perbankan, insurans dan takaful pada tahun 2017 (2016: 13.1%). Pada tahun 2017, sektor ini mengambil seramai 4,562 pekerja baharu (2016: 3,605) dan mewujudkan 787 jawatan baharu (2016: 878). Menyedari betapa pentingnya bakat, Bank dan industri terus memacu pelbagai inisiatif pembangunan modal insan untuk meningkatkan kualiti bakat dalam industri kewangan Islam.

Landskap pembangunan bakat kewangan Islam di Malaysia menawarkan rangkaian penyelesaian yang pelbagai dan komprehensif. Ini meliputi bidang pendidikan tinggi, penyelidikan, latihan dan khidmat rundingan yang diiktiraf pada peringkat dunia. Bagi memenuhi permintaan global terhadap bakat kewangan Islam pada masa sekarang dan akan datang, usaha terus dipertingkatkan untuk mengukuhkan ekosistem pembangunan bakat di Malaysia yang dipacu terutamanya oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA), IBFIM², Institut Profesional Kewangan Islam

² Sebelum ini IBFIM dikenali sebagai Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia.

Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, CIIF) dan Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia, ASAS). Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, institusi-institusi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan kumpulan profesional kewangan Islam dan kepakaran menerusi pelbagai program dan inisiatif (Gambar Rajah 4.5).

Susulan usaha Jawatankuasa Pemandu Transformasi Landskap Pendidikan Kewangan Islam (pasukan petugas yang diterajui industri dan ditubuhkan pada bulan November 2016 yang ahlinya terdiri daripada pengurusan kanan dan ahli lembaga pengarah institusi kewangan serta ahli akademik), Bank memperkenalkan beberapa pembaharuan yang berasaskan dua teras utama untuk memenuhi keperluan bakat industri.

Teras pertama ialah meningkatkan kualiti pembangunan bakat yang ditawarkan, bukan sahaja untuk meningkatkan kepakaran teknikal bahkan memastikan ia terus relevan dengan industri yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Ini bertujuan menyokong pembangunan kumpulan bakat yang berkaliber tinggi untuk memacu dan mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan industri pada masa akan datang. Sejalan dengan hasrat ini, INCEIF merintis pendekatan pembelajaran berasaskan tindakan (action-based learning, ABL) dalam modulnya pada tahun 2017. Ini merupakan langkah permulaan sebelum ia diterapkan sepenuhnya ke dalam program Sarjana Sains dalam Kewangan Islam pada bulan Januari 2018. Melalui pendekatan ABL, kajian kes dan simulasi akan digunakan dengan lebih meluas di dalam kelas. Pelajar juga akan diberikan projek dan tugas lapangan dengan rakan organisasi yang membolehkan mereka menangani isu dan cabaran dunia sebenar. Melalui cara ini pelajar boleh mendapatkan pengetahuan gunaan dan kemahiran praktikal yang lebih tinggi, seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Sehingga kini, INCEIF telah mendapatkan komitmen 22 institusi komersial, institusi bukan berasaskan untung dan sektor awam sebagai rakan organisasi ABL.

Selain isi kandungan yang relevan dengan industri, usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam industri juga penting. Bagi memenuhi keperluan pembangunan kumpulan profesional pengamal Syariah, ASAS memperkenalkan

Sumbangan Institusi Pembangunan Bakat Kewangan Islam

Ditubuhkan pada 2006



Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa

IMPAK KEPADA INDUSTRI



Bekalan bakat kewangan Islam yang berterusan
 • 1,585 graduan dari 72 negara



Penyumbang utama dalam penyelidikan kewangan Islam
 • 400 kertas penyelidikan dan penerbitan (lebih daripada 50% disenaraikan dalam Scopus/SCI¹)



Kurikulum yang relevan kepada industri
 • Memperkenalkan pembelajaran berasaskan tindakan untuk mendedahkan pelajar kepada pengamal industri terkemuka

KEPIMPINAN PEMIKIRAN



Penyertaan meluas ahli fakulti dalam industri
 • 75% daripada ahli fakulti terdiri daripada ahli pelbagai lembaga pengarah dan penasihat Syariah



Pusat rujukan bagi universiti lain
 • Daripada 49 buku teks yang dihasilkan, tujuh diguna pakai oleh 23 universiti

REPUTASI



Pengiktirafan kecemerlangan akademik pada peringkat domestik dan global
 • Tempat ke-46 terbaik dalam Asia dalam carta RePEc²
 • Penarafan lima bintang (cemerlang) dalam kategori Universiti Memunculkan oleh SETARA³

Ditubuhkan pada 2008



Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa

IMPAK KEPADA INDUSTRI



Penyumbang utama dalam penyelidikan kewangan Islam
 • Menghasilkan lebih 200 projek penyelidikan manakala lebih 90 kertas penyelidikan telah diterbitkan



Repositori global bidang ilmu Syariah
 • Lebih 2,000 fatwa dan 500 artikel dalam portal i-Fikr



Hubungan rapat antara industri dan akademia
 • Memacu isi kandungan untuk Manual Tenaga Pengajar mengenai Piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank

KEPIMPINAN PEMIKIRAN



Hasil penyelidikan yang meluas
 • Dibentangkan di lebih 300 persidangan di seluruh dunia



Rujukan bagi universiti lain
 • Buku teks ISRA digunakan oleh lebih 70 universiti

REPUTASI



Pengiktirafan global bagi sumbangan intelek
 • Pemenang Anugerah Ekonomi Islam dalam kategori Infrastruktur Pengetahuan Ekonomi Islam (Islamic Economic Knowledge Infrastructure)

IMPAK KEPADA INDUSTRI



Meningkatkan kemahiran warga kerja dalam kewangan Islam
 • Melatih lebih daripada 100,000 peserta
 • Menganjur lebih daripada 1,700 program latihan, aktiviti dan seminar



Hubungan rapat antara industri dan akademia
 • Kolaborasi akademik dengan 27 universiti dan kolej



Penerbitan aktif
 • 96 penerbitan IBFIM

Ditubuhkan pada 2001



Institut latihan kewangan Islam diterajui industri

IMPAK KEPADA INDUSTRI



Meningkatkan profesionalisme penasihat Syariah
 • Lebih daripada 300 ahli



Kelayakan profesional untuk kakitangan Syariah
 • Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor, CSA) dan Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner, CSP)



Pembangunan profesional yang berterusan
 • Menganjur lebih 20 program latihan, aktiviti dan persidangan

Ditubuhkan pada 2011



Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia

IMPAK KEPADA INDUSTRI



Meningkatkan profesionalisme pengamal kewangan Islam
 • Lebih daripada 800 ahli



Kelayakan profesional untuk kewangan Islam
 • Ahli Profesional Berkanun dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance, CPIF) akan dilancarkan pada tahun 2018

Ditubuhkan pada 2015



Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam

¹ Scopus ialah pangkalan data abstrak dan sumber petikan terbesar bagi penulisan dengan penelitian rakan sejawatan manakala SCI (Science Citation Index) ialah indeks petikan yang dihasilkan oleh Institut untuk Maklumat Saintifik. Jurnal yang diindeks dianggap sebagai memenuhi kualiti saintifik yang lebih tinggi berbanding dengan jurnal yang tidak diindeks

² RePEc ialah pusat indeks penyelidikan ekonomi, termasuk kertas kerja dan artikel jurnal

³ Penarafan Malaysia untuk Kecemerlangan Universiti dan Kolej Universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

Sumber: Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA), IBFIM, Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (CPIF)

kelayakan Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor, CSA) dan Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner, CSP) pada bulan November 2017. Ini merupakan kelayakan profesional komprehensif yang pertama dibangunkan untuk pengamal profesional Syariah industri kewangan Islam. CSA disasarkan pada pengamal yang mempunyai ijazah muda Syariah, manakala CSP pula untuk pengamal Syariah yang tiada kelayakan formal dalam bidang Syariah. Pada masa hadapan, kelayakan ini akan dijadikan prasyarat bagi ahli jawatankuasa Syariah dan kakitangan Syariah yang utama di institusi kewangan Islam, termasuk institusi kewangan konvensional yang mempunyai jendela Islam.

Bagi bukan pengamal Syariah, kelayakan Ahli Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance, CPIF) oleh CIIF diperkenalkan pada bulan Disember 2017 untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan etika dalam industri kewangan Islam. CPIF menawarkan


dua bidang kepakaran, iaitu perbankan Islam dan takaful, yang berlandaskan modul asas yang sama. Pendaftaran dijangka bermula pada separuh pertama tahun 2018 (Gambar Rajah 4.6).

CSA, CSP dan CPIF akan meningkatkan tahap profesionalisme industri kewangan Islam

Teras kedua pembaharuan bakat yang dilaksanakan oleh Bank adalah meningkatkan penyelarasan dan kerjasama antara lima buah institusi bakat. Ini bagi memastikan pendekatan yang bersepadu dan optimum digunakan dalam pembangunan bakat untuk memenuhi keperluan industri semasa dan juga akan datang. Jawatankuasa Penyelarasan Strategik (Strategic Coordination Committee, SCC), yang dianggotai wakil daripada Bank dan ketua lima entiti tersebut, ditubuhkan untuk merumuskan strategi bagi meningkatkan kualiti dan rangkaian penawaran bakat yang sedia ada untuk memenuhi keperluan

Gambar Rajah 4.6

Kelayakan Profesional Kewangan Islam



Sumber: Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (CIIF)

sektor kewangan Islam. Jawatankuasa ini akan menangani kekurangan dan pertindihan dari segi penawaran di samping memaksimumkan sinergi operasi dan kewangan dalam semua entiti. Bidang kebitaraan (niche areas) setiap institusi akan dikenal pasti untuk memanfaatkan dan mempertingkatkan kekuatan tersendiri setiap institusi.

Selain penambahbaikan yang khusus bagi setiap institusi bakat, beberapa inisiatif lain turut dilaksanakan pada tahun 2017 untuk meningkatkan kumpulan bakat yang ditawarkan. Pada peringkat lembaga pengarah, program latihan kewangan Islam yang khusus untuk pengarah institusi kewangan akan dilancarkan pada separuh pertama tahun 2018. Berlandaskan asas-asas tadbir urus yang ditetapkan dalam program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, program baharu ini bertujuan melengkapkan para pengarah dengan pemahaman dan pengetahuan mengenai tawaran nilai kewangan Islam dengan memasukkan perspektif praktikal bagi tadbir urus Syariah, peluang-peluang perniagaan dalam kewangan Islam dan risiko yang berkaitan dengan urus niaga kewangan Islam ke dalam program ini.

Bank juga terus memberikan tumpuan pada penerapan piawai Syariah ke dalam kurikulum pendidikan kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, Manual Tenaga Pengajar terus dirangka oleh Bank untuk dua lagi kontrak Syariah, iaitu *musyarakah* (perkongsian untung dan rugi) dan *tawarruq* (pembelian aset secara tertanggung dengan penjualan seterusnya kepada pihak ketiga secara tunai), sebagai tambahan kepada manual pertama yang berkaitan dengan *murabahah* (kos tambah keuntungan) yang dikeluarkan pada tahun 2016. Manual-manual ini dijangka diterbitkan pada separuh pertama tahun 2018. Manual bersiri ini bertujuan mendedahkan penuntut pusat pengajian tinggi kepada pengendalian kontrak Syariah secara praktikal dengan menghuraikan asas-asas teori yang ditetapkan dalam kurikulum teras semasa. Sebanyak dua buah universiti telah pun menerapkan Manual Tenaga Pengajar ini ke dalam kandungan pengajian akademik mereka. Sebagai langkah seterusnya, program Melatih Tenaga Pengajar akan dijalankan oleh IBFIM untuk melengkapkan fakulti dengan asas-asas yang diperlukan semasa menyampaikan isi kandungan kepada penuntut. Bank juga sedang berusaha memperluas penggunaan manual-manual ini oleh lebih banyak universiti di dalam dan luar negeri.

SALING HUBUNGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Malaysia kekal sebagai hab global utama bagi kewangan Islam pada tahun 2017. Malaysia merupakan pusat pasaran kewangan Islam yang ketiga terbesar di dunia dari segi aset, selain menjadi pasaran sukuk terbesar yang mencakupi bahagian sebanyak 51.0% daripada sukuk terkumpul global, yang berjumlah USD202.2 bilion. Dari segi inovasi produk, pencapaian penting pasaran sukuk Malaysia pada tahun 2017 ialah terbitan dua sukuk hijau bernilai RM1.25 bilion buat julung kalinya di dunia untuk membiayai projek tenaga solar. Sukuk hijau ini diterbitkan di bawah Rangka Kerja Sukuk Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable Responsible Investment Sukuk Framework). Penerbitan sukuk ini hasil kerjasama Bank dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Dunia untuk menyediakan ekosistem pemerolehan dana yang mudah bagi memenuhi keperluan projek hijau dan projek mampan yang lain. Malaysia menduduki tempat pertama dalam Islamic Finance Development Indicator oleh Thomson Reuters dan Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ahli Kumpulan Bank Pembangunan Islam) dalam laporan Islamic Finance Development Report 2017. Ini merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian Malaysia dalam pembangunan infrastruktur pasaran yang berkesan, peserta yang pelbagai, penawaran bakat kewangan Islam yang serba boleh serta rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan Syariah yang kondusif bagi pertumbuhan dan pembangunan sektor.

Pada peringkat global, Bank meneruskan sokongan aktifnya terhadap pembangunan kewangan Islam, khususnya dalam bidang Syariah. Menerusi MPS, Bank menyokong usaha menggalakkan penyeragaman dan saling sedia menerima pendapat Syariah yang dikemukakan di seluruh sistem kewangan Islam. MPS, yang menyambut ulang tahunnya yang ke-20 pada tahun 2017, telah memainkan peranan penting dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia (Gambar Rajah 4.7). MPS telah mengeluarkan sejumlah keputusan Syariah yang bukan sahaja memupuk keyakinan pelanggan dan pasaran, tetapi juga menjadi pemangkin beberapa inovasi yang dicetuskan oleh industri. Sebagai contoh, pengesahan MPS terhadap aplikasi kontrak *al-ijarah thumma al-bai'* (sewaan disusuli dengan jual beli) telah membolehkan lebih 15 institusi perbankan Islam menawarkan pembiayaan kenderaan yang lebih kompetitif. Satu lagi contoh ialah keputusan MPS berkaitan dengan pelaksanaan caj bayaran lewat (late payment charges) oleh bank-bank

Sumbangan dan Keputusan Utama MPS untuk Membangunkan Industri Kewangan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Islam menggunakan *gharamah* (penalti) dan *ta'widh* (ganti rugi) yang memberikan peluang sama rata kepada institusi kewangan Islam untuk beroperasi seiring dengan institusi kewangan konvensional. Pada tahun 2017, dua penerbitan dilancarkan bersempena dengan ulang tahun MPS, iaitu kompilasi resolusi MPS dari tahun 2011 hingga 2017 serta kompilasi 12 piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank. Selain itu, pada bulan Januari 2018, Bank memperkenalkan laman sesawang MPS yang baharu (www.sacbnm.org), yang menyediakan akses yang mudah kepada semua keputusan MPS dan rangka kerja tadbir urus Syariah dalam kewangan Islam. Laman sesawang ini merupakan repositori utama bagi keputusan *fiqh* (jurisprudens Islam) yang terperinci dan asas pertimbangan yang menjadi asas keputusan MPS. Ini termasuk keputusan yang dibuat semasa merumuskan 12 piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank setakat ini. Usaha juga sedang dijalankan untuk menyediakan terbitan ini dalam bentuk digital dan naskah bercetak dalam beberapa bahasa utama, termasuk bahasa Inggeris dan Arab.

Dalam bidang takaful, Bank menganjurkan perbincangan meja bulat dalam suatu acara berasingan semasa Persidangan Tahunan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa ke-24 yang diadakan di Kuala Lumpur. Bank berkongsi pengalamannya membangunkan sektor takaful yang progresif, termasuk pembangunan

rangka kerja tadbir urus Syariah yang komprehensif dan berwibawa. Para peserta persidangan ini menyuarakan minat yang mendalam untuk memahami ciri-ciri persamaan dan perbezaan takaful dan insurans (khususnya, insurans bersama), dan kelebihan mempunyai pengendali takaful yang serba lengkap berbanding dengan syarikat insurans yang mempunyai jendela takaful.

Selain pengawal selia, sektor swasta juga memainkan peranan penting untuk memperluas sempadan kewangan Islam pada peringkat global. Kini, terdapat lebih 100 buah syarikat perkhidmatan sokongan profesional menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk dalam bidang Syariah, undang-undang, perakaunan, cukai dan latihan di Malaysia. Memandangkan pengalaman mereka yang mendalam dan meluas dalam pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia, syarikat-syarikat ini berada pada kedudukan yang cukup baik untuk memenuhi keperluan dan minat negara-negara lain yang semakin tinggi untuk menerokai bidang kewangan Islam. Antara sumbangan utama syarikat-syarikat ini ialah merintis jalan kepada pembentukan piawaian berlandaskan Syariah yang pertama di dunia untuk dagangan emas, yang dicapai melalui kerjasama dengan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, AAOIFI).

Perkembangan Merentas Sektor

- 113** Pasaran Kewangan
- 117** Integriti Sistem Kewangan
- 119** Tindakan Penguatkuasaan
- 120** Rangka Kerja Kehematan
- 121** Rangka Kerja Perlindungan dan Pemerkasaan Pengguna
- 126** Perniagaan Perkhidmatan Wang (MSB)
- 128** Inovasi Fintech
- 131** *Rencana: Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan*
- 136** *Rencana: Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan*

Perkembangan Merentas Sektor

PASARAN KEWANGAN


Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal mendalam dengan penyertaan yang pelbagai

Pasaran sekuriti hutang Malaysia mencatat pertumbuhan yang nyata pada tahun 2017, dengan jumlah sekuriti hutang terkumpul meningkat 10.1% kepada RM1.3 trilion pada akhir tahun. Jumlah ini mencakupi 97.6% daripada KDNK. Pasaran ini kekal sebagai salah sebuah pasaran terbesar di Asia Tenggara (Rajah 5.1). Sukuk terus mencakupi sebahagian besar jumlah sekuriti hutang terkumpul pada 58.8% (2016: 56.4%) (Rajah 5.2).

Penyertaan dalam pasaran sekuriti hutang kerajaan Malaysia yang disokong oleh Peniaga Utama yang dilantik, terus kukuh dan bersifat pelbagai dengan jumlah urus niaga sekunder sebanyak RM1.3 trilion (2016: RM1.8 trilion). Kertas Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan

Rajah 5.1: Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN


Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal sebagai salah satu pasaran terbesar di ASEAN



Sumber: Asian Bonds Online

Rajah 5.2: Sekuriti Hutang dan Sukuk Terkumpul (Awam dan Korporat)

Sukuk terus mencakupi sebahagian besar jumlah sekuriti hutang terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issue, MGII) berjaya menarik minat yang tinggi daripada institusi perbankan, pelabur institusi dan syarikat insurans, dan mencatat purata nisbah bida kepada lindungan yang kukuh sebanyak 2.198 kali pada tahun 2017 (2016: 2.275 kali).

Penyertaan pelabur yang pelbagai dan meluas dalam pasaran sekuriti hutang domestik ini terus menyokong daya tahan pasaran domestik. Dalam keadaan prospek pasaran kewangan global yang mencabar dan ketidakpastian yang berterusan, Malaysia mengalami turun naik yang lebih ketara dalam aliran modal, terutamanya disebabkan oleh pelarasan portfolio oleh pelabur bukan pemastautin. Pada suku pertama 2017, pelupusan kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) oleh pelabur jangka pendek bukan pemastautin, terutamanya institusi kewangan dan pengurus dana, menyaksikan penjualan yang ketara dalam pemegang bon bukan

pemastautin. Namun begitu, kadar hasil bon terus stabil secara relatif, disebabkan penyertaan aktif pelabur institusi domestik. Aliran modal yang tidak menentu mencapai tahap tertinggi pada suku pertama 2017 dan mula reda pada bulan April berikutan pengumuman siri kedua langkah-langkah Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC). Langkah-langkah ini, antara lain, memudahkan aktiviti pengurusan risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX) melalui fleksibiliti dalam perlindungan nilai dinamik bagi pelabur pemastautin dan bukan pemastautin (Rajah 5.3).

Bahagian pemegang bon kerajaan Malaysia oleh pelabur bukan pemastautin berjumlah 28% daripada jumlah terkumpul pada akhir bulan Januari 2018, berbanding paras tertinggi 34.7% yang dicatat pada bulan November 2016. Pemegang bukan pemastautin kini diagihkan dengan lebih baik merentas tempoh matang yang berbeza, dengan penumpuan yang lebih rendah iaitu sebanyak 12% dalam sekuriti yang bertempoh kurang dari 12 bulan (2016: 17%). Hal ini seterusnya mengurangkan risiko turun naik pasaran. Pelabur jangka panjang seperti bank pusat asing, kerajaan asing, syarikat dana pencen dan penanggung insurans mencakupi hampir 51.2% daripada keseluruhan pemegang bukan pemastautin. Pelaburan oleh pelabur jangka panjang ini menyumbang kepada keadaan pasaran yang lebih stabil, disebabkan kedudukan pelaburan mereka yang kurang dipengaruhi perubahan sentimen pasaran, dan ada masanya telah berjaya

bertindak untuk mengurangkan kesan aktiviti pelabur jangka pendek.

Kekukuhan nilai ringgit sebahagian besarnya didorong oleh prestasi ekonomi yang positif

Pada tahun 2017, ringgit menambah nilai sebanyak 10.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan ditutup pada RM4.0620 berbanding dengan RM4.4860 pada akhir bulan Disember 2016 (Rajah 5.4). Pemulihan nilai ringgit mencerminkan kedudukan nilai dolar AS yang menyusut secara keseluruhan. Yang lebih penting lagi ialah prestasi ekonomi negara adalah lebih baik daripada jangkaan, dengan prestasi eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang berterusan. Seiring dengan itu, keyakinan dan sentimen pelabur juga bertambah baik pada tahun 2017.

Pemulihan nilai ringgit mencerminkan prestasi ekonomi dalam negeri yang kukuh dan penyusutan nilai dolar AS secara keseluruhan

Turun naik tersirat ringgit bagi satu bulan mencatat purata yang lebih rendah sebanyak 4.4% berbanding dengan 9.7% pada tahun 2016 (Rajah 5.5). Pergerakan turun naik ringgit dalam sehari (intraday) juga lebih stabil kepada purata harian 81 pip, berbanding 228 pip pada bulan November 2016.

Rajah 5.3: Kadar Hasil MGS

Kadar hasil MGS stabil disebabkan penyertaan pelabur institusi domestik yang aktif



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.4: Kadar Pertukaran Ringgit Berbanding Dolar AS

Ringgit menambah nilai sebanyak 10.4% berbanding dolar AS pada tahun 2017



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.5: Turun Naik Tersirat USD/RM Tempatan Satu Bulan

Ringgit menambah nilai secara stabil dengan purata turun naik tersirat USD/RM tempatan bagi satu bulan yang lebih rendah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5.1

Langkah-langkah FMC menyumbang secara positif kepada pembangunan pasaran kewangan

Pada bulan Disember 2016, FMC bersama-sama dengan Bank mengumumkan beberapa langkah untuk menggalakkan pasaran FX dalam negeri yang lebih mendalam, lebih telus dan berfungsi dengan baik. Pada tahun 2017, FMC memperkenalkan langkah-langkah siri kedua dan ketiga untuk meningkatkan mudah tunai dan daya tahan pasaran. Ringkasan langkah yang diperkenalkan sehingga kini ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.1.

Ringkasan Langkah-Langkah FMC



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah-langkah FMC memberikan lebih fleksibiliti dalam pengurusan risiko FX

Rangka kerja perlindungan nilai dinamik yang sedia ada telah diperkemas untuk membolehkan pelabur institusi yang berdaftar melindungi nilai sepenuhnya dan menguruskan dedahan mereka secara aktif, termasuk melupuskan kedudukan perlindungan nilai. Pelabur institusi bukan pemastautin berdaftar juga dibenarkan untuk menguruskan dedahan ringgit secara aktif dengan tambahan sebanyak 25%. Bagi dedahan ringgit melalui kontrak derivatif minyak sawit (Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah dan Opsyen Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah) yang diniagakan di Bursa Malaysia, peserta pasaran bukan pemastautin berdaftar dibenarkan melindungi nilai dedahan mereka, sehingga nilai kedudukan terbuka bersih kontrak dengan bank dalam negeri atau pejabat luar negeri yang dilantik.

Pemastautin juga diberikan fleksibiliti untuk menguruskan secara aktif dedahan risiko FX sehingga kedudukan terbuka bersih agregat sebanyak RM6 juta bagi setiap pelanggan untuk setiap bank, tanpa perlu mengemukakan transaksi asas. Peruntukan yang sebelum ini terhad kepada dolar AS dan Spot Luar Pesisir China (China Offshore Spot), kini telah diperluas untuk merangkumi tiga mata wang tambahan, iaitu pound United Kingdom (GBP), euro (EUR) dan yen Jepun (JPY). Pemastautin yang berhasrat untuk menggunakan fleksibiliti perlu membuat pengisytiharan hasrat perlindungan nilai sekali sahaja dengan bank dalam negeri.

Fokus utama langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2017 ialah menambah fleksibiliti bagi peserta pasaran kewangan, termasuk syarikat, untuk melindungi nilai dedahan FX mereka dengan berkesan, serta meningkatkan fleksibiliti dan mempelbagaikan instrumen perdagangan.

Sejak pelaksanaan langkah-langkah tersebut, mudah tunai FX dalam negeri bertambah baik. Kesan positif daripada pengimbangan semula permintaan dan penawaran mata wang asing menyaksikan purata harian urus niaga pasaran FX dalam negeri meningkat kepada USD9.9 bilion, berbanding USD8.1 bilion pada tahun 2016. Sebaliknya, jumlah urus niaga dalam pasaran NDF ringgit menguncup sebanyak 70% sejak bulan November 2016 kepada USD1 bilion.

Rangka kerja perlindungan nilai dinamik juga menyebabkan urus niaga hadapan FX oleh pelabur institusi bukan pemastautin meningkat. Permintaan terhadap instrumen perlindungan nilai, oleh pelabur yang menguruskan dedahan risiko FX mereka secara aktif melalui pasaran hadapan dalam negeri, telah dapat dipenuhi oleh pelbagai rangkaian produk FX yang ditawarkan oleh institusi perbankan domestik. Setakat bulan Disember 2017, sambutan pelabur adalah menggalakkan, dengan 74 pengurus dana berdaftar mempunyai jumlah aset layak bernilai RM123 bilion, dan 21 syarikat berdaftar dengan jumlah perlindungan nilai dibenarkan sehingga RM9.2 bilion, menggunakan fleksibiliti yang diberikan. Peningkatan perlindungan nilai FX dalam negeri bagi kontrak derivatif minyak sawit juga dapat dilihat dalam kalangan 10 peserta pasaran minyak sawit bukan pemastautin berdaftar dengan dedahan sebanyak RM27.1 bilion.

Selain itu, aliran barangan dan perkhidmatan pada tahun 2017 kini mencakupi sebahagian besar daripada jumlah urus niaga pasaran FX dalam negeri, iaitu 66% berbanding 49.6% pada tahun 2016. Perubahan ini mencerminkan penentuan harga dalam pasaran FX dalam negeri yang didorong terutamanya oleh aktiviti sektor benar, dan bukannya urus niaga spekulatif.

Rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan diperluas

Berikutan pelancaran rangka kerja penyelesaian baht-ringgit pada bulan Mac 2016, Bank dengan kerjasama Bank of Thailand bersetuju memperluas rangka kerja itu pada 11 Disember 2017. Dengan ini, rangka kerja tersebut kini merangkumi pelaburan langsung dan pindahan pendapatan sebagai urus niaga asas yang layak bagi penyelesaian dalam mata wang tempatan masing-masing. Pada tarikh yang sama, Bank dan Bank Indonesia turut melancarkan rangka kerja penyelesaian rupiah-ringgit untuk menggalakkan penyelesaian perdagangan antara Malaysia dengan Indonesia dalam mata wang tempatan masing-masing.

Kedua-dua rangka kerja tersebut memberikan fleksibiliti pentadbiran FX yang lebih besar kepada pengeksport, pengimport dan pelabur untuk menguruskan risiko FX melalui penyelesaian perdagangan dan pelaburan langsung dalam mata wang tempatan. Dengan mengurangkan dedahan kepada risiko penyelesaian FX, fleksibiliti tersebut dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Bagi melaksanakan kedua-dua rangka kerja tersebut, bank yang dilantik telah diberikan fleksibiliti pentadbiran pertukaran asing di negara

masing-masing. Fleksibiliti ini membolehkan bank yang dilantik untuk menawarkan produk kewangan dalam denominasi mata wang tempatan seperti deposit dan pembiayaan. Permintaan terhadap produk kewangan mata wang tempatan yang dijangka meningkat akan terus menyokong pembangunan pasaran kewangan serantau.

INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Kemajuan dalam pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT)

Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) yang terdiri daripada 16 agensi termasuk Bank, telah mencapai kemajuan yang besar dalam pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan AML/CFT 2015-2020. Pencapaian utama pada tahun 2017 termasuk:

- Pengukuhan mekanisme undang-undang. Semakan terhadap Akta Syarikat 2016 telah menetapkan keperluan untuk mempertingkatkan penzahiran pemilik benefisial orang yang diberi kuasa (beneficial owners of legal persons) yang berdaftar di Malaysia. Di samping itu, takrifan 'pegawai yang diberi kuasa' di bawah Perintah Akta Perdagangan Strategik telah diperluas untuk meningkatkan keberkesanan Sekatan Kewangan Didasarkan (Pembiayaan Percambahan) [Targeted Financial Sanction (Proliferation Financing)]. Di bawah Perintah ini, pihak yang diberi kuasa boleh mengenakan kompaun atas kesalahan yang dilakukan dan menetapkan denda minimum bagi sebarang kesalahan yang dinyatakan sebagai tambahan kepada kuasa sedia ada untuk pendakwaan jenayah;
- Penambahan pengaturan untuk perkongsian maklumat dan latihan pegawai pematuhan industri mengenai risiko pembiayaan pegganas telah menghasilkan serahan laporan transaksi mencurigakan yang lebih berkualiti; dan
- Parameter yang dipertingkatkan bagi permohonan bantuan undang-undang bersama dan ekstradisi merentas semua agensi penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan pengaturan kerjasama dengan rakan sejawat antarabangsa

Malaysia menyokong tindak balas yang berkesan dan bersepadu terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF).

Pencapaian ini juga mencerminkan komitmen berterusan NCC untuk memenuhi saranan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force) seperti yang ditetapkan dalam Laporan Penilaian Bersama 2015 mengenai Malaysia.

Mengukuhkan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan untuk menangani risiko ML/TF

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA) juga telah diperkukuh pada tahun 2017 melalui pindaan kepada Jadual Kedua AMLA. Pindaan ini memperluas skop kesalahan predikat berkaitan dengan risiko ML/TF. Sebanyak 61 kesalahan predikat baharu daripada beberapa perundangan telah ditetapkan, termasuk Akta Syarikat 2016 yang baru dipinda dan Akta Skim Kepentingan 2016. Sebanyak 11 daripada kesalahan-kesalahan tersebut adalah berkaitan penyalahgunaan kuasa oleh pengarah syarikat untuk kepentingan peribadi manakala sembilan lagi ialah kesalahan melibatkan skim kepentingan dan ancaman lain terhadap kepentingan pelabur.

Memupuk komitmen dan perkongsian antarabangsa

Pada bulan November 2017, Bank menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Counter-Terrorism Financing, CTF) yang ketiga dengan kerjasama Australian Transaction Reports and Analysis Centre dan Pusat Pelaporan dan Analisis Transaksi Keuangan Indonesia. Sorotan utama sidang kemuncak tahun 2017 ini termasuk:

- Pelancaran laporan Penilaian Risiko Pembiayaan Keganasan (Terrorism Financing, TF) Serantau Pertubuhan Bukan Untung (Non-Profit Organisations, NPO) dan laporan mengenai Pergerakan Wang Merentas Sempadan dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa dalam rantau ini. Laporan ini menandakan pelaksanaan komitmen yang dibuat dalam Pernyataan Nusa Dua pada sidang kemuncak tahun 2016

Menjadikan mata wang digital lebih telus di Malaysia

Susulan perkembangan pesat mata wang digital baru-baru ini, Bank telah mengenakan obligasi AML/CFT terhadap penukar mata wang digital bersama-sama keperluan untuk menzahirkan maklumat penting bagi menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dan membolehkan pemantauan aktiviti pasaran dilakukan. Mana-mana pihak yang menawarkan perkhidmatan penukaran mata wang digital sama ada kepada wang fiat atau kepada mata wang digital yang lain, dan sebaliknya akan tertakluk pada obligasi di bawah AMLA (Jadual Pertama). Obligasi pelaporan perniagaan pertukaran mata wang digital termasuk keperluan bagi ketelusan dan penzahiran dihuraikan dengan lebih lanjut dalam dokumen dasar tentang AML/CFT – Mata Wang Digital (Sektor 6) yang telah diterbitkan oleh Bank pada bulan Februari 2018.

Obligasi pelaporan yang dikenakan tidak bermakna bahawa Bank telah memberikan kuasa, pelesenan, atau pengesahan kepada mana-mana pihak dalam penyediaan perkhidmatan pertukaran mata wang digital. Seksyen 24 Akta Bank Negara Malaysia 1958 hanya mengiktiraf ringgit sebagai wang sah diperlakukan di Malaysia. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya memahami dan mengkaji dengan teliti risiko-risiko berkaitan sebelum membuat apa-apa urusan niaga mata wang digital.

dan meliputi lapan buah negara Asia Pasifik iaitu Malaysia, Australia, Brunei, Indonesia, New Zealand, Filipina, Singapura dan Thailand; dan

- Penerimaan *KL Communique*, yang merangkumi komitmen kumpulan kerja serantau untuk terus menangani risiko TF melalui inisiatif bersama, meluaskan skop Sidang Kemuncak CTF untuk memasukkan jenayah kewangan berisiko tinggi dan ikrar untuk memperluas kerjasama dengan negara Asia Tenggara yang lain, khususnya melalui peluasan keahlian Kumpulan Kerja Pencegahan Pembiayaan Keganasan Asia Tenggara yang baru ditubuhkan. *KL Communique* juga menyeru pihak berkuasa serantau untuk menambah baik pengumpulan data, meningkatkan perkongsian maklumat, dan membangunkan penunjuk 'bendera merah' untuk aktiviti NPO yang berisiko tinggi. Langkah ini bertujuan untuk membantu institusi kewangan dan agensi penguatkuasa undang-undang untuk mengesan dan bertindak balas dengan lebih baik terhadap aktiviti yang mencurigakan.

Pada bulan Mei 2017, Bank telah menyertai rangka kerja kerjasama formal yang terdiri daripada unit perisikan kewangan Australia, Indonesia dan Malaysia (juga dikenali sebagai Trilateral Regulatory Exchange Programme, REP). Objektif REP adalah untuk: (1) menambah baik model penyeliaan berasaskan risiko, termasuk pembentukan penilaian risiko sektor dan tematik; (2) memudahkan perkongsian pengetahuan mengenai pengawalseliaan industri pengiriman wang; dan (3) mencadangkan pendekatan kawal selia yang berkaitan dan bersesuaian dengan pengawalan mata wang maya, platform pembayaran dan teknologi baharu yang pesat berkembang.

Membanteras pengubahan wang haram melalui kerjasama industri dan penyeliaan yang dipertingkatkan

Perbincangan dan interaksi dengan pertubuhan industri perbankan menerusi Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan memberi tumpuan khusus pada keperluan untuk membuat penelitian yang lebih rapi terhadap pemegang akaun yang disyaki berperanan sebagai pemegang akaun *mule* (individu yang membenarkan akaun mereka digunakan oleh penipu kewangan untuk memegang atau memindahkan wang yang diperolehi secara haram). Langkah ini bertujuan untuk menghalang kemudahan akaun institusi kewangan daripada disalah gunakan untuk kegiatan jenayah, terutamanya oleh sindiket yang menyewa akaun untuk tujuan menggerakkan dana haram tanpa dikesan. Institusi perbankan dikehendaki melaksanakan usaha wajar yang lebih teliti bagi pemegang akaun sedemikian, dan menguatkuasakan langkah balas yang sewajarnya sekiranya pemegang akaun gagal memberikan justifikasi yang munasabah bagi urusan niaga mereka. Langkah-langkah sedemikian termasuk penutupan akaun dan penghantaran laporan urusan niaga yang mencurigakan kepada Bank.

Memandangkan risiko ML/TF semakin canggih dan kompleks, Bank telah menubuhkan satu unit khusus pada tahun 2017 untuk mengawasi hal-hal berkaitan AML/CFT bagi Perniagaan dan Profesional Bukan Kewangan yang Ditetapkan (Designated Non-Financial Businesses and Professionals, DNFBP). Unit penyeliaan DNFBP telah menjalankan 38 pemeriksaan di premis merentas enam sektor:

ejen harta tanah, akauntan, setiausaha syarikat, syarikat amanah, firma guaman dan kasino. Kajian ini mengenal pasti cabaran dalam melaksanakan keperluan usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD) sepenuhnya dalam lima daripada enam sektor, terutamanya disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan kefahaman mengenai obligasi pelaporan AML/CFT. Bagi menangani isu ini, Bank telah mengadakan 37 sesi perbincangan dan interaksi serta program kesedaran sepanjang tahun 2017 bagi sektor-sektor ini.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2017, Bank telah mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan untuk menangani kesalahan berkanun dan ketidakpatuhan undang-undang dan keperluan yang berkaitan. Ringkasan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 2017 ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

Khusus bagi kes yang melibatkan skim kewangan haram, siasatan penguatkuasaan bersama telah dijalankan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan di bawah Jawatankuasa Kecil Kesalahan berkaitan dengan Penipuan Kewangan (Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud and Scams, SCOFFS)

yang ditubuhkan oleh NCC. Pada tahun 2017, SCOFFS membuat enam serbuan secara bersama terhadap syarikat yang disyaki menjalankan perniagaan skim kewangan haram yang mengakibatkan aset bernilai lebih RM400 juta disita untuk membantu siasatan. Syarikat-syarikat ini sedang disiasat atas pelbagai kesalahan di bawah AMLA, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Kanun Keseksaan, Akta Syarikat 2016 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Di samping itu, Bank telah mengarahkan institusi kewangan dan penyedia perniagaan perkhidmatan wang untuk lebih berwaspada apabila mengesan akaun yang digunakan oleh pelaku penipuan kewangan. Ini termasuk menambah baik proses CDD untuk mengelakkan institusi kewangan daripada menjadi saluran untuk skim haram. Sehingga bulan Disember 2017, institusi kewangan telah menutup 884 akaun entiti perniagaan dan benefisiari mereka yang berkaitan dengan skim kewangan haram.

Berkuat kuasa mulai bulan Januari 2018, Bank juga menyiarkan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap institusi kewangan dan pengantara kewangan kerana melanggar undang-undang dan peraturan. Ini bertujuan meningkatkan lagi kesan tindakan penguatkuasaan sebagai langkah pencegahan yang berkesan.

Jadual 5.1

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2017

Bidang	Tindakan Penguatkuasaan
Pengambilan deposit secara haram	<ul style="list-style-type: none"> Satu entiti disabitkan kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.
Penyediaan perkhidmatan wang yang tidak sah	<ul style="list-style-type: none"> Enam entiti disabitkan bagi kesalahan penyediaan perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah di bawah seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.
Ketidakpatuhan pada keperluan pengawalseliaan	<ul style="list-style-type: none"> Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM400,000 dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan mematuhi syarat-syarat kelulusan di bawah seksyen 291(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Kompaun sebanyak RM1.8 juta telah dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan mematuhi keperluan Syariah di bawah seksyen 29(3) IFSA.
Ketidakpatuhan pada keperluan pentadbiran pertukaran asing	<ul style="list-style-type: none"> Kompaun berjumlah RM3.7 juta dikenakan terhadap dua bank dan sebuah entiti bukan bank atas kegagalan mematuhi keperluan pentadbiran pertukaran asing di bawah seksyen 214(2) dan seksyen 214(6)(f) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
Ketidakpatuhan pada keperluan AML/CFT	<ul style="list-style-type: none"> Kompaun berjumlah RM1.4 juta dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan mematuhi obligasi pelaporan dan keperluan CDD di bawah seksyen 14 dan 16 AMLA. Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM7.9 juta dikenakan terhadap sebuah bank atas kegagalan mematuhi obligasi pelaporan dan keperluan CDD di bawah seksyen 14 dan 16 AMLA. Tiga entiti disabitkan kesalahan di bawah seksyen 4(1) AMLA atas kesalahan berkaitan dengan pengubahan wang haram.

Sumber: Bank Negara Malaysia

RANGKA KERJA KEHEMATAN

Mengukuhkan tingkah laku, budaya dan pengurusan risiko dalam industri kewangan

Dua kertas utama mengenai saringan pekerja dan pemetaan tanggungjawab (responsibility mapping) telah diterbitkan untuk memperkukuh piawaian etika dan integriti industri kewangan. Bidang kerja ini memperluaskan kehendak pengawalseliaan tadbir urus dan tingkah laku sedia ada dengan meningkatkan tumpuan pada unsur-unsur tingkah laku dan budaya. Huraian pendekatan Bank untuk mempengaruhi tingkah laku dalam sektor kewangan diterangkan dalam rencana 'Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan'.

(i) Saringan Pekerja

Bank telah mengeluarkan piawaian akhir Saringan Pekerja pada bulan Mac 2018 berikutan rundingan selama sebulan pada bulan Oktober 2017. Dasar ini bertujuan menggalakkan tenaga kerja yang beretika dalam sektor kewangan melalui pengukuhan amalan penyaringan dalam pengambilan pekerja oleh institusi kewangan. Berpandukan rekod lampau tingkah laku yang lebih telus bagi pekerja baharu, institusi kewangan dijangka dapat membuat keputusan pengambilan pekerja yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi. Walaupun institusi kewangan akan terus mempunyai kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan pengambilan pekerja, sebarang isu tingkah laku yang dikenal pasti semasa proses penyaringan menjadi isyarat kepada keperluan penelitian yang lebih rapi apabila menilai peribadi pekerja baharu.

Keperluan utama piawaian ini adalah seperti yang berikut:

- Institusi kewangan perlu menjalankan semakan rujukan pekerjaan bagi calon pekerja baharu dengan merujuk majikan calon yang dahulu dan sekarang;
- Institusi kewangan yang menerima permintaan semakan rujukan pekerja perlu menyediakan maklumat yang berkaitan, termasuk memberi maklumat mengenai prosiding tatatertib yang pernah dikenakan ke atas individu berkenaan pada masa lalu, tidak kira sama ada prosiding tatatertib tersebut telah selesai atau tidak; dan

- Calon pekerja perlu mengemukakan akuan berkanun mengenai sabitan jenayahnya pada masa lalu, termasuk siasatan jenayah yang belum selesai.

Institusi kewangan diberikan tempoh sehingga 30 Jun 2018 untuk membuat persediaan bagi melaksanakan keperluan baharu ini.

(ii) Pemetaan Tanggungjawab

Bank juga mengeluarkan kertas perbincangan mengenai Pemetaan Tanggungjawab pada bulan Februari 2018, yang memperincikan rangka kerja konsep untuk memperkukuh akauntabiliti pengurusan kanan institusi kewangan. Konsep-konsep yang sedang dipertimbangkan ialah penetapan tanggungjawab yang formal untuk peranan pengurusan kanan yang penting, disertai liabiliti undang-undang sekiranya berlaku pelanggaran tanggungjawab berkenaan.

Pemetaan Tanggungjawab bertujuan mengukuhkan kepimpinan pihak atasan dalam membentuk budaya dan amalan organisasi, dan dalam mengawal tingkah laku dalam institusi kewangan secara berterusan. Kertas perbincangan ini menangani keperluan untuk memberi lebih tumpuan pada akauntabiliti individu bagi melengkap dan menguatkuasakan pengaturan pengawasan sedia ada yang menggalakkan tingkah laku yang berhemat dan beretika. Bank menjangkakan untuk mengadakan perbincangan dan interaksi seterusnya dengan pihak industri berhubung cadangan lebih terperinci, bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2018.

(iii) Penyumberan Luar (Outsourcing)

Pada bulan September 2017, Bank mengeluarkan draf dedahan bagi semakan piawaian penyumberan luar untuk perundingan awam. Keperluan ini bertujuan memastikan amalan pengurusan risiko institusi kewangan yang berkaitan dengan pengaturan penyumberan luar terus teguh dan sepadan dengan sifat dan tahap risiko pengaturan tersebut. Hal ini amat penting memandangkan penyumberan luar yang lebih meluas oleh institusi kewangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini untuk meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti operasi dalam menguruskan perubahan perniagaan. Keperluan yang lebih ketat dalam usaha wajar terhadap penyedia perkhidmatan dan perlindungan kerahsiaan data bertujuan mengurangkan potensi risiko yang berpunca daripada penyumberan luar. Ini termasuk risiko perundangan yang semakin

meningkat sekiranya terdapat pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran. Di samping itu, keperluan yang telah disemak akan memastikan Bank terus berupaya untuk mengawasi institusi kewangan dengan berkesan berhubung aktiviti penyumberan luar, terutamanya sekiranya pengaturannya tersebut boleh menimbulkan ancaman kepada keupayaan institusi kewangan untuk mengekalkan fungsi kritikalnya semasa tempoh tekanan dan penyelesaian.

Penambahbaikan utama terhadap piawaian penyumberan luar termasuk:

- Keperluan tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih teguh oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan berhubung dengan risiko penyumberan luar;
- Proses usaha wajar yang lebih teliti terhadap penyedia perkhidmatan;
- Keperluan perlindungan data yang lebih kukuh untuk maklumat pelanggan dan juga maklumat empunya institusi kewangan, termasuk semasa penamatan atau pemberhentian pengaturannya penyumberan luar; dan
- Kehendak yang lebih tinggi untuk mengekalkan kesinambungan perniagaan dan keupayaan melaksanakan rancangan pemulihan dan penyelesaian secara berkesan.

Gambar Rajah 5.2

RANGKA KERJA PERLINDUNGAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

Perlindungan dan pemerksaan pengguna perkhidmatan kewangan kekal menjadi keutamaan Bank, dengan tumpuan diberikan pada tiga bidang utama, seperti ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.2.

Mengukuhkan perlindungan peminjam runcit

Pada tahun 2017, penggubalan undang-undang kredit pengguna, iaitu usaha sama antara Bank, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan maju setapak lagi. Undang-undang baharu ini bertujuan untuk menetapkan piawaian yang lebih konsisten dari segi tahap perlindungan yang diberikan kepada peminjam runcit dan menyokong pengurusan risiko yang cekap dalam pasaran kredit pengguna. Draf Rang undang-undang ini dijangka diterbitkan oleh KPDNKK untuk mendapatkan maklum balas orang ramai pada tahun 2018. Elemen utama Rang Undang-undang Kredit Pengguna diringkaskan dalam Jadual 5.2.

Bidang Tumpuan Utama bagi Perlindungan dan Pemerksaan Pengguna pada 2017



Mengalakkan Amalan Bertanggungjawab terhadap Pengguna Kewangan

- Menggubal Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA)
- Menerbitkan dokumen dasar mengenai Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Penzahiran yang Dibenarkan
- Merangka draf dedahan untuk memastikan layanan yang saksama terhadap pengguna perkhidmatan kewangan
- Menambah baik Piagam Perkhidmatan Pelanggan industri
- Kaji selidik berhubung dengan Indeks Kepuasan Pelanggan



Memperkuh Mekanisme Bantuan Penyelesaian

- Melaksanakan Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK)
- Memperkenalkan Rangka Kerja Profil Bantuan Penyelesaian Aduan Pengguna







Meluaskan Jangkauan kepada Pengguna

- Mengajukan Karnival Kewangan di bandar utama di seluruh negara
- Meluaskan program *Train-the-Trainers*
- Jangkauan untuk meningkatkan kesedaran mengenai skim kewangan haram

Sumber: Bank Negara Malaysia

Elemen Utama Rang Undang-Undang Kredit Pengguna

 <p>Skop pengawalseliaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melindungi peminjam runcit yang diberikan kredit, sepenuhnya atau sebahagian besarnya untuk tujuan peribadi, domestik atau isi rumah dan meliputi aktiviti kredit konvensional dan berasaskan Syariah.
 <p>Tadbir urus dan pengawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Majlis Pengguna Kredit Malaysia sebagai platform penyelarasan antara agensi untuk melaksanakan CCA. • KPDNKK sebagai pentadbir utama CCA. • Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia terus mengawal selia entiti di bawah bidang kuasa masing-masing.
 <p>Kelulusan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyedia kredit yang memberikan kredit kepada peminjam runcit perlu mendapatkan kelulusan daripada pengawal selia masing-masing dan tertakluk pada keperluan kemasukan (gatekeeping) seperti keperluan modal minimum dan kriteria layak dan sesuai terhadap pengarah dan pegawai kanan.
 <p>Keperluan utama bagi perlindungan pengguna</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyedia kredit perlu mematuhi keperluan minimum berkaitan dengan pengiklanan, kegiatan rayuan, persetujuan kredit, caj pembiayaan, penilaian kredit, amalan kutipan hutang, bantuan hutang, pengendalian aduan dan penyelesaian pertikaian. • Memperkasakan pengawal selia dengan memberikan fleksibiliti untuk menguatkuasakan keperluan amalan yang lebih ketat terhadap penyedia kredit di bawah bidang kuasa pengawal selia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengukuhan keperluan berkaitan pengurusan maklumat pelanggan dan layanan saksama pengguna

Dengan meningkatnya jumlah data dan maklumat yang boleh diakses oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK), perlindungan maklumat pengguna daripada kecurian dan penyalahgunaan adalah penting untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Pada bulan Oktober 2017, Bank menerbitkan piawaian Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Penzahiran yang Dibenarkan. Piawaian ini menghendaki PPK menetapkan dasar dan prosedur yang ketat untuk melindungi keselamatan dan kerahsiaan maklumat pelanggan sepanjang kitaran hayat maklumat, daripada peringkat kutipan sehingga penghapusan. Langkah ini termasuk melindungi maklumat daripada ditembusi, diubah atau didedahkan tanpa kebenaran, serta memastikan kakitangan PPK mendapat latihan secukupnya untuk melaksanakan kawalan dengan cekap. Selain itu, dasar ini menetapkan jangkaan terhadap, dan tanggungjawab PPK untuk memastikan maklumat pelanggan diurus dengan betul oleh wakil yang dilantik, ejen dan penyedia perkhidmatan penyumberan luar.

Bank sedang dalam peringkat akhir penyediaan saranan khusus untuk menggalakkan layanan saksama kepada pengguna perkhidmatan kewangan. Saranan ini

menumpukan pada piawaian urus niaga saksama dan amalan yang bertanggungjawab terhadap pengguna kewangan. Bank dijangka mengeluarkan draf pendedahan saranan tersebut pada separuh pertama tahun 2018 untuk mendapatkan maklum balas awam. Keperluan ini akan menyokong harapan Bank supaya lembaga pengarah dan pengurusan kanan menegakkan budaya layanan saksama pengguna dalam urusan perniagaan mereka. Selain itu, penekanan yang lebih tinggi diberikan kepada pentingnya menyediakan maklumat yang jelas dan ringkas mengenai produk supaya pengguna boleh membuat pilihan yang bijak berasaskan maklumat yang mencukupi, serta menawarkan produk yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan kewangan mereka. Piawaian ini bertujuan melengkapi dasar lain yang dikeluarkan oleh Bank sebelum ini, dengan menggalakkan PPK menjuruskan amalan yang lebih baik daripada sekadar kepatuhan dan menjadikan layanan saksama pengguna kewangan sebagai elemen penting dalam budaya perniagaan semua PPK.

Meningkatkan kualiti perkhidmatan sektor perbankan, insurans dan takaful

Pada tahun 2017, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak industri untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan seluruh perkhidmatan untuk pelanggan. Ini dilakukan dengan mengkaji semula Piagam Perkhidmatan Pelanggan (Piagam) industri yang diperkenalkan buat kali pertamanya pada tahun 2011.

Piagam asal telah ditambah baik dengan ketara untuk meliputi piawaian perkhidmatan minimum yang mencerminkan garis panduan perkhidmatan pelanggan yang baik. Garis panduan ini adalah berdasarkan kefahaman tentang keperluan pelanggan; memberikan perkhidmatan yang pantas, telus, baik dan cekap; memudahkan akses kepada produk kewangan; dan menyediakan proses penyelesaian tuntutan yang adil, tepat pada masanya dan telus bagi sektor insurans dan takaful. Piagam yang dikaji semula ini dilaksanakan oleh institusi perbankan mulai bulan September 2017, dan dijangka diterapkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful pada suku pertama 2018. Sebagai kaedah pengukuran prestasi PPK berdasarkan Piagam tersebut, hasil kaji selidik bebas Indeks Kepuasan Pelanggan (Customer Service Index, CSI) yang julung kali dijalankan bagi sektor perbankan serta sektor insurans dan takaful masing-masing dijangka diterbitkan pada akhir suku pertama dan suku ketiga 2018. Pada masa hadapan, kaji selidik CSI akan terus dijalankan setiap dua tahun sekali. Ini bertujuan menilai tahap kepuasan pelanggan dalam sektor kewangan secara berterusan.

Mengukuhkan saluran penyelesaian pertikaian buat pengguna

Antara elemen penting dalam memastikan layanan saksama kepada pengguna ialah tersedianya saluran penyelesaian pertikaian. Dalam hal ini, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK), yang dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB), menjadi saluran alternatif utama di Malaysia bagi penyelesaian pertikaian yang berkaitan dengan perkhidmatan dan produk kewangan. Sejak mula beroperasi pada bulan Oktober 2016, OPK telah menyelesaikan 1,274 kes yang diterima sepanjang 15 bulan pertama operasinya (Rajah 5.6). Hampir tiga perempat kes telah diselesaikan oleh pihak pengadu dan PPK, dengan persetujuan dicapai secara baik pada peringkat pengantaraan, berbanding sebanyak 43% di bawah FMB. Peningkatan ini mencerminkan penambahbaikan dalam pengaturan penyelesaian pertikaian di bawah OPK. Sebanyak 77% kes baharu diselesaikan dalam tempoh enam bulan, manakala kes selebihnya mengambil masa lebih panjang, disebabkan terutamanya oleh penyediaan dokumen sokongan yang tidak lengkap. Pengenaan bayaran kes ke atas PPK sejak tahun 2017 juga telah menggalakkan pengurusan

aduan secara lebih proaktif oleh PPK. Hasilnya, aduan yang dirujuk kepada OPK menurun sebanyak 17% pada tahun 2017.


Bagi memperkukuh pengurusan bantuan penyelesaian untuk pengguna kewangan, Bank merumuskan Rangka Kerja Profil Bantuan Penyelesaian Aduan Pengguna (Consumer Complaints Redress Profiling Framework), iaitu alat pengawasan untuk menilai cara pengurusan aduan pengguna dan amalan bantuan penyelesaian oleh PPK. Kualiti pengurusan aduan oleh PPK dinilai berdasarkan lima teras utama pengendalian aduan secara saksama, iaitu keberkesanan pengurusan kanan, pematuhan dan dasar, jaminan kualiti, kecekapan warga kerja dan amalan penzahiran. Berdasarkan penilaian profil yang dijalankan pada tahun 2017, kebanyakan PPK didapati telah menambah baik keperluan amalan aduan dan pematuhan mereka. Secara khusus, beberapa buah institusi kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk memperkukuh fungsi pengawasan pihak pengurusan kanan menerusi maklumat pengurusan yang lebih baik yang menitikberatkan keberkesanan PPK menyelesaikan aduan pada peringkat awal pengurusan aduan. Bagi mencerminkan tumpuan tersebut, kebanyakan PPK telah menyelaraskan proses pengurusan aduan untuk mengurangkan tempoh masa tindak balas dan rantaian maklum balas bagi memperbaiki penawaran produk dan perkhidmatan.

Meningkatkan kesedaran orang ramai serta usaha pemerksaan pengguna


Usaha jangkauan Bank kepada orang ramai meningkat dengan ketara pada tahun 2017, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.3.

Pada tahun 2017, Bank menganjurkan acara Karnival Kewangan, iaitu inisiatif utama yang baharu di seluruh negara. Karnival tersebut memanfaatkan rangkaian perkhidmatan dan aktiviti pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai perkhidmatan kewangan, termasuk hak mereka sebagai pengguna. Karnival ini disokong oleh penyertaan PPK tempatan dan agensi kerajaan. Karnival Kewangan yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur, diikuti di Kota Kinabalu dan Kuching. Secara keseluruhan, ketiga-tiga karnival tersebut telah menarik lebih 75,000 orang pengunjung. Susulan pengalaman dan momentum kempen ini, satu siri Karnival Kewangan Mini pada peringkat yang lebih kecil telah dianjurkan di 70 buah mukim di seluruh negara.

Penambahbaikan terhadap proses penyelesaian pertikaian di bawah OPK mendorong kepada penyelesaian yang lebih cekap dan secara damai




Penambahan anggota di bawah struktur OPK baharu didorong oleh penyertaan broker insurans dan takaful, pengeluar instrumen pembayaran dan penasihat kewangan




Jumlah kes diterima berkurang sebanyak 17% kepada 1,709 kes. Ini menunjukkan pengurusan aduan yang lebih proaktif oleh PPK

Pecahan Kes Diselesaikan dan Ditutup



Daripada kes yang diselesaikan dan ditutup, 74% diselesaikan melalui pengantaraan, iaitu pengadu dan PPK bersetuju untuk membuat penyelesaian secara damai

Masa Diambil untuk Menyelesaikan Pertikaian



Sebanyak 77% kes diselesaikan dalam tempoh enam bulan, dengan 37% daripadanya diselesaikan dalam tempoh tiga bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Laporan Statistik OPK


Lebih 75,000 orang mengunjungi tiga acara Karnival Kewangan yang memanfaatkan rangkaian perkhidmatan dan aktiviti pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai perkhidmatan dan pengurusan kewangan serta hak sebagai pelanggan.

Sebagai melengkapi inisiatif pendidikan yang dianjurkan untuk orang ramai menerusi Agensi

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank juga berbincang dan berinteraksi dengan penjawat awam sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang berhemat dan skim kewangan haram. Bagi mewujudkan impak pengganda dalam pendidikan kewangan, Bank memulakan program *Train-the-Trainers* dengan kerjasama kaunselor daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan dan Pejabat Ketua Menteri Sarawak. Hasilnya, 181 program sendiri telah dijalankan oleh kaunselor terlatih dengan 9,224 peserta.

Gambar Rajah 5.3

Jangkauan kepada Pengguna Malaysia pada 2017: Statistik Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Modus operandi lazim penipuan menerusi telefon dan skim taruhan wang

Pada tahun 2017, penipuan melalui telefon dan skim taruhan wang merupakan antara kes penipuan tertinggi yang melibatkan jumlah kerugian yang dilaporkan sebanyak RM22.3 juta. Penipuan melalui telefon lazimnya melibatkan orang yang menyamar sebagai pegawai Bank atau PDRM, yang meminta mangsa memindahkan wang atau berdepan risiko disenaraikan jika tidak berbuat seperti yang disuruh. Mangsa dihubungi pada hari tidak bekerja agar panggilan tidak boleh disahkan, dan diperdaya untuk membuka akaun perbankan Internet menggunakan maklumat akaun tertentu bagi memindahkan dana ke dalam akaun penipu tersebut. Dalam kes skim taruhan wang pula, penipu selalunya menyamar sebagai syarikat perdagangan mata wang yang menawarkan pulangan bulanan setinggi 20%. Pakej pelaburan dengan harga serendah USD50 ditawarkan untuk menggalakkan pelabur daripada pelbagai kumpulan pendapatan untuk menyertai skim itu. Lazimnya, pelabur akan menerima pulangan untuk beberapa bulan sebelum mereka diberitahu bahawa laman sesawang pengendali skim itu telah digodam dan semua wang pelaburan telah lesap.

Mempertingkatkan kesedaran mengenai jenayah kewangan

Memandangkan terdapat perkembangan pesat modus operandi pelbagai penipuan dan jenayah kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kesedaran orang ramai mengenai langkah-langkah perlindungan yang boleh diambil sebagai pengguna terus menjadi perkara keutamaan Bank. Menerusi pelbagai inisiatif yang disasarkan untuk memperkasakan pengguna kewangan, yang melibatkan saluran media sosial, televisyen dan radio, Bank berjaya menjangkau kira-kira dua juta individu untuk memberikan nasihat dan panduan tentang cara untuk mengenal pasti penipuan kewangan dan mengelak daripada menjadi mangsa penipuan.

Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alert, FCA) yang diwujudkan oleh Bank pada tahun 2012 bertujuan untuk memberi


peringatan kepada orang ramai tentang syarikat dan laman sesawang yang tidak dibenarkan atau tidak diluluskan untuk menjalankan aktiviti kewangan yang dikawal selia di bawah undang-undang dan peraturan yang ditadbir oleh Bank. Pada tahun 2017, senarai FCA menerima lebih 250,000 kunjungan laman sesawang, iaitu peningkatan empat kali berbanding tahun pertama penerbitannya di laman sesawang Bank. Kesedaran orang ramai yang lebih tinggi ini merupakan satu perkembangan yang amat dikehendaki dan juga penting sementelahan bilangan entiti yang disenaraikan dalam FCA tersebut semakin bertambah (2017: 409 entiti; 2016: 277 entiti).

Pengguna kewangan juga semakin proaktif. Ini dicerminkan oleh bertambahnya jumlah pertanyaan yang diterima oleh BNMLINK dan TELELINK, iaitu pusat hubungan utama Bank untuk pertanyaan dan bantuan penyelesaian perkhidmatan kewangan untuk

orang ramai (Rajah 5.7). Sebaliknya, aduan terhadap PPK yang diterima oleh Bank berkurang pada tahun 2017 (Rajah 5.8).

Rajah 5.7: Pertanyaan yang Dikendalikan oleh Bank


Peningkatan jumlah pertanyaan mengenai hal-hal kewangan mencerminkan pengguna kewangan yang kini lebih proaktif



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.8: Aduan yang Diterima oleh Bank

Jumlah aduan yang diterima oleh bank terhadap PPK semakin berkurang



Sumber: Bank Negara Malaysia

PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (MSB)

Perpindahan yang lebih giat kepada saluran rasmi MSB menerusi pendigitalan

Peningkatan penggunaan perkhidmatan pengiraman wang secara elektronik terus menjadi penggerak utama dalam perpindahan pengiraman wang daripada saluran tidak rasmi kepada saluran rasmi, iaitu melalui platform mudah alih dan secara dalam talian yang meningkat (e-kiraman wang). Jumlah pengiraman wang keluar oleh industri MSB pada tahun 2017 adalah sebanyak RM33 bilion, dengan kira-kira 2% daripadanya merupakan urus niaga menerusi saluran tidak rasmi sebelum ini (2016: 9%). Dalam nilai sebenar, anggaran pengiraman wang menerusi saluran tidak rasmi adalah lebih rendah berbanding tahun

2016, iaitu kira-kira 8%. Kemudahan dan akses yang lebih besar yang disediakan oleh platform e-kiraman wang telah menarik lebih ramai pengguna runcit dan meningkatkan bahagian e-kiraman wang kepada 12.3% pada tahun 2017 (2016: 7.8%). Statistik utama industri pengiraman wang adalah seperti yang diringkaskan dalam Gambar Rajah 5.4 berikut.

Pada tahun 2017, Bank menerbitkan dokumen dasar sampingan bagi melengkapi AML/CFT bagi Perniagaan Perkhidmatan Wang, yang membenarkan penyedia perkhidmatan e-kiraman wang yang dibenarkan untuk menjalankan proses Kenali Pelanggan Anda menerusi platform digital (electronic Know-Your-Customer, eKYC) apabila mendaftar pelanggan baharu. Proses ini menggantikan keperluan bagi pelanggan untuk hadir sendiri ke premis pengendali dan telah memudahkan urus niaga dari segi kos dan masa. Semua pelanggan individu yang mempunyai akaun perbankan boleh menggunakan kemudahan eKYC. Langkah Kerajaan yang menghendaki gaji pekerja asing dibayar terus oleh majikan ke dalam akaun perbankan, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2018, juga akan memudahkan pengendalian eKYC bagi pekerja asing. Secara keseluruhan, langkah-langkah ini dijangka mencetus peningkatan penggunaan saluran pengiraman wang rasmi.

Bank menerbitkan dokumen dasar untuk membolehkan penyedia perkhidmatan e-kiraman wang menjalankan proses KYC menerusi platform digital semasa mendaftar pelanggan baharu

Gambar Rajah 5.4

Statistik Utama Perkhidmatan Kiraman Wang pada tahun 2017

Kiraman wang keluar	RM33 bilion
Jumlah penyedia perkhidmatan e-kiraman wang	17 Meningkatkan 10 dari tahun 2016
Kos transaksi kiraman wang	2.96% berbanding 5% tanda aras ditetapkan oleh Bank Dunia

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam segmen pertukaran mata wang pukat dan runcit, pertambahan permintaan runcit, disokong oleh jangkauan cawangan dan ejen yang meluas telah menyebabkan urus niaga pertukaran mata wang terus meningkat, daripada RM84 bilion kepada RM97 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang berterusan untuk mata wang lazim, termasuk dolar Singapura, dolar AS dan baht Thailand.

Pendidikan dan kesedaran sebagai asas untuk memacu perpindahan kepada saluran rasmi MSB

Sepanjang tahun 2017, Bank menjalankan pelbagai kempen kesedaran di seluruh negara, termasuk menerusi saluran media sosial, untuk mendidik pengguna tentang manfaat berurusan dengan

penyedia yang dibenarkan. Keterangan mengenai risiko penggunaan saluran yang tidak rasmi juga diberikan.

Susulan kejayaan Projek Greenback 2.0 di Johor Bahru yang berakhir pada bulan Disember 2017 dan telah memberikan impak yang baik selepas dua tahun dijalankan (Gambar Rajah 5.5), Bank akan menjalankan Projek Greenback di bandar pengiraman wang kedua terbesar di Malaysia – Kota Kinabalu. Projek ini dilancarkan pada bulan Mac 2018 dan dijangka memberi manfaat kepada lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pekerja asing menerusi pendekatan inovatif yang dibangunkan di bawah projek pertama dan galakan penggunaan e-kiriman wang secara lebih luas.

Sebagai inisiatif untuk terus menggalakkan penggunaan saluran rasmi MSB, satu aplikasi

Gambar Rajah 5.5

Ringkasan Projek Greenback 2.0



Sumber: Bank Negara Malaysia

mudah alih baharu diperkenalkan oleh Persatuan MSB Malaysia (Malaysian Association of MSB, MAMSB) untuk membolehkan pelanggan mendapatkan akses untuk membuat perbandingan harga, mengetahui lokasi syarikat MSB, mendapatkan ulasan pelanggan dan menyuarakan aduan serta melaporkan aktiviti MSB haram. Perkembangan yang disokong oleh Bank ini terbukti berjaya meningkatkan tahap ketelusan dan persaingan dalam sektor MSB dan seterusnya memberikan manfaat kepada pengguna menerusi tahap kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik.

Meningkatkan profesionalisme industri MSB

Bank terus mengutamakan peningkatan piawaian etika dan profesionalisme industri MSB. Pada tahun 2017, Bank mewajibkan semua pegawai pematuhan MSB untuk mendapatkan pensijilan atau akreditasi daripada badan akreditasi yang diiktiraf. Keperluan ini adalah untuk memastikan semua pegawai yang berkenaan adalah cekap dan mempunyai kemahiran teknikal yang secukupnya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam bidang pengawalseliaan, terutamanya pematuhan terhadap AML/CFT. Industri MSB menjangkakan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada semua pegawai pematuhan MSB akan memperoleh akreditasi mereka pada akhir tahun 2018. Selain itu, pemegang utama lesen MSB dikehendaki supaya memastikan semua ejen mereka berdaftar sebagai ahli MAMSB. Pendaftaran ini bertujuan memastikan piawaian pematuhan dan profesionalisme adalah konsisten, sejajar dengan pertambahan bilangan ejen MSB yang dilantik dalam industri.

Pada masa hadapan, Bank menjangkakan penggabungan industri selanjutnya akan menyumbang kepada pewujudan peserta industri yang lebih profesional dan teguh dengan keupayaan yang lebih besar untuk bersaing dengan cekap dan memenuhi piawaian pematuhan yang lebih tinggi.

Mempertingkat keupayaan penyeliaan dan pengawalseliaan Bank

Bank juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan pengawalseliaan dan pengawasan terhadap industri MSB dengan memanfaatkan analisis data dan instrumen model untuk mengesan

urus niaga yang mencurigakan, menyelia peserta industri dan menjalankan pengawasan terhadap aktiviti haram MSB. Kemajuan teknologi juga dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan pengawalseliaan. Antaranya, pewujudan platform dalam talian untuk menghantar permohonan pengawalseliaan oleh pemegang lesen MSB, yang dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun 2018. Cadangan untuk menambah baik Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 bagi menyokong tindakan penguatkuasaan yang lebih pantas dan cekap terhadap pengendali MSB haram juga sedang dipertimbangkan.

INOVASI FINTECH

Memupuk inovasi menerusi *Sandbox* Pengawalseliaan

Bank terus komited untuk memajukan inovasi teknologi dalam bidang yang akan meningkatkan kecekapan dan akses kepada perkhidmatan kewangan. Sejak pelaksanaan *Sandbox* Pengawalseliaan teknologi kewangan (*fintech*) pada bulan Oktober 2016, sebanyak 53 permohonan diterima. Daripada jumlah ini, tujuh penyelesaian *fintech* diluluskan untuk diuji di bawah *Sandbox*, manakala kebanyakan daripada permohonan yang diterima telah dibimbing untuk melaksanakan penyelesaian mereka berdasarkan rangka kerja sedia ada yang boleh menyokong penyelesaian itu. Penyelesaian yang diluluskan di bawah *Sandbox* termasuklah perniagaan perkhidmatan wang digital, platform agregator insurans, pengesahan biometrik dan platform *chat* yang selamat untuk urus niaga perbankan.

Tujuh penyelesaian diluluskan untuk diuji di bawah *Sandbox*, yang meliputi perniagaan perkhidmatan wang digital, platform agregator insurans, pengesahan biometrik dan platform *chat* yang selamat untuk urus niaga perbankan

Sandbox membolehkan syarikat *fintech* dan institusi kewangan menguji produk, perkhidmatan dan model perniagaan mereka yang inovatif dalam persekitaran pasaran sebenar berdasarkan parameter ujian dan perlindungan yang ditetapkan. Ujian sebenar perniagaan perkhidmatan wang digital yang dijalankan sejak bulan Jun 2017 telah membolehkan penggunaan eKYC untuk membantu lebih 2,000

Paparan Utama Rangka Kerja *Sandbox* Pengawalseliaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

pelanggan membuat pengiriman wang dalam talian sebanyak RM20.7 juta. Sementara itu, platform agregator insurans yang diuji dalam *Sandbox* menunjukkan lebih 17,000 orang pelanggan telah membeli insurans dan takaful menerusi platform ini.

Pembangunan dasar berasaskan bukti

Selain menguji daya maju komersial dan keupayaan skala penyelesaian *fintech* dalam persekitaran sebenar, *Sandbox* juga menyokong pendekatan berasaskan bukti untuk menetapkan pengawalseliaan yang sesuai untuk inovasi perkhidmatan kewangan. Sebagai contoh, kejayaan ujian dalam *Sandbox* bagi perniagaan perkhidmatan wang dalam talian memberikan input yang berguna dalam membentuk keperluan eKYC untuk penyedia perkhidmatan pengiriman wang berlesen, khususnya dalam menentukan langkah kawalan yang sesuai untuk digunakan. Bank juga sedang membangunkan

rangka kerja agregator produk dalam talian berdasarkan pengalaman tiga agregator yang menyertai *Sandbox*.

Kesedaran dan kerjasama yang lebih tinggi menerusi perbincangan dan interaksi strategik

Bagi meningkatkan minat orang ramai terhadap perkembangan *fintech*, Bank menganjurkan Kempen *Fintech Hacks* di seluruh negara. Sepanjang kempen ini, orang ramai boleh memberikan pandangan dan pendapat tentang bidang yang boleh ditambah baik dari segi penyampaian dan penggunaan perkhidmatan kewangan. Menerusi inisiatif ini, Bank juga telah mengunjungi 11 buah universiti di seluruh negara untuk berinteraksi dengan penuntut universiti sambil memupuk kesedaran dalam kalangan mereka. Secara keseluruhan, hampir 750

cadangan diterima daripada orang ramai. Bank juga menganjurkan empat program *Regulatory Bootcamp* setiap suku tahunan dengan tujuan untuk mendidik serta berbincang dengan lebih 500 syarikat *fintech* dan individu tentang undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasa Bank. Menerusi Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group, FTEG), Bank terus berbincang secara langsung dengan komuniti *fintech* tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman tentang landskap *fintech* serta mencari peluang meningkatkan kerjasama strategik. Sesi perbincangan dan interaksi pada tahun 2017 termasuklah seminar peringkat tinggi yang dianjurkan dengan kerjasama Kedutaan Sweden dan Business Sweden, dan bengkel membina keupayaan yang dianjurkan dengan beberapa pengawal selia ASEAN. Inisiatif ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam pembangunan dan pengendalian *Sandbox*. Visi masa hadapan Bank adalah untuk mewujudkan pasaran dan menjalin kerjasama strategik serantau yang lebih baik untuk memudahkan akses pasaran dan meningkatkan potensi perkongsian penyelesaian *fintech* di rantau ini.

Kerjasama industri adalah penting untuk menggalakkan penggunaan teknologi yang lebih pantas

Jawatankuasa Penasihat Teknologi Kewangan (Advisory Committee on Technology for Finance, ACT-Fin), sebuah kumpulan penasihat yang dianggotai pelbagai pihak berkepentingan, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2017 untuk memberikan pendapat kepada FTEG mengenai pembangunan inisiatif strategik dan mempercepat penggunaan teknologi dalam industri perkhidmatan kewangan. ACT-Fin terdiri daripada pemimpin berwawasan, yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang seperti perbankan, pembayaran, khidmat nasihat, dan IT dan telekomunikasi. ACT-Fin juga terdiri daripada pemimpin agensi-agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan *fintech*. Jawatankuasa ini akan memberikan tumpuan pada perspektif teknikal yang melibatkan teknologi baharu dalam sektor kewangan.

Sepanjang tahun 2017, Bank bekerjasama dengan pihak industri untuk melaksanakan inisiatif berimpak tinggi yang telah dikenal pasti. Antaranya, penggunaan *Application Programming Interface* (API) terbuka, utiliti KYC bersama dan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology, DLT). Kerjasama ini telah mengenal pasti beberapa perkara keutamaan bagi kes penggunaan yang disokong oleh teknologi

tersebut. Ini termasuk perkongsian data yang selamat, peningkatan usaha wajar pelanggan dan penambahan kecekapan pembiayaan perdagangan. Dasar dan hala tuju selanjutnya dalam bidang-bidang tersebut akan diterbitkan secara berperingkat pada tahun 2018.

Keupayaan mengurus risiko siber yang teguh

Penggunaan teknologi yang semakin meningkat, yang sungguhpun memberikan manfaat yang besar dari segi kecekapan dan keberkesanan, turut mendedahkan institusi kewangan kepada ancaman siber. Salah satu langkah pengurangan risiko utama untuk mengurus risiko siber adalah dengan menjalankan ujian penembusan sistem IT secara berkala. Dalam usaha meningkatkan piawaian dan ketegasan ujian penembusan, Bank telah menubuhkan kumpulan kerja industri (Persatuan Penguji Keselamatan Siber Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, PPKS) untuk membentuk piawaian ujian penembusan bagi industri keselamatan siber dalam negeri. Piawaian ini akan berdasarkan rangka kerja pensijilan dan akreditasi antarabangsa dan dibangunkan oleh Council of Registered Security Testers (CREST).

Bagi memperkukuh keupayaan penyeliaan dan tindak balas Bank terhadap risiko siber, Bank memperluas unit penyeliaan IT pada tahun 2017. Berdasarkan penilaian unit penyeliaan Bank di premis institusi kewangan terpilih, didapati bahawa kawalan risiko pada amnya mencukupi. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam mekanisme pertahanan keselamatan siber beberapa buah institusi kewangan. Ini termasuk kelemahan dalam proses untuk mengesan aktiviti IT yang mencurigakan dan juga kelewatan dalam pelaksanaan tindakan keselamatan IT. Institusi kewangan yang terlibat diarahkan supaya meningkatkan tahap ketersediaan siber mereka dan melaksanakan mekanisme pertahanan yang lebih berkesan.

Bank meneruskan kerjasama dengan pelbagai rakan sejawat untuk menjalankan aktiviti pengawasan dan perisikan, termasuk dengan institusi kewangan, agensi kerajaan (seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Keselamatan Siber Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara) serta pengamal keselamatan. Apabila potensi ancaman siber dapat dikesan atau kejadian melibatkan keselamatan siber berlaku, Bank mengeluarkan notis makluman amaran secara serta-merta kepada institusi kewangan untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil segera. Oleh itu, sebanyak 15 notis makluman beramaran telah dikeluarkan pada tahun 2017.

Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan

Oleh Stephanie Tan Yen Li dan Katie Lee Sheah Tsan

Pengenalan

Tadbir urus korporat institusi kewangan yang berkesan amat penting untuk memperkukuh kepercayaan dan keyakinan awam terhadap sistem kewangan. Beberapa kejadian yang membabitkan amalan tidak beretika baru-baru ini telah menggugat kepercayaan orang ramai kerana ia dilihat sebagai kelemahan tadbir urus institusi kewangan. Menyedari bahawa usaha menangani salah laku memerlukan pelbagai pendekatan, sebilangan pengawal selia mula memberikan tumpuan pada usaha memperkukuh amalan beretika dan profesional dalam sektor kewangan. Rencana ini membentangkan kemajuan dalam pendekatan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia (Bank) untuk mempengaruhi amalan yang dikehendaki dalam industri kewangan domestik, dengan tumpuan pada faktor mengikut konteks dan faktor diri individu yang boleh mempengaruhi tingkah laku.

Evolusi Pembaharuan Kewangan

Pendekatan berkaitan dengan tadbir urus korporat sebelum ini tertumpu pada kekukuhan sistem dan proses dalam institusi kewangan. Keperluan berkaitan dengan komposisi lembaga pengarah, penzahiran dan fungsi kawalannya bertujuan memastikan struktur tadbir urus membentuk asas yang kukuh bagi pengurusan risiko organisasi yang berkesan. Walau bagaimanapun, krisis kewangan global jelas menunjukkan bahawa kegagalan sesebuah institusi turut didorong oleh kelemahan dalam aspek tingkah laku¹.

Iktibar daripada peristiwa tersebut telah mendorong beberapa siri pembaharuan tadbir urus korporat² yang menjadi sebahagian daripada agenda pembaharuan pengawalseliaan global. Selain meningkatkan standard pengatur tadbir urus korporat, pembaharuan ini turut menumpukan pada aspek amalan tadbir urus. Yang penting ialah usaha-usaha untuk menjajarkan sistem insentif dengan amalan pengambilan risiko yang berhemat dalam institusi kewangan. Meskipun usaha-usaha ini terus menampakkan hasilnya, kes-kes penipuan perbankan runcit dan manipulasi kadar penanda aras utama dalam sistem kewangan maju yang dilaporkan secara meluas menekankan perlunya langkah lebih khusus diambil untuk menangani risiko salah laku. Berikutan perkembangan tersebut, pihak berkuasa kini mengalih tumpuan pada pendekatan pengawalan dan penyeliaan yang disasarkan kepada akar umbi amalan yang tidak beretika. Sehingga kini, dua buah negara telah pun mempunyai rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih maju (Gambar Rajah 1). Pada peringkat global pula, usaha-usaha sedang diselaraskan oleh Financial Stability Board untuk merumus beberapa pendekatan bagi membantu penyelia dan institusi menangani kelemahan yang berpunca daripada salah laku.

Gambar Rajah 1

Langkah Utama untuk Menangani Risiko Salah Laku



Sumber: Bank of England dan Dutch National Bank

¹ The Financial Crisis Inquiry Report, Final Report of the National Commission on the Causes of the Financial and Economic Crisis in the United States, Januari 2011.

² Misalnya, Basel Committee on Banking Supervision: Principles for Enhancing Corporate Governance, Dodd Frank Wall Street Reform and Consumer Protection Act, dan G20/OECD Principles on Corporate Governance.

Pengalaman lalu menunjukkan bahawa risiko tingkah laku tidak beretika lazimnya akan meningkat apabila sistem kewangan semakin canggih. Oleh yang demikian, usaha menggalakkan tingkah laku dan budaya beretika dalam industri kewangan menjadi matlamat Bank seperti mana yang disasarkan oleh komuniti pengawalseliaan antarabangsa.

Pendekatan Bank dalam Mempengaruhi Amalan yang Dikehendaki

Bank menggunakan pendekatan serampang dua mata (Gambar Rajah 2) untuk mempengaruhi amalan individu dalam sektor kewangan-

- i. membentuk sistem yang menggalakkan dan memperkukuh norma-norma kejujuran dan integriti; dan
- ii. mewujudkan suasana kondusif untuk institusi kewangan membuat keputusan pengambilan kakitangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Ini termasuk menambah baik akses kepada maklumat yang berkaitan untuk menentukan sama ada seseorang individu itu memenuhi tahap kejujuran yang diinginkan dan seterusnya layak diambil bekerja dalam sektor kewangan.

Gambar Rajah 2

Pendekatan Serampang Dua Mata untuk Mempengaruhi Amalan yang Dikehendaki



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tumpuan terhadap sistem dan tahap kejujuran seseorang individu adalah berdasarkan pelbagai kajian dalam bidang psikologi. Kajian sedemikian menunjukkan bahawa faktor luaran seseorang individu (faktor mengikut konteks) mempunyai pengaruh yang besar dan penting terhadap tingkah laku. Secara khusus, sistem yang ada mewujudkan konteks amalan yang mempengaruhi tindakan individu dalam keadaan tertentu, yang lazimnya berbeza daripada nilai-nilai moral atau etika yang biasa diamalkannya³. Dalam hal ini, kelakuan tidak beretika bukan hanya berpunca daripada masalah *bad apples*, tetapi juga *bad barrels* dan *bad barrel-makers*. Penemuan yang sama juga dilihat dalam pelbagai eksperimen yang menunjukkan bahawa pengaruh keadaan sekeliling boleh melemahkan dengan ketara norma-norma kejujuran dan integriti seseorang individu⁴. Oleh itu, seluruh sistem tersebut perlu menggalakkan dan menyokong norma-norma tingkah laku yang dikehendaki dalam industri kewangan. Ini bertujuan melengkapkan fokus semasa dalam memastikan individu-individu utama terdiri daripada mereka yang layak dan sesuai.

Faktor Mengikut Konteks

Faktor mengikut konteks membentuk budaya seseorang individu itu berfungsi. Bank telah melaksanakan beberapa langkah yang seimbang untuk membentuk budaya pada peringkat sektor kewangan dan di dalam setiap institusi kewangan.

³ Zimbardo (2007).

⁴ Cohn et al (2014) dan Milgram (1963).




Pengawasan

Pengawasan yang diperkenal menggariskan secara rasmi amalan oleh industri yang memenuhi kehendak Bank. Piawaian Tadbir Urus Korporat yang dikemas kini dan diterbitkan oleh Bank pada tahun 2016 memberi lebih tumpuan pada aspek amalan tadbir urus menerusi keperluan tertentu bagi menerap budaya beretika dalam institusi kewangan. Salah satu penentu utama budaya korporat ialah nada yang ditetapkan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan menerusi keputusan, tindakan dan sikap mereka. Oleh itu, piawaian tersebut meletakkan tanggungjawab kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menggalakkan budaya korporat yang memperkukuh amalan yang beretika, berhemat dan profesional. Satu elemen penting berkaitan perkara ini ialah memastikan tindakan dan keputusan yang dibuat oleh pengurusan peringkat pertengahan mencerminkan nada tersebut. Ini kerana pengurusan pertengahan mempunyai hubungan dan interaksi yang lebih rapat dan kerap dengan kakitangan di pelbagai peringkat pekerjaan, rakan niaga dan pelanggan institusi kewangan. Piawaian Tadbir Urus Korporat juga mengkehendaki pelaksanaan dan penguatkuasaan tatakelakuan yang lebih baik, penjajaran dengan sistem ganjaran yang lebih utuh dan pelaksanaan mekanisme *whistleblowing* yang berkesan. Kesemua ini ditunjukkan dalam Gambar Rajah 3.

Gambar Rajah 3

Penambahbaikan Tadbir Urus Korporat untuk Memperkukuh Budaya Institusi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menyadari betapa pentingnya pengaruh lembaga pengarah dan pengurusan kanan terhadap budaya organisasi, Bank kini sedang mengkaji pembahagian akauntabiliti individu-individu yang berperanan penting. Ini supaya individu yang menerajui sesebuah institusi bertanggungjawab secara langsung dalam memupuk budaya organisasi yang kukuh serta menangani risiko salah laku. Kertas perbincangan mengenai Pemetaan Tanggungjawab yang diterbitkan pada bulan Februari 2018, menggariskan idea Bank yang memperjelas peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti setiap individu yang memegang peranan penting. Penjelasan terperinci mengenai apa yang dikehendaki daripada setiap peranan penting akan menggalakkan setiap pemegang jawatan ini untuk lebih bertanggungjawab dalam bidang kuasa mereka dan menentukan *nada dari atas* yang wajar. Bank berhasrat mendapatkan maklum balas daripada pihak industri mengenai cadangan dasarnya yang lebih terperinci pada separuh kedua tahun 2018.

Selain itu, Bank juga telah menerbitkan Tatakelakuan Pasaran Kewangan Borong Malaysia dan Prinsip Pasaran Kewangan yang Adil dan Berkesan bagi Pasaran Kewangan Malaysia, masing-masing pada bulan April dan Oktober 2017. Secara keseluruhan, dokumen-dokumen tersebut bertujuan memupuk kelakuan dan amalan yang dikehendaki daripada setiap individu yang terlibat dalam pasaran kewangan, seterusnya menggalakkan persekitaran pasaran kewangan yang diyakini dan berdaya tahan.



Penyeliaan

Bank, melalui fungsi penyeliaannya, juga memantau amalan dan budaya dalam institusi kewangan sebagai memperlengkap usaha-usaha pengawalan.

Pada tahun 2017, Bank menambah baik rangka kerja penyeliaannya untuk mengambil kira tumpuan pada budaya organisasi dan risiko salah laku dalam institusi kewangan. Ini bertujuan memberikan pemahaman tambahan tentang sama ada budaya korporat institusi akan berupaya mempengaruhi tingkah laku yang positif atau sebaliknya. Komponen penilaian penyeliaan terhadap budaya dan amalan serta metodologinya dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 2: Sektor Perbankan. Rangka kerja ini akan diperhalusi secara berterusan sejajar dengan langkah Bank untuk terus meningkatkan keupayaan penyeliaannya bagi mencerap dinamik budaya dan tingkah laku.



Penguatkuasaan

Penguatkuasaan yang berkesan turut digunakan sebagai langkah pencegahan yang berwibawa terhadap sebarang salah laku, sekali gus menyumbang kepada pembentukan budaya yang positif dalam industri. Seperti yang diumumkan pada tahun lalu, Bank akan mula menyiarkan kepada orang ramai butiran tindakan penguatkuasaannya bagi pelanggaran dan kemungkiran yang ketara mulai 1 Januari 2018. Langkah ini bertujuan mempertingkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaannya.

Inisiatif yang diterajui oleh industri - Menjadikan industri lebih profesional

Organisasi seperti badan-badan profesional memainkan peranan penting untuk menggalakkan amalan profesional dan berintegriti dalam kalangan peserta industri kewangan pada masa ini dan akan datang. Dalam hal ini, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) memperkenalkan akreditasi Ahli Bank Bertauliah (Chartered Banker) pada tahun 2016. Antara lain, kurikulumnya memberikan penekanan serius terhadap etika profesional. Melalui pengisytiharan bersama dengan AICB pada tahun 2016, institusi perbankan menyatakan komitmen untuk menghantar pegawai penting dan ahli lembaga pengarah mengikuti program ini. Bank juga telah menyuarakan kehendaknya agar graduan yang ingin bekerja dalam industri perbankan perlu menjadi ahli AICB dan menjalani program wajib mengenai standard etika dan profesional. Kelayakan profesional yang ditawarkan oleh AICB bukan sahaja melengkapkan ahlinya dengan pengetahuan teknikal untuk melaksanakan tugas dengan berkesan, malah memupuk prinsip dan standard tingkah laku profesional yang dikehendaki. Usaha-usaha ini memperlengkap inisiatif Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board), yang telah menerbitkan satu set prinsip melalui Tataetika untuk Industri Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2016. Secara keseluruhan, usaha-usaha ini menyumbang kepada pembentukan asas yang lebih kukuh bagi standard tatalaku profesional dan etika dalam sektor kewangan.

Faktor Diri Individu

Walaupun faktor mengikut konteks memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang individu, faktor diri individu (atau peribadi) itu sendiri juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku yang dikehendaki. Faktor-faktor ini meliputi kepercayaan, nilai-nilai dan pegangan peribadi seseorang individu. Objektif utamanya adalah untuk memartabatkan standard etika tanpa sebarang tolak ansur bagi individu yang bekerja dalam sektor kewangan. Dalam mengambil kira perkara ini, Bank berusaha memperkukuh syarat bagi keputusan mengambil kakitangan baharu berdasarkan maklumat yang mencukupi, dan mengurangkan risiko pengambilan individu yang mempunyai sejarah salah laku dengan institusi lain. Ini dapat dicapai dengan menangani halangan kepada simetri maklumat, yang boleh mengurangkan keupayaan institusi kewangan untuk menentukan tahap kejujuran individu yang diambil bekerja. Pada bulan Mac 2018, Bank memuktamadkan piawaian Penyaringan Pekerja. Piawaian ini berperanan meningkatkan amalan penyaringan oleh institusi kewangan dan menambah baik ketelusan berhubung dengan sejarah tingkah laku individu. Berkuat kuasa 1 Julai 2018, institusi kewangan dikehendaki menyaring sejarah pekerjaan dan rekod jenayah pekerja baharu. Apabila menerima permintaan untuk mendapatkan maklumat rujukan, institusi kewangan perlu memberikan maklumat mengenai sejarah tingkah laku individu dengan institusi tersebut. Ini seterusnya membolehkan institusi kewangan membuat keputusan pengambilan kakitangan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Gambaran Keseluruhan Faktor Mengikut Konteks dan Diri Individu dalam Mempengaruhi Tingkah Laku



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Keteguhan kepercayaan dan keyakinan awam terhadap sektor kewangan bergantung pada tingkah laku individu-individu di dalamnya. Oleh yang demikian, amat penting untuk memastikan bahawa sektor kewangan Malaysia mempunyai standard integriti dan profesionalisme tertinggi dan disokong budaya beretika yang mendalam dan meluas. Oleh itu, usaha dan sokongan bersama pelbagai pihak yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi persekitaran tempat individu bekerja adalah penting. Seperti yang diperincikan di atas, Bank menggunakan mekanisme pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan untuk membentuk sistem yang menggalakkan kejujuran dan integriti. Lebih penting lagi, tindakan ini perlu diperengkap dengan usaha yang setara di pihak industri untuk menaikkan standard tingkah laku profesional. Khususnya, lembaga pengarah dan pengurusan kanan perlu mengambil langkah-langkah tegas pada masa hadapan dalam menerajui perubahan budaya bukan sahaja dalam institusi kewangan mereka sendiri bahkan seluruh sektor kewangan.

Rujukan

Cohn, A, Fehr, E and Maréchal, MA (2014): 'Business culture and dishonesty in the banking industry', Nature, 516(7529), hlm 86-89.

Milgram, S (1963): 'Behavioural study of obedience', The Journal of Abnormal and Social Psychology, 67(4), hlm 371.

Zimbardo, PG (2007): 'Lucifer Effect', Blackwell Publishing Ltd.

Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan

Oleh Ian Lee Wei Xiung dan Elysia Lim Fei Ying

Pengenalan

Tenaga kerja yang pelbagai dan fleksibel merupakan penggerak kemajuan sistem kewangan di Malaysia. Memandangkan terdapat impak globalisasi dan kemajuan teknologi yang mendalam terhadap rantai nilai global, produktiviti dan seterusnya pekerjaan, rencana ini meneliti: (i) trend semasa guna tenaga dalam sektor kewangan Malaysia¹; (ii) perkembangan mutakhir dalam tenaga kerja sektor kewangan; dan (iii) implikasi dan strategi bagi perancangan tenaga kerja serta pengurusan bakat masa hadapan.


Keadaan Industri: Sorotan dan Pemerhatian Utama terhadap Trend Guna Tenaga

Peluang pekerjaan dan pengambilan pekerja baharu oleh institusi-institusi kewangan terus berkembang

Trend pengambilan pekerja oleh sektor kewangan pada asas bersih adalah positif dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Rajah 1). Pada akhir tahun 2017, sebanyak 164,884 orang telah diambil bekerja untuk sektor kewangan. Daripada jumlah ini, rakyat Malaysia merupakan kumpulan terbesar tenaga kerja (99.6%). Sepanjang tiga tahun yang lalu (2015-2017), sejumlah 24,630 peluang pekerjaan telah diwujudkan, dengan 90.6% daripadanya merupakan jawatan berkemahiran tinggi² (Rajah 2). Pemberhentian dan penamatan pekerja pada tahun 2017 kekal rendah pada purata 7.5% sahaja daripada jumlah pemisahan pekerja (separations)³ (Jadual 1). Angka ini menunjukkan pergerakan keluar daripada kelompok guna tenaga kebanyakannya secara sukarela atas sebab persaraan, peletakan jawatan dan pertukaran tempat kerja. Lebih daripada 75% jawatan baharu yang diwujudkan pada tahun 2017 telah diisi dalam tahun yang sama, dengan lebih 80% daripada jawatan kosong tersebut diisi dalam masa enam bulan. Trend pewujudan peluang pekerjaan pada masa akan datang dijangka terus positif, dengan bank dan penanggung insurans/pengendali takaful menjangkakan peluang pekerjaan akan bertambah pada tahun 2018.

Rajah 1: Pengambilan Pekerja Baharu berbanding Pemisahan


Trend pengambilan pekerja terus stabil



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Pewujudan Jawatan Baharu

Jawatan baharu terus diwujudkan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- 1 Sekiranya tidak dinyatakan sebaliknya, sektor kewangan merangkumi institusi perbankan (bank komersial, bank pelaburan, bank-bank Islam, bank-bank Islam antarabangsa dan institusi kewangan pembangunan), penanggung insurans dan pengendali takaful.
- 2 Jawatan dikategorikan berdasarkan Malaysian Standard Classification of Occupations 2013 (MASCO 2013). Bagi sektor kewangan, jawatan berkemahiran tinggi ialah jawatan dalam kumpulan Pengurus, Profesional dan Juruteknik dan Profesional Bersekutu seperti ditetapkan dalam MASCO 2013. Jawatan berkemahiran sederhana ialah jawatan dalam kumpulan perkeranian dan pekerja operasi, manakala jawatan berkemahiran rendah ialah jawatan dalam kumpulan pekerja asas.
- 3 Merujuk pemberhentian pekerja subkategori berikut: (i) Berhenti/meletakkan jawatan (tidak termasuk persaraan); (ii) Pemberhentian dan penamatan khidmat pekerja; dan (iii) Pemisahan lain (persaraan, pertukaran ke tempat kerja lain, kematian atau pemberhentian disebabkan oleh ketidakupayaan pekerja).

Jadual 1

Pewujudan Jawatan Baharu berbanding Pemberhentian dan Penamatan Pekerja

	S1 2017	S2 2017	S3 2017	S4 2017
PEWUJUDAN JAWATAN BAHARU				
Perbankan	1,753	1,220	1,482	727
<i>Berkemahiran tinggi</i>	1,721	1,160	1,403	657
<i>Berkemahiran sederhana</i>	29	57	79	69
<i>Berkemahiran rendah</i>	3	3	0	1
Insurans/takaful	556	525	494	443
<i>Berkemahiran tinggi</i>	552	519	492	438
<i>Berkemahiran sederhana</i>	3	6	2	5
<i>Berkemahiran rendah</i>	1	0	0	0
PEMBERHENTIAN DAN PENAMATAN PEKERJA				
Perbankan	193	284	311	664
<i>Berkemahiran tinggi</i>	169	226	269	402
<i>Berkemahiran sederhana</i>	18	53	37	224
<i>Berkemahiran rendah</i>	6	5	5	38
Insurans/takaful	158	137	80	111
<i>Berkemahiran tinggi</i>	73	55	28	56
<i>Berkemahiran sederhana</i>	85	77	52	55
<i>Berkemahiran rendah</i>	0	5	0	0


Sumber: Bank Negara Malaysia

Pergerakan menyeluruh ke arah tenaga kerja berkemahiran tinggi

Satu lagi perkembangan penting yang dapat dilihat adalah anjakan dalam komposisi tenaga kerja ke arah pekerja berkemahiran tinggi sejak tiga tahun yang lalu. Pada akhir tahun 2017, pekerja berkemahiran tinggi mencakupi 74.4% daripada jumlah pekerja sektor perbankan (2015: 69.1%), dan 83.4% daripada jumlah pekerja sektor insurans/takaful (2015: 79.1%) (Rajah 3). Peratusan ini jauh lebih tinggi daripada peratusan purata kebangsaan, yang menunjukkan hanya 27.2% daripada pekerja adalah dalam kategori jawatan berkemahiran tinggi. Analisis yang lebih terperinci mengenai implikasi pergerakan ini dibincangkan lebih lanjut di bahagian pertengahan rencana ini.

Rajah 3: Guna Tenaga Mengikut Kemahiran

Kemahiran tenaga kerja meningkat secara keseluruhan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan produktiviti dan gaji median pada kadar yang sama

Sejajar dengan anjakan ke arah tenaga kerja berkemahiran tinggi, gaji dalam sektor kewangan terus meningkat. Dalam tempoh tahun 2011-2016, gaji median benar sektor kewangan⁴ meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata (Compounded Annual Growth Rate, CAGR) sebanyak 1.8%, selaras dengan peningkatan produktiviti tenaga kerja⁵ sektor kewangan yang berkembang pada CAGR sebanyak 1.7% dalam tempoh masa yang sama. Berbanding dengan industri lain, gaji dalam sektor kewangan terus disokong oleh tahap produktiviti yang tinggi (Jadual 2).

Jadual 2

Gaji Median Benar dan Produktiviti untuk Aktiviti Ekonomi Terpilih pada Tahun 2016

Aktiviti Ekonomi	Gaji Median Benar Bulanan (RM)	Nilai Ditambah Benar Tahunan bagi Setiap Pekerja (RM)
Perlombongan dan pengkuarian	3,168	1,134,476
Maklumat dan komunikasi	3,038	294,998
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	2,648	201,224
Pembuatan	1,389	106,413
Pembinaan	1,354	39,225
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,302	67,395
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,042	51,264
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,007	26,373

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Terdapat kekosongan jawatan meskipun kadar pengambilan pekerja terus positif


Meskipun trend pengambilan pekerja sektor kewangan pada keseluruhannya positif, jumlah kekosongan jawatan masih melebihi 5,600 (Rajah 4). Daripada jumlah ini, jawatan berkemahiran tinggi mencakupi lebih 80% daripada jumlah kekosongan jawatan dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank setakat akhir bulan September 2017, sebahagian besar kekosongan ini (lebih 3,500 jawatan) merupakan jawatan berkemahiran tinggi dalam sektor perbankan. Daripada jumlah ini, pekerjaan dalam fungsi perniagaan yang mempunyai kadar keluar masuk yang tinggi (high churn rate) seperti jualan dan pemasaran, mencatat jumlah kekosongan tertinggi (33%; 1,185 jawatan), manakala jawatan yang memerlukan kepakaran khusus seperti pengurusan risiko, undang-undang, pematuhan, pengurusan projek dan pengurusan kredit, merupakan kumpulan kedua terbesar (15%; 509 jawatan). Lebih 75% daripada kekosongan jawatan dalam sektor perbankan perdagangan adalah untuk juruteknik dan ahli profesional bersekutu, sama ada pada peringkat kemasukan atau yang berpengalaman. Ini menunjukkan permintaan industri yang tinggi untuk mendapatkan pekerja berkemahiran tinggi dalam peringkat kemasukan hingga pertengahan. Bank perdagangan turut menyatakan bahawa bilangan calon berkelayakan yang terhad serta kurang pendedahan

⁴ Gaji median benar diperoleh daripada pelarasan gaji median sektor kewangan oleh Indeks Harga Pengguna (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia). Untuk mengira gaji dan produktiviti dalam bahagian kecil ini, pengiraan bagi sektor kewangan termasuk institusi perbankan (bank komersial, bank pelaburan, bank-bank Islam, bank-bank Islam antarabangsa dan institusi kewangan pembangunan), penanggung insurans, pengendali takaful, pengendali perkhidmatan pasaran modal dan penyedia kewangan yang lain.

⁵ Diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja.

Rajah 4: Kekosongan Jawatan

Masih terdapat kekosongan jawatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan pengetahuan yang diperlukan, adalah antara cabaran utama yang dihadapi untuk mengisi kekosongan jawatan ini. Evolusi dalam bidang tugas bagi jawatan yang memerlukan kepakaran yang khusus menegaskan lagi akan perlunya tumpuan diberikan bukan sahaja kepada bekalan pekerja keseluruhan, bahkan pada kualiti bekalan pekerja untuk memenuhi permintaan industri terhadap bakat yang berkemahiran tinggi.

Evolusi Tenaga Kerja: Trend dan Perkembangan yang Membentuk Landskap Masa Hadapan

Pemerhatian yang dihuraikan di atas jelas menekankan peralihan penting yang sedang berlaku dalam pewujudan peluang pekerjaan, trend pengambilan pekerja dan komposisi tenaga kerja berikutan perubahan dalam landskap kewangan. Beberapa faktor penting dikenal pasti sebagai unsur yang akan mencorakkan permintaan akan datang terhadap tenaga kerja dalam sektor kewangan di Malaysia (Gambar Rajah 1). Khususnya, faktor-faktor tersebut termasuklah kesan kemajuan teknologi yang meluas terhadap strategi dan proses perniagaan, tuntutan yang lebih tinggi dan kompleks berikutan pembaharuan pengawalseliaan yang sedang dilaksanakan, pengembangan operasi perniagaan yang merentas sempadan serta perubahan dalam interaksi dengan pengguna.


Pada tahun-tahun akan datang, pertembungan faktor-faktor ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam kategori berkemahiran tinggi, yang diikuti rapat oleh perubahan dalam peranan dan skop jawatan yang sedia ada. Khususnya, kemajuan teknologi dijangka menambah peluang pekerjaan dalam beberapa bidang utama, termasuk untuk menyokong:

- (i) **Penyelarasan proses:** Dalam masyarakat yang semakin bersifat digital, lebih banyak permintaan akan diwujudkan untuk kemahiran yang khusus bagi memacu proses rekayasa (re-engineering) yang berterusan bagi meningkatkan kecekapan di samping menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi;
- (ii) **Analisis data:** Data mega (big data) akan memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan peluang perniagaan dan pengurusan risiko. Institusi kewangan perlu berupaya untuk meneliti dan memproses set data yang besar dan pelbagai, yang akan semakin memacu proses membuat keputusan;
- (iii) **Pengurusan keselamatan siber:** Dengan bertambahnya pemindahan maklumat sensitif daripada kertas ke alam maya, keselamatan maklumat akan menjadi keutamaan; dan
- (iv) **Pematuhan terhadap pengawalseliaan dan undang-undang:** Pengawalseliaan yang semakin kompleks akan mengalih lebih banyak permintaan kepada teknologi untuk menyokong pematuhan, dengan pegawai pengurusan risiko, pematuhan dan kewangan memainkan peranan yang lebih strategik dalam perancangan pemuliharaan, tadbir urus, komunikasi dan advokasi, serta pembangunan organisasi.

Jangkauan platform digital yang lebih luas dan peralihan dalam pilihan pengguna telah mempercepat perubahan dalam cara perkhidmatan kewangan disediakan, khususnya dalam menggantikan kunjungan peribadi ke cawangan dengan

Gambar Rajah 1

Faktor Pendorong yang Membentuk Keperluan Tenaga Kerja Akan Datang bagi Sektor Kewangan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

saluran hubungan mudah alih dan berasaskan Internet untuk membuat transaksi kewangan. Pada tahun 2017, institusi perbankan telah menerima lebih daripada 5.3 juta pelanggan perbankan kali pertama untuk perkhidmatan melalui talian dan mudah alih, dan memaklumi Bank mengenai penutupan 36 buah cawangan bank. Perkembangan ini sejajar dengan jumlah transaksi yang semakin merosot di cawangan-cawangan bank berkenaan. Meskipun kemajuan teknologi ini membolehkan institusi kewangan menjadi lebih tangkas dan responsif kepada pilihan pengguna dan landskap persaingan yang berubah, ia juga menandakan bermulanya perubahan komposisi dan set kemahiran tenaga kerja sektor kewangan masa akan datang (Gambar Rajah 2).

Memandangkan sebahagian besar pekerjaan adalah dalam kategori kemahiran tinggi, teknologi dijangka lebih berupaya untuk memperluas dan memberi definisi baharu kepada tugas dan peranan pekerja dalam sektor kewangan, dan bukannya mengambil alih sesuatu pekerjaan secara keseluruhan dalam dekad yang akan datang. Kesan automasi juga dijangka lebih pelbagai. Seperti tempoh kemajuan teknologi yang pesat pada masa lalu, kesan teknologi ke atas pekerjaan, segmen pekerja dan institusi adalah tidak seragam meskipun terdapat manfaat umum kepada masyarakat hasil daripada peningkatan produktiviti, pendapatan dan inovasi. Selaras dengan trend di negara-negara maju lain, penggantian pekerjaan yang melibatkan pekerjaan manual dan rutin yang bergaji rendah akan terus berlaku secara beransur-ansur. Di Malaysia, bilangan pekerja berkemahiran rendah dan sederhana masing-masing telah merosot pada CAGR sebanyak 16.9% dan 8.2% dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Namun, bahagian pekerja berkemahiran rendah dan sederhana dalam sektor kewangan di Malaysia masih lagi agak tinggi pada masa ini, iaitu sebanyak 24%.

Jenis Pekerjaan dan Jawatan yang Boleh Digantikan oleh Teknologi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Membangunkan Tenaga Kerja Akan Datang: Keutamaan Masa Hadapan

Perkembangan yang dipaparkan di atas menghalakan tumpuan yang lebih besar kepada keutamaan untuk mempersiapkan tenaga kerja sektor kewangan akan datang. Ini termasuk:

- Melengkapkan tenaga kerja dengan set kemahiran baharu yang berkaitan dan juga praktikal untuk memenuhi keperluan masa akan datang. Sejalan dengan tumpuan yang lebih meningkat pada aspek profesionalisme sebagai sebahagian daripada pembaharuan pengawalseliaan yang berterusan, langkah ini juga merangkumi peningkatan piawaian profesionalisme dan amalan yang beretika dalam kalangan tenaga kerja;
- Menyokong peralihan tenaga kerja melalui latihan semula dan bantuan penempatan pekerjaan lain sejajar dengan perubahan bidang tugas; dan
- Memperluas keupayaan inovasi tenaga kerja untuk menyokong pertumbuhan akan datang, khususnya menerusi penambahbaikan keupayaan data dan juga tenaga kerja yang pelbagai.

Menurut laporan yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum), jawatan yang paling diperlukan dalam kebanyakan industri hari ini tidak pernah wujud sepuluh atau lima tahun yang lalu⁶. Laporan ini juga menyatakan bahawa dianggarkan 65% daripada kanak-kanak yang memasuki sekolah rendah hari ini akan akhirnya bekerja dalam jenis pekerjaan baharu yang belum wujud sebelum ini. Hakikatnya, perubahan yang besar bakal berlaku. Walaupun sukar untuk menjangkakan dengan tepat bentuk perubahan yang bakal berlaku dalam pasaran pekerjaan untuk jangka sederhana dan panjang, usaha untuk memastikan wujud institusi, pengaturan dan piawaian yang kukuh bagi menyokong penyelarasan yang perlu dibuat dalam tenaga kerja sektor kewangan, menjadi penting. Bagi tujuan ini, Bank dan industri kewangan sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif utama:

⁶ World Economic Forum (2016), 'The Future of Jobs' Report.

a) Memperkukuh kompetensi teras dan tahap piawaian profesional

Permintaan industri untuk set kemahiran teknikal atau kritikal yang baharu memerlukan asas-asas yang kukuh dalam kompetensi teras yang sering dikemas kini, serta amalan yang sentiasa mencerminkan komitmen kepada piawaian profesional yang tinggi. Hal ini disokong oleh:

- (i) Keperluan untuk pegawai penting dalam bidang tugas kritikal di sektor perbankan memperoleh kelayakan khusus yang bersesuaian mulai tahun 2018. Ini meliputi bidang kredit, pematuhan, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT), pengurusan risiko dan audit;
- (ii) Kemajuan berterusan dalam usaha untuk meningkatkan bilangan Ahli Bank Bertauliah (Chartered Banker) dalam kalangan pengurusan kanan dan lembaga pengarah institusi perbankan. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam industri perbankan di Malaysia;
- (iii) Keperluan supaya penghantaran laporan oleh institusi perbankan komersial kepada Bank Negara Malaysia ditandatangani oleh Ahli Bank Bertauliah mulai tahun 2021. Keperluan yang sama juga sedang dipertimbangkan untuk sektor perbankan Islam dan insurans/takaful;
- (iv) Akreditasi wajib bagi pegawai pematuhan dalam sektor perniagaan perkhidmatan wang (butiran lanjut dalam Bab ini), yang diusahakan secara kerjasama dengan Agensi Akreditasi Kewangan (Financial Accreditation Agency, FAA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran;
- (v) Keperluan bagi ahli jawatankuasa Syariah dan pegawai utama Syariah mendapatkan pentauliahannya Syariah seperti Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor, CSA) dan Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner, CSP) sebagai syarat kelayakan untuk dilantik; dan
- (vi) Transformasi institusi latihan profesional dan institusi pendidikan bagi sektor kewangan Islam dan insurans/takaful untuk meningkatkan keupayaan institusi-institusi tersebut memenuhi tuntutan baharu, serta mengekalkan piawaian profesional yang tinggi untuk tenaga kerja. Ini termasuk penajaran semula institusi yang sedia ada, dan pertimbangan pengaturann pendanaan yang mampan untuk menyokong pembaharuan utama.

b) Membentuk mekanisme untuk menyokong program latihan semula kemahiran dan peralihan tenaga kerja

Meskipun objektif keseluruhan langkah ini adalah untuk menggalakkan peningkatan kemahiran seluruh tenaga kerja dalam sektor kewangan, beberapa segmen tenaga kerja, sama ada dibuat secara pilihan atau mengikut kesesuaian, akan akhirnya menghadapi risiko penggantian. Bagi mengurangkan risiko ini, adalah mustahak untuk memastikan bahawa pengaturann tertentu tersedia bagi meningkatkan mobiliti tenaga kerja dan memudahkan proses peralihan pekerjaan yang teratur. Ini termasuklah:

- (i) Menambah baik ketersediaan maklumat tentang jenis pekerjaan yang berisiko untuk digantikan dan unjuran jumlah pekerjaan yang akan digantikan;
- (ii) Mengenal pasti jawatan pelengkap atau jawatan setara baharu yang berkaitan dengan set kemahiran sedia ada dan tugas segmen tenaga kerja yang menghadapi risiko penggantian; dan
- (iii) Memberikan tumpuan eksplisit dan berterusan dalam perancangan pelan urus niaga terhadap strategi menangani peralihan kakitangan kepada peranan baharu, sama ada di dalam atau di luar institusi.

Meskipun beberapa elemen mekanisme ini wujud di dalam industri, berdasarkan dapatan kaji selidik Bank, lebih 60% daripada bank komersial, penanggung insurans dan pengendali takaful akan mendapat manfaat daripada pendekatan yang lebih menyeluruh dalam peralihan tenaga kerja. Pada tahun 2018, Bank merancang untuk menjalin kerjasama dengan institusi kewangan bagi membuat penilaian yang holistik mengenai dinamik tenaga kerja sektor kewangan, termasuk unjuran bekalan dan keperluan kemahiran pekerjaan. Langkah ini bertujuan untuk membentuk mekanisme sokongan yang sesuai bagi memudahkan peralihan tenaga kerja.

c) Mempelbagaikan bekalan bakat

Dalam tahun-tahun yang lalu, kumpulan bakat bidang kewangan telah menjadi lebih pelbagai. Ini mencerminkan sifat lebih terbuka institusi kewangan terhadap perspektif, idea dan kepakaran baharu daripada latar belakang atau amalan yang luar daripada kebiasaan untuk menambah baik proses perniagaan dan merebut peluang-peluang baharu. Pada akhir tahun 2017, hampir separuh daripada pengambilan pekerja baharu sektor kewangan terdiri daripada mereka yang bukan daripada latar belakang akademik bidang kewangan, perakaunan, ekonomi, perniagaan dan sains aktuari.


Usaha terus digiatkan untuk membangunkan dan mempelbagaikan kumpulan bakat. Pengambilan untuk Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) telah diperluas untuk meliputi calon daripada bidang pengajian yang baharu dan pelbagai. Ini seterusnya akan dilengkapi pembangunan Program 'Fit-for-Work (FFW)', yang dijangka bermula pada tahun 2018. FFW ialah program latihan teknikal dan penempatan selama sembilan bulan, yang bertujuan untuk memberikan pendedahan yang bermakna dalam sektor kewangan kepada siswazah yang menganggur. Langkah ini dijangka mencerahkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan, serta membuka peluang kepada institusi kewangan untuk mendapat sumber bakat yang berpotensi, yang mungkin tidak dapat dikenal pasti menerusi saluran pengambilan pekerja yang biasa. Program ini akan memanfaatkan gabungan platform latihan terpilih yang dikelolakan oleh industri, serta pengalaman semasa bekerja dan pelbagai kursus terbuka dalam talian (Massive Open Online Courses, MOOCs). Ini diharapkan akan membantu mengurangkan isu kemahiran siswazah yang tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan dan memudahkan pengambilan pekerja oleh sektor kewangan.

d) Menambah baik data untuk menyokong pengurusan dan pembangunan bakat

Bagi menghasilkan penunjuk pasaran yang lebih baik dan mengurangkan maklumat yang tidak simetri bagi pencari kerja dan penyedia latihan, Bank telah menerbitkan set data tenaga kerja sektor kewangan buat pertama kalinya pada bulan Ogos 2017. Bank akan terus menambah baik sistem pelaporan, termasuk struktur data, untuk meningkatkan akses dan kualiti statistik pasaran pekerja. Ini bertujuan membolehkan peserta industri membuat unjuran keperluan bakat dan set kemahiran masa akan datang, selain menyokong usaha penyedia latihan industri untuk membentuk program yang direka khusus mengikut keperluan industri. Pembentukan Biro Perangkaan Tenaga Kerja Malaysia juga dijangka memudahkan perbandingan maklumat pasaran pekerja antara sektor kewangan dengan industri lain, dengan lebih terperinci dan juga tepat pada waktunya.

Gambar Rajah 3

Faktor Penting untuk Membentuk Tenaga Kerja Sektor Kewangan Akan Datang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Trend semasa tenaga kerja sektor kewangan menunjukkan trajektori ke arah kumpulan tenaga kerja yang lebih berteraskan teknologi dan didorong oleh pengetahuan. Peralihan ini berpotensi menjejaskan manfaat keseluruhan yang terhasil daripada tenaga kerja yang lebih produktif dan berkemahiran tinggi, melainkan sekiranya pengurusan pada peringkat institusi dan sektor diatur sebaik-baiknya. Ini supaya sektor kewangan bukan sahaja boleh menguruskan peralihan ini, tetapi juga menjadi pemangkin untuk meningkatkan ketangkasan tenaga kerja kita. Bagi mencapai tujuan ini, tumpuan akan terus diberikan pada langkah-langkah yang perlu diambil, seperti yang digariskan dalam recana ini ke arah mempersiapkan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan masa akan datang.

Rujukan

World Economic Forum (2016), 'The Future of Jobs' Report.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

- 147** Mengalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
- 150** Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Operasi RENTAS terus berdaya tahan dan dipercayai


Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) memudahkan penyelesaian kasar pindahan dana antara bank dan penyelesaian sekuriti masa nyata dalam pelbagai mata wang. Pada tahun 2017, sebanyak 4.6 juta urus niaga berjumlah RM53.7 trilion diselesaikan melalui RENTAS. Jumlah ini merupakan 40 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Ini merupakan pertumbuhan tahunan masing-masing pada 2.3% dan 4.3% dari segi jumlah dan nilai. Jumlah purata urus niaga harian juga meningkat 3.5% kepada 18,651 (2016: 18,013), manakala dari segi nilai meningkat 5.6% kepada

RM220.3 bilion (2016: RM208.7 bilion) pada tahun 2017 (Rajah 6.1).

RENTAS mencapai tempoh operasi sistem sepenuhnya (100%) pada tahun 2017, melebihi paras sasaran 99.9%. Dengan pelaksanaan RENTAS Baharu pada September 2016, kemajuan selanjutnya dicapai dalam menyokong perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Faktor penyumbang utama ialah pengenalan fungsi penyelesaian pelbagai mata wang dan penggunaan piawaian Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication (SWIFT) di bawah RENTAS Baharu. Penambahbaikan ini meningkatkan tahap automasi dan penyeragaman dalam kalangan peserta RENTAS, seterusnya meningkatkan kadar Pemprosesan Terus (Straight-Through-Processing, STP) peserta bagi urus niaga RENTAS keluar kepada purata 33.6%. RENTAS Baharu ini juga meningkatkan penghantaran urus niaga Renminbi dalam RENTAS dengan menyokong saluran akses baharu dan proses yang lebih lancar bagi peserta.

Rajah 6.1: RENTAS – Purata Urus Niaga Harian

Peningkatan kecil dalam urus niaga harian purata RENTAS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2017, institusi kewangan menyelesaikan penilaian sendiri terhadap sistem keselamatan seperti yang dikehendaki oleh Bank sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan risiko siber terhadap infrastruktur sistem pembayaran. Langkah tersebut juga bertujuan mengenal pasti dan menangani jurang utama sebelum tarikh akhir pelaksanaan kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT. Kawalan ini termasuk langkah-langkah meningkatkan keselamatan fizikal dan teknikal infrastruktur berkaitan SWIFT, menambah baik kawalan akses menerusi kaedah pengesahan yang mantap, dan memantapkan perancangan tindak balas terhadap gangguan sistem. Sebagai susulan kepada isu utama yang telah dikenal pasti daripada langkah tersebut, Bank menghendaki institusi kewangan merumuskan pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan amalan keselamatan yang lancar dan tepat pada masanya. Pada akhir Januari 2018, semua institusi kewangan kecuali satu, menunjukkan pematuhan kepada kawalan keselamatan mandatori yang berkaitan. Institusi tersebut dijangka mematuhi menjelang akhir tahun 2018.

Sistem pembayaran runcit kekal stabil tanpa gangguan besar

Sistem pembayaran runcit¹ beroperasi dengan lancar pada tahun 2017, dengan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi paras sasaran 99.9%. Urus niaga GIRO Antara Bank (IBG) dan Pindahan Segera (Instant Transfer) terus meningkat dengan pesat dari segi nilai (IBG: 21.3%; Pindahan Segera: 60.7%) dan dari segi jumlah (IBG: 13.0%; Pindahan Segera: 59.4%). Urus niaga menggunakan cek terus menurun sebanyak 3.2% dari segi nilai dan 10.6% dari segi jumlah. Perkembangan ini selaras dengan momentum perpindahan kepada perkhidmatan pindahan kredit² yang berterusan. Berikut peningkatan jumlah urus niaga, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) memperkenalkan langkah tambahan untuk mengurangkan risiko penyelesaian dan memperkemas proses memulangkan dana yang dipertikaikan bagi memastikan sistem Pindahan Segera terus dipercayai. Langkah-langkah tersebut melengkapi pelbagai inisiatif lain yang diperkenalkan sejak tahun 2015, yang

¹ GIRO Antara Bank (IBG), Pindahan Segera, Bursa Pemrosesan Kewangan (FPX), Debit Terus (DD) dan Skim Pembayaran Bil Elektronik Negara (JomPAY).

² Pindahan kredit merujuk kepada perkhidmatan pembayaran yang membenarkan pembayar mengarahkan institusi berkenaan, yang mempunyai akaun pembayar, untuk memindahkan wang kepada benefisiari. Di Malaysia, ini merangkumi perkhidmatan IBG dan Pindahan Segera.

bertujuan memperkukuh daya tahan sistem Pindahan Segera, termasuk menaik taraf infrastruktur rangkaian dan pengenalan jendela tambahan bagi penyelesaian antara bank.

Berikutan kemasukan peserta baharu, iaitu pengeluar instrumen pembayaran berpangkalan di luar Malaysia yang menggunakan kod Respons Pantas (Quick Response, QR) dengan peniaga Malaysia, Bank terus memantau dengan teliti pembayaran runcit merentas sempadan. Pada tahun 2017, terdapat 0.8 juta urus niaga pembayaran bernilai RM228.5 juta yang menggunakan perkhidmatan pembayaran mudah alih keluaran asing dengan peniaga Malaysia. Memandangkan operasi tersebut hanya bermula sejak suku kedua 2017, urus niaga bagi perkhidmatan pembayaran dari segi jumlah dan nilai tersebut kekal rendah, masing-masing pada 3.4% dan 2.0% daripada jumlah dan nilai urus niaga kad kredit dan kad caj keluaran asing yang digunakan dengan peniaga Malaysia. Namun, urus niaga ini dijangka meningkat dengan lebih pesat pada masa hadapan apabila pembayaran mudah alih semakin menjadi cara pembayaran yang lebih mudah.

Penggunaan pembayaran mudah alih keluaran asing mempunyai risiko tertentu yang dikaitkan dengan masa penyelesaian dana yang dibuat oleh pengeluar asing. Risiko ini bagaimanapun dikurangkan menerusi keperluan yang ditetapkan oleh Bank kepada pemeroleh tempatan yang menyediakan instrumen pembayaran mudah alih keluaran asing. Keperluan itu menghendaki penyelesaian dana sepenuhnya kepada peniaga sekiranya pengeluar asing gagal memenuhi obligasi penyelesaian mereka. Bagi kes yang melibatkan peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pemeroleh bukan bank dikehendaki mewujudkan satu akaun amanah untuk menandatangani dana yang hanya boleh digunakan untuk membayar peniaga PKS mereka.

Aspek keselamatan diperkukuh dan kecekapan infrastruktur kad pembayaran ditambah baik

Infrastruktur kad pembayaran di Malaysia terus diperkukuh menerusi pendekatan serampang dua mata, iaitu (i) perpindahan daripada kaedah pengesahan menggunakan tandatangan kepada pengesahan menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number, PIN) di bawah inisiatif Cip dan PIN; dan (ii) penggunaan piawaian Europay-Mastercard-Visa (EMV) dan fungsi tanpa sentuhan bagi skim kad debit domestik di bawah inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia


(Malaysian Chip Card Specification, MCCS). Secara keseluruhannya, pendekatan ini telah menyumbang kepada pengukuhan aspek keselamatan, ciri saling boleh kendali (interoperability) dan kecekapan urus niaga kad pembayaran.

Pada 1 Julai 2017, pihak industri berjaya menyempurnakan perpindahan daripada kad pembayaran berasaskan tandatangan kepada kad berasaskan PIN. Pemegang kad kini dikehendaki memasukkan PIN enam angka untuk mengesahkan urus niaga kad pembayaran mereka di semua terminal semasa jualan (point-of-sale, POS). Keperluan ini merupakan langkah pencegahan untuk menangani kes penipuan menggunakan kad yang hilang atau dicuri. Sebelum tarikh kuat kuasa, pemegang kad diberikan tempoh peralihan selama enam bulan. Dalam tempoh itu, pemegang kad dibenarkan memintas (bypass) penggunaan PIN jika tidak dapat mengingat PIN mereka. Langkah ini turut disokong oleh inisiatif meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai bagi menggalakkan penggunaan PIN apabila menggunakan kad pembayaran. Inisiatif ini berjaya mengurangkan kadar pintasan PIN³ (PIN bypass rate) dengan nyata, daripada 84% pada September 2016 kepada 3% sahaja menjelang tarikh pertukaran dikuatkuasakan. Ini sekali gus memastikan gangguan terhadap urus niaga pembayaran menggunakan kad pembayaran yang dikeluarkan di Malaysia adalah pada tahap minimum (Rajah 6.2).

Inisiatif MCCS juga telah memperkenalkan kad debit tanpa sentuhan yang selamat di seluruh industri.

Rajah 6.2: Kadar Pintasan PIN

Kadar pintasan PIN terus menurun lantas memastikan perpindahan kepada kad berasaskan PIN yang lancar



Sumber: Bank Negara Malaysia

³ Kadar urus niaga disempurnakan melalui penurunan tandatangan dalam tempoh peralihan selama enam bulan.


Memandangkan pembayaran tanpa sentuhan agak baharu di Malaysia, pemegang kad debit dan prabayar diberikan pilihan untuk mengurangkan had urus niaga tetapan (default transaction limit) bagi bayaran tanpa sentuhan, iaitu amaun maksimum urus niaga yang boleh dilaksanakan oleh pemegang kad tanpa perlu menurunkan tandatangan ataupun memasukkan PIN. Pemegang kad juga boleh memilih untuk menyahaktifkan fungsi tanpa sentuhan sepenuhnya, sekiranya mahu.

Penipuan pembayaran kekal rendah

Pada tahun 2017, kerugian akibat penipuan berkaitan kad pembayaran⁴ naik sedikit kepada 0.0197% daripada jumlah urus niaga (2016: 0.0186%) dan 0.0355% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0339%) (Rajah 6.3). Penipuan tanpa kad (card-not-present, CNP), seperti urus niaga dalam talian yang dilakukan tanpa kebenaran, mencakupi 92.8% daripada jumlah kes penipuan dan 89.2% daripada jumlah kerugian akibat penipuan. Sebahagian besar daripada kerugian akibat penipuan (92.5%) ditanggung oleh entiti asing. Ini berdasarkan peraturan yang membolehkan liabiliti dipindahkan kepada pihak yang belum melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh, iaitu yang memerlukan pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik (one-time password) setiap kali mengesahkan urus niaga dalam talian. Oleh itu, kerugian yang ditanggung oleh pemegang kad telah dikurangkan

Rajah 6.3: Penipuan Kad Pembayaran Sebagai % daripada Jumlah Urus Niaga

Penipuan kad pembayaran kekal rendah ekoran langkah-langkah keselamatan yang mantap



Sumber: Bank Negara Malaysia

⁴ Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj.


berikutan pelaksanaan kaedah pengesahan yang lebih kukuh di Malaysia. Ekoran pelaksanaan penuh inisiatif Cip dan PIN yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2017, penipuan berkaitan kad yang hilang atau dicuri terus berkurang kepada 0.0009% daripada jumlah urus niaga, dan 0.002% daripada nilai urus niaga (Januari hingga Jun 2017: 0.0013%; 0.003%).

Penipuan perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah pada 0.0004% daripada jumlah urus niaga (2016: 0.0003%) dan 0.0003% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0002%) (Rajah 6.4). Kes penipuan urus niaga runcit naik sedikit kepada 0.0006% daripada jumlah urus niaga dan 0.003% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0004%; 0.002%). Kegiatan mencuri maklumat (phishing), yang berlaku apabila pengguna perbankan dalam talian diperdaya untuk mendedahkan maklumat sulit perbankan mereka menerusi panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau e-mel, kekal sebagai modus operandi utama. Ia mencakupi 70.9% (2016: 86.4%) daripada jumlah kes penipuan perbankan dalam talian.

Penipuan runcit bagi perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah masing-masing pada 0.0006% dan 0.003% daripada jumlah urus niaga dan nilai urus niaga

Bank terus mengadakan perbincangan dan interaksi yang kerap dengan pihak industri bagi memastikan langkah-langkah pendidikan dan kesedaran

Rajah 6.4: Penipuan Perbankan Dalam Talian Sebagai % daripada Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengguna adalah berkesan dan boleh menangani modus operandi yang sering berubah seperti pendaftaran perbankan dalam talian yang tidak sah. Penekanan terhadap tanggungjawab pengguna perbankan dalam talian untuk menyimpan maklumat perbankan mereka dengan selamat dan berhati-hati terhadap penipuan terus menjadi fokus utama dalam inisiatif pendidikan pengguna.

TREND UTAMA DAN PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Kemajuan terus dicapai bagi sasaran e-pembayaran

Usaha untuk mencapai sasaran e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 terus menunjukkan kemajuan. Bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong perpindahan yang cepat, Bank terus menumpukan usaha pada pembedahan isyarat harga untuk menjadikan kos e-pembayaran lebih berpatutan, mewujudkan struktur insentif pasaran untuk mengekalkan pelaburan dalam infrastruktur dan perkhidmatan e-pembayaran, dan meningkatkan kesedaran dan keyakinan awam untuk menggunakan e-pembayaran. Usaha ini berlandaskan strategi yang menggalakkan pindahan kredit untuk menggantikan penggunaan cek dan menggalakkan penerimaan kad debit yang lebih meluas bagi menggantikan wang tunai. Melangkah ke hadapan, pembayaran mudah alih juga dijangka memainkan peranan penting untuk menggantikan penggunaan wang tunai dan cek, khususnya bagi peniaga kecil dan pindahan antara individu, disebabkan kelebihan-kelebihan cara pembayaran ini dari segi kos dan kemudahan menggunakannya.

Pembayaran mudah alih dijangka melengkapkan kad debit dan pindahan kredit untuk mempercepat penggantian wang tunai dan cek

Bank telah melaksanakan pembaharuan secara berperingkat dalam tiga gelombang untuk menambah baik infrastruktur e-pembayaran di Malaysia (Gambar Rajah 6.1).

Sejak tahun 2013, Rangka Kerja Pembaharuan Harga (Pricing Reform Framework) telah membetulkan herotan

Gambar Rajah 6.1

Tiga Gelombang Transformasi e-Pembayaran di Malaysia

	Gelombang Pertama 2013	Gelombang Kedua 2015	Gelombang Ketiga 2018
Penggerak	Pindahan kredit dicapai oleh 99.9% daripada akaun semasa dan akaun simpanan	40.1 juta kad debit bagi 30.7 juta penduduk (pada akhir tahun 2014)	Dianggarkan 42.4 juta langganan telefon mudah alih (70% telefon pintar) ² bagi 32.1 juta penduduk (akhir tahun 2017)
Cabaran	Herotan harga bagi cek dan pindahan kredit	<ul style="list-style-type: none"> MDR² tinggi Penyederhanaan dalam pertumbuhan terminal POS 	Dianggarkan sebanyak 12 juta orang dewasa tanpa perkhidmatan perbankan dalam talian
Inisiatif	Rangka Kerja Pembaharuan Harga dan ePIF¹ <ul style="list-style-type: none"> IBG (Fi maksimum sebanyak 10 sen) Pindahan Segera (Fi maksimum sebanyak 50 sen) Pengenalan fi pemprosesan cek dan ePIF 	PCRF¹ <ul style="list-style-type: none"> Had maksimum fi pertukaran³ Penubuhan MDF⁴ Pelaksanaan Cip dan PIN 	ICTF¹ <ul style="list-style-type: none"> Akses terbuka dan adil kepada infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama bagi pihak bank dan bukan bank yang layak Capaian akaun melalui penggunaan pengenalan pasti lazim Skim QR fungsi saling boleh kendali dan kod QR seragam

¹ Merujuk kepada Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF)
² Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR) ialah fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh untuk memudahkan urusan kad pembayaran
³ Fi pertukaran ialah yuran yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar dalam urusan kad pembayaran. Fi pertukaran telah dimasukkan dalam MDR yang dicaj oleh pemeroleh kepada peniaga
⁴ Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund, MDF) telah ditubuhkan oleh dua skim kad pembayaran utama pada tahun 2015, yang dijangka menyalurkan dana berjumlah kira-kira RM455 juta daripada fi pertukaran untuk memperluas rangkaian terminal POS bagi tempoh dari bulan Julai 2015 hingga tahun 2020
⁵ Berdasarkan kajian terkini yang dijalankan pada suku ketiga 2017 (Kajian Pengguna Internet 2017)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

harga antara cek dengan perkhidmatan pindahan kredit. Rangka kerja ini menetapkan had bagi kos perkhidmatan pindahan kredit dan memperkenalkan fi pemprosesan cek. Rangka kerja ini juga diperengkap oleh ePIF, yang membolehkan bank menyalurkan balik fi pemprosesan cek kepada pelanggan sebagai insentif untuk menggunakan e-pembayaran. Perkembangan ini, ditambah dengan keperluan penzahiran yang diperkenalkan sejak tahun 2014, telah menggalakkan persaingan dalam kalangan bank untuk menawarkan produk yang lebih baik dan menarik pelanggan untuk menjadi pengguna perbankan dalam talian menerusi pelbagai pengecualian fi dan pemberian insentif. Sehubungan itu, jumlah pengguna aktif perbankan dalam talian, dengan sekurang-kurangnya satu urusan niaga setiap bulan, telah meningkat 82.1% daripada 7.0 juta pada tahun 2013, kepada 12.7 juta orang pengguna pada tahun 2017.

Pelaksanaan PCRF pada tahun 2015 juga berjaya menangani herotan dalam pasaran kad pembayaran. Yang nyata, rangka kerja tersebut berjaya membendung kenaikan fi pertukaran yang keterlaluan selain memperkenalkan langkah-langkah meningkatkan ketelusan dan persaingan dengan sokongan penubuhan

MDF untuk mempercepat pertambahan rangkaian terminal POS. Hasil daripada langkah-langkah tersebut, kadar diskaun peniaga (MDR) terus menurun lantas menjadikan pembayaran menggunakan kad lebih murah bagi segmen peniaga yang sebelum ini tidak kompetitif sebelum adanya PCRF. Pada masa yang sama, persaingan dalam kalangan bank telah memperluas rangkaian terminal POS dengan menawarkan MDR yang lebih rendah kepada peniaga.

Pembaharuan ini telah menyumbang kepada trajektori menaik bagi penggunaan e-pembayaran keseluruhan (Jadual 6.1). Sejak tahun 2011, jumlah urusan niaga e-pembayaran per kapita meningkat lebih dua kali kepada 111 urusan niaga per kapita pada tahun 2017, manakala penggunaan cek merosot sebanyak 41.9% kepada 119.0 juta. Dalam tempoh yang sama, jumlah terminal POS bertambah 96.2% kepada 407,111 terminal atau 13 terminal POS bagi setiap 1,000 orang penduduk. Urusan niaga kad debit juga meningkat lebih enam kali kepada 162.3 juta urusan niaga atau lima urusan niaga per kapita.

Bank menjangkakan berdepan beberapa cabaran dalam usaha untuk mencapai sasaran jumlah terminal

Jadual 6.1

Status Pencapaian Sasaran Pelan Sektor Kewangan

Penunjuk pembayaran	2011	2017	Sasaran 2020
Urus niaga e-pembayaran per kapita	49	111	200
Cek yang dijelaskan (juta)	205	119	100
Terminal kad pembayaran (setiap 1,000 penduduk)	7	13	25
Urus niaga kad debit per kapita	1	5	30

Sumber: Bank Negara Malaysia

POS dan urus niaga kad debit menjelang tahun 2020. Walaupun penurunan berterusan dalam MDR telah mendorong penerimaan kad debit yang lebih baik, usaha untuk mencapai pertumbuhan lebih pesat dalam tempoh tiga tahun yang akan datang menjadi lebih mencabar. Yang nyata, had maksimum fi pertukaran kad kredit semasa iaitu antara 0.94% hingga 1.04%, hanya dapat dikurangkan ke tahap kos layak iaitu 0.48% pada tahun 2021. Oleh itu, MDR kad kredit secara relatif masih tinggi (1.33%) berbanding dengan kad debit (0.56% bagi MyDebit; 0.89% bagi rangkaian debit antarabangsa). Bagi sesetengah peniaga, perkara ini mungkin terus menghalang penerimaan kad pembayaran. Selain itu, beberapa segmen pasaran tertentu, seperti peniaga kecil yang mengambil kira kos (cost-sensitive), mungkin akan terus memilih untuk menerima bayaran tunai, yang sering dianggap tiada kos walaupun mengandungi kos ekonomi yang tersembunyi.

Oleh itu, gelombang perubahan pembaharuan ketiga Bank akan tertumpu pada pembayaran mudah alih untuk melengkapkan kad debit bagi menggantikan penggunaan wang tunai di negara ini. Yang nyata, tahap keberkesanan kos yang lebih tinggi boleh dicapai menerusi pembayaran QR yang mengurangkan keperluan terminal POS. Selain itu, pembayaran mudah alih berfungsi sebagai saluran yang mudah bagi kira-kira 12 juta penduduk dewasa untuk menggunakan pembayaran secara digital (daripada 24 juta penduduk dewasa di Malaysia, 10 juta menggunakan perkhidmatan bank tetapi bukan pengguna perbankan dalam talian, manakala dua juta lagi tidak mempunyai akaun di bank). ICTF yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2018 akan

berperanan sebagai pemangkin untuk memperluas skop jangkauan pembayaran mudah alih. Ini dilakukan dengan memudahkan saling hubungan (interconnectivity) antara akaun bank dengan akaun wang elektronik di Malaysia melalui rangkaian kongsi (rujuk 'Pembayaran mudah alih untuk melengkapkan kad debit bagi menggantikan penggunaan wang tunai' dalam Bab ini untuk butiran lanjut).

Seiring teknologi pembayaran yang semakin berkembang, rangka kerja pengawalseliaan akan terus bersifat neutral teknologi dan menyokong inovasi yang menggalakkan kecekapan, keselamatan dan kebolehpercayaan lebih tinggi dalam landskap e-pembayaran Malaysia.

Rangka kerja pengawalseliaan terus menyokong inovasi dalam landskap e-pembayaran Malaysia

Peningkatan penggunaan pindahan kredit untuk menggantikan cek


Pada tahun 2017, penggunaan cek terus berkurang pada kadar dua angka iaitu sebanyak 10.6% kepada 119.0 juta cek (2016: -10.0%; 133.1 juta). IBG dan Pindahan Segera terus menjadi pilihan utama untuk menggantikan penggunaan cek, seperti dilihat dalam kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 27.9% kepada 328.6 juta urus niaga pada tahun 2017 (2016: 31.2%; 256.9 juta). Jumlah ini juga melebihi jumlah penggunaan cek sebanyak 2.8 kali (Rajah 6.5).

Cek masih lagi merupakan instrumen pembayaran yang melibatkan kos yang tinggi. Kos purata yang ditanggung bank untuk memproses setiap cek terus meningkat daripada RM3.00 pada tahun 2011 kepada RM4.00 pada tahun 2016. Sektor perniagaan juga menanggung kos pengendalian cek yang dianggarkan sebanyak RM6.80 berdasarkan kaji selidik terhadap 89 buah syarikat baru-baru ini. Kos ini dijangka meningkat lagi pada masa hadapan.

Bagi memastikan kos-kos tersebut tidak membebani peniaga dan pengguna, Bank terus komited untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran sebagai alternatif yang lebih murah. Oleh itu, bayaran bagi Pindahan Segera akan dimansuhkan bagi urus niaga bernilai sehingga RM5,000 bagi individu dan PKS mulai 1 Julai 2018. Urus niaga tersebut mencakupi kira-kira 79.6%

Rajah 6.5: Jumlah Urus Niaga bagi Cek dan Pindahan Kredit

Jumlah pindahan kredit mengatasi cek sebanyak 2.8 kali pada tahun 2017



Sumber: Bank Negara Malaysia


daripada jumlah cek tahunan yang digunakan oleh individu dan PKS dari tahun 2015 hingga 2017. ePIF juga akan diperluas dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020, dengan unjuran sumbangan tambahan sebanyak RM198 juta daripada bank, penanggung insurans dan pengendali takaful. Bagi menambah baik isyarat harga, Bank juga akan menaikkan fi pemrosesan cek daripada 50 sen kepada RM1.00 bagi setiap cek mulai 2 Januari 2021. Kenaikan ini selaras dengan kos memproses cek yang lebih tinggi.

Peningkatan penggunaan kad pembayaran untuk menggantikan wang tunai

Penggunaan kad pembayaran terus meningkat pada tahun 2017, pada kadar 15.7% dari segi jumlah urus niaga dan 10.3% dari segi nilai, kepada 573.5 juta urus niaga yang bernilai RM166.4 bilion (2016: 495.5 juta; RM150.8 bilion) (Rajah 6.6). Walaupun kad kredit masih merupakan instrumen pembayaran yang paling banyak digunakan, urus niaga kad debit meningkat dengan ketara pada tahun 2017, masing-masing kepada 50.9% dan 32.1% dari segi jumlah urus niaga dan nilai, kepada 162.3 juta urus niaga bernilai RM29.8 bilion (2016: 107.6 juta urus niaga; RM22.6 bilion). Berikutan itu, bahagian urus niaga kad debit daripada jumlah urus niaga kad pembayaran meningkat daripada 21.7% pada tahun 2016 kepada 28.3% pada tahun 2017.

Rajah 6.6: Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad

Bahagian urus niaga kad debit terus meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kad debit semakin popular dan mencatat pertumbuhan ketara masing-masing sebanyak 50.9% dan 32.1% dari segi jumlah dan nilai urus niaga

Terdapat tanda-tanda yang jelas bahawa kad debit kini digunakan untuk menggantikan wang tunai. Kad debit kini semakin kerap digunakan untuk membeli barangan bernilai rendah. Nilai purata urus niaga menggunakan kad debit lebih rendah daripada RM232 pada tahun 2013 kepada RM184 pada tahun 2017. Secara purata, jumlah pengeluaran wang tunai melalui Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM) setahun juga lebih sederhana pada 6.3% antara tahun 2013 hingga 2017, berbanding dengan 8.7% dalam tempoh tahun 2008 hingga 2012. Trend ini disebabkan oleh tiga faktor utama:

- Pertama, kad pembayaran tanpa sentuhan semakin banyak digunakan. Pada tahun 2017, nisbah urus niaga kad tanpa sentuhan kepada jumlah urus niaga kad debit meningkat dengan ketara daripada 1.9% pada tahun 2016 kepada 7.8% pada tahun 2017. Hal ini turut disokong oleh jumlah terminal POS tanpa sentuhan yang terus bertambah daripada 33,721 terminal pada tahun 2016 kepada 96,601 terminal pada tahun 2017.
- Kedua, penyediaan rangkaian terminal POS yang lebih banyak telah membolehkan penggunaan kad debit yang lebih meluas. Terminal POS terus mengekalkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 24.7% kepada 407,111 terminal (2016: 17.3%; 326,507 terminal) (Rajah 6.7). Perkembangan ini didorong

oleh MDF dan kadar purata MDR yang terus menurun (Rajah 6.8). Hal ini meningkatkan anggaran penjimatan kos tahunan peniaga sebanyak kira-kira RM277.1 juta pada tahun 2017 dan penjimatan kos kumulatif sebanyak RM507.6 juta sejak PCRFF mula dilaksanakan pada tahun 2015.

- Ketiga, perbincangan dan interaksi dengan orang ramai untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan mereka terhadap penggunaan kad debit juga memainkan peranan penting. Bank, bersama-sama peserta industri, terus menganjurkan program jeryawara (roadshow) di seluruh negara, serta mengadakan perbincangan dan berinteraksi dengan persatuan perniagaan, dan meneruskan inisiatif jangkauan dan pendidikan yang lain menerusi media cetak dan digital. Pada tahun 2017, Kumpulan

Kad Kebangsaan (NCG) juga menganjurkan siri kempenya di bandar-bandar di seluruh negara. Kempen ini bertujuan menggalakkan sektor perniagaan untuk menerima kad pembayaran dalam urus niaga mereka. Untuk tujuan ini, pelbagai insentif telah ditawarkan oleh 108 cawangan bank di 14 bandar yang menyertai kempen ini.


Pembayaran mudah alih untuk melengkapkan kad debit bagi menggantikan penggunaan wang tunai

Landskap pembayaran mudah alih terus menunjukkan potensi yang besar untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran. Di Malaysia, pendorong utama perpindahan termasuklah kadar penggunaan telefon mudah alih yang tinggi, penerimaan pembayaran mudah alih yang semakin meningkat oleh pengguna dan peniaga, serta pertambahan bilangan peserta baharu dalam segmen tersebut. Penembusan telefon mudah alih kekal tinggi dengan jumlah langganan telefon mudah alih sebanyak 42.4 juta berbanding dengan jumlah penduduk negara sebanyak 32.1 juta orang. Daripada jumlah itu, 70% menggunakan telefon pintar. Pada tahun 2017, urus niaga kewangan menerusi saluran perbankan mudah alih meningkat 90.1% kepada 106.1 juta urus niaga, dengan nilai sebanyak RM48.3 bilion (2016: 74.3%, 55.8 juta urus niaga; RM33.2 bilion). Jumlah pengeluaran wang elektronik bukan bank bertambah kepada 37 pengeluaran pada tahun 2017 (2016: 26 pengeluaran). Semakin banyak bank dan pengeluaran wang elektronik bukan bank menawarkan perkhidmatan pembayaran menerusi aplikasi telefon mudah alih yang meliputi kod QR dan pindahan dana antara individu (person-to-person, P2P). Trend ini dijangka meningkatkan persaingan, sekali gus mengurangkan kos dan menambah rangkaian produk pembayaran mudah alih yang ditawarkan.

Suatu perkembangan penting yang boleh membentuk persekitaran yang diperlukan untuk menggalakkan penerimaan kaedah pembayaran mudah alih yang lebih meluas ialah pengeluaran ICTF oleh Bank pada tahun 2018. ICTF menggalakkan persaingan secara bersama (co-opetition) antara bank dan pengeluaran wang elektronik bukan bank. Dalam hal ini, pengeluaran bekerjasama pada peringkat penyediaan infrastruktur untuk mengembangkan skop jangkauan rangkaian dan mengurangkan kos menerusi infrastruktur pembayaran kongsi. Pada masa yang sama, ia menggalakkan persaingan produk agar tahap perkhidmatan dapat ditingkatkan dan pelanggan boleh membuat bayaran melalui cara yang mudah.

Rajah 6.7: Bilangan Terminal POS

Terminal POS mengekalkan pertumbuhan dua angka sejak 2015




* Kadar pertumbuhan tahunan purata (average annual growth rate, AAGR)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.8: MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran

MDR purata terus menurun



Sumber: Bank Negara Malaysia

ICTF berteraskan tiga tonggak utama:

- Akses yang sama rata dan terbuka kepada infrastruktur pembayaran kongsi, yang akan diberikan kepada bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank yang layak. Langkah ini dijangka memperluas jangkauan rangkaian dan pada masa yang sama mewujudkan keadaan pasaran yang lebih bersepadu. Disebabkan profil bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank yang pelbagai, ICTF menetapkan keperluan pengurusan risiko yang setara mengikut jenis, skala dan kerumitan aktiviti dan juga profil risiko institusi.
- Perkhidmatan pindahan kredit yang bercirikan saling boleh kendali, termasuk pembayaran mudah alih. Pemegang akaun boleh memindahkan dana dengan mudah dengan menetapkan pengenal pasti (identifiers) penerima yang berdaftar dalam Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan (National Addressing Database, NAD). NAD akan ditubuhkan oleh pengendali infrastruktur pembayaran kongsi. Pengenal pasti tersebut termasuklah nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan penerima, tanpa mengira lokasi akaun penerima. ICTF juga menghendaki pengendali infrastruktur pembayaran kongsi membentuk skim QR saling boleh kendali untuk membolehkan pengguna dan peniaga membuat dan menerima bayaran menerusi penggunaan satu kod QR yang sama.
- Keperluan amalan dan pelindung bagi melindungi pengguna dan peniaga. Ini termasuk peraturan perlindungan liabiliti perbankan elektronik yang terpakai bagi pengguna perkhidmatan pindahan kredit, termasuk pembayaran mudah alih. Selain itu, bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank dikehendaki memaklumi pengguna dengan serta-merta mengenai urus niaga yang dibuat, serta menggunakan cara yang mudah untuk menguruskan had urus niaga dan menyemak baki akaun pada asas masa nyata. Bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank juga dikehendaki menggunakan kawalan yang kukuh untuk melindungi data pelanggan.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga tonggak ini dijangka mengurangkan risiko pasaran yang tidak bersepadu, dan pada masa yang sama menggalakkan peningkatan persaingan dan inovasi antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank. Ini seterusnya akan menggalakkan pembangunan perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan segmen pengguna yang berbeza. Sebagai sebahagian daripada inisiatif


yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan pembayaran mudah alih dalam kalangan pengguna dan peniaga, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai. Ini bertujuan untuk menangani apa-apa isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kaedah pembayaran baharu seperti pembayaran kod QR.

Pada 1 Ogos 2017, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), yang mengendalikan sistem pembayaran bernilai tinggi di Malaysia dan membangunkan infrastruktur pasaran kewangan utama, bersama-sama Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS), yang menyediakan perkhidmatan rangkaian ATM kongsi, telah bergabung untuk membentuk PayNet. Gabungan tersebut menandakan suatu pencapaian penting untuk memanfaatkan sinergi dan menyelaraskan penggunaan sumber-sumber industri dengan lebih baik untuk memajukan lagi sistem pembayaran di Malaysia. Sebagai pengendali infrastruktur pembayaran kongsi, PayNet dilihat boleh memainkan peranan penting untuk menyokong pelaksanaan ICTF yang berkesan.

Selain itu, PayNet diberikan tanggungjawab untuk membangunkan Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) untuk menjadi pemangkin aktiviti inovasi yang lebih luas dalam persekitaran pembayaran dalam negeri. Usaha untuk membangunkan RPP terus menunjukkan kemajuan yang baik pada tahun 2017 dan RPP dijangka mula dilaksanakan pada suku ketiga 2018 (Gambar Rajah 6.2).

Gambar Rajah 6.2

Gambaran Keseluruhan Ekosistem RPP



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Tambahan

KANDUNGAN

Perangkaan Utama Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Kewangan

A.1	Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama	MS 1
A.2	Sektor Isi Rumah: Pinjaman Terjejas Kasar dan Delinkuen Kasar bagi Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Bank	MS 2
A.3	Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas dan Pinjaman Delinkuen Kasar Sistem Perbankan	MS 2
A.4	Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful	MS 3

Sistem Perbankan

A.5	Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 4
A.6	Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 5
A.7	Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 6
A.8	Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 7
A.9	Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja	MS 8
A.10	Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi	MS 8
A.11	Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi	MS 9

Sektor Insurans dan Takaful

A.12	Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 10
A.13	Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi	MS 10
A.14	Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan	MS 11
A.15	Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Operasi	MS 11

Institusi Kewangan Pembangunan

A.16	Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 12
A.17	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana	MS 13
A.18	Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 14
A.19	Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi	MS 15
A.20	Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih	MS 16

Perniagaan Perkhidmatan Wang

A.21	Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk	MS 17
------	--------------------------------------	-------

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.22	Penunjuk Pembayaran Asas	MS 18
A.23	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga	MS 19
A.24	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga	MS 19
A.25	Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 20
A.26	Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS	MS 21
A.27	Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 22
A.28	Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran	MS 22
A.29	Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia	MS 23
A.30	Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)	MS 23
A.31	Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran	MS 23
A.32	Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen	MS 24

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	14.9	15.9	16.6	16.5	17.1
Nisbah Modal Kumpulan 1	13.5	14.0	14.2	14.0	14.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	12.6	13.3	13.3	13.1	13.3
Pulangan atas Aset	1.5	1.5	1.3	1.3	1.5
Pulangan atas Ekuiti	15.9	15.2	12.3	12.5	13.0
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset	11.6	13.3	-	-	-
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek	36.5	42.6	-	-	-
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai ¹	-	-	127.4	124.3	134.9
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.3	1.2	1.2	1.2	1.1
Caj Modal bagi Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.5	1.4	1.2	1.1	1.0
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas	5.7	4.7	6.1	6.3	6.1
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	0.8	1.3	0.7	1.5	1.0
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	246.1	251.9	251.6	248.2	236.3
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	13.2	13.8	12.0	13.3	19.0
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	12.1	12.9	13.2	14.2	15.1
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	260.9	259.2	260.6	245.0	233.5
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.8	1.8	1.3	1.8	1.4
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	3.2	3.2	2.7	3.4	2.7
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	17.8	19.1	19.5	19.7	19.9
Nisbah Tuntutan	57.1	57.5	60.2	55.9	58.3
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	231.7	279.7	263.3	269.1	268.9
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	877.4	960.0	1,030.5	1,086.1	1,139.9
Aset Kewangan IR (RM bilion)	1,904.9	2,015.0	2,119.3	2,232.4	2,423.6
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	86.1	86.8	89.0	88.3	84.3
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	217.1	209.9	205.7	205.5	212.6
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	155.7	147.5	142.4	140.7	145.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	2.2	1.9	1.6	1.6	1.6
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	6.4	6.0	4.9	4.6	4.4
Pulangan atas Ekuiti	11.3	10.2	8.8	7.9	7.7
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	39.1	39.2	43.2	43.0	47.0
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	13.1	12.0	10.6	11.5	9.1
Margin Operasi	16.1	15.9	14.8	14.5	15.4
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.9	2.6	2.5	2.5	2.5
Institusi Kewangan Pembangunan²					
Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	8.1	7.0	5.5	5.7	0.1
Deposit Digembleng (% perubahan)	7.2	5.3	2.0	6.4	4.8
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.6	5.0	4.8	5.9	5.2
Pulangan atas Aset	2.2	1.6	1.4	1.0	1.4

¹ Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan menggantikan garis panduan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan pada 1 Julai 1998

² Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Sektor Isi Rumah: Pinjaman Terjejas Kasar dan Delinkuen Kasar bagi Sistem Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Bank

	Pinjaman Terjejas Kasar						Pinjaman Delinkuen Kasar					
	Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)			Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)		
	2015	2016	2017	2015	2016	2017	2015	2016	2017	2015	2016	2017
Keseluruhan	1.6	1.6	1.6	-6.1	4.2	2.0	1.5	1.5	1.4	-7.8	2.7	-0.6
Harta kediaman	1.8	1.7	1.6	-4.6	3.6	2.4	1.5	1.4	1.3	1.3	3.8	-1.1
Harta bukan kediaman	1.0	1.1	1.2	-3.4	9.6	11.5	0.7	0.9	1.1	-2.0	28.2	21.1
Kenderaan bermotor	1.4	1.4	1.4	-20.7	-2.6	-1.1	2.8	2.8	2.7	-22.8	-3.4	-2.3
Pembiayaan peribadi	1.9	2.0	2.2	12.2	14.8	9.5	0.7	0.8	0.8	13.9	13.8	2.1
Kad kredit	1.8	1.9	1.6	-16.9	5.2	-11.9	1.3	1.2	1.1	-13.3	0.4	-10.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.3

Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas dan Pinjaman Delinkuen Kasar Sistem Perbankan

	% daripada Jumlah Dedahan Hutang Domestik ¹	% daripada Jumlah Pinjaman Perniagaan	Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (%)			Nisbah Pinjaman Delinkuen Kasar (%)		
			2017	2015	2016	2017	2015	2016
Keseluruhan		100	2.5	2.5	2.5	0.3	0.4	0.3
antaranya: PKS		53.1	2.5	2.4	2.6	0.4	0.5	0.5
Pertanian utama	5.3	6.1	1.0	0.9	0.7	0.1	0.1	0.2
<i>antaranya: Minyak sawit</i>	3.7	4.2	1.2	1.0	0.8	0.1	0.1	0.2
Perlombongan dan kuari	2.2	1.7	0.2	4.0	5.2	0.1	0.2	0.6
<i>antaranya: Minyak dan gas²</i>	2.0	1.4	0.1	4.2	5.5	0.03	0.1	0.5
Perkilangan	15.3	17.9	3.9	3.7	3.5	0.2	0.2	0.3
<i>antaranya: Automotif</i>	1.0	1.1	2.2	3.7	7.2	0.03	0.3	0.1
Pembinaan	14.6	12.6	2.8	2.4	2.4	0.5	0.6	0.5
Perkhidmatan	62.6	61.7	2.3	2.2	2.4	0.3	0.4	0.3
<i>antaranya: Perdagangan borong dan runcit</i>	14.8	17.5	1.9	1.7	1.8	0.3	0.4	0.4
<i>antaranya: Pengangkutan dan penyimpanan</i>	5.4	4.3	7.9	7.9	9.5	1.2	1.5	0.1
<i>antaranya: Pos dan komunikasi</i>	2.6	2.0	2.2	2.0	1.1	0.1	0.5	0.1
<i>antaranya: Aktiviti harta tanah</i>	18.6	19.9	1.5	1.5	1.5	0.2	0.2	0.3

¹ Termasuk pinjaman daripada sistem perbankan dan pemegangan bon korporat/sukuk oleh bank² Termasuk aktiviti huluan dan hiliran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.4

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir tahun				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset ^{1,2}	558,295.0	615,190.0	684,906.2	743,562.8	829,819.3
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan ^{1,2}	25.0	25.5	26.8	28.0	30.0
Jumlah pembiayaan ^{1,2}	370,673.8	427,887.8	495,005.9	553,402.4	605,522.8
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan ^{1,2}	27.5	29.2	31.3	33.2	34.9
Jumlah deposit dan akaun pelaburan ^{1,3}	-	-	550,275.1	602,204.1	672,611.2
Jumlah deposit	436,327.6	494,738.3	503,127.8	528,527.0	593,878.8
Jumlah akaun pelaburan	-	-	47,147.3	73,677.1	78,732.4
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan ^{1,3}	26.7	28.2	30.0	31.7	34.1
	%				
Nisbah Jumlah Modal	15.1	16.2	16.1	16.6	17.6
Nisbah Modal Kumpulan 1	12.8	12.9	12.3	13.0	13.7
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	12.8	12.8	12.3	13.0	13.2
Pulangan atas Aset	1.2	1.1	1.0	1.0	1.1
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.0	0.9	0.9	1.0	0.9
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	20,934.2	22,746.3	24,711.0	26,781.7	29,289.8
Keluarga	17,952.2	19,619.3	21,389.1	23,189.1	25,643.5
Am	2,982.0	3,127.0	3,321.9	3,592.5	3,646.3
% daripada industri insurans dan takaful	9.2	9.4	9.7	10.0	10.1
Pendapatan Sumbangan Bersih	6,207.9	6,330.6	6,815.6	7,534.6	8,253.4
Keluarga	4,807.4	4,787.2	5,104.3	5,743.9	6,353.0
Am	1,400.5	1,543.4	1,711.3	1,790.7	1,900.4
% daripada industri insurans dan takaful	14.1	13.4	13.8	14.6	15.2
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	3,563.5	3,500.3	3,638.4	3,951.1	4,345.6
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	1,908.8	2,163.7	2,295.9	2,401.7	2,557.0
Nisbah Tuntutan (%)	53.6	47.8	51.9	49.0	51.1

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

² Mulai 1 Julai 2015, termasuk aset / pembiayaan yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira

³ Mulai 1 Julai 2015, deposit Islam dan akaun pelaburan hendaklah diasingkan. Angka bagi akaun pelaburan termasuk akaun yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Sistem Perbankan¹: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	83,079.3	89,416.7	96,784.6	100,160.0	104,204.9
Tolak: Perbelanjaan faedah	43,621.4	47,911.5	54,612.9	57,191.2	57,902.9
Pendapatan faedah bersih	39,457.8	41,505.1	42,171.8	42,968.8	46,302.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	9,617.6	10,103.0	9,682.7	9,380.2	10,552.3
Tolak: Kos kakitangan	13,561.5	13,628.7	15,206.3	14,294.4	15,308.0
Kos overhead	13,383.7	14,171.8	15,229.4	15,160.6	15,728.6
Keuntungan operasi kasar	22,130.2	23,807.6	21,418.8	22,893.9	25,817.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai ² dan lain-lain	2,427.1	1,472.0	2,883.7	2,700.9	2,066.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	19,703.1	22,335.6	18,535.1	20,193.1	23,751.3
Campur: Pendapatan lain	10,054.5	9,593.3	10,460.8	12,053.3	12,459.0
Untung sebelum cukai	29,757.6	31,928.9	28,995.9	32,246.3	36,210.3
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.5	1.5	1.3	1.3	1.5
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	15.9	15.2	12.3	12.5	13.0
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	236.2	255.0	237.1	271.3	305.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	45.6	45.4	48.8	45.7	44.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	68.3	67.0	72.2	68.5	67.0
Nisbah kos overhead kepada kos kakitangan (%)	98.7	104.0	100.2	106.1	102.7
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	108.4	108.8	127.5	120.7	128.8

¹ Termasuk bank-bank Islam

² Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.6

Bank Perdagangan¹: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	81,085.9	87,707.9	95,028.2	98,543.5	102,490.8
Tolak: Perbelanjaan faedah	42,165.1	46,598.7	53,348.2	56,106.7	56,706.9
Pendapatan faedah bersih	38,920.9	41,109.2	41,680.0	42,436.7	45,783.9
Campur: Pendapatan berasaskan fi	7,874.4	8,179.1	8,076.6	8,068.0	8,976.7
Tolak: Kos kakitangan	12,399.9	12,488.5	14,071.0	13,253.9	14,200.8
Kos overhead	12,571.6	13,232.2	14,394.9	14,486.0	15,101.0
Keuntungan operasi kasar	21,823.8	23,567.5	21,290.7	22,764.8	25,458.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai ² dan lain-lain	2,467.4	1,487.0	2,925.7	2,687.3	2,018.8
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	19,356.4	22,080.5	18,365.0	20,077.5	23,440.1
Campur: Pendapatan lain	9,409.3	8,675.3	9,898.3	11,398.8	11,896.8
Untung sebelum cukai	28,765.7	30,755.8	28,263.3	31,476.4	35,336.9
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.5	1.5	1.3	1.3	1.4
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	16.0	15.4	12.6	12.8	13.2
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	246.3	264.6	249.2	284.7	316.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperolehi (sen)	44.4	44.4	47.7	44.8	44.0
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	64.2	62.6	68.3	65.4	64.0
Nisbah kos overhead kepada kos kakitangan (%)	101.4	106.0	102.3	109.3	106.3
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	106.7	107.5	127.2	120.0	125.6

¹ Termasuk bank-bank Islam

² Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	1,993.3	1,708.8	1,756.4	1,616.6	1,714.1
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,456.4	1,312.8	1,264.6	1,084.5	1,196.0
Pendapatan faedah bersih	536.9	396.0	491.8	532.1	518.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1,743.2	1,923.9	1,606.1	1,312.2	1,575.6
Tolak: Kos kakitangan	1,161.5	1,140.1	1,135.3	1,040.5	1,107.2
Kos overhead	812.2	939.6	834.5	674.5	627.6
Keuntungan operasi kasar	306.4	240.1	128.1	129.1	358.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai ¹ dan lain-lain	-40.4	-15.0	-42.0	13.6	47.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	346.8	255.1	170.1	115.5	311.2
Campur: Pendapatan lain	645.2	918.0	562.5	654.4	562.2
Untung sebelum cukai	991.9	1,173.1	732.6	770.0	873.4
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.7	2.1	1.4	1.5	1.7
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	10.6	11.4	6.9	7.2	8.2
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	107.7	130.8	82.7	92.9	127.0
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperolehi (sen)	67.5	64.2	74.0	68.6	65.3
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	367.6	525.2	400.6	322.4	334.9
Nisbah kos overhead kepada kos kakitangan (%)	69.9	82.4	73.5	64.8	56.7
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	131.8	125.0	131.9	130.6	191.5

¹ Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

^a Awal

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.8

Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan ¹ <i>antaranya: diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan</i>	18,106.3	20,416.1	23,520.3	25,762.8	28,192.1
Tolak: Perbelanjaan ¹ <i>antaranya: keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan</i>	-	-	1,041.9	7,295.8	8,122.8
	9,422.9	10,888.9	13,738.6	15,238.0	16,432.8
	-	-	601.7	3,987.0	5,289.9
Pendapatan bersih	8,683.3	9,527.2	9,781.7	10,524.8	11,759.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi ²	1,048.4	1,056.9	1,121.3	1,309.9	1,571.2
Tolak: Kos kakitangan	1,740.0	1,741.9	1,754.7	1,789.6	2,001.7
Kos overhead	3,079.2	3,225.5	3,495.6	3,685.4	3,989.2
Keuntungan operasi kasar	4,912.5	5,616.8	5,652.8	6,359.7	7,339.5
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	443.8	758.2	1,067.8	1,175.1	756.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,468.7	4,858.6	4,585.0	5,184.6	6,582.6
Campur: Pendapatan lain	444.0	253.1	449.4	392.0	96.3
Untung sebelum cukai	4,912.7	5,111.7	5,034.4	5,576.6	6,678.9
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.2	1.1	1.0	1.0	1.1
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.0	15.7	14.0	13.9	15.1
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000) ⁴	167.0	173.1	161.8	177.6	201.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	24.6	22.9	20.9	19.9	20.1
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	55.5	52.1	53.7	52.0	50.9
Nisbah kos overhead kepada kos kakitangan (%)	177.0	185.2	199.2	205.9	199.3
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000) ⁴	59.1	59.0	56.4	57.0	60.3

¹ Mulai 1 Julai 2015, pendapatan dan perbelanjaan termasuk daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan dan keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan

² Termasuk pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di luar kunci kira-kira

³ Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan

⁴ Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit

^a Awal

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.9

Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja

	Pada akhir tahun				
	2013	2014	2015	2016	2017a
Bilangan institusi	55	54	54	54	54
<i>Bank perdagangan</i>	27	27	27	27	27
<i>Bank pelaburan</i>	12	11	11	11	11
<i>Bank-bank Islam</i>	16	16	16	16	16
Rangkaian pejabat	2,479	2,494	2,500	2,498	2,494
<i>Bank perdagangan</i>	2,029	2,045	2,048	2,019	2,019
<i>Bank pelaburan</i>	135	135	119	130	130
<i>Bank-bank Islam¹</i>	2,177	2,192	2,206	2,197	2,196
Bilangan pekerja	125,071	125,307	119,246	118,465	118,851
<i>Bank perdagangan</i>	106,006	106,783	101,718	101,378	103,806
<i>Bank pelaburan</i>	8,814	9,122	8,606	7,970	5,783
<i>Bank-bank Islam</i>	10,251	9,402	8,922	9,117	9,262

¹ Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.10

Bank Perdagangan¹: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2013	2014	2015	2016	2017a
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	5,284.8	6,762.4	8,852.4	12,066.7	17,399.9
Komitmen pengeluaran pinjaman	470,299.8	472,472.5	490,961.9	503,193.1	523,609.8
Pengganti kredit langsung	33,087.9	29,897.3	32,830.2	30,867.5	28,027.3
Kontrak berkaitan pertukaran asing	577,388.4	760,062.7	891,122.5	924,253.8	930,583.3
Kontrak berkaitan kadar faedah	772,958.0	791,736.1	858,058.7	941,300.7	958,693.0
Kontingensi berkaitan perdagangan	10,677.4	13,724.3	13,505.9	11,834.1	11,173.2
Kontingensi berkaitan urus niaga	50,561.5	57,964.8	60,492.9	66,338.3	66,115.5
Obligasi pengunderaitan	522.0	466.0	76.0	76.0	415.0
Lain-lain	55,541.2	63,046.9	58,523.2	58,783.8	40,588.9
Jumlah	1,976,320.9	2,196,133.0	2,414,423.9	2,548,714.0	2,576,605.8

¹ Termasuk bank-bank Islam

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	12.4	77.0	4.5	11.0	4.0
Komitmen pengeluaran pinjaman	5,454.8	5,609.1	5,802.7	6,160.1	6,825.1
Pengganti kredit langsung	316.6	418.0	543.0	305.4	109.2
Kontrak berkaitan pertukaran asing	7,548.1	7,941.7	8,736.5	6,064.5	7,973.8
Kontrak berkaitan kadar faedah	9,779.4	8,957.2	7,370.6	7,574.8	7,759.8
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	10.5
Obligasi pengunderaitan	680.8	90.2	218.4	85.6	120.0
Lain-lain	3,402.7	3,296.3	2,967.2	2,892.6	3,057.7
Jumlah	27,205.4	26,399.9	25,653.4	23,104.7	25,859.9

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.12

Insurans Hayat¹: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta				
Premium bersih	26,458.1	28,824.8	30,041.2	31,585.9	33,233.0
Tolak: Faedah polisi bersih	16,357.7	17,997.2	20,541.3	21,372.9	22,617.1
Imbuan agensi	3,667.9	3,837.0	3,899.6	4,100.8	4,303.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,481.8	2,626.5	2,994.6	3,228.1	3,471.2
Baki transaksi	3,950.7	4,364.1	2,605.6	2,884.2	2,841.0
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	7,208.4	7,623.2	8,057.0	8,446.2	9,070.1
Perolehan modal bersih (kerugian)	-1,344.2	-856.2	-209.7	260.4	4,052.3
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	1,272.8	512.9	-104.2	-341.1	460.5
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	11,087.7	11,643.9	10,348.7	11,249.7	16,423.8

¹ Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans hayat global

^a Awal

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

Insurans Am¹: Pengunderaitan dan Hasil Operasi

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	13,821.3	14,885.6	15,633.8	15,995.0	16,365.9
Tolak: Tuntutan bersih	7,934.2	8,699.6	9,553.3	9,062.6	9,666.9
Komisen bersih	1,789.8	1,963.4	2,015.6	2,172.5	2,127.5
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,477.1	2,656.4	2,929.3	3,211.1	3,368.1
Keuntungan pengunderaitan	1,620.1	1,566.3	1,135.6	1,548.9	1,203.4
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	1,015.7	1,063.9	1,152.8	1,247.6	1,257.2
Perolehan modal bersih (kerugian)	24.8	-29.2	1.0	-6.4	36.7
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	180.5	197.3	88.3	194.9	-140.0
Keuntungan operasi	2,841.1	2,798.3	2,377.7	2,984.9	2,357.3

¹ Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans am global

^a Awal

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Takaful Keluarga¹: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta				
Sumbangan bersih	4,807.4	4,787.2	5,104.3	5,743.9	6,353.0
Tolak: Manfaat sijil bersih	1,999.2	2,027.6	2,449.9	2,666.3	2,881.4
Komisen bersih	761.2	731.5	850.6	953.7	1,063.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	642.5	731.4	845.7	968.9	1,118.3
Baki transaksi	1,404.5	1,296.7	958.2	1,155.0	1,289.5
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	659.1	736.9	837.4	922.6	1,031.6
Perolehan modal bersih (kerugian)	-164.4	-56.1	16.4	-8.8	194.3
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	206.6	138.5	-140.5	-59.1	41.0
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,105.9	2,116.0	1,671.5	2,009.6	2,556.4

¹ Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful keluarga

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.15

Takaful Am¹: Pengunderaitan dan Hasil Operasi

	Untuk tahun kalendar				
	2013	2014	2015	2016	2017 ^a
	RM juta				
Pendapatan sumbangan diperoleh	1,390.0	1,466.8	1,671.4	1,778.0	1,863.8
Tolak: Tuntutan bersih	743.2	700.6	867.9	870.5	953.3
Komisen bersih	192.4	91.9	105.0	101.3	99.5
Jumlah perbelanjaan pengurusan	247.4	416.7	502.9	553.2	650.5
Keuntungan pengunderaitan	207.0	257.6	195.6	253.0	160.5
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	102.8	110.6	119.1	128.6	134.0
Perolehan modal bersih (kerugian)	-0.9	0.5	0.7	-0.4	0.0
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	72.7	9.6	3.3	39.3	6.9
Keuntungan operasi	381.6	378.3	318.8	420.5	301.5

¹ Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful am

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana

	IKP ¹ di bawah AIKP ²		IKP ³ bukan di bawah AIKP ²		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
	RM juta					
Sumber:						
Ekuiti pemegang saham	31,379.3	33,924.4	9,168.3	9,110.6	40,547.6	43,035.0
<i>antaranya:</i>						
Modal berbayar	11,123.4	11,623.4	2,871.5	2,871.5	13,994.9	14,494.9
Rizab	8,048.0	9,228.1	1,391.6	1,129.6	9,439.6	10,357.7
Perolehan/Kerugian tertahan	9,649.7	10,712.8	1,879.7	2,091.3	11,529.4	12,804.1
Liabiliti	173,058.8	177,799.0	76,524.3	82,597.6	249,583.1	260,396.6
<i>antaranya:</i>						
Deposit diterima	126,159.1	129,511.6	66,017.1	71,763.8	192,176.2	201,275.4
Peminjaman	11,248.5	9,144.6	7,547.9	7,606.8	18,796.4	16,751.4
<i>Kerajaan</i>	7,966.1	7,314.5	1,607.1	1,592.8	9,573.2	8,907.3
<i>Agensi pelbagai hala/ antarabangsa</i>	2,382.4	1,830.1	4.8	-	2,387.2	1,830.1
<i>Lain-lain</i>	900.0	-	5,936.0	6,014.0	6,836.0	6,014.0
Sekuriti hutang diterbitkan	20,502.7	21,110.4	-	-	20,502.7	21,110.4
Jumlah	204,438.1	211,723.4	85,692.6	91,708.2	290,130.7	303,431.6
Kegunaan:						
Aset	204,438.1	211,723.4	85,692.6	91,708.2	290,130.7	303,431.6
<i>antaranya:</i>						
Deposit disimpan	7,445.9	5,565.1	11,440.4	12,160.8	18,886.3	17,725.9
Pelaburan	43,618.2	49,837.1	53,194.5	56,620.3	96,812.7	106,457.4
<i>antaranya:</i>						
<i>Sekuriti Kerajaan</i>	23,857.5	23,580.6	-	-	23,857.5	23,580.6
<i>Saham</i>	906.2	848.8	20,166.2	18,527.4	21,072.4	19,376.2
<i>Disenaraikan</i>	860.4	802.9	19,783.3	18,358.8	20,643.7	19,161.7
<i>Tidak disenaraikan</i>	45.8	45.9	382.9	168.6	428.7	214.5
<i>Sekuriti hutang korporat</i>	10,747.0	14,002.2	15,498.9	17,993.3	26,245.9	31,995.5
Pinjaman dan pendahuluan	143,330.2	143,546.2	9,594.0	9,930.6	152,924.2	153,476.8
Aset tetap	4,111.3	4,432.5	7,180.3	7,951.9	11,291.6	12,384.4
Jumlah	204,438.1	211,723.4	85,692.6	91,708.2	290,130.7	303,431.6
Kontingensi:						
Jaminan	729.0	613.0	5,242.6	6,496.2	5,971.6	7,109.2
Insurans kredit eksport	1,333.5	1,795.8	-	-	1,333.5	1,795.8
Jumlah	2,062.5	2,408.8	5,242.6	6,496.2	7,305.1	8,905.0

¹ Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

² Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

³ Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Institusi Kewangan Pembangunan¹ di bawah AIKP²: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun 2017						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Sumber:							
Ekuiti pemegang saham	16,292.8	2,506.6	7,546.1	2,794.6	2,761.8	2,022.5	33,924.4
<i>antaranya:</i>							
Modal berbayar	2,986.0	-	3,078.7	1,000.0	2,708.7	1,850.0	11,623.4
Rizab	5,525.9	1,226.0	1,941.7	459.8	93.6	-18.9	9,228.1
Perolehan/Kerugian tertahan	5,920.0	1,102.6	2,407.4	1,164.5	51.4	66.9	10,712.8
Liabiliti	90,415.9	28,335.6	22,927.5	13,249.9	13,679.4	9,190.7	177,799.0
<i>antaranya:</i>							
Deposit diterima	83,359.8	24,883.1	8,073.8	9,769.4	-	3,425.5	129,511.6
Peminjaman	230.4	45.9	2,750.0	2,201.1	1,866.0	2,051.2	9,144.6
<i>Kerajaan</i>	230.4	45.9	2,750.0	2,201.1	35.9	2,051.2	7,314.5
<i>Agensi pelbagai hala/ antarabangsa</i>	-	-	-	-	1,830.1	-	1,830.1
<i>Lain-lain</i>	-	-	-	-	-	-	-
Sekuriti hutang diterbitkan	3,443.8	-	7,550.0	-	8,295.2	1,821.4	21,110.4
Jumlah	106,708.7	30,842.2	30,473.6	16,044.5	16,441.2	11,213.2	211,723.4
Kegunaan:							
Aset	106,708.7	30,842.2	30,473.6	16,044.5	16,441.2	11,213.2	211,723.4
<i>antaranya:</i>							
Deposit disimpan	1,521.3	114.1	1,420.6	993.1	950.6	565.4	5,565.1
Pelaburan	30,689.5	5,566.6	5,407.0	4,404.0	1,119.4	2,650.6	49,837.1
<i>antaranya:</i>							
<i>Sekuriti Kerajaan</i>	17,663.1	2,216.7	1,223.1	1,529.2	-	948.5	23,580.6
<i>Saham</i>	581.4	71.0	187.0	0.2	-	9.2	848.8
<i>Disenaraikan</i>	572.1	71.0	159.6	0.2	-	-	802.9
<i>Tidak disenaraikan</i>	9.3	-	27.4	-	-	9.2	45.9
<i>Sekuriti hutang korporat</i>	4,394.8	438.8	3,996.9	2,874.6	1,119.4	1,177.7	14,002.2
Pinjaman dan pendahuluan	70,628.9	22,363.7	22,033.3	9,609.9	12,390.8	6,519.6	143,546.2
Aset tetap	1,453.9	1,462.0	182.7	553.3	83.5	697.1	4,432.5
Jumlah	106,708.7	30,842.2	30,473.6	16,044.5	16,441.2	11,213.2	211,723.4

¹ Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

² Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.18

Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	IKP ¹ di bawah AIKP ²		IKP ³ bukan di bawah AIKP ²		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
	RM juta					
Pertanian, perhutanan dan perikanan	9,224.8	9,984.5	724.8	763.7	9,949.6	10,748.2
Perlombongan dan pengkuarian	677.8	239.0	1,082.2	1,038.7	1,760.0	1,277.7
Perkilangan	5,331.1	4,975.6	429.5	427.1	5,760.6	5,402.7
Bekalan elektrik, gas dan air	4,432.6	4,047.7	481.9	490.7	4,914.5	4,538.4
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,750.2	5,012.8	194.6	178.3	4,944.8	5,191.1
Sektor harta benda yang luas	23,623.1	23,928.6	3,129.0	3,416.9	26,752.1	27,345.5
<i>Pembinaan</i>	12,183.2	11,972.8	2,462.8	2,687.8	14,646.0	14,660.6
<i>Pembelian harta kediaman</i>	10,483.3	11,052.1	63.4	54.5	10,546.7	11,106.6
<i>Pembelian harta bukan kediaman</i>	232.0	220.0	24.4	24.4	256.4	244.4
<i>Harta tanah</i>	724.6	683.7	578.4	650.2	1,303.0	1,333.9
Maritim	1,720.5	1,437.6	-	-	1,720.5	1,437.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	9,327.3	7,955.6	88.6	79.6	9,415.9	8,035.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	4,938.7	4,704.7	505.6	352.0	5,444.3	5,056.7
Kredit penggunaan	74,980.7	76,720.5	2,642.8	2,838.0	77,623.5	79,558.5
<i>antaranya:</i>						
<i>Pembelian kenderaan bermotor</i>	1,882.5	2,159.5	0.7	0.6	1,883.2	2,160.1
<i>Kad kredit</i>	936.3	958.6	-	-	936.3	958.6
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	3,774.9	3,996.0	12.1	32.9	3,787.0	4,028.9
Pembelian sekuriti	272.1	242.9	-	-	272.1	242.9
Sektor lain	276.4	300.7	302.9	312.7	579.3	613.4
Jumlah	143,330.2	143,546.2	9,594.0	9,930.6	152,924.2	153,476.8

¹ Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

² Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

³ Merujuk Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.19

Institusi Kewangan Pembangunan¹ di bawah AIKP²: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	Pada akhir tahun 2017						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Pertanian, perhutanan dan perikanan	232.3	-	-	9,609.9	138.3	4.0	9,984.5
Perlombongan dan pengkuarian	-	-	-	-	211.1	27.9	239.0
Perkilangan	99.8	57.5	1,122.9	-	2,567.2	1,128.2	4,975.6
Bekalan elektrik, gas dan air	100.5	-	2,027.6	-	1,883.2	36.4	4,047.7
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	159.7	370.1	1,521.8	-	1,316.8	1,644.4	5,012.8
Sektor harta benda yang luas	2,840.9	9,589.4	8,061.0	-	2,382.0	1,055.3	23,928.6
<i>Pembinaan</i>	853.3	-	8,061.0	-	2,100.6	957.9	11,972.8
<i>Pembelian harta kediaman</i>	1,495.3	9,556.8	-	-	-	-	11,052.1
<i>Pembelian harta bukan kediaman</i>	187.4	32.6	-	-	-	-	220.0
<i>Harta tanah</i>	304.9	-	-	-	281.4	97.4	683.7
Maritim	-	-	1,437.6	-	-	-	1,437.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	168.4	19.2	5,072.4	-	1,955.5	740.1	7,955.6
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	2,095.8	185.3	-	-	1,663.3	760.3	4,704.7
Kredit penggunaan	64,771.0	11,949.5	-	-	-	-	76,720.5
<i>antaranya:</i>							
<i>Pembelian kenderaan bermotor</i>	1,005.9	1,153.6	-	-	-	-	2,159.5
<i>Kad kredit</i>	458.1	500.5	-	-	-	-	958.6
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	104.3	4.9	2,782.5	-	-	1,104.3	3,996.0
Pembelian sekuriti	56.2	186.7	-	-	-	-	242.9
Sektor lain	-	1.1	7.5	-	273.4	18.7	300.7
Jumlah	70,628.9	22,363.7	22,033.3	9,609.9	12,390.8	6,519.6	143,546.2

¹ Merujuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

² Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

	Pada akhir tahun					
	2016			2017		
	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
IKP di bawah AIKP¹:						
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	148	711	5,036	148	714	5,008
Bank Simpanan Nasional	402	727	7,233	403	744	7,116
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	376	-	-	368
Bank Pertanian Malaysia Berhad	187	257	3,381	187	251	3,454
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	332	-	-	340
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	29	-	964	29	-	987
Jumlah kecil	766	1,695	17,322.0	767	1,709	17,273
IKP bukan di bawah AIKP¹:						
Lembaga Tabung Haji	123	-	2,124	124	-	2,078
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	-	535	16	-	537
Sabah Development Bank Berhad	-	-	81	-	-	78
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	278	5	-	284
Sabah Credit Corporation	13	-	178	13	-	172
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	-	-	38	-	-	35
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	-	-	19	-	-	20
Jumlah kecil	157	-	3,253	158	-	3,204
Jumlah	923	1,695	20,575	925	1,709	20,477

¹ Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.21

Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk

	2013	2014	2015	2016	2017
	RM juta				
Jumlah kiriman keluar¹	22,717.1	28,457.0	34,898.7	34,252.6	32,951.9
<i>Dihantar melalui:</i>					
Bank ²	8,577.2	10,989.0	14,265.9	12,678.0	12,389.1
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang ³	14,139.9	17,468.0	20,632.8	21,574.6	20,562.8
Jumlah kiriman masuk⁴	5,764.8	7,115.1	8,588.6	9,106.3	11,133.0
<i>Dihantar melalui:</i>					
Bank	4,984.6	6,134.4	7,267.2	7,226.5	8,630.5
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	780.2	980.7	1,321.4	1,879.8	2,502.5
<i>Pada akhir tempoh</i>					
Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang	77	77	76	76	79
Bank perdagangan dan institusi perbankan Islam	43	43	43	43	43
Institusi kewangan pembangunan	2	3	3	3	3
Penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank yang berlesen	32	31	30	30	33

¹ Merujuk gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta ganjaran pekerja yang dikirim dari Malaysia ke negara-negara lain

² Transaksi kiriman wang diselaraskan bagi dana yang disalurkan melalui Malaysia dari sesebuah negara asal ke negara destinasi. Dana ini terdiri terutamanya daripada kiriman wang pekerja antarabangsa melalui pemegang lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang yang diluluskan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

³ Merujuk penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank dan institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

⁴ Merujuk gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta ganjaran pekerja yang dikirim dari negara-negara lain ke Malaysia

Sumber: Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa dan *Money Services Business Statistical Report on Remittance Business*

Penunjuk Pembayaran Asas

	2013	2014	2015	2016	2017
Penduduk (juta)	30.2	30.7	31.2	31.6	32.1
KDNK (RM juta)	1,018,614	1,106,443	1,157,723	1,230,120	1,352,477
Tunai dalam edaran (RM juta)	62,710.2	68,029.4	76,642.9	85,460.3	92,347.6
Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):					
Cek ¹	6.5	5.8	4.7	4.2	3.7
E-pembayaran:	63.6	70.9	82.6	97.5	110.6
Kad kredit	11.0	11.3	11.5	12.1	12.7
Kad caj	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Kad debit	1.6	2.2	2.9	3.4	5.1
Wang elektronik	34.7	38.3	44.4	52.6	58.1
Instrumen bukan tunai lain ²	1.0	1.0	1.1	1.6	0.9
GIRO Antara Bank	2.8	3.7	4.8	5.5	6.1
Pindahan Segera	0.5	0.9	1.5	2.6	4.1
Debit Terus ³	0.1	0.1	0.1
ATM ⁴	1.0	1.1	1.5	1.4	1.3
Perbankan Internet ⁵	7.2	8.6	10.7	13.2	15.9
Perbankan mudah alih ⁵	0.5	0.7	0.9	1.4	2.6
Pembayaran mudah alih ⁶	-	-	-	-	...
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga ⁷	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank ⁸	3.0	2.9	3.1	3.2	3.4
Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):					
Tunai dalam edaran	2,075.5	2,215.3	2,457.6	2,701.5	2,881.4
Cek ¹	68,163.9	63,115.6	57,555.8	52,645.9	50,324.9
E-pembayaran:	535,808.0	563,894.6	549,629.4	550,665.3	613,632.1
Kad kredit	3,300.9	3,435.4	3,612.6	3,746.8	3,918.5
Kad caj	239.1	278.8	286.3	308.2	342.5
Kad debit	379.1	481.5	640.0	713.3	930.1
Wang elektronik	162.8	172.1	192.2	243.1	283.8
Instrumen bukan tunai lain ²	4.3	3.2	3.3	4.8	3.1
GIRO Antara Bank	9,441.6	14,085.0	20,411.9	24,266.0	29,055.0
Pindahan Segera	465.1	827.0	1,664.4	3,398.3	5,390.9
Debit Terus ³	372.4	481.8	619.2	798.4	997.1
ATM ⁴	1,355.9	1,232.9	1,308.2	1,296.0	1,228.6
Perbankan Internet ⁵	74,809.0	87,188.1	102,888.5	100,424.6	126,745.6
Perbankan mudah alih ⁵	257.8	395.0	500.8	737.0	988.4
Pembayaran mudah alih ⁶	-	-	-	-	0.5
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga ⁷	424,296.4	443,175.6	407,481.8	404,468.0	433,095.2
Debit terus dan arahan tetap intrabank ⁸	20,723.7	12,138.2	10,020.2	10,260.8	10,652.6
Bahagian daripada KDNK:					
Tunai dalam edaran (%)	6.2	6.1	6.6	6.9	6.8
Cek ¹ (kali)	2.0	1.8	1.6	1.4	1.2
E-pembayaran (kali):	15.9	15.7	14.8	14.2	14.5
% daripada KDNK:					
Kad kredit	9.8	9.5	9.7	9.6	9.3
Kad caj	0.7	0.8	0.8	0.8	0.8
Kad debit	1.1	1.3	1.7	1.8	2.2
Wang elektronik	0.5	0.5	0.5	0.6	0.7
Instrumen bukan tunai lain ²
GIRO Antara Bank	28.0	39.1	55.0	62.4	68.9
Pindahan Segera	1.4	2.3	4.5	8.7	12.8
Debit Terus ³	1.1	1.3	1.7	2.1	2.4
ATM ⁴	4.0	3.4	3.5	3.3	2.9
Perbankan Internet ⁵	221.9	242.0	277.2	258.3	300.4
Perbankan mudah alih ⁵	0.8	1.1	1.3	1.9	2.3
Pembayaran mudah alih ⁶	-	-	-	-	...
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga ⁷ (kali)	12.6	12.3	11.0	10.4	10.3
Debit terus dan arahan tetap intrabank ⁸	61.5	33.7	27.0	26.4	25.2

¹ Cek yang dijelaskan melalui eSPICK

² Merujuk kad pembayaran satu tujuan

³ Merujuk urus niaga debit terus antara bank

⁴ Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai

⁵ Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan, urus niaga kad pembayaran dan pemindahan dana antara bank (IBG, Pindahan Segera dan urus niaga RENTAS pihak ketiga) secara dalam talian

⁶ Merujuk perkhidmatan pembayaran yang ditawarkan oleh institusi perbankan yang memudahkan pembayaran atau pemindahan dana menggunakan peranti mudah alih (contoh telefon mudah alih dll). Tidak termasuk urus niaga menggunakan kad pembayaran dan urus niaga perbankan mudah alih. Urus niaga menggunakan perkhidmatan pembayaran mudah alih yang ditawarkan oleh pengeluar wang elektronik bank diklasifikasikan di bawah 'Wang elektronik'

⁷ Merujuk pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk urus niaga dengan nilai minimum RM10,000, yang benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS

⁸ Merujuk bayaran yang didebit terus oleh bank daripada akaun semasa dan simpanan

... Terlalu kecil

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.23

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga

	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	Juta					% Perubahan tahunan	
Cek¹	197.1	177.1	148.0	133.1	119.0	-10.0	-10.6
Kad kredit	332.4	345.7	359.6	383.8	406.5	6.7	5.9
Kad caj	4.1	4.4	4.2	4.1	4.7	-1.3	13.4
Kad debit	49.4	68.7	90.1	107.6	162.3	19.4	50.9
<i>Debit antarabangsa</i>	41.9	60.4	79.6	91.1	118.0	14.3	29.6
<i>Debit domestik</i>	7.4	8.4	10.4	16.5	44.3	58.0	168.2
Wang elektronik	1,048.0	1,175.0	1,384.7	1,663.2	1,861.7	20.1	11.9
<i>Berasaskan kad</i>	1,028.0	1,153.0	1,361.0	1,637.8	1,837.8	20.3	12.2
<i>Berasaskan rangkaian</i>	20.1	22.0	23.7	25.4	23.9	6.9	-5.7

¹ Cek yang dijelaskan melalui eSPICK

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.24

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	RM juta					% Perubahan tahunan	
Cek¹	2,059,504	1,938,218	1,794,937	1,665,401	1,612,912	-7.2	-3.2
Kad kredit	99,733	105,498	112,664	118,526	125,589	5.2	6.0
Kad caj	7,223	8,560	8,929	9,749	10,978	9.2	12.6
Kad debit	11,454	14,785	19,960	22,565	29,809	13.1	32.1
<i>Debit antarabangsa</i>	7,092	10,042	14,215	15,837	17,721	11.4	11.9
<i>Debit domestik</i>	4,362	4,743	5,745	6,728	12,088	17.1	79.7
Wang elektronik	4,919	5,284	5,995	7,689	9,095	28.2	18.3
<i>Berasaskan kad</i>	3,361	3,837	4,537	5,960	7,087	31.4	18.9
<i>Berasaskan rangkaian</i>	1,557	1,447	1,458	1,729	2,008	18.6	16.1

¹ Cek yang dijelaskan melalui eSPICK

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.25

Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
RENTAS¹							
Jumlah urus niaga	4.0	4.4	4.4	4.4	4.6	1.0	2.3
Nilai urus niaga	46,437.7	49,127.4	53,572.4	51,538.8	53,749.9	-3.8	4.3
GIRO Antara Bank							
Jumlah urus niaga	83.4	113.6	149.1	174.1	196.7	16.8	13.0
Nilai urus niaga	285.3	432.5	636.6	767.6	931.2	20.6	21.3
	'000/RM juta					% Perubahan tahunan	
FPX²							
Jumlah urus niaga	2,211.7	3,099.7	4,648.8	8,655.6	33,173.9	86.2	283.3
Nilai urus niaga	1,372.2	4,191.4	8,602.5	14,784.4	28,910.3	71.9	95.5
Debit Terus							
Jumlah urus niaga	924.2	1,278.4	1,678.7	1,982.4	2,980.3	18.1	50.3
Nilai urus niaga	11,251.9	14,796.2	19,310.7	25,255.8	31,958.0	30.8	26.5

¹ Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata

² Bursa Pemrosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.26

Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS

Jumlah Urus Niaga	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	'000					% Perubahan tahunan	
Jumlah	3,967.1	4,367.2	4,403.4	4,449.3	4,550.8	1.0	2.3
IFTS¹	3,847.7	4,257.3	4,284.1	4,320.5	4,440.8	0.9	2.8
Operasi pasaran wang	87.3	88.1	86.8	84.5	80.6	-2.6	-4.6
Penyelesaian pertukaran asing	100.0	107.6	126.8	126.3	110.2	-0.4	-12.7
<i>antaranya: USD CHATS²</i>	<i>47.8</i>	<i>53.7</i>	<i>63.0</i>	<i>55.8</i>	<i>36.8</i>	<i>-11.4</i>	<i>-34.1</i>
Urus niaga pihak ketiga	3,020.2	3,383.8	3,317.5	3,445.6	3,696.8	3.9	7.3
Lain-lain	640.2	677.8	753.0	664.2	553.2	-11.8	-16.7
SSDS³	119.4	110.0	119.3	128.8	110.0	8.0	-14.6
Nilai Urus Niaga	RM bilion						
Jumlah	46,437.7	49,127.4	53,572.4	51,538.8	53,749.9	-3.8	4.3
IFTS¹	43,903.3	46,743.1	51,332.7	49,585.5	52,206.0	-3.4	5.3
Operasi pasaran wang	18,656.7	18,935.5	23,741.9	24,118.9	25,593.3	1.6	6.1
Penyelesaian pertukaran asing	3,839.6	4,966.6	5,190.4	4,941.8	5,849.9	-4.8	18.4
<i>antaranya: USD CHATS²</i>	<i>2,594.8</i>	<i>3,595.2</i>	<i>3,700.9</i>	<i>3,877.8</i>	<i>4,145.5</i>	<i>4.8</i>	<i>6.9</i>
Urus niaga pihak ketiga	12,819.7	13,609.5	12,707.7	12,794.9	13,880.7	0.7	8.5
Lain-lain	8,587.2	9,231.5	9,692.7	7,729.8	6,882.0	-20.3	-11.0
SSDS³	2,534.5	2,384.3	2,239.7	1,953.3	1,544.0	-12.8	-21.0
Pusing Ganti kepada KDNK (kali)	45.6	44.4	46.3	41.9	39.7		
Purata Harian:							
Jumlah urus niaga ('000)	16.1	17.8	17.9	18.0	18.7		
Nilai urus niaga (RM bilion)	188.0	199.7	217.8	208.7	220.3		

¹ Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (Interbank Funds Transfer System, IFTS)

² Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) yang diwujudkan pada 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS USD CHATS

³ Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip (Scripless Securities Depository and Settlement System, SSDS) untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.27

Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

Jumlah Urus Niaga	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet ¹	269.8	350.7	453.8	589.0	743.5	29.8	26.2
<i>Individu</i>	194.8	252.2	323.1	435.4	554.6	34.7	27.4
<i>Korporat</i>	75.0	98.5	130.6	153.6	188.8	17.6	22.9
Perbankan mudah alih ¹	16.1	23.3	32.0	55.8	106.1	74.3	90.1
ATM ²	42.4	51.3	68.6	71.3	71.6	3.9	0.4
Nilai urus niaga	RM juta						
Perbankan Internet	3,457,627	4,108,271	4,718,110	5,217,165	6,502,850	10.6	24.6
<i>Individu</i>	224,852	304,177	352,176	464,693	622,507	31.9	34.0
<i>Korporat</i>	3,232,775	3,804,094	4,365,934	4,752,472	5,880,343	8.9	23.7
Perbankan mudah alih	9,243	14,677	20,693	33,161	48,349	60.3	45.8
ATM ²	40,987	52,047	57,529	65,273	67,385	13.5	3.2

¹ Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan

² Merujuk urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.28

Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran

Jumlah Urus Niaga	2016			2017		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	324.4	33.7	57.2	438.0	67.0	57.4
Pembayaran bil ¹	102.1	5.9	2.6	100.6	9.2	2.6
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	6.3	...	0.1	7.8	...	0.1
Tambah nilai	27.3	11.9	2.1	31.7	23.7	1.8
Pembayaran balik kad dan pinjaman	29.9	3.4	9.3	32.9	5.2	9.7
Nilai Urus Niaga	RM juta					
Pindahan dana	3,662,410	27,513	53,467	4,804,646	40,334	54,395
Pembayaran bil ¹	26,895	926	774	35,344	1,510	957
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	54,697	...	1,246	78,636	...	1,385
Tambah nilai	546	201	111	599	359	87
Pembayaran balik kad dan pinjaman	40,026	3,973	9,443	46,964	5,567	10,411

¹ Termasuk pembayaran insurans

... Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.29

Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia

	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	Juta					% Perubahan tahunan	
Jumlah pengeluaran wang tunai	626.2	687.8	705.9	761.2	763.9	7.8	0.3
Nilai pengeluaran wang tunai	RM juta						
	310,446.4	339,725.6	354,732.3	389,485.3	396,956.7	9.8	1.9
Nilai purata setiap urus niaga (RM)	495.7	493.9	502.5	511.6	519.7	1.8	1.6

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.30

Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)

Pada akhir tempoh	2013	2014	2015	2016	2017
	Unit				
Jumlah terminal ¹	227,156	233,248	278,266	326,507	407,111
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk	8	8	9	10	13

¹ Terminal yang menerima kad pembayaran jenama antarabangsa dan/atau kad debit jenama domestik. Termasuk terminal milik institusi pemerolehan bukan bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.31

Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran

Pada akhir tempoh	2013	2014	2015	2016	2017	2016	2017
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	8,128	8,048	8,612	9,178	9,861	6.6	7.4
Kad caj	155	142	143	130	129	-8.9	-0.6
Kad debit	38,226	40,109	42,192	43,669	44,108	3.5	1.0
<i>Kad debit antarabangsa sendiri¹</i>	5,519	6,256	6,030	583	219	-90.3	-62.5
<i>Kad debit domestik sendiri²</i>	17,363	15,455	14,544	11,844	6,727	-18.6	-43.2
<i>Co-badged³</i>	15,344	18,398	21,618	31,241	37,162	44.5	19.0
Wang elektronik	97,735	45,557	55,825	60,712	67,387	8.8	11.0
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	15,524	17,600	19,751	22,774	25,526	15.3	12.1
<i>Individu</i>	15,225	17,254	19,176	22,021	24,579	14.8	11.6
<i>Korporat</i>	299	346	575	753	947	31.0	25.6
<i>Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)</i>	51.4	57.3	63.3	72.0	79.6		
Perbankan mudah alih	4,379	5,639	7,279	8,946	11,480	22.9	28.3
<i>Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)</i>	14.5	18.4	23.3	28.3	35.8		

¹ Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama antarabangsa (contoh Visa dan MasterCard)² Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama tempatan iaitu MyDebit³ Kad debit dengan dua aplikasi rangkaian atau jenama kad pembayaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.32

Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen¹

Pada akhir tempoh	2013	2014	2015	2016	2017
	Unit				
RENTAS	68	67	67	68	68
<i>Bank Negara Malaysia</i>	1	1	1	1	1
<i>Bank</i>	55	54	54	55	54
<i>Institusi Kewangan Pembangunan</i>	6	6	6	6	6
<i>Bukan bank</i>	6	6	6	6	7
eSPICK	47	46	46	47	46
Kad kredit	25	26	27	27	27
<i>Bank</i>	22	23	24	25	25
<i>Bukan bank</i>	3	3	3	2	2
Kad debit²	21	21	22	28	29
<i>Kad debit antarabangsa sendiri³</i>	9	9	9	7	7
<i>Kad debit domestik sendiri⁴</i>	12	11	7	2	2
<i>Co-badged⁵</i>	12	14	14	24	27
Kad caj	8	7	7	7	7
<i>Bank</i>	7	6	6	7	7
<i>Bukan bank</i>	1	1	1	-	-
Wang elektronik⁶	25	24	23	28	31
<i>Bank</i>	6	7	5	5	5
<i>Bukan bank</i>	19	17	18	23	26
Perbankan Internet	29	30	30	30	30
Perbankan mudah alih	13	13	13	13	17
FPX⁷	12	13	16	22	22
<i>Bank</i>	9	10	13	18	18
<i>Bukan bank</i>	3	3	3	4	4
Debit Terus	17	17	14	14	19
<i>Bank</i>	14	14	14	14	19
<i>Bukan bank</i>	3	3	-	-	-
GIRO Antara Bank	29	30	30	30	29

¹ Merujuk peserta dan pengeluar yang telah memulakan operasi perniagaan mereka

² Angka-angka tidak semestinya terjumlah kerana ada bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit

³ Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama antarabangsa (contoh Visa dan MasterCard)

⁴ Kad debit dengan aplikasi rangkaian debit jenama tempatan iaitu MyDebit

⁵ Kad debit dengan dua aplikasi rangkaian atau jenama kad pembayaran

⁶ Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa

⁷ Bursa Pemprosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Glosari, Akronim dan Singkatan



Glosari

Aliran portfolio

Transaksi merentas sempadan yang melibatkan pembelian/jualan sekuriti hutang atau ekuiti.

Aset kewangan isi rumah

Aset yang dimiliki isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Aset kewangan mudah tunai isi rumah (LFA)

Aset kewangan isi rumah kecuali caruman KWSP.

Aset wajaran risiko (RWA)

Ukuran dedahan risiko sesebuah bank.

Bank asing diperbadankan di Malaysia (LIFB)

Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

Dana insentif untuk e-pembayaran (ePIF)

Rangka kerja yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2015, yang memerlukan bank-bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikutip untuk dijadikan insentif bagi menggalakkan pelanggan berpindah kepada e-pembayaran.

Ejen perbankan

Penyediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan melalui ejen pihak ketiga. Contohnya, melalui saluran perniagaan runcit dan pejabat pos.

Ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1)

Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, premium saham, perolehan tertahan dan rizab lain.

Hutang berisiko – isi rumah

Bahagian hutang peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah, yang diselaraskan dengan cagaran yang layak.

Hutang berisiko – syarikat bukan kewangan

Bahagian hutang syarikat dengan nisbah perlindungan faedah kurang daripada dua kali jumlah hutang syarikat.

Jumlah modal

Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah CET1, modal tambahan kumpulan 1 dan kumpulan 2.

Kadar diskaun peniaga (MDR)

Fi yang dibayar peniaga kepada pemeroleh (acquirer) untuk urusan niaga menggunakan kad pembayaran. MDR terdiri daripada fi pertukaran (fi yang dibayar pemeroleh kepada pengeluar kad pembayaran), fi pemprosesan dan fi lain yang dikenakan oleh pengendali rangkaian kad pembayaran serta kos lain yang ditanggung pemeroleh dan margin pemeroleh.

Kadar mungkir vintaj

Kadar pinjaman mungkir yang dicatat dan dikategorikan mengikut tempoh permulaan (origination period).

Kadar penembusan

Peratusan warganegara Malaysia yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, tidak mengambil kira polisi/sijil lain dalam kategori yang sama.

Kebarangkalian mungkir (PD)

Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan untuk suatu tempoh masa tertentu.

Kerugian akibat mungkir (LGD)

Peratusan daripada baki tuntutan terkumpul yang tidak akan diperolehi kembali sekiranya berlaku kemungkiran.

Keuntungan/kerugian operasi

Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain, yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Keuntungan/kerugian pengunderaitan

Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Kontrak hadapan tanpa serahan (NDF)

Kontrak hadapan yang diurusniagakan di luar pesisir dan tidak melibatkan pertukaran dua jenis mata wang berlainan apabila matang.

Kumpulan perbankan domestik (DBG)

Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersil berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen.

Lebihan yang dijana

Perubahan dalam lebihan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam suatu tempoh tertentu. Lebihan ini ialah lebihan dana risiko pemegang polisi/peserta yang dibahagi dengan liabiliti polisi/sijil bersih.

Margin faedah/kewangan bersih

Pendapatan faedah ditolak perbelanjaan faedah dan bukan faedah (seperti kos kakitangan, overhead dan peruntukan) sebagai peratusan daripada jumlah aset berkaitan faedah.

Margin faedah/kewangan kasar

Pendapatan faedah ditolak perbelanjaan faedah sebagai peratusan daripada jumlah aset berkaitan faedah.

Margin kewangan (FM)

Pendapatan boleh guna bulanan peminjam (selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas) dan aset kewangan mudah tunai.

Mata wang digital

Nilai dalam bentuk digital yang berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar ganti dengan apa-apa wang (termasuk melalui kredit ke dalam atau debit daripada akaun), tetapi tidak termasuk wang elektronik.

Modal kumpulan 1

Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1) dan modal tambahan kumpulan 1.

Nisbah bendungan (Retention ratio)

Nisbah premium/sumbangan kasar ditolak insurans semula/ takaful semula yang tersid, kepada premium/sumbangan kasar yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/ pengendali takaful semula am.

Nisbah kecukupan modal (CAR)

Pengukur modal institusi kewangan yang dinyatakan sebagai nisbah modal kepada risiko.

Nisbah kerugian (Loss ratio)

Nisbah tuntutan bersih yang telah dibayar kepada pendapatan premium/sumbangan yang diperoleh, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Nisbah khidmat hutang (DSR)

Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

Nisbah leveraj (hutang) – isi rumah

Nisbah jumlah hutang terkumpul kepada pendapatan kasar tahunan peminjam.

Nisbah leveraj (hutang) – perbankan

Nisbah 'modal kumpulan 1' kepada 'dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan' sesebuah bank.

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR)

Nisbah pendanaan stabil tersedia (available stable funding, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (required stable funding, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mudah tunai masing-masing.

Nisbah perlindungan faedah (ICR)

Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang.

Nisbah perlindungan mudah tunai (LCR)

Nisbah 'aset mudah tunai berkualiti tinggi (HQLA)' kepada 'jangkaan aliran keluar tunai bersih' bank untuk tempoh 30 hari akan datang.

Nisbah pinjaman kepada dana (LTF)

Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit dan instrumen hutang, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman kepada deposit (LTD)

Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas bersih

Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman/pembiayaan ditolak peruntukan tertentu.

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (CASTD)

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai.

Penampunan modal kitaran berbalas (CCyB)

Penampunan modal untuk melindungi sektor perbankan keseluruhannya daripada risiko sistemik yang meningkat disebabkan pertumbuhan kredit agregat yang tinggi sewaktu pertumbuhan ekonomi pesat.

Penampunan pemeliharaan modal (CCB)

Penampunan modal untuk menggalakkan pengumpulan modal penampunan oleh setiap bank dalam keadaan yang biasa yang boleh digunakan ketika tempoh tekanan.

Pendapatan faedah/kewangan bersih

Pendapatan faedah/pembiayaan selepas ditolak perbelanjaan faedah/pembiayaan.

Premium/sumbangan baharu – insurans hayat dan takaful keluarga

Premium/sumbangan yang diperolehi daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu.

Premium dan sumbangan kasar

Premium/sumbangan belum terima sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Produk berkaitan pelaburan

Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya akan berubah pada bila-bila masa mengikut nilai aset sandaran pada masa itu.

Produk sertaan

Produk insurans/takaful yang berkongsi lebih boleh agih penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga melalui bonus atau dividen.

Saling boleh kendali

Keupayaan memproses pembayaran menerusi pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran dengan menggunakan piawaian yang sama dan/atau aspek teknikal yang serasi.

Sandbox Pengawalseliaan

Rangka kerja yang membolehkan penyelesaian teknologi kewangan yang inovatif dieksperimen dalam situasi pasaran sebenar mengikut parameter dan jangka masa yang ditetapkan.

Sukuk

Sekuriti hutang berstruktur di bawah apa-apa kontrak yang berlandaskan Syariah.

Syarikat korporat bukan kewangan

Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan.

Unit harta tanah tidak terjual

Unit harta tanah siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang masih tidak terjual selama lebih sembilan bulan selepas dilancarkan di pasaran.

Akronim dan Singkatan

AAOIFI	Pertubuhan Perakaunan Dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions)	CSA	Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor)
AICB	<i>Asian Institute of Chartered Bankers</i>	CSP	Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner)
AIIF	Rangka Kerja Integrasi Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Integration Framework)	DII	Pelabur Institusi Domestik (Domestic Institutional Investor)
API	<i>Application Programming Interface</i>	DNFBP	Perniagaan dan Profesional Bukan Kewangan yang Ditetapkan (Designated Non-Financial Business and Profession)
ASAS	Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia)	DRSK	Risiko Kredit Bloomberg (Bloomberg Default Risk)
ATM	mesin juruwang automatik (automated teller machine)	eKYC	Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer)
BCBS	Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision)	EMV	Europay-Mastercard-Visa
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (compounded annual growth rate)	ePIF	Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund)
CAR	nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio)	FC	mata wang asing (foreign currency)
CCA	Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act)	FCB	<i>Fellow, Chartered Banker</i>
CCBS	spread swap asas mata wang bersilang (Cross-currency basis swap)	FFW	Program <i>Fit-for-Work</i>
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System)	FI	institusi kewangan (financial institution)
CDD	usaha wajar pelanggan (customer due diligence)	Fintech	teknologi kewangan
CDRC	Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee)	FMC	Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee)
CIIF	Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals)	FMSI	Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)
CIS	skim pelaburan kolektif mudah tunai (collective investment scheme)	FSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee)
CLM	pengurusan mudah tunai berpusat (centralised liquidity management)	FSTEP	Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme)
CNP	transaksi kad pembayaran yang tidak melibatkan penggunaan kad secara fizikal (card-not-present)	FX	pertukaran asing (foreign exchange)
CoP	Komuniti Pengamal (Community of Practitioners)	GAP	Perlindungan Aset Terjamin (Guaranteed Asset Protection)
CPIF	Ahli Profesional Bertauliah Dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance)	IAIS	Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors)
		IAP	Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform)
		IBG	Giro Antara Bank (Interbank GIRO)
		ICS	Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Risk-based Global Insurance Capital Standard)

ICTF	Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework)	MyClear	Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd.
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards)	NAMLIFA	Persatuan Kebangsaan Penasihat Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Malaysia (National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisors)
IHRM	Indeks Harga Rumah Malaysia	NBFI	institusi kewangan bukan bank
IIID	<i>Integrated Income Indebtedness Database</i>	NCC	Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance)	OPK	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
ISRA	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy)	P2P	antara individu (person-to-person)
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara	PayNet	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
KDNK	keluaran dalam negeri kasar	PCRF	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework)
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri	PIN	Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number)
LIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank London	POS	semasa jualan (point-of-sale)
LIFB	bank asing diperbadankan di Malaysia	PPK (DMP)	Program Pengurusan Kredit (Debt Management Programme)
LR	Nisbah Leveraj (Leverage Ratio)	PPK (FSP)	penyedia perkhidmatan kewangan (financial services provider)
LTF	pinjaman kepada dana	QR	Respons Pantas (Quick Response)
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri	RBC	Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans (Risk-Based Capital Framework for Insurers)
MCCS	Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification)	RBCT	Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators)
MDF	Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund)	RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds And Securities System)
MDR	Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate)	SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd.	SMS	Khidmat Pesanan Ringkas (Short Messaging Service)
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards)	STP	Pemprosesan Terus (straight-through-processing)
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issue)	SWIFT	<i>Society For Worldwide Interbank Financial Telecommunication</i>
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security)	TPFT	Pihak Ketiga, Kebakaran Dan Kecurian (third party, fire and theft)
MOOC	kursus terbuka dalam talian (massive open online course)	VBI	Pengantaraan Berasaskan Nilai
MPS	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia		
MSC	Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor)		
MTA	Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association)		

Rencana dan Rencana Khas yang diterbitkan dalam Buletin Suku Tahunan BNM (Suku Pertama hingga Suku Keempat 2017)



Inflasi: Persepsi dan Realitinya

<https://bnm.my/qb17s1ba1>



Menyangkal Mitos: Langkah-langkah Berkaitan Pembiayaan Harta Tanah Menyebabkan Kadar Penolakan Pinjaman Lebih Tinggi

<https://bnm.my/qb17s1ba2>



Perbankan Pusat dan Ketidaksamaan: Perbincangan Semasa

<https://bnm.my/qb17s1fa1>



Ekonomi Perkongsian - Memanfaatkan Nilai Aset yang Terbiar

<https://bnm.my/qb17s1fa2>



Rantaian Nilai Global dan Pemacu Eksport Malaysia

<https://bnm.my/qb17s2ba1>



Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemegangan Bon oleh Pelabur Asing di Malaysia

<https://bnm.my/qb17s2ba2>



Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan Lebih Cepak dan Telus

<https://bnm.my/qb17s2fa1>



Liberalisasi Perniagaan Insurans Motor: Ganjaran kepada Pemandu Berhemah

<https://bnm.my/qb17s2fa2>



Menilai Semula Insentif Pelaburan

<https://bnm.my/qb17s3ba1>



Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah

<https://bnm.my/qb17s3ba2>



Indeks Keadaan Kewangan Malaysia

<https://bnm.my/qb17s3ba3>



Memperkasakan Lembaga Pengarah: Ke arah Tadbir Urus Korporat Institusi Kewangan yang Lebih Mantap

<https://bnm.my/qb17s3fa1>



Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan

<https://bnm.my/qb17s4ba1>




Langkah-langkah Tidak Ortodoks untuk Masa Tidak Konvensional

<https://bnm.my/qb17s4ba2>



API (Application Programming Interface) Terbuka: Suatu Revolusi Kewangan

<https://bnm.my/qb17s4fa1>



Terjemahan Bahasa Malaysia
dikendalikan oleh:

Radin Nor Azam bin Radin Suhadi
Ismail bin Nik
Nazura binti Md Noor
Fatimah binti Yahya
Samsudin bin Jidin
Dr. Nik Ahmad Rozaidi bin Nik Abdul Rashid
Alharsikanil bin Abdul
Mazni binti Abdul Majid
Siti Sabariah binti Yaakob